

**PEMIKIRAN SUKARNO  
DI SEBALIK KONFRONTASI INDONESIA  
1959-1965**

**SUATU TINJAUAN PSIKOLOGI POLITIK**

**CHANDRA PURNAMA**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2015**

**PEMIKIRAN SUKARNO DI SEBALIK  
KONFRONTASI INDONESIA 1959-1965**

**SUATU TINJAUAN PSIKOLOGI POLITIK**

**CHANDRA PURNAMA**

**Tesis yang dikemukakan kepada pejabat Dekan Penyelidikan dan Pengajian  
Siswazah Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia sebagai memenuhi syarat Pengijazahan Ijazah  
Doktor Falsafah**

## **KEBENARAN MERUJUK TESIS**

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada pengijazahan ijazah Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan mahupun sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia ini atau Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa. Sebarang bentuk salinan atau cetakan dalam bentuk komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.**

**Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:**

**Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah  
Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman**

## ABSTRAK

Konfrontasi merupakan antara dasar utama terhasil daripada tindakan Indonesia terhadap Malaysia di bawah Presiden Sukarno bagi tempoh 1959-1965 yang mencetuskan implikasi antarabangsa dan dalaman Indonesia. Dasar Konfrontasi Indonesia adalah sinonim dengan diri Sukarno kerana beliau adalah pengasas dan pelaksana utama agenda tersebut. Oleh kerana itu, penjelasan ke atas tingkah laku Konfrontasi semestinya tidak mengabaikan peranan pemikiran Sukarno. Perkara ini sejalan dengan perspektif psikologi politik yang menganggap bahawa tingkah laku manusia sentiasa berkait rapat dengan perkara yang difikirkan. Namun, kajian-kajian sebelum ini tiada berupaya menjelaskan Konfrontasi itu daripada aspek pemikiran Sukarno. Maka objektif penyelidikan bertujuan menganalisa pelbagai aspek pemikiran Sukarno di sebalik tindakan Konfrontasi yang merangkumi hal kepercayaan, persepsi, emosi dan kecenderungan bertindak. Pelbagai aspek psikologi dalam pemikiran Sukarno ini adalah berdasarkan perspektif psikologi politik berkenaan peranan kepercayaan dan persepsi dalam pembuatan keputusan dasar luar dan asas tiga keutamaan minda iaitu, kognitif, tarikan perasaan dan kecenderungan bertindak. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah analisis kandungan ke atas teks pidato Sukarno. Analisis dijalankan secara deduktif untuk mendapatkan tema bagi kategori-kategori dan secara induktif untuk mendapatkan tema lain bagi kategori baharu. Hasil dapatan kajian mendapati Sukarno percaya bahawa sumber konflik berpunca daripada praktik kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme yang dilakukan oleh Belanda, Amerika Syarikat dan sekutunya termasuk pihak-pihak dalaman yang menyokong liberalisme. Tindakan mereka itu dipandang sebagai ancaman kepada kemerdekaan Indonesia dan membangkitkan emosi tidak suka dalam diri Sukarno. Sukarno menyeru kepada rakyat Indonesia untuk terus berjuang menentang kolonialisme dan imperialisme meskipun terpaksa dilakukan secara kekerasan ketenteraan jika perlu. Meskipun begitu, Sukarno juga terpaksa menilai semula dasar yang beliau laksanakan setelah mengakui bahawa dasar Konfrontasi yang diterajui beliau menemui kegagalan. Namun, ia juga berjaya memperkukuhkan negara bangsa Indonesia dan meneruskan dasar penentangan kepada gerakan imperialisme dan neokolonialisme. Oleh itu, Konfrontasi Indonesia di bawah kuasa Sukarno boleh difahami melalui aspek psikologi pemikiran beliau. Perkaitan hubungan juga berlaku antara aspek-aspek psikologi dan antara pemikiran dengan tindakan beliau.

Kata kunci; Sukarno, Indonesia, Konfrontasi, Malaysia, psikologi politik, dasar luar.

## ABSTRACT

Confrontation was one of the major policies employed by the Indonesian government under the direct command of President Sukarno against Malaysia from 1959 to 1965 which affected Indonesia domestically and internationally. Indonesian's Confrontation policy was synonym with Sukarno because he was in fact the main actor that triggered the policy. Therefore, explanation to the Confrontation should not ignore the role of Sukarno's thought. This case was parallel to the perspective of political psychology which assumed that human behavior related to what human contemplated. There was no study, however, to understand the Confrontation by Sukarno from the psychological aspects of thinking. Thus the research objectives are to analyze the various aspects of Sukarno's thought behind the Confrontation that encompass beliefs, perceptions, emotions, and tendencies. Various aspects of Sukarno's thought was referred to the political psychology perspective on the role of beliefs and perceptions in foreign policy decision-making and the principles of trilogy of minds: cognition, affection and conation. This research utilize qualitative method based on the content analysis of Sukarno's speeches. Analysis carried out deductively to get themes for categories and inductively to get more themes for the new category. The study finds that in Sukarno's beliefs, the source of conflicts come from the practices of colonialism, imperialism and neocolonialism by the Netherlands, United States and its allies and the local parties that supported liberalism. Their actions were seen as threats to the independence of Indonesia and evoke Sukarno's dislike emotion. Sukarno had always urged Indonesia to fight against neocolonialism and imperialism and he did not hesitate to use military forces if possible. More over, it turns out that Sukarno re-evaluated his own policy in which he admitted to the failure of Confrontation policy. However, he also managed to strengthen Indonesian nation-state and pursued consistently the policy to oppose imperialism and neocolonialism. Thus, Indonesia under Sukarno's confrontation policy can be understood through the psychological aspects of his thinking. The consistency of relationships exists among Sukarno's psychological aspects and also between his thoughts and his actions.

Keywords: Sukarno, Indonesia, Confrontation, Malaysia, political psychology, foreign policy.

## PENGHARGAAN

Puji syukur kepada Allah Subhana Wa Taala yang telah memberikan hidayah dan berkah dan kesabaran kepada penyelidik sehingga boleh menyelesaikan penulisan tesis ini. Pada kesempatan ini, penulis menyampaikan ucapan terima kasih yang tiada terhingga kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani selaku penyelia yang telah dengan teramat sabar dan penuh perhatian memberikan bimbingan, pengajaran dan membangunkan semangat penyelidik untuk berjaya menyelesaikan penulisan disertasi ini. Juga kepada Prof Dr. Mohamed Mustafa Ishak yang sempat menjadi penyelia penyelidik dari awal saya menjadi siswazah di UUM hingga ke *proposal defence*. Yang mana beliau telah telah membagikan ilmu pengetahuannya kepada saya. Penulis juga mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terimakasih yang sebanyak-banyaknya kepada, Prof Madya Dr. Nadaraja Kannan, Prof. Dr. Hanapi, Dr Abubakar Ebbyhara, Prof. Madya Dr. Anwar Syafei dan Dr. Khu Hasnita.

Penghargaan yang tiada terhingga juga saya sampaikan kepada kedua-dua ibu dan bapa, iaitu aliyarham Haji Arif Maulud Rakhmansyah dan almarhumah Hajah Rodiyah yang telah melahirkan, membesarkan, menyekolahkan, mendidik, mendoakan dan mencurahkan segenap rasa kasih sayang kepada penulis hingga akhir hayatnya. Juga, penghargaan yang tiada terhingga ini untuk kedua-dua mertua dan istriku, Suryati yang mampu menjaga fikiran dan perasaannya

supaya saya sentiasa memiliki semangat untuk menyelesaikan proses belajar di UUM. Juga kepada, anak-anakku Aria Rangga, Nur Shadrina Paramitha dan Aria Mahendra yang tiada pernah mengeluh meski telah kehilangan sebahagian perhatian daripada saya selaku bapanya.

Ucapan beribu-beribu terimakasih juga saya hantar kepada kawan kawan seperjuangan yang bersama-sama sekolah di UUM, aliyarham Drs. Yanuar Ikbar MA, PhD., Drs. Asgar Bixby MA, PhD., Drs. Taufik Hidayat MS, PhD., Drs. T. Rezasyah MA, PhD., Dra. Junita Budi Rahman MSi, PhD., Drs. Teguh Nurhasan Affandi PhD., aliyarham Teguh Santoso SIP, MAIR., Fuadz Azmi SIP, MAIR., dan Drs. Hadin Muda Siregar MSi.

Terakhir, ucapan terimakasih untuk semua mahasiswa bimbingan saya yang selalu mendoakan agar saya segera menyelesaikan pembuatan disertasi ini dan membawa manfaat bagi mereka dan mahasiswa lainnya.

Sintok, Kedah Darul Aman

September 2015

Chandra Purnama

## SENARAI SINGKATAN

ABRI (Angkatan Bersenjata Republik Indonesia)  
ANZUS (Australia, New Zealand and United States)  
APRI (Angkatan Perang Republik Indonesia)  
AS (Amerika Syarikat)  
BPS (Badan Pendukung Sukarno)  
BPU (Badan Pelayanan Umum)  
CONEFO (Conference of Emerging Force)  
DEKON (Deklarasi Ekonomi)  
DEPERNAS (Dewan Perancang Nasional)  
DI (Darul Islam)  
DPA (Dewan Pertimbangan Agung)  
DPRGR (Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong)  
DWIKORA (Dwi Komando Rakyat)  
FNIB (Front Nasional Irian Barat)  
GESURI (Genta Suara Revolusi)  
HUT (Hari Ulang Tahun)  
HBS (Hoogere Burger School)  
IPKI (Ikatan Perintis Kemerdekaan Indonesia)  
ISDV (Indische School Democratische Vereeniging)  
ITB (Institut Teknologi Bandung)  
JAREK (Jalannya Revolusi Kita)  
KAA (Konferensi Asia Afrika)  
KWARA (Konferensi Wartawan Asia Afrika)  
KMB (Konferensi Meja Bundar)  
MANIPOL (Manifesto Politik)  
MASYUMI (Majelis Syuro Muslimin Indonesia)  
MPRS (Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara)  
MURBA (Musyawarah Rakyat Banyak)  
NAM (Non Alignment Movement)  
NEFO (New Emerging Force)  
NKRI (Negara Kesatuan Republik Indonesia)  
NII (Negara Islam Indonesia)  
NV (Nederlandsch Vennootschap)  
OSP (Onafhankelijke Socialistische Partij)  
OLDEFO (Old Established Force)  
PARPOL (Partai Politik)  
PARTINDO (Partai Indonesia)  
PEN PRES (Penetapan Presiden)  
PERMESTA (Perjuangan Rakyat Semesta)  
PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu)  
PDN (Perusahaan Dalam Negeri)  
PKI (Partai Komunis Indonesia)



PNI (Partai Nasional Indonesia)  
PN (Perusahaan Negara)  
PRRI (Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia)  
PSI (Partai Sosialis Indonesia)  
RESOPIM (Revolusi, Sosialisme, Pimpinan Nasional)  
RI (Republik Indonesia)  
RIS (Republik Indonesia Serikat)  
RMS (Republik Maluku Selatan)  
SI (Sarekat Islam)  
SOB (Staat van Orloog en Beleg)  
TAKEM (Tahun Kemenangan)  
TAVIP (Tahun Vivere Coloso)  
TII (Tentara Islam Indonesia)  
TNI (Tentara Nasional Indonesia)  
TRIKORA (Tri Komando Rakyat)  
USDEK (Undang Undang Dasar 45, Sosialisme Indonesia, Demokrasi  
Terpimpin, Ekonomi Terpimpin, Keperibadian Nasional)  
UUD (Undang Undang Dasar)  
UUPA (Undang Undang Pokok Agraria)  
UUPBH (Undang Undang Pokok Bagi Hasil)

## KANDUNGAN

TAJUK.....	i
PERAKUAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	v
SENARAI SINGKATAN.....	vii
KANDUNGAN.....	ix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latar Belakang .....	1
1.2 Kenyataan Masalah.....	7
1.3 Soalan Penyelidikan.....	12
1.4 Objektif Penyelidikan.....	12
1.5 Kepentingan Penyelidikan.....	13
1.6 Batasan Penyelidikan.....	13
1.7 Sorotan Karya.....	14
1.8 Kaedah Penyelidikan.....	37
1.9 Susunan Bab.....	48
<b>BAB 2: PEMBUATAN KEPUTUSAN DAN PSIKOLOGI POLITIK     ANTARABANGSA.....</b>	<b>52</b>

2.0 Pengenalan.....	52
2.1 Psikologi Politik Hubungan Antarabangsa.....	52
2.2 Psikologi Pembuatan Keputusan.....	54
2.3 Pembuatan Keputusan Model Kognitif.....	56
2.4 Aspek-aspek Psikologi Utama dalam Kajian Dasar Luar.....	58
2.4.1 Kepercayaan.....	58
2.4.2 Persepsi.....	61
2.5 Aspek <i>Cognitive, Affective</i> dan <i>Conative</i> dalam <i>Trilogy of Mind</i> .....	64
2.6 Skim Analisis.....	70
2.7 Di antara Corak Rasional dan Corak Kognitif.....	72
2.8 Rumusan .....	76

<b>BAB 3: PERKEMBANGAN PEMIKIRAN DAN PEMIKIRAN ASAS DARIPADA SUKARNO.....</b>	<b>79</b>
3.0 Pengenalan.....	79
3.1 Latar Belakang Pemikiran.....	79
3.2 Kandungan Pemikiran Asas daripada Sukarno.....	84
3.2.1 Hakikat daripada Kolonialisme dan Imperialisme.....	85
3.2.2 Nilai-Nilai: Marhaen dan Hubungannya dengan Demokrasi dan Nasionalisme.....	88
3.2.3 Jalan Keluar dari Belenggu Kolonialisme.....	93
3.2.3.1 Tidak Bekerjasama.....	94
3.2.3.2 Berdikari.....	98

3.2.3.3 <i>Machtvorming</i> (pembentukan kekuatan).....	99
3.2.3.4 <i>Massa Actie</i> (gerakan massa).....	101
3.2.3.5 Nasionalisme.....	102
3.3. Rumusan.....	106
<b>BAB 4: KONFRONTASI PRESIDEN SUKARNO.....</b>	<b>108</b>
4.0 Pengenalan.....	108
4.1 Konfrontasi.....	108
4.1.1 Sasaran Luaran.....	109
4.1.1.1 Masalah Irian Barat.....	109
4.1.1.2 Menyoal Penuhuan Persekutuan Malaysia.....	122
4.1.1.3 Permusuhan ke atas Amerika Syarikat.....	127
4.1.1.4 Pemusuhan ke atas PBB.....	133
4.1.2 Sasaran Dalaman.....	138
4.1.2.1 Penyusunan semula Struktur Politik.....	139
4.1.2.2 Penyusunan semula Struktur Ekonomi.....	148
4.1.2.3 Penyusunan semula dalam Aspek Sosial-Budaya.....	152
4.3 Rumusan.....	153
<b>BAB 5: KEPERCAYAAN DAN PERSEPSI SUKARNO.....</b>	<b>155</b>
5.0 Pengenalan.....	155
5.1 Kepercayaan.....	155
5.1.1 Kepercayaan Falsafah.....	157
5.1.2 Kepercayaan Instrumental.....	160

5.1.3 Rumusan.....	167
5.2 Persepsi.....	170
5.2.1 Persepsi bahawa Persekitaran Luar Tidak Mesra.....	170
5.2.2 Persepsi bahawa Persekitaran Dalam Tidak Mesra.....	175
5.2.3 Rumusan.....	181
<b>BAB 6: EMOSI, KECENDERUNGAN BERTINDAK DAN ASPEK PSIKOLOGI SUKARNO LAIN.....</b>	<b>184</b>
6.0 Pengenalan.....	184
6.1 Emosi.....	184
6.1.1 Emosi Tidak Suka ke atas Persekitaran Luar.....	184
6.1.2 Emosi Tidak Suka ke atas Persekitaran Dalam.....	191
6.1.3 Rumusan.....	194
6.2 Kecenderungan untuk Bertindak .....	196
6.2.1 Kecenderungan Tidak Mesra ke Persekitaran Luar.....	196
6.2.2 Kecenderungan Tidak Mesra ke Persekitaran Dalam.....	200
6.2.3 Rumusan .....	208
6.3 Aspek Psikologi lain: Penilaian Sukarno ke atas Polisinya Sendiri.....	210
6.3.1 Kejayaan dan Kegagalan daripada Tindakan di Persekitaran di Luar.....	220
6.3.2 Kejayaan dan Kegagalan daripada Tindakan di Persekitaran di Dalam.....	229
6.4 Rumusan.....	239

**BAB 7: KESIMPULAN.....242**

**BIBLIOGRAFI.....246**

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Kandungan daripada tulisan ini dalam disertasi ini ialah satu penyelidikan psikologi politik yang mendudukan pemikiran Sukarno sebagai landasan untuk mencari pemahaman ke atas dasar dan pengamalan konfrontasi Indonesia tempoh 1959 hingga 1965. Di dalam bab pendahuluan diuraikan dan dijelaskan pelbagai perkara yang berkaitan dengan penyelidikan, iaitu; latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, soalan penyelidikan, objektif penyelidikan, kepentingan penyelidikan, batasan penyelidikan, sorotan karya, kaedah penyelidikan dan susunan bab.

#### **1.1 Latar Belakang Penyelidikan**

Dalam sejarah penjajahan negara-negara Eropah, Indonesia adalah sebuah negara pertama yang secara *unilateral* (satu pihak) menyatakan kemerdekaan pada tarikh 17 Ogos 1945 tanpa persetujuan daripada penjajahnya iaitu Belanda. Disebabkan tindakan tersebut, kerajaan Belanda berusaha menghancurkan kemerdekaan Indonesia melalui pelbagai jalan diplomasi dan tentera.

Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia dibuat dan ditandatangani oleh Sukarno dan Mohamad Hatta. Sukarno menjadi presiden pertama Republik Indonesia dan Hatta menjadi wakilnya. Penguatkuasaan kabinet presiden tidak bertahan lama kerana kerajaan Belanda berjaya mempengaruhi Sutan Syahrir dan Hatta untuk menguatkuasakan kabinet parlimen. Walaupun begitu, sistem

penguatkuasaan kabinet parlimen masih mempertahankan Sukarno sebagai presiden, tetapi kuasa eksekutif beralih kepada Sutan Syahrir, yang menjadi Perdana Menteri pada tahun 1946.

Pada tahun 1946 hingga 1959, apabila Sukarno menjadi presiden dalam sistem parlimen, hujah-hujah kritikal dan penentangan daripada Sukarno ke atas Belanda dilakukan secara berterusan. Perkara ini ditunjukkan oleh Sukarno dalam pelbagai peluang ketika setiap perdana menteri menghadapi strategi dan taktik diplomasi serta ketika tentera Belanda berniat menghancurkan kemerdekaan Indonesia. Sukarno, di sebalik pihak eksekutif, banyak terlibat dalam mengarahkan dan menentukan sikap dan polisi Indonesia dalam menghadapi Belanda.

Selepas berjaya menjatuhkan sistem parlimen pada 5 Julai 1959, Sukarno memiliki semula kekuasaan rasmi ke atas eksekutif. Dengan kuasa baru yang dimiliki dalam kabinet presiden, Sukarno tidak hanya aktif di sebalik tabir, tetapi juga menonjolkan dirinya menjadi tunjang utama dan tampil berhadapan dengan pihak yang disasarkan.

Kenyataan kritikal dan penentangan sama ada penentangan Indonesia terhadap kuasa Belanda dan imperialis Barat dikenal pasti meluas untuk tempoh dari tahun 1959 hingga 1965. Tempoh ini merupakan satu fasa pemerintahan Indonesia yang paling menggegarkan, yang dipenuhi dengan *political manoeuvre* (gerakan politik) dan perbalahan dari pihak dalaman atau ke persekitaran luar negara. Karakteristik umum daripada dasar luar Indonesia dalam tempoh tersebut



dikenali sebagai anti-imperialis atau anti-Barat.<sup>1</sup>

Presiden Sukarno memilih jalan konfrontasi dalam dasar dan tindakannya. Beliau menyusun dasar asapenentangannya dalam satu doktrin yang dinamakan sebagai Manifesto Politik (ManiPol), di mana “Konfrontasi” ialah istilah untuk melakukan perjuangan terhadap perkara yang merintangai pencapaian cita-cita daripada revolusi Indonesia. Dalam melakukan konfrontasi luaran, secara kritikal, Sukarno mengetengahkan isu-isu kolonialisme, imperialisme dan neo-kolonialisme (Nekolim).<sup>2</sup>Manakala dalam perkara konfrontasi dalaman, Sukarno mengemukakan isu-isu yang berkenaan dengan kesan negatif daripada kolonialisme, imperialisme dan neo-kolonialisme ke atas keharmonian, perpaduan, keperibadian nasional dan sosialisme Indonesia.

Dalam konteks antarabangsa, penentangan Sukarno ke atas dominasi Barat adalah suatu tindakan yang mengejutkan. Seorang presiden daripada negara kurang membangun yang tidak bergabung dalam persekutuan dengan Blok Timur secara terbuka mengecam kuasa Barat dan berani mencabar kekuatan beberapa anggota pakatan Barat. Dalam logik realisme yang berasaskan pada rasionaliti, sebuah negara yang menganggap negara lain melancarkan sebuah ancaman, maka negara tersebut melakukan konfrontasi apabila setiap pembuat keputusannya menganggap bahawa kapabiliti negaranya lebih hebat (*superior*) berbanding

---

<sup>1</sup> Frederick P. Bunnell. (1966). *Guided Democracy Foreign Policy: 1960-1965 Presiden Sukarno Moves from Non Alignment to Confrontation*.Indonesia. Modern Indonesia Project Cornell University, No. II. Ithaca: Cornell University Press. hlm. 37-76.

<sup>2</sup> Nekolim ialah akronim daripada Neo-kolonialisme, kolonialisme dan imperialisme. Frederick P. Bunnell. *Guided Democracy Foreign Policy: 1960-1965*. hlm.37.

dengan negara pengancam.<sup>3</sup> Dalam aspek kuasa, Indonesia tidak boleh mengimbangi kuasa yang dimiliki oleh Barat. Negara Barat ialah pemegang kuasa dan kekuatan global terbesar. Selain kekuatan yang unggul dalam bidang ekonomi, politik dan sosial, kumpulan ini merupakan pemilik persenjataan terbesar dan terancang di dunia. Dengan demikian, khususnya pada ketika itu, berdasarkan isu yang dikemukakan oleh Joseph De Rivera, tindakan Sukarno boleh dianggap sebagai tidak normal (*abnormal*)<sup>4</sup>, atau mengikut asas rasionaliti, tindakan tersebut dinilai sebagai tidak rasional.<sup>5</sup>

Penentangan yang dilakukan oleh Sukarno, tidak diambil berat oleh banyak pihak, kerana isu dunia pada ketika itu berpusat ke atas isu konflik ideologi kapitalis-liberalis dengan sosialis-komunis. Ini berlaku ketika sistem antarabangsa dalam kedudukan dua pembahagian yang ketat (*tight bipolar*), di mana corak saling bertindak antara pihak terlibat di peringkat antarabangsa dibina pada “tidak ada pilihan bagi negara-negara kecuali terlibat di dalam konflik dan memilih berpakat dengan satu daripada dua blok negara-negara yang bertelingkah”.<sup>6</sup>

Indonesia semasa pimpinan Sukarno merupakan salah satu negara pengasas *Non Alignment Movement* (NAM), yang secara konsisten tidak mahu terlibat dalam perang dingin. Sukarno sebagai anti penjajah, tidak mahu

---

<sup>3</sup> John P. Lovell. (1970). *Foreign Policy in Perspective: Strategy, Adaptation and Decision Making*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc. hlm. 61-84.

<sup>4</sup> Joseph de Rivera. (1968). *The Psychological Dimension of Foreign Policy*. Coulumbus, Ohio: Charles Merrill. hlm. 2.

<sup>5</sup> Howard Palfrey Hones. (1971). *Indonesia: The Possible Dream*. New York: Harcourt Brace, Jovanovich. hlm. 272. Lihat juga, asas rasionaliti daripada pembuatan dasar luar di dalam pelbagai literatur hubungan antarabangsa

<sup>6</sup> Morton A. Kaplan. (1957). *Structure and Process in International Politics*. New York: Wiley. hlm. 33.

bersekutu dengan Blok Barat tetapi memiliki potensi dekat dengan Blok Timur, kesannya telah mencabar Dulles iaitu setiausaha daripada negara Amerika Syarikat. Dalam konteks perang dingin, Dulles, yang dikenali membangunkan imej tentang negara-negara di dunia dalam pembahagian “kawan atau lawan”<sup>7</sup> dan menyatakan bahawa strategi berkecuali (*non-align*) ialah pilihan tidak-bermoral<sup>8</sup>, telah mengambil sikap bermusuhan ke atas Indonesia. Oleh sebab itu, secara tidak langsung pemerintahan Eisenhower-Dulles telah terbabit dalam menyokong pemberontakan Pemerintahan Revolusioner Rakyat Indonesia (PRRI) dan Perjuangan Rakyat Semesta (Permesta) ke atas pemerintahan Sukarno.<sup>9</sup>

Daripada aspek keperibadian Sukarno, konfrontasi sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru kerana konfrontasi wujud daripada asas penggunaan kekuatan yang wujud dalam jiwanya semenjak belia. Apabila Sukarno menjadi presiden pada tahun 1945 hingga 1958, konfrontasi tidak diamalkan kerana penguatkuasaan sistem parlimen. Ini kerana, Sukarno menganggap kejatuhan sistem parlimen merupakan sasaran dan strategik dalaman yang pertama. Tindakan yang dilakukan pada 5 Julai 1959, mengejutkan dan sekaligus mengecewakan banyak pihak kerana jangkaan mereka bahawa Sukarno tidak memiliki keazaman untuk menghancurkan sistem yang dibina yang telah digunakan selama 13 tahun. Selama ini, Sukarno dikenali sebagai seorang

---

<sup>7</sup>Ole R. Holsti. (1967). “The Belief System and National Images: A Case Study”. *Journal of Conflict Resolution*. 6. hlm. 244-252. dan Ole R. Holsti. (1970). “The Operational Code of John Foster Dulles’s Phylosophical and Instrumental Beliefs”. *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1970). hlm. 123-157.

<sup>8</sup>Townshend Hoopes. (1973). *The Devil and John Foster Dulles*. Boston: Little, Brown. hlm. 35-37.

<sup>9</sup>Audrey R. Kahin and George McT. Kahin. (1995). *Subversion as Foreign Policy: The Secret of Eisenhower and Dulles Debacle in Indonesia*. New Press. hlm. 55.

pemimpin yang memiliki toleransi ke atas perbezaan dan sentiasa melaungkan prinsip “Bhineka Tunggal Ika” (berbeza-beza tapi satu jua).<sup>10</sup>

Tindakan Sukarno yang dikatakan sebagai satu *coup de'etat* oleh lawan politik Sukarno<sup>11</sup> tentu sahaja mendapat penolakan daripada pihak parlimen dan penyokong-penyokong sistem ini. Namun penolakan yang diterima tidak dapat mematahkan semangat Sukarno yang berterusan melancarkan permusuhan terhadap mereka. Akibatnya, perpaduan bangsa terancam kerana perbezaan yang awalnya boleh diselenggarakan dalam majlis-majlis politik, kemudian menjadi pergaduhan di tempat-tempat umum.

Sukarno adalah seorang tokoh nasionalis utama dalam pergerakan kemerdekaan Indonesia. Beliau seorang yang berkarisma dan pakar dalam berpidato yang cemerlang, yang memiliki kemampuan semula jadi untuk mempengaruhi banyak pihak, sehingga beliau amat popular dalam jiwa rakyat Indonesia. Juga, sebagai seorang yang memiliki sifat revolusioner-radikal yang tidak teragak-agak untuk mengamalkan kecenderungan konfrontasi yang dilakukan, malah dilakukan dengan penuh semangat dan secara berterusan.

Tingkah laku Indonesia berkenaan, berlaku dalam sistem presiden yang menekankan peranan yang relatif tidak terhad daripada kepemimpinan nasional. Sistem yang dibina oleh Sukarno ini kemudian meluas dikenali sebagai sistem Demokrasi Terpimpin, suatu sistem demokrasi patrimonial, iaitu seluruh pemikiran dan keputusan berpusat pada presiden Sukarnodan legitimasi politik

---

<sup>10</sup> Sukarno sejak muda dikenali sebagai seseorang yang paling memikirkan perpaduan di antara kumpulan dalam masyarakat Indonesia. Juga sebagai pengasas Pancasila di mana semboyan Bhineka Tunggal Ika (berbeza tapi satu jua) diukirkan pada lambang Garuda Pancasila.

<sup>11</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 35.

bergantung kepada Sukarno sendiri.<sup>12</sup> Sebagai presiden dalam sistem baru ini, Sukarno secara langsung menjadi tunjang utama dengan kesan nasional amat besar. Fikiran dan tindakannya menjadi pusat dalam kehidupan politik Indonesia pada masa tersebut.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Daripada huraian mengenai dasar dan tindakan Sukarno di bahagian sebelum, dasar dan tindakan Sukarno dalam isu kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme ialah konfrontasi, dan konfrontasi memiliki sasaran ke dalam (dalaman) dan ke persekitaran luar (luaran). Kenyataan ini boleh dengan mudah mewujudkan permasalahan berhubung dengan ketiadaan kajian yang berupaya menjelaskan pemahaman dasar dan tindakan Sukarno tersebut.

Merujuk pada kajian sebelum ke atas politik pada zaman Sukarno, dalam perkara objek kajiannya (ontologi), kelihatan adanya pemisahan kajian dasar di dalaman dan kajian dasar luaran. Tumpuan daripada kajian dasar di dalaman ialah interaksi politik yang dinamik; persaingan dan pertikaian antara kumpulan-kumpulan politik atau antara Sukarno dengan kumpulan-kumpulan politik, manakala fokus daripada kajian dasar luar adalah konfrontasi Sukarno ke atas pihak-pihak luaran. Namun, kajian-kajian sebelum tidak mendedahkan kewujudan karakter konfrontasi dalam dasar di dalaman. Konfrontasi hanya berlaku untuk sasaran luaran sahaja. Walaupun begitu, kajian

---

<sup>12</sup>Erman Rajagukguk. "Percakapan dengan Daniel S. Lev" [www.ermanhukum.com/Makalah ER pdf/Percakapan Dengan Daniel S.pdf](http://www.ermanhukum.com/Makalah%20ER%20pdf/Percakapan%20Dengan%20Daniel%20S.pdf). Untuk memahami lebih lanjut tentang demokrasi terpimpin lihat Daniel S. Lev. (1966). *The Transition to Guided Democracy: Indonesian Politics, 1957-1959*. Modern Indonesia Project, Cornell University. Mengikut Tap MPRS No. VIII/1965 demokrasi terpimpin diertikan sebagai musyawarah untuk muafakat secara gotong-royong diantara semua kekuatan nasional yang progresif revolusioner berlandaskan Nasakom.

sebelum menempatkan politik di dalaman menjadi sumber atau punca daripada dasar luar Indonesia.

Dasar luar didorong oleh dan ditujukan kepada pelbagai keadaan dan kegiatan fizikal sama ada idea-idea dari persekitaran luar. Dasar dan tindakan Sukarno ke atas *Nekolim* merupakan dasar luar, kerana ianya merupakan jawapan ke atas tindakan (termasuk rancangan bertindak) pihak asing. Namun dalam konteks *Nekolim* ini, dasar dan tindakan Sukarno dalam kenyataannya bukan sahaja memiliki sasaran luaran tetapi juga di dalaman. Dalam kes ini, boleh berlaku perkaitan antara elemen luaran dengan elemen di dalaman. Kolonialisme dan imperialisme di Indonesia sudah berlaku dalam tempoh masa yang panjang, sehingga memberi kesan mendalam kepada masyarakat; sama ada kumpulan mahupun individu, minda mahupun tindakan. Malahan kesan yang wujud juga menjadikan pihak di dalaman seringkali menjadi sebahagian daripada pihak asing. Dengan demikian, daripada kes ini dapat dilihat bahawa jawapan dan tindak balas Sukarno ke atas kolonialisme dan neokolonialisme ialah fenomena dasar luar yang bukan sahaja memiliki sasaran luaran tetapi juga di dalaman.

Daripada epistemologi, melihat kajian sebelum tentang dasar dan tindakan Sukarno, dapat dilihat adanya jalan *interpretativism* yang digunakan. Dalam perkara ini, perspektif sejarah secara umum digunakan untuk mencapai pemahaman dan fokus pada kronologi daripada kesinambungan dasar dan tindakan Sukarno ke dalaman atau ke luaran. Namun nuansa *objectivism* justeru dijumpai apabila perspektif struktur digunakan untuk menjelaskan kesan struktur politik dalaman ke atas dasar luar. Justeru itu, dalam menyelidik tentang dasar

luar, selain biasa menggunakan perspektif sejarah, struktur di dalaman menjadi punca daripada dasar luar.

Selari dengan andaian kelompok *behavioralis*, kajian terhadap pertelingkahan antarabangsa telah memberikan jawapan bahawa ianya berpunca daripada faktor manusia, iaitu pembuat keputusan. Akibatnya, penjelasan ke atas kegiatan bagi pihak negara mesti bersumber kepada pembuat atau pelaksana sesuatu keputusan. Mengikut corak pembuatan keputusan individu, terdapat peranan yang kuat daripada individu dalam membuat keputusan. Individu yang dinyatakan ialah pemimpin utama iaitu, seorang pemimpin dengan kedudukan tertinggi dalam hierarki pemerintahan atau suatu jawatan, sehingga memiliki kuasa untuk mengambil keputusan yang mengikat ke bawah (*up to bottom*) sama ada mendatar, yang keputusannya memberi kesan secara nasional.<sup>13</sup>

Psikologi politik, khasnya pendekatan kognitif dalam konteks konflik antarabangsa menempatkan kepercayaan sebagai sumber bagi suatu dasar mahupun tindakan. Namun dalam proses kognitif, kepercayaan tidak secara langsung berhubung dengan sesebuah keputusan. Sifat dan kandungan daripada suatu keputusan bergantung pada persepsi, iaitu bagaimana pembuat keputusan menakrifkan keadaan yang dihadapi, dan kepercayaan membantu pembuat keputusan dalam penakrifan ini. Namun, lebih jauh daripada ini, berdasarkan kepada teori psikologi, fikiran manusia memiliki tiga komponen utama, iaitu

---

<sup>13</sup>Margareth G.Hermann. (1974). "Leader Personality and Foreign Policy Behavior" di dalam J.N. Rosenau (ed). *Comparing Foreign Policies: Theories, Findings and Methods*. New York: John Wiley and Sons. hlm. 201-234.

*cognition, affection* dan *conation* yang dinyatakan dalam terma *trilogy of mind*.<sup>14</sup>

Dengan demikian, dalam memahami tentang tindakan manusia secara lengkap melalui perspektif psikologi tidak cukup terhadap pada komponen *cognitive*, iaitu kepercayaan dan atau persepsi, sebagaimana yang dilakukan dalam psikologi kognitif tetapi penting untuk memasukkan komponen lainnya; *affective* dan *conative* seperti teori sikap dalam psikologi sosial.

Dalam kajian psikologi hubungan antarabangsa dan dasar luar, proses membuat keputusan mencerminkan subjektiviti, tertutup, intuitif, emosional dan dikawal oleh motivasi peribadi sehingga beralih daripada asas rasionaliti.<sup>15</sup> Penekanan pada sifat tidak rasional daripada pemimpin dalam membuat pertimbangan, memproses maklumat dan mengambil sesuatu keputusan telah mewujudkan sebuah stigma negatif bahawa pemimpin-pemimpin yang memilih tindakan yang tidak sejajar dengan struktur dan norma yang ada, dipandang sebagai pemimpin yang tidak rasional. Isu ini berlaku juga kepada Sukarno yang mencabar kuasa Barat, dipandang tidak rasional, dan sebagai seorang megalomania.<sup>16</sup>

Sistem Demokrasi Terpimpin dibina oleh Sukarno dan beliau menjadi tunjang utama dalam sistem ini. Sebagai seorang yang berkarisma dan ahli pidato yang cemerlang, fikiran dan tindakannya memiliki kesan nasional yang amat besar dalam kehidupan politik Indonesia pada ketika itu. Sukarno juga seorang

---

<sup>14</sup> Ernest. R. Hilgard. (1980). *The Trilogy of Minds: Cognition, affection and conation*. *Journal of The History of Behavioral Sciences*. 16. 107-117.

<sup>15</sup> lihat pengertian tentang model kognitif di dalam pembuatan keputusan dasar luar pada bab 2.

<sup>16</sup> lihat di dalam bahagian Sorotan Karya tentang *Soekarno Penyambung Lidah Rakyat* tulisan Cindy Adams dan *Indonesia Foreign Policy* karya Howard Lentner.



nasionalis utama dalam pergerakan kemerdekaan Indonesia, dan pejuang revolusi yang memiliki watak revolusioner-radikal. Kecenderungan dan semangatnya yang bergelora dan tidak kenal erti putus asa, wujud dalam gaya politiknya. Dengan melihat kedudukan dan sifat Sukarno yang demikian, wujud satu inspirasi berkenaan dengan kemungkinan untuk memajukan diri Sukarno sebagai satu potensi yang amat kuat dalam memahami tingkah-laku Indonesia yang mencabar Barat dan kesannya di dalaman.

Dengan demikian, wujud soalan utama yang perlu dirungkaikan iaitu, Bagaimana dan kenapa dasar luar Indonesia di bawah kuasa Sukarno dalam isu kolonialisme dan neo-kolonialisme mengambil jalan konfrontasi dan memiliki sasaran di dalaman? Apakah perspektif psikologi boleh menjelaskan dasar luar Indonesia di bawah Sukarno tersebut? Bagaimana?

Namun, kajian yang sebelum mengenai konfrontasi Indonesia di bawah Sukarno belum ada yang mendedahkan bahawa politik konfrontasi berlaku juga di dalaman. Selain itu, belum ada yang menyelidik melalui perspektif psikologi politik, yang membabitkan *cognitive aspect*; kepercayaan sebelum (*prior belief*), kepercayaan semasa (persepsi), *affective aspect* (emosi), *conative aspect* (kecenderungan bertindak) dan aspek psikologi lain yang mungkin boleh diperolehi secara induktif. Penglibatan banyak aspek daripada kewujudan mental Sukarno sejak semulajadi tanpa suatu *judge* (anggapan) kontroversi dalam pembahagian *rationality-irrationality* (rasional-tidak rasional) ialah merupakan usaha untuk menjelaskan sama ada memahami konfrontasi Sukarno secara menyeluruh, adil dan jelas.

### **1.3 Persoalan Penyelidikan**

Daripada huraian sebelumnya, permasalahan kajian dalam penyelidikan mengenai pemikiran Sukarno dan konfrontasi Indonesia di bawah kuasanya disusun dalam beberapa persoalan penyelidikan;

1. Bagaimana konfrontasi yang dilakukan oleh Sukarno ke atas kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme pada tahun 1959-1965, di dalaman dan ke persekitaran luar?
2. Bagaimana kepercayaan, persepsi, emosi dan kecenderungan bertindak Sukarno berkait dengan konfrontasi Indonesia?
3. Apa dan bagaimana aspek psikologi lain daripada Sukarno yang berkait dengan konfrontasi Indonesia?

### **1.4 Objektif Penyelidikan**

Berkaitan dengan soalan-soalan di atas, maka penyelidikan bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti konfrontasi yang dilakukan oleh Sukarno ke atas kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme pada tahun 1959-1965, di dalaman dan ke persekitaran luar.
2. Menjelaskan kepercayaan, persepsi, emosi dan kecenderungan bertindak daripada Sukarno berkaitan dengan pembuatan keputusan tentang konfrontasi.
3. Mencari dan mengenal pastiaspek psikologi lain daripada Sukarno berkaitdengan pembuatan keputusannya tentang konfrontasi.

4. Memahami konsistensi daripada hubungan pemikiran dan tingkah laku dan corak pembuatan keputusan persendirian daripada Sukarno.

### **1.5 Kepentingan Penyelidikan**

Kepentingan penyelidikan diarahkan:

1. Kepada bidang akademik, boleh diwujudkan sebuah pengetahuan tentang pemahaman dan penjelasan konfrontasi Sukarno ke atas isu kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme yang berasaskan kepada perspektif psikologi politik.
2. Dalam bidang praktikal, boleh diwujudkan suatu pengetahuan mengenai usaha Sukarno sebagai salah satu pemimpin daripada negara Dunia III yang boleh memberikan inspirasi dalam menghadapi cabaran daripada kuasa dan kesan daripada kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme.

### **1.6 Batasan Penyelidikan**

Penyelidikan ke atas dasar luar Indonesia di bawah Sukarno dibatasi kepada:

1. Penyelidikan yang menggambarkan konfrontasi Sukarno ke atas kolonialisme, imperialism dan neokolonialisme ke luaran dan dalaman yang berlaku pada tahun 1959-1965 sahaja. Manakala penjelasan (eksplanasi) ke atas konfrontasi Sukarno dilakukan dengan mengamalkan persepektif psikologi kognitif sahaja. Dimana kandungan daripada

persepektif ini merangkumi aspek-aspek kepercayaan, persepsi, emosi, dan kecenderungan bertindak. Penjelasan ke atas konfrontasi Sukarno di dalam kajian-kajian sebelum menunjukkan bahawa penyebab daripada konfrontasi ialah dinamik daripada struktur politik dalaman dan motivasi.. Perkara ini menunjukkan bahawa penyelidikan ke atas tingkah laku daripada Sukarno telah mengabaikan aspek pemikirannya (psikologi kognitif).

2. Di dalam mengenal pasti ke atas pemikiran Sukarno, dilakukan analisis ke atas tujuh teks daripada pidato-pidato Sukarno dari tahun 1959-1965 yang dibacakan pada setiap tarikh 17 Ogos di dalam meraikan Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia sahaja. Sebelum menjadi presiden Indonesia, Sukarno dikenal sebagai seorang pemikir, pengasas, orator dan penulis yang aktif dipelbagai media. Namun semenjak menjadi presiden, aktifitas menulis di media awam berhenti. Pemikiran dan tulisan panjang daripada Sukarno yang multidimensi dan mendalam hanya disiapkan dan dibacakan pada setiap meraikan Hari Kemerdekaan Republik Indonesia sahaja.

### **1.7 Sorotan Karya**

Sorotan karya, mengandungi kajian-kajian mengenai dasar dan tindakan pemerintah Sukarno ke atas persekitaran di dalaman dan luaran. Sorotan ke atas karya sebelum mendorong wujudnya permasalahan kajian sehingga kajian mengenai dasar Sukarno melalui perspektif psikologi politik boleh diambil kira.

Daripada pelbagai kajian sebelum yang membahas tentang kehidupan

politik pada masa pemerintahan Sukarno, diperoleh pelbagai hasil penulisan yang berusaha memberi pemahaman dan penjelasan tentang fenomena politik yang berlaku pada ketika itu. Dengan pelbagai peringkat pengajian dan tema penulisan, dapat mencerminkan tarikan, kepentingan dan daya imaginasi setiap penulis dalam merungkai tentang hala tuju politik Sukarno yang hendak digolongkan dan perkara-perkara yang menjadi punca. Dalam kepentingan dan perspektif yang berbeza, usaha menjelaskan politik Sukarno biasanya membabitkan elemen-elemen yang pelbagai.

Frederick P. Bunnell (1966) dalam karyanya “*Guided Democracy Foreign Policy*”,<sup>17</sup> menjelaskan tentang konfrontasi Indonesia dan menganggap pelbagai cara konfrontasi yang dilakukan oleh Sukarno merupakan elemen-elemen penting yang menjelaskan tentang karakter revolusioner daripada pemerintahan Sukarno. Oleh sebab Sukarno memiliki peranan yang menentukan pertumbuhan dasar konfrontasi Indonesia, maka menurut Bunnell, penjelasannya mesti melalui motivasi peribadi Sukarno.

Secara asas, motivasi peribadi Sukarno mengandungi dorongan ideologi-psikologi sebagai seorang nasionalis. Nasionalisme Sukarno memiliki kandungan neo-Marxist-Leninist, ini dapat dilihat pada sifat konfrontasi Sukarno yang menentang negara-negara kapitalis tua (*old established forces* atau *oldefos*) dengan negara-negara yang sedang bangkit dan negara-negara sosialis baru (*new emerging forces* atau *nefos*). Dari sisi psikologi, motivasi ini berkenaan dengan

---

<sup>17</sup>Bunnell, F. P. (1966). *Guided Democracy Foreign Policy: 1960-1965 Presiden Sukarno Moves from Non-Alignment to Confrontation. Indonesia*. Modern Indonesia Project Cornell University, No. II. Ithaca: Cornell University Press. hlm. 37-76.

keperluan penghormatan diri (dan bangsa) yang telah dijajah dan dihina selama 350 tahun, suatu masa yang amat panjang

Motivasi yang berpangkal daripada faktor ideologi-psikologi tersebut menguatkan lagi pandangan tentang makna lain daripada politik konfrontasi pemerintahan Sukarno. Terdapat tiga pandangan berkenaan perkara ini, pertama; politik konfrontasi mencerminkan pengalihan perhatian (*distraction*) daripada masalah keperluan ekonomi rakyat, kedua; keseimbangan kekuatan Tentera dan Komunis, di mana Sukarno bersiasah di antara kedua-dua kekuatan tersebut di dalam pola hubungan segitiga, dan ketiga; mencerminkan hasrat pemerintahan Sukarno bagi meluaskan wilayah sehingga Sukarno amat kuat menuntut kuasa barat agar keluar daripada kawasan Asia Tenggara.

Tulisan Bunnell merupakan tulisan yang cukup menarik tentang kesan daripada motif dan hubungan Sukarno-Tentera-Komunis ke atas dasar luar Indonesia. Sebagai permulaan, idea Bunnell ini memerlukan kajian yang lebih jauh dan mendalam untuk dilakukan.

Franklin B. Weinstein (1972) melalui penulisan tesisnya "*The Uses of Foreign Policy in Indonesia*",<sup>18</sup> dan (1976) dalam "*Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Independence*",<sup>19</sup> menggambarkan dasar luar Indonesia mengikut sejarah, bermula daripada pasca kemerdekaan, masa Sukarno dan Suharto dan membandingkan kedua-duanya. Melalui analisis ke atas persepsi

---

<sup>18</sup> *World Politics*. Vol. 24. No. 3. (April., 1972). hlm. 356-381.

<sup>19</sup> ulasan oleh: Michel Leifer di dalam *International Affairs*. Vol. 53. No. 4. (Oct., 1977). hlm. 718-719., Donald G. McCloud. *The American Political Science Review*. Vol. 72. No. 3 (Sep., 1978). hlm. 1188-1189., Gordon P. Means. *Canadian Journal of Political Science*. Vol. 12. No. 1. (Mar., 1979). hlm. 201-202., dan Paul W. van Der Veur. *The Western Political Quarterly*. Vol. 33. No. 3. (Sep., 1980). hlm. 440-441.

daripada elit, Weinstein menjelaskan dasar luar Indonesia daripada masa Sukarno sehingga Suharto. Dasar luar pada masa kedua-dua pemimpin ini, secara asas mencerminkan usaha pemerintahan untuk mencari jalan keluar daripada dilema kemerdekaan. Dilema ini berkenaan dengan kebimbangan dalam memilih jalan pembangunan ekonomi atau nasionalisme. Dilema dalam menyelesaikan masalah ekonomi dengan menerima bantuan luar negara akan membuat bangsa bergantung kepada kuasa asing manakala tidak menerima bantuan luar negara bangsa akan tetap bebas. Manakala dalam fokus yang lain, dasar daripada pemerintah Demokrasi Terpimpin mencerminkan pergolakan politik di dalaman. Jalan konfrontasi yang ditempuh dan diteruskan pada masa pasca pembebasan Irian Barat menunjukkan pertikaian ketat antara pemerintah terhadap setiap penentangannya serta konflik dalam kerajaan sendiri. Juga memperlihatkan usaha Sukarno untuk menekan dan mengecualikan lawan-lawan politiknya.

Kajian ini telah memberikan pengertian yang komprehensif tentang dasar luar Indonesia pada masa tersebut dan telah mendedahkan pengetahuan; bagaimana persepsi daripada elit politik dapat menjelaskan hubungan antara persekitaran dengan dasar luar.

Michael Leifer (1983) melalui karya tulisannya "*Indonesia's Foreign Policy*",<sup>20</sup> mengangkat pelbagai tema penting untuk merungkaikan tinjauannya ke atas dasar luar Indonesia secara kronologi, mulai daripada perjuangan mencapai kemerdekaan menentang Belanda sehingga peranan Jakarta dalam ASEAN<sup>21</sup> pada

---

<sup>20</sup> ulasan oleh Sheldon W. Simon. *Pacific Affairs*, Vol. 57. No. 1. (Spring, 1984). hlm. 171-172 dan review oleh Robert H. Taylor. *International Affairs*, Vol. 59. No. 4. (Autumn, 1983). hlm. 721-722.

<sup>21</sup> ASEAN ialah singkatan daripada *Association of South Asian Nations*.

masa akhir konfrontasi Vietnam terhadap Kemboja. Di antara temanya ialah penggunaan dasar luar oleh kepemimpinan politik untuk mengatasi tekanan-tekanan di dalaman, pergantian alatan dasar luar di antara rundingan dan kekuatan, yang mencerminkan kerumitan di antara kapabiliti negara yang terhad dan cita-cita regional. Yang paling penting daripada seluruhnya ialah keperluan untuk melindungi wilayah kepulauan yang berpotensi yang terdedah kepada kuasa-kuasa luaran yang bermusuhan.

Leifer menggunakan tema-tema ini sebagai alat penjelas untuk menunjukkan secara tegas kesinambungan dalam dasar luar Indonesia di antara pemimpin-pemimpin yang kecewa seperti Sukarno yang megalomaniak (1957-1966) dan pengganti teknokratik beliau, Jeneral Suharto (1966-1998). Kedua-dua pemimpin ini menghadapi masalah yang terjadi dalam masyarakat besar yang tidak mempunyai perpaduan dan tindakan-tindakan daripada pelaku-pelaku luaran. Masing-masing mengamalkan dasar dan gaya yang bertentangan bagi mencapai tujuan-tujuan yang secara asasnya adalah sama; iaitu kesatuan wilayah dan kepemimpinan kawasan.

Leifer memberikan analisis yang peka dalam cabaran-cabaran besar kepada perpaduan Indonesia seperti pemberontakan luar-jawa pada tahun 1958, menelusuri kesamaan di antara ketakutan pemerintah daripada usaha-usaha luaran untuk melemahkan republik dan ketakutan bahawa penubuhan persekutuan Malaysia akan mengarah menjadi pangkalan daripada kuasa Inggeris yang kekal, yang berhujung kepada percanggahan ke atas kemerdekaan Indonesia dan kebesaran Indonesia di kawasan ini. Pada masa yang sama, Leifer menerangkan



implikasi di dalaman daripada dasar luar. Dalam kes pemberontakan luar-Jawa iaitu PRRI/Permesta, beliau menjelaskan adanya sokongan Amerika Syarikat ke atas pemberontak untuk menekan penyokong-penyokong sistem parlimen dan menyediakan autoritarianisme Sukarno yang radikal di bawah Demokrasi Terpimpin. Pengembaraan Sukarno di Irian Barat dan Malaysia dinilai sebagai pertelingkahan luaran untuk menyenggarakan satu keseimbangan di dalaman antara tentera dan parti komunis, sama ada usaha-usaha untuk menghapus sisa kolonialisme dari wilayah.

Analisis Leifer daripada era konfrontasi juga mendedahkan hubungan-hubungan penting di dalaman dengan dasar luar. Menurut Leifer, pengembaraan luaran Sukarno mengandungi satu pemecahan masalah secara palsu daripada satu ekonomi yang memburuk dan polarisasi politik yang wujud. Irian Barat dan konfrontasi berfungsi menunda masa yang tidak terlepas daripada perkiraan di dalaman. Bukannya mengambil tindakan bagi satu program serius dalam mengatasi inflasi yang meningkat. Sukarno sedaya upaya menggerakkan dasar luar, berlandaskan pada karisma dan kepandaiannya membuat jalan untuk menyelenggarakan kedudukannya yang dominan, namun juga dikenali sebagai seseorang yang sangat kurang berbakat untuk membawa Indonesia ke jalan pertumbuhan ekonomi.

Karya Leifer merupakan karya yang amat berharga dalam memahami perkembangan dasar luar Indonesia daripada masa sistem parlimen hingga sistem terpimpin. Secara menarik, Leifer telah mengaitkan perkembangan dasar luar Indonesia dengan konteks di dalaman yang rumit dan amat dinamik.

Anak Agung (1973) melalui bukunya “*Twenty Years Indonesia Foreign Policy, 1945-1965*”,<sup>22</sup> menghuraikan dasar luar Indonesia dalam dua bahagian. Pertama; menggambarkan dasar luar Indonesia pasca terbentuknya Indonesia merdeka. Pada masa ini, Indonesia terancam kemerdekaannya kerana Belanda berhasrat semula untuk kekal memimpin Indonesia sebagai wilayah jajahannya. Sajian dasar luar pada bahagian ini ditandai oleh diplomasi Indonesia dengan Belanda dan diplomasi Indonesia untuk mencari sokongan dunia antarabangsa bagi kemerdekaan Indonesia yang diisytiharkan pada Ogos 1945. Kedua; menggambarkan dasar Luar Indonesia pasca runtuhnya sistem parlimen sehingga tahun 1965. Pada masa ini, sistem Demokrasi Terpimpin telah mewarnai corak dasar luar Indonesia yang dipenuhi semangat perbalahan dalaman dan juga ke luaran.

Sebagai seorang yang berpengalaman dalam perkara luar negara Indonesia semenjak Indonesia merdeka, khususnya, sebagai Menteri Luar Negeri pada Kabinet Burhanudin Harahap pada tahun 1955 hingga 1956, Anak Agung memiliki kesempatan yang luar biasa untuk meneliti secara langsung evolusi awal dan pelaksanaan dasar luar Indonesia. Dalam menjelaskan pengalamannya melalui bukunya yang tebal, dirinya duduk sebagai peninjau ke atas dasar luar dengan segala perinciannya, daripada masa pengumuman kemerdekaan sehingga jatuhnya Sukarno daripada kekuasaan. Hasilnya, dalam banyak perkara, sebagai kerja yang berharga, penambahan beberapa maklumat daripada pembuat dan

---

<sup>22</sup> ulasan oleh Michel Leifer. *International Affairs*. Vol. 50. No. 3 (Jul., 1974). hlm. 497., John D. Legge. *Pacific Affairs*. Vol. 47. No. 4 (Winter, 1974-1975). hlm. 576-578., dan Frederick P. Bunnell. *The American Political Science Review*. Vol. 71. No. 1 (Mar. 1977). hlm. 401-403.

pelaksana keputusan tentang rumusan terperinci daripada inisiatif Kabinet Harahap ke atas masalah Irian Barat dan sikap Sukarno untuk menghancurkan Kesatuan Indonesia-Belanda dan sikap-sikap peribadi yang bergabung dalam pasukan pengamat Indonesia.

J. A. C. Mackie (1975) melalui tulisannya "*Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*",<sup>23</sup> menggambarkan pertikaian Indonesia-Malaysia melalui pelaksanaan dasar luar Indonesia, khasnya, konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia. Satu ciri yang jelas mengenai pelaksanaan konfrontasi terhadap Malaysia merupakan jalan di mana kempen tentera dengan ugutan diplomasi telah berhenti selepas Sukarno disingkirkan daripada kekuasaan politiknya. Penamatan seperti itu boleh membawa seseorang untuk cenderung menafsirkan sebagai satu pengembaraan luaran yang dicadangkan untuk mengalihkan fikiran dan hati rakyat Indonesia daripada kesusahan ekonomi.

Menurut Mackie, penafsiran seperti ini tidak dapat ditolak sepenuhnya, namun pertikaian Indonesia-Malaysia memiliki lebih banyak akar, sama ada dalam pandangan-pandangan antarabangsa yang berbeza dan hubungan-hubungan awal antara kedua-dua negara dan ke atas semua dalam sistem politik Indonesia, berbeza tidak hanya melalui formulasi ideologi Sukarno tetapi juga melalui ketidakstabilan yang terdapat dalam negara.

Dalam kajian umum ini, Mackie memberikan sorotan yang khas ke atas dimensi di dalaman daripada konfrontasi. Selain mendedahkan unjuran yang terperinci dan penerangan yang jelas daripada asal usul dan arah pertikaian dalam

---

<sup>23</sup> ulasan oleh Michel Leifer. *International Affairs*. Vol. 52, No. 1 (Jan., 1976). hlm. 139-140.

aspek diplomasi dan ketenteraannya. Mackie, dalam mendedahkan sumber daripada adanya pertembungan kepentingan yang dianggap pelik, mendapatkan satu penjelasan yang lebih memuaskan di dalaman daripada di persekitaran luaran. Sukarno menjadi subjek utama dalam analisis yang dilakukan oleh Mackie, di mana beliau menyatakan jika tidak sepenuhnya dijelaskan, maka akan terdapat perbezaan daripada polisi dan keaburan niat yang difokuskan. Dalam mendedahkan tentang konfrontasi yang dinamik dalam terma proses, Mackie tidak pernah menyatakan bahawa dirinya mampu membuka minda Sukarno. Sikap revolusioner daripada Sukarno yang diungkapkan dalam dasar luar dilihat sebagai kenyataan luaran daripada keadaan politik di dalaman. Walaupun satu aspek dalam fenomena ini, sebenarnya konfrontasi ditafsirkan dalam terma praktikal, sebagai suatu siri jawapan sementara ke atas keadaan yang cair dan tekanan-tekanan daripada lawan-lawannya.

Karya Mackie ini amat menarik, kerana menegaskan pendapatnya bahawa sumber daripada dasar konfrontasi kerajaan Sukarno berasal daripada persekitaran di dalaman. Konfrontasi Sukarno digambarkan sebagai satu episod yang wujud daripada satu konteks politik di dalaman yang tersendiri, di mana ideologi menguasai persepsi. Walaupun ini tidak bererti bahawa tidak mencerminkan matlamat Indonesia di peringkat antarabangsa, bagaimanapun matlamat Indonesia yang revisioner dicari dan dikawal dan diwarnai oleh konteks di dalaman.

Donald Hindley (1964) melalui hasil penulिसannya, "*Indonesia's*

*Confrontation with Malaysia: A search for Motives*”,<sup>24</sup> berupaya menempatkan konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia sebagai konteks dalam mencari dan menjelaskan pelbagai kemungkinan motif yang terdapat di sebalik dasar luar Indonesia di bawah pimpinan Sukarno.

Menurut Hindley, motif daripada konfrontasi dianggap sesuatu yang rumit. Kemungkinan motif-motif tersebut ialah termasuk meluaskan wilayah, satu kepercayaan bahawa Malaysia merupakan satu ancaman serius dan keinginan untuk menegaskan bahawa Indonesia memiliki kedudukan “istimewa” di Asia Tenggara. Tetapi juga, benar bahawa dasar konfrontasi bersumber kepada kepentingan politik dan ekonomi di dalaman daripada rakyat Indonesia atau kumpulan daripada elit politik Indonesia.

Hindley membuktikan bahawa kerumitan daripada motif ini telah mengarahkan dasar konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia. Motif sebenar, jumlah yang dilakukan dan kesungguhan yang ditunjukkan adalah pelbagai di antara pelbagai individu dan kumpulan yang berasal daripada gabungan penguasa ketika itu. Di antara motif tersebut, yang paling penting adalah keinginan untuk menjamin Indonesia untuk memiliki peranan memimpin dalam menentukan arah perubahan politik di wilayah Asia Tenggara. Sebenarnya wujud perasaan tersinggung di kalangan pemimpin-pemimpin Indonesia pada ketika itu kerana Malaysia tidak sepenuhnya berunding semasa persiapan penubuhan persekutuan Malaysia dilakukan. Apa yang dilakukan oleh pihak Indonesia sememangnya bukan bererti Indonesia menyukai peperangan, tetapi perkara yang mendorong

---

<sup>24</sup>ulasan oleh Donald Hindley. “Indonesian’s Confrontation with Malaysia: A Search for Motives”. *Asian Survey*. Vol. 4. No. 4 (Oct., 1970). hlm. 874-875.

Indonesia melakukan konfrontasi ialah suatu ketakutan bahawa penubuhan persekutuan Malaysia akan mewujudkan kesan negatif ke atas Indonesia dan tujuan ekonomi di dalaman dan politik yang berkembang melalui konfrontasi.

Selain daripada motif yang dilakukan, masih tersembunyi kemungkinan bahawa beberapa pemimpin Indonesia sememangnya memiliki hasrat untuk meluaskan wilayah. Seperti yang berlaku pada ketika itu, memiliki kemungkinan, dengan mengabaikan laungan kaum komunis tentang penyerahan dan pengkhianatan, bagi pemerintah Indonesia untuk mencari jalan “menyelamatkan muka” jika hanya pada satu landasan permusuhan verbal. Namun, strategi daripada Indonesia ialah mengamalkan sifat wajar daripada keseimbangan kuasa di dalaman termasuk skala dan sifat daripada isu di dalaman yang dihadapi. Selain itu, pengalaman psikologi dan politik daripada para pemimpinnya sebatu dengan polisi yang pelbagai daripada jalan penyelesaian masalah di dalaman yang mendesak, sehingga penyertaan daripada nasionalisme yang kuat.

Jelas bahawa Indonesia memiliki alasan yang sesuai daripada sudut pandangannya untuk memusuhi Malaysia, banyak juga yang menekankan alasan ekonomi dan politik untuk menyelenggarakan Indonesia dalam satu keadaan krisis menentang suatu musuh luar; Belanda, Malaysia dan Inggeris atau yang lainnya.

Selain daripada itu, terdapat banyak pendapat dilontarkan yang menyatakan bahawa Indonesia tidak memiliki keinginan untuk meluaskan wilayah ke atas Malaysia. Namun pendapat ini tidak sah, sebelum Ogos 1962, Indonesia telah membelanjakan seluruh sumbernya dan usaha diplomasinya

untuk menyatukan Irian Barat dalam wilayah Republik Indonesia. Dalam fasa akhir kempen pembebasan Irian Barat, Indonesia meningkatkan kekuatan tenteranya untuk menekan Malaysia secara tegas. Meskipun Indonesia tidak memiliki kebenaran untuk campur tangan dan kemungkinan meluaskan wilayah ke atas Malaysia, tetapi Indonesia sempat melakukan latihan, memberikan peralatan dan memimpin gerila di atas asas penentuan nasib sendiri daripada rakyat yang dijajah di sekitar Borneo.

Hindley menyatakan bahawa idea untuk meluaskan wilayah juga memainkan peranan dalam motivasi permusuhan Indonesia ke atas Malaysia. Permusuhan ke atas Malaysia sememangnya dibangkitkan oleh kegagalan Inggeris dan Malaysia untuk menjadikan Indonesia tempat rujukan sepenuhnya tentang nasib satu wilayah yang dinamakan "*Indonesia's natural sphere of concern*". Selain itu, Hindley menyatakan bahawa potensi ekspansionisme (perluasan) Indonesia memiliki akar sejarah dan wujudnya idea Indonesia Raya yang dikemukakan oleh Mohamad Yamin masih tidak terlalu lama berlalu. Namun, pelaksanaan semangat ini dapat dilihat dalam kes penyatuan Irian Barat dalam Indonesia.

Hasil kajian dan penulisan Hindley ini amat berguna dalam melihat kemungkinan pelbagai motif di sebalik konfrontasi Indonesia ke atas persekitaran luaran. Hindley melihat motif-motif ini berasal daripada kepentingan daripada elit politik Indonesia yang saling bersaing antara satu sama lain.

Jan M. Pluvier (1966) melalui karyanya "*Confrontation: A Study in*

*Indonesia Politics*”,<sup>25</sup> menyatakan bahawa satu ratapan mengenai berjalannya sejarah politik Indonesia yang lebih tepat dinamakan “Revolusi Dikhianat”. Beliau berupaya untuk menjelaskan tentang Demokrasi Terpimpin sebagai satu muka tetapi juga menunjukkan bahawa terdapat satu kesalahan konsep bersama untuk memandangnya sebagai satu format politik yang bersesuaian dengan Komunis. Hindley berhujah bahawa pemerintah Sukarno secara berhati-hati mencipta imej kekirian melalui kecenderungan-kecenderungan anti-imperialis dan kerjasama luaran dengan Komunis, sebenarnya, dilandaskan kepada usaha menyelenggarakan kuasa ekonomi dan politik daripada elit pemerintah Indonesia untuk mencabar setiap usaha dalam melakukan perubahan sosial.

Sebagai satu skets daripada peristiwa politik di Indonesia, hasil penulisan merupakan sebuah karangan yang mengagumkan. Bagaimanapun, nilainya sebagai satu penafsiran dilihat telah dilemahkan secara tersembunyi oleh implikasi daripada Gerakan 30 September. Pluvier menjelaskan strategi Sukarno, khasnya selepas 1958, sebagai satu usaha untuk menetralkan (seimbangkan) Komunisme dengan menariknya ke bawah garis propaganda dan mobilisasi pihak nasionalis. Bagaimanapun, daripada pertengahan 1962 --apabila Jeneral Nasution dijanjikan daripada kedudukannya sebagai Ketua Kakitangan Tentera-- Sukarno kelihatan lemah kerana elemen dalam politik Indonesia iaitu tentera, yang mampu melakukan penentangan yang berkesan ke atas komunis, telah keluar. Pada masa yang sama, PKI mengembangkan kemampuan mereka bagi menahan tekanan daripada lawan-lawannya.

---

<sup>25</sup> ulasan oleh Michel Leifer. *International Affairs*. Vol. 42. No. 3 (Jul., 1966). hlm. 543-549.



Hasil kajian Pluvier juga memaklumkan bahawa sebenarnya di antara parti politik yang berada dalam sistem Demokrasi Terpimpin, mereka adalah pengugut-pengugut bagi Sukarno. Boleh dikira bahawa jatuhnya Sukarno daripada kekuasaan disebabkan oleh permainan politik daripada pengugut-pengugut tersebut.

Kajian mengenai tindakan politik Sukarno yang ada biasanya dibezakan dan dipisahkan sebagai politik di dalaman dan politik luaran. Umumnya, sasaran daripada kajian dasar di dalaman, ialah fokus kepada perkara-perkara yang terdapat dalam sempadan wilayah suatu Negara, dan kajian dasar luaran memberi fokus kepada sasaran yang melepasi sempadan wilayah kedaulatan sesebuah negara. Dalam konteks tingkah laku politik Sukarno, kajian ke atas kedua-dua dimensi yang berbeza ini lebih bersifat sejarah dan struktur. Bersifat struktur, kerana kajiannya menekankan pentingnya aspek-aspek daripada persekitaran, institusi dan kemasyarakatan di dalaman. Bersifat sejarah, kerana kajiannya menekankan kronologi fasa-fasa perkembangan daripada dasar dan tindakan Sukarno.

Penyelidikan-penyelidikan mengenai politik Sukarno (dimensi di dalaman dan luar negara) yang berupaya memberi pemahaman dan menjelaskan melalui faktor personal masih belum boleh diketahui. Penyelidikan yang sistematik melalui aspek-aspek psikologi Sukarno belum dilakukan, meskipun terdapat beberapa penulisan mengenai biografi Sukarno tetapi bukan berbentuk satu kajian ilmiah yang secara tersurat dan fokus menghubungkan psikologi Sukarno dengan tindakan konfrontasinya. Untuk menyokong pendapat ini, penjelasan seterusnya

di bawah dibahas penulisan-penulisan mengenai Sukarno sebagai individu dalam kehidupan politik Indonesia.

Bernhard Dahm (1968) dalam karya tulisannya, "*Soekarno dan Perjuangan Kemerdekaan*",<sup>26</sup> menghuraikan tentang fasa-fasa perkembangan pemikiran Sukarno bermula daripada Nasionalisme, Komunisme dan Agama dalam suasana politik pada dekad 1920 hingga pengisytiharaan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945. Orientasi daripada pemikiran Sukarno itu ialah perjuangan untuk mengusir Belanda dari tanah Jawa. Sukarno mengenali bahawa kekuatan yang nyata di masyarakat ketika itu terbagi ke dalam tiga kekuatan besar iaitu Nasionalis, Komunis dan Agama. Upaya memadukan ketiga-tiga kekuatan itulah yang menjadi bahagian paling penting

Bernard Dahm mengawali tulisannya dengan menggambarkan konteks sosial masyarakat Jawa yang dijajah oleh Belanda dan pengharapan mereka terhadap tibanya suatu perubahan sosial. Penjajahan Belanda yang telah berlaku selama 300 tahun telah membangkitkan kembali dan menyuburkan kepercayaan orang Jawa ke atas kemunculan seorang messias, yang dikenal sebagai Ratu Adil. Khususnya bagi orang Jawa, kepercayaan ini berasas pada karya tulis Jayabaya yang meramalkan perjalanan hidup orang Jawa semenjak ketibaan kumpulan pelaut (Portugis dan Belanda) yang akan menguasai tanah air mereka, kemudian masuk kepada masa penuh bencana dan kekacauan. Daripada keadaan macam

---

<sup>26</sup> Bernard Dahm 1987. *Soekarno dan Perjuangan Kemerdekaan*. Jakarta: LP3ES. terjemahan oleh Hasan Basari. Juga ulasan-ulasan oleh Daniel S. Lev di dalam *The Western Political Quarterly*. Vol. 23. No. 2 (Jun., 1970). hlm. 423-425. John P. Legge di dalam *The Journal of Asian Studies*. Vol. 30. No. 1 (Nov., 1970). hlm. 235-237., M. C. Ricklefs di dalam *Modern Asian Studies*. Vol. 5. No. 1. (1970). hlm. 79-80. Ann Ruth Willner di dalam *The American Political Science Review*. Vol. 65. No. 2 (Jun., 1971). hlm. 540-541., dan Roger K. Paget di dalam *Pacific Affairs*. Vo. 45. No. 2 (Summer, 1972). hlm. 313-314.

inilah, Si Tunjung Putih (Ratu Adil) akan muncul.

Daripada konteks sosial itu, Dahm mulai menghuraikan kemunculan Sukarno. Mengikuti arus cerita di dalam Barata Yudha, Dahm melihat dalam fasa pertama kehidupan Sukarno, ia melihat seorang belia telah memiliki kesedaran bahawa di dalam masyarakat telah terpecah ke dalam dikotomi penjajah dan yang dijajah. Sifat angkara murka yang ditunjukkan oleh penjajah ini telah membangkitkan rasa tidak suka dan kemudian hari membangkitkan azam untuk mengusir Belanda keluar dari tengah-tengah masyarakat Indonesia. Hingga tahun 1931 Sukarno mematangkan pemikiran tentang perjuangannya melawan Belanda dalam model aksi-reaksi daripada kaum “sana dengan sini”. Perjuangannya bertumpu sikap berdikari dan tidak bekerjasama dengan Belanda dan pada pentingnya suatu organisasi rakyat (PNI) yang mampu menggerakkan massa.

Kegagalan Sukarno untuk membangun front nasional melalui PNI telah mengarahkan Sukarno masuk ke suatu fasa kedua dari Bharata Yudha. Pada fasa ini Sukarno mendapatkan suatu asas bagi berpadunya rakyat dalam suatu konsepsi yang terkenal, iaitu Marhaenisme. Partai Marhaen dalam pandangan Sukarno ialah suatu parti yang memiliki disiplin tinggi dan yang pemimpin utamanya diberikan kekuasaan hampir diktatorial sehingga parti ini dapat menjadi sarana untuk memadukan belbagai kumpulan rakyat yang berbeza.

Pemikiran Sukarno tentang Marhaen tidak berkembang lebih jauh sehubungan dengan Sukarno ditangkap dan dipenjara dipengasingan. Pada masa ini, pemikiran Sukarno masuk ke pada pemikiran tentang Islam. Sukarno melihat bahawa Islam adalah ajaran tentang kemajuan, kesetaraan dan rasionaliti. Perkara

ini dijadikan hujah oleh Sukarno untuk mempersoalkan masyarakat Islam yang hidup bertolak belakang dengan kemajuan, kesetaraan dan rasionaliti. Bagi Sukarno ketika ia mempelajari Islam, ia berkehendak Islam boleh menjadi alat bagi pendapatnya tentang perjuangan melawan penjajah.

Pemikiran politik Sukarno diliputi oleh suatu niat bagi menyatupadukan elemen-elemen masyarakat yang dilihat sentiasa berselisih dalam pergerakan nasional masyarakat Indonesia. Bermula daripada tema asas tersebut, beliau melihat akar-akar daripada rumusan Nasakom (Nasionalis, Agama, Komunis) pada awal 1920an. Dari sudut pandangan Dahm, perpaduan yang dibuat menjadi nyata melalui kemampuan Sukarno yang menarik untuk mengabaikan perincian yang menyukarkan daripada Nasionalisme, Islam dan Komunisme. Oleh sebab itu, Sukarno berusaha menghindarkan mereka dalam suatu sintesis yang sukar. Daripada hasrat Sukarno untuk menyemai perpaduan dalam masyarakat, Dahm menafsirkan kesan daripada tradisi orang Jawa yang bersifat sinkretik (menggabungkan).

John D. Legge (1972) melalui karya tulisnya dengan tajuk "*Sukarno: A Political Biography*",<sup>27</sup> menggambarkan perkembangan kehidupan politik Sukarno bermula ketika ianya bersekolah di Surabaya dan menjadi mahasiswa di Bandung. Kehidupannya di kedua-dua kota ini telah membentuk benih-benih Nasionalisme daripada Sukarno dan aktifitas-aktifiti anti Belandanya. Di Surabaya, dibawah arahan Cokroaminoto dan tokoh tokoh lainnya dari berbagai aliran

---

<sup>27</sup> J. D. Legge. (1972). *Sukarno: A Political Biography*. Sydney Wellington London Boston: Allen & Unwin. Juga ulasan-ulasan oleh Stephen Loan di dalam *The Journal of Asian Studies*. Vol. 32. No. 4 (Aug., 1973). hlm. 749-750., Thomas J. Bellows di dalam *The Journal of Politics*. Vol. 35. No. 4 (Nov., 1973). hlm. 1044-1046., dan Theodore Friend dalam *The American Historical Review*. Vol. 81. No. 4 (Oct., 1976). hlm. 947-948.

pemikiran. Kerananyacakrawala pemahaman Sukarno tentang belbagai esensi peristiwa di dunia terbentang luas. Di Bandung melalui arahan dari Douwes Dekker, Dr Cipto Mangunkusumo dan Ki Hajar Dewantara, justru pemahaman Sukarno tentang Nasionalisme dan pengamalan anti Belandanya menemukan bentuk dan peraktiknya.

Selepas masa pembentukan nasionalisme Sukarno di Surabaya dan Bandung, Legge melihat peran memimpin Sukarno di dalam tiga era. Pertama, pada tahun 1920 sehingga 1929, menghuraikan suatu fasa dimana Sukarno melangkahkan kakinya sebagai pemimpin kumpulan Nasionalis dan menjadi pemimpin PNI. Melalui PNI, Sukarno telah menebarkan pemikiran nasionalisme ke belbagai wilayah di pulau Jawa. Fasa ini terhenti ketika Sukarno ditahan dan diasingkan ke Ende dan kemudian ke Bengkulu. Kedua, semasa pendudukan Jepun hingga Proklamasi Kemerdekaan Indonesia, Sukarno telah mengubah taktiknya dari tidak bekerjasama yang selama ini ditujukan kepada Belanda menjadi bekerjasama dengan pendudukan Jepang. Karena sikapnya ini, Sukarno kemudian diposisikan oleh pendudukan Jepun sebagai pemimpin utama daripadarakyat Indonesia. Meskipun sikap Sukarno ini dipandang kontroversial oleh belbagai pihak tetapi para pejuang proklamasi kemerdekaan justru menempatkan Sukarno sebagai presiden Indonesia ketika Indonesia dimerdekakan. Ketiga, Masa demokrasi dipimpin hingga jatuhnya Sukarno dari kekuasaannya di Indonesia. Pada masa ini digambarkan bagaimana Sukarno mendudukan dirinya sebagai Pemimpin Besar Revolusi yang memiliki kuasa untuk melakukan berbagai perubahan fundamental dalam kehidupan bangsa dan

negara. Konfrontasi ke atas semua pihak yang menjadi pencabar bagi cita-cita proklamasi kemerdekaan menjadi watak daripada dasar luar dan dasar dalaman daripada tahun 1959 sehingga 1965.

Legge melihat tahun-tahun daripada kuasa rasmi terbesarnya selepas tahun 1959, sebagai suatu di mana *magico-mysticism* seiring dengan kekuatan moral merupakan perkara biasa dalam tindakan Sukarno. Perkara tersebut menghindar daripada pemikiran asas tentang bagaimana mencapai kemajuan ekonomi atau perubahan dasar dalam struktur masyarakat. Selepas Sukarno mencapai suatu peranan politik yang hampir mapan, siasah politik dan penyebaran yang menaik, di mana semua perkara bergantung kepada presiden dan orang-orang terdekat, konteks keadaan yang dinamik telah mengurangi kesan Sukarno dengan cara yang tidak kelihatan ketika itu dan rundingan ditumpukan ke dalam manipulasi. Hingga tahun 1945, Legge menilai Sukarno sebagai seorang yang konservatif. Walaupun kecenderungan semakin meningkat untuk menyuarakan pepatah dan semangat revolusioner, melalui kecekapan manipulatif yang dimiliki, Sukarno secara asas memikirkan bahawa dirinya dan elit-elit yang lebih tua tetap dalam kekuasaannya. Dalam satu "Theatre State" Sukarno merupakan seorang pelakon utama, di mana beliau telah mewujudkan sebuah Istana dan halamannya sendiri, berupa *supra structure* yang dikawal dan diselenggarakan. Ini menunjukkan bahawa Legge menganggap Sukarno sebagai seorang yang berkeperibadian dan tindakan yang dilakukan mencerminkan beliau seorang nasionalis sekular yang juga seorang Jawa sinkretik yang menganggap dirinya sebagai seorang johan (hero) sesuai dengan pola struktur kekuatan dalam

pertunjukkan Wayang.

Dalam memahami kehidupan Sukarno, Legge menjelaskan bahawa Sukarno dikagumi kerana memiliki idealisme dan keberanian sebagai seorang pelajar muda yang meninggalkan Kolej Teknik dan kembali ke Surabaya untuk menyokong moral Tjokroaminoto yang dipenjarakan oleh penjajah Belanda. Tjokroaminoto ialah mentor politik, di mana Sukarno amat menghormatinya. Dalam memberi penjelasan yang panjang tentang Sukarno, Legge juga secara mengagumkan menunjukkan suatu perbincangan tentang bagaimana Sukarno melakukan kerjasama dan konflik dengan pemimpin-pemimpin utamanya iaitu Hatta dan Syahrir. Legge melihat kerumitan yang menandai terma “Pemimpin Besar Revolusi” kerana bagi Legge, Sukarno bukanlah satu-satunya pemimpin besar yang menguasai politik bangsa Indonesia. Revolusi bukanlah titik akhir kerjaya Sukarno meskipun beliau mengukuhkan dirinya yang membawa Indonesia merdeka. Namun sememangnya memiliki perbezaan dengan yang lain, kerana beliau memiliki keperibadian umum yang amat kuat, yang tidak boleh ditandingi oleh pemimpin-pemimpin besar yang lain.

Leslie H. Palmer (1957), melalui artikel “*Sukarno: the Nationalist*”,<sup>28</sup> menggambarkan Sukarno sebagai sosok nasionalis dengan meninjau perjalanan kehidupan Sukarno daripada kanak-kanak hingga 1956. Palmer menyatakan bahawa kebangkitan Sukarno sebagai seorang nasionalis berlaku sejak beliau menjadi mahasiswa *Teknische Hooge School* (Kolej Teknik) di Bandung. Perkenalannya dengan *National Indische Partij* yang dipimpin oleh

---

<sup>28</sup> ulasan oleh Leslie H. Palmer. Sukarno: *The Nationalist*. *Pacific Affairs*. Vol. 30. No. 2. (Jun., 1957). hlm. 101-102.

Tjipto Mangunkusumo dan Dr. Dewes Dekker membangkitkan kesadaran Sukarno untuk berpegang pada asas bahwa tindakan politik mesti diarahkan untuk membebaskan negara daripada jajahan luar. Sukarno memegang kukuh asas ini sehingga menjadikan Sukarno memiliki ciri-ciri seorang nasionalis yang berjuang bagi pihak rakyat. Perkara ini juga yang menyebabkan Sukarno tidak meneruskan kegiatannya dalam Sarekat Islam yang berpusat di Surabaya. Bagi Sukarno meskipun Sarekat Islam memiliki sifat nasionalis tetapi anggota-anggotanya bukanlah rakyat jelata atau petani, mereka adalah masyarakat perbandaran kelas pedagang.

Asas-asas nasionalisme Sukarno dikukuhkan dalam *Algemene Studie Club* (*General Study Club*) di mana beliau terlibat dalam menubuhkan kelab ini di Bandung pada tahun 1926 dan dengan cepat dikenali oleh banyak pihak. Perkembangan kelab kajian ini mendorong Sukarno dan rakan-rakan untuk menubuhkan sebuah parti yang dikenali sebagai Parti Nasional Indonesia di mana Sukarno yang telah menamatkan persekolahannya di Kolej Teknik Bandung menjadi pengetua. PNI bawah pimpinan Sukarno semenjak awal ditubuhkan bertujuan untuk kebebasan sepenuhnya bagi rakyat Hindia Belanda dengan strategi non-kooperasi dengan pemerintahan penjajah. Sukarno dengan kemampuan yang dimiliki dalam berpidato telah menjadikan PNI sebagai sebuah parti yang berkembang pesat. Namun, apa yang penting adalah perkembangan ini berkaitan dengan kemampuan Sukarno dan pengerusinya untuk melakukan penyatuan rakyat dan mewujudkan sikap saling bergantung antara satu sama lain.

Seterusnya, Palmer menjelaskan bahawa Sukarno menyatakan bahawa



kejayaan daripada strategi non-kooperasi ke atas Belanda hanya akan berhasil jika perpaduan dan kekuatan sendiri daripada rakyat Indonesia dapat dibina. Dengan anggapan seperti ini, maka tidak menghairankan jika Sukarno menjaga jarak hubungan dengan kaum Islam dan Komunis, Sukarno menolak asas Islam dan komunis bagi gerakan nasionalis. Menurut Palmer, alasan Sukarno bertindak demikian sebenarnya bukannya untuk menentang ideologi kedua-dua golongan tersebut tetapi kerana lebih merasa tidak ada guna menunggu bantuan daripada pihak Islam dan komunis. Bangsa Indonesia mesti berjuang dengan asasnya sendiri dan bergantung kepada dirinya sendiri.

Daripada hasil penulisan Palmer, penerangan yang dijelaskan seperti di atas adalah bahagian yang terpenting dalam konteks Sukarno sebagai seorang nasionalis. Ini kerana asas-asas tersebut masih berfungsi sebagai pedoman bagi pemikiran politik selepas tahun 1956.

Cindy Adams (1965) melalui tulisannya, edisi terjemahan tahun 2011, “Bung Karno: Penyambung Lidah Rakyat”,<sup>29</sup> menggambarkan kehidupan dan peribadi Sukarno. Berlandaskan kepada banyak temu duga yang telah dilakukan dengan Sukarno pada tahun 1964, tanpa sebarang dakwaan teori, menjelaskan tentang peribadi Sukarno dalam bentuk autobiografi. Secara umumnya, perkara-perkara yang didedahkan, khasnya dalam aspek politik sudah dikenali melalui hasil penulisan akademik namun sebagai seorang wartawan, Cindy Adams berjaya mengungkap tentang peribadi Sukarno daripada sumbernya secara langsung

---

<sup>29</sup>CindyAdam. (2011). *Bung Karno: Penyambung Lidah Rakyat*. Jakarta: Gunung Agung.

yang berlandaskan kepada perkara-perkara yang dibualkan bersama Sukarno. Liputan yang dibuat dilihat mampu mengangkat aspek keperibadian Sukarno sebagai seorang insan. Perkara ini sangat bererti bagi memberi pemahaman dan penjelasan mengenai Sukarno secara lebih seimbang kerana selama ini bagi banyak pihak, imej daripada keperibadian Sukarno ialah bersifat temperamental (baran), ego (mementingkan diri) malahan gila.

Liputan Cindy Adams tentang kehidupan Sukarno dimulai sejak Sukarno kanak-kanak sehingga berada dalam pemerintahan sebagai presiden Indonesia dalam sistem demokrasi terpimpin. Sumbangan buku ini terhadap gambaran pemikiran politik Sukarno terletak pada huraian tentang wujudnya benih-benih kesedaran politik dan pengetahuan yang berkaitan apabila beliau tinggal di Surabaya. Di Bandung, Sukarno menjalankan pematangan pengetahuan politik, mendapatkan konsep Marhaen, mengukuhkan dirinya sebagai seorang nasionalis dan pejuang bagi membebaskan rakyat Indonesia. Huraian-huraian selanjutnya menggambarkan bagaimana Sukarno tetap seorang nasionalis yang mengutamakan bangsanya meskipun pernah berkongsi dengan pendudukan Jepun dan pernah dekat dengan PKI pada era demokrasi terpimpin.

Daripada tinjauan mengenai pemikiran dan tindakan Sukarno, jelas bahawa kajian psikologi politik dalam konteks hubungan antarabangsa dalam menjelaskan politik konfrontasi Sukarno masih belum terdapat penyelidikan yang memberi focus dalam konteks ini, sehingga adalah munasabah untuk mengambil kira kajian seperti ini dilakukan.

## 1.8 Kaedah Penyelidikan

Kajian dalam psikologi politik boleh melibatkan kaedah kuantitatif atau pun kaedah kualitatif.<sup>30</sup> Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif, yang digunakan untuk mendedahkan aspek-aspek psikologi daripada Sukarno dan konfrontasi Indonesia di bawah kuasanya. Aspek psikologi yang utama ialah pemikiran, sebagai hasil daripada proses berfikir yang berpotensi boleh dikomunikasikan, melalui bahasa yang biasa diungkapkan dan melalui tulisan dan percakapan (*speech*).<sup>31</sup> Berdasarkan perkara tersebut, untuk menggambarkan aspek psikologi pemikiran, secara khusus, melibatkan analisis terhadap teks tulisan yang dibuat oleh Sukarno.<sup>32</sup> Pengamalannya digunakan untuk mendedahkan kepercayaan, persepsi, emosi, kecenderungan untuk bertindak dan secara induktif diperoleh aktiviti mental lainnya, iaitu, penilaian daripada Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri. Kemudian aspek-aspek psikologi yang berjaya diungkapkan, ditujukan untuk mendapatkan pemahaman realiti konfrontasi berkenaan.

### 1.8.1 Analisis Data Kualitatif

Kandungan daripada suatu teks dihimpun dan dikategorikan dalam kategori-kategori sesuai dengan sifat-sifatnya dan kemudian kategori-kategori

---

<sup>30</sup> John T. Jost and Jim Sidanius. ed. (2004). *Political Psychology*. New York: Psychology Press. hlm. 1-2.

<sup>31</sup> Garry R. Kirby and Jeffery R. Goodpaster. (1999). *Thinking*. 2<sup>nd</sup> edition. New Jersey: Prentice Hall. hlm. 5-6. lihat juga Neil R. Carlson. (2010). *Psychology: The Science of Behavior*. 7<sup>th</sup> edition. Boston: Allyn & Bacon. hlm. 16.

<sup>32</sup> Kaedah kualitatif yang digunakan merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh Ole R. Hosti (1970). "The Operational Code of John Foster Dulle's Phylosophical and Instrumental Beliefs". *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1970). hlm. 123-157., David McClelland. (1977). "The Operational Code of Dean Achesson's Phylosophical and Instrumental Beliefs". *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1971). hlm. 52-75., dan Martha L. Cottam. (2010). *Introduction to Political Psychology*. New York: Lawrence Erlbaum. hlm. 33.

tersebut dikaji. Selain mencari konteks dan merumuskan penafsiran, untuk kepentingan yang lebih lanjut, analisis teks kualitatif memiliki peluang untuk melahirkan teori atau satu model baru. Sesuatu yang umum bahawa analisis kualitatif ke atas teks diamalkan bagi mendedahkan atau membuat skim maklumat tentang tingkah-laku (*behavior*) dan pemikiran (*thought*). Dengan demikian, secara kualitatif, kategori-kategori yang dibuat mengandungi ekspresi daripada subjek yang mencerminkan bagaimana mereka bertingkah-laku dan berfikir berkenaan dengan dunia sosial mereka.<sup>33</sup>

Mengikut penyelidikan kualitatif, huraian mengenai kandungan daripada kategori yang dibuat menggunakan bahasa verbal (lisan) bukannya menggunakan simbol angka. Huraian-huraian yang dibuat berasaskan kepada ayat-ayat (dan kata-kata) yang dikumpul daripada teks pidato yang sebenar. Sebahagian daripada ayat-ayat yang diperolhi dapat mewakili sifat sesebuah kategori, dimuat dan dijadikan asas daripada huraian keseluruhan. Dengan niat supaya analisis dapat dikawal dan pemahaman dapat dicapai. Selain itu, dengan mengumpul ayat-ayat yang sesuai dengan teks pidato yang dikaji, dapat dikenali gaya pengungkapan dan mungkin juga aspek psiko-emosi dan keperibadian Sukarno atau perkara lain.

#### **1.8.1.1 Unit daripada Analisis**

Menghuraikan kandungan daripada kategori-kategori memerlukan unit daripada kajian (*unit of analysis*). Unit daripada kajian pidato dalam penyelidikan ialah

---

<sup>33</sup> Hsieh and Shanon. (2005). "Three approaches to qualitative content analysis". *Qualitative Health Research*. 15 (9). hlm. 1277-1288.

tema (*theme*)<sup>34</sup> dan bukannya kata sebagai unit daripada kajian kerana kata kurang mengandungi maklumat.<sup>35</sup> Tema cukup untuk mendapatkan maksud daripada pesanan yang hendak dijelaskan.<sup>36</sup> Tema mencerminkan idea atau konsep. Tema yang dipilih ialah tema persendirian sebagai unit daripada kajian, bukannya unit-unit linguistik fizikal yang umum. Tema-tema persendirian diungkapkan dalam kata tunggal, frasa, ayat, perenggan dan atau keseluruhan dokumen.

### 1.8.1.2 Kategori: Penamaan dan Penakrifan

Dalam analisis teks penyelidikan ini, kategori yang ada, secara induktif, diterbitkan daripada bahan penyelidikan.<sup>37</sup> Meskipun pada asasnya, proses analisis kualitatif menggunakan alasan induktif, yang mana tema dan kategori wujud daripada data, tetapi analisis kualitatif tidak perlu mengabaikan hujah deduktif.<sup>38</sup> Kerana menurunkan konsep atau pembolehkan daripada teori atau kajian sebelum juga amat berfaedah bagi penyelidikan kualitatif, khasnya untuk masa permulaan daripada suatu analisis data.

Selain itu, dalam kerja penyelidikan sebenarnya, pendekatan induktif dan deduktif dapat digunakan secara saling menguatkan. Dalam beberapa kajian, suatu model permulaan atau teori menjadi asas bagi kajian. Melahirkan senarai kategori pengkodan daripada model atau teori, dan mengubahsuai model atau

---

<sup>32</sup> Bruce L. Berg. (2004). *Qualitative Research Methods for The Social Sciences*. Boston: Allyn and Bacon. hlm. 231.

<sup>35</sup> Robert P. Weber. (2004). *Basic Content Analysis*. California: Sage Publications. hlm. 10.

<sup>36</sup> Royce Singleton. Jr. (1988). *Approaches to Social Research*. New York: Oxford University Press. hlm. 349.

<sup>37</sup> Pat Bazeley. *Handbook of Mixed Methods in Social and Behavioral Research*. Di dalam Tashakkori, A., Charles Teddie. (eds). (2002). Beverly Hills: Sage Publications, Inc. hlm. 405.

<sup>38</sup> Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*. Thousand Oak, CA: Sage. hlm. 78.

teori dalam proses analisis sesuai dengan kategori baru yang wujud secara induktif. Perkara asas daripada proses ini ialah tema mahupun kategori yang telah dirumuskan boleh berganti dan bertambah mengikut dapatan kajian ketika proses analisis ke atas teks dilakukan.<sup>39</sup> Proses mengembangkan kategori yang sesuai dengan kandungan maklumat yang sebenarnya merupakan bahagian yang amat penting dalam analisis teks. Kerana kategori menjadi pangkal daripada penafsiran atau pengembangan daripada aspek-aspek penafsirannya.

Penerokaan ke atas psikologi politik dalam analisis dasar luar dan politik antarabangsa telah mengaitkan teori pembuatan keputusan dalam kewujudan model kognitif. Namun, teori psikologi bukan hanya menegaskan peranan yang kuat atau kesan yang *decisive* (tegas) daripada *cognitive aspect* (kepercayaan dan persepsi) daripada pemimpin ke atas tindakan negara tetapi juga aspek-aspek yang lain, iaitu *affective* dan *conative*.

Kategori dan penakrifan ke atas kepercayaan dan persepsi yang digunakan untuk mengumpul kandungan daripada teks pidato Sukarno, menghasilkan pelbagai perbezaan sifat daripada himpunan kandungan komunikasi dan dibahagikan kepada kategori yang diwakili. Dapatan tema bukan hanya sekadar tema yang sesuai dengan kategori yang merujuk kepada konsep *cognition* (kepercayaan dan persepsi), *affection* dan *conation* tetapi juga terdapat tema lain yang memerlukan kategori baru.

---

<sup>39</sup>Holsti, Ole R. (1970). "The Operational Code Of Dulles's Phylosophical and Instrumental Beliefs". *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1970). hlm. 123-157. McLelland, David. (1977). "The Operational Code of Dean Acheson's Phylosophical and Instrumental Beliefs". *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1971). hlm. 52-75.

### 1.8.1.2.1 Penamaan

Penamaan (*naming* atau *labelling*) bagi kategori yang dibuat secara deduktif berasaskan kepada tiga aspek pemikiran (*trilogy of mind*), iaitu; *cognition* (digolongkan sebagai kategori kepercayaan semasa atau persepsi), dan *affection* (digolongkan sebagai kategori emosi). Kategori kecenderungan untuk bertindak merujuk kepada terma *conation*. Manakala secara induktif diperolehi kategori penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri merujuk kepada terma *policy evaluation* (penilaian polisi).

Daripada persepsi, emosi dan kecenderungan untuk bertindak disusunkan kategori mengikut dimensi psiko-emosi tidak suka (*dislike*). Terma ini merujuk kepada salah satu daripada tiga kewujudan tindak balas dalam hubungan antarabangsa iaitu konflik, yang bersumber pada sikap permusuhan. Dalam keadaan konflik antarabangsa, persepsi yang menonjol daripada pembuat keputusan ialah persepsi tentang kewujudan ancaman (*threat perception*). Manakala penilaian ke atas polisi (*policy evaluation*) dibezakan mengikut dimensi hasil iaitu kejayaan dan kegagalan. Perkara ini berkenaan dengan penilaian ke atas polisi iaitu kegiatan mental yang melihat suatu tindakan berkaitan dengan hasil yang dikehendaki.

Seterusnya dimensi persekitaran luar dan dalam dikaitkan. Penyertaan persekitaran luar dan dalam ini merujuk kepada analisis sistem ke atas polisi yang biasa membezakan *input* dan *output* dalam dimensi persekitaran luar dan dalam. Selain itu, juga merujuk kepada penjelasan dari Boulding yang membezakan

pandangan dalam dimensi internal (dalaman) and *universe*.<sup>40</sup>

### 1.8.1.2.2 Penakrifan

Penakrifan maksud yang jelas dan tegas bagi setiap kategori perlu dioperasikan untuk mengumpul data yang berkaitan.<sup>41</sup> Prosedur kategori ditakrifkan secara tidak jelas akan lebih menyerupai suatu kerja seni.<sup>42</sup>

Meskipun demikian, dalam penyelidikan ini, penakrifan dibuat merujuk kepada erti konseptual dan bahasa yang secara timbal balik diubahsuai berdasarkan tema dalam kandungan teks.<sup>43</sup>

1. *Cognition* ialah pengetahuan seseorang tentang sifat suatu objek yang ada dalam persekitaran,<sup>44</sup> ianya merupakan kewujudan dan kegiatan *knowing* (mengetahui) dan *understanding* (memahami).<sup>45</sup>

#### 1.1. Kepercayaan<sup>46</sup>

1.1.1. Kategori *Kepercayaan Falsafah* ialah pengetahuan tentang sifat asas daripada keadaan dunia sosial.

1.1.2. Kategori *Kepercayaan Instrumental* ialah pengetahuan tentang jalan

<sup>40</sup>Kenneth E. Boulding. (1959). "National Images and International Systems". *Journal of Conflict Resolution*. 3. hlm. 120-131.

<sup>41</sup> Rose McDermott. (2007). *Political Psychology in International Relations*. Michigan: University of Michigan. hlm. 32

<sup>42</sup>Krippendorff. (1980). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. New York: Plenum. hlm. 76.

<sup>43</sup>Ernest R. Hilgard. (1980). "The Trilogy of the Mind: Cognition, affection and conation". *Journal of the History of Behavioral Sciences*. 16. hlm. 107-117.

<sup>44</sup>Komponen *cognitive* adalah fikiran atau idea tentang sesebuah objek. Fikiran ini seringkali dikonsepsualisasikan sebagai *beliefs*, yang ditafsir sebagai asosiasi atau *linkage* yang dikuatkan seseorang diantara objek dengan pelbagai atribut. Alice H. Eagley, and Sheley Chaiken. (1993). *The Psychology of Attitudes*. Forth Worth: Harcourt Brace Jovanovich, Inc. hlm. 10-12.

<sup>45</sup> Hilgard. The Trilogy of the Mind: Cognition, affection and conation". hlm. 107-117.

<sup>46</sup>George, A. L. (1969). "The Operational Code: A Neglected Approach to the Study of Political Leaders and Decision-Making". *International Studies Quarterly*. 134. hlm. 190-222.



asas dalam bertindak yang selari dengan kepercayaan falsafah.

1.2. *Perception* ialah penilaian atau penafsiran ke atas sifat suatu objek (keadaan, peristiwa, dasar atau juga tindakan pihak lain) yang berlaku dalam persekitaran. Dalam dimensi evaluatif, persepsi dibezakan dalam pembahagian positif-negatif;<sup>47</sup> berupa pendapat tentang kewujudan kekangan-peluang (*constraint-opportunity*), mencabar-memudahkan (*challenge-facilitating*), dan bermusuhan-bersahabat (*hostility-friendship*).

1.2.1. Kategori *Persepsi Tidak Bersahabat* (tidak mesra) ialah penilaian dan penakrifan bahawa sesebuah persekitaran; objek atau pihak lain, khasnya musuh, sebagai jahat, buruk, mencabar, merintang, menyukarkan, mengganggu, menekan, memusuhi, mengancam, membahayakan dan membawa masalah. Pada umumnya, dalam kajian hubungan antarabangsa persepsi seperti ini dikenali sebagai persepsi ancaman (*threat perception*).<sup>48</sup> Kategori ini dibezakan dalam terma dimensi persekitaran luaran dan dalaman.

2. *Affection* ialah ungkapan daripada perasaan atau emosi ke atas pelbagai objek (keadaan, peristiwa, dasar atau juga tindakan pihak lain) yang wujud dalam persekitaran,<sup>49</sup> ianya merupakan kewujudan dan kegiatan *feeling*.<sup>50</sup> Dalam dimensi evaluatif, ianya dibezakan dalam pembahagian

---

<sup>47</sup>Eagly and Sheley Chaiken. (1993). *The Psychology of Attitudes*. Forth Worth: Harcourt Brace Jovanovich, Inc. hlm. 10.

<sup>48</sup>K. J. Holsi. (1983). *International Politics: a Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice Hall, Inc. hlm. 99. juga John P. Lovell. (1970). *Foreign Policy in Perspective: Strategy, Adaptation and Decision Making*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc. hlm. 100.

<sup>49</sup>Komponen *affective* terdiri daripada *feelings, moods, emotions* dan kegiatan sistem syaraf simpatetik bertalian dengan sesuatu objek. Pakar psikologi sosial terbiasa menganggap *affect* sebagai *isomorphic* dengan *evaluation* dan menggunakan terma ini secara silih berganti. Eagly and Sheley Chaiken. *The Psychology of Attitudes*. hlm. 10-12.

<sup>50</sup>Hilgard. "The Trilogy of the Mind". hlm. 107-117.

positif-negatif; berupaperasaan suka-tidak suka(*like-dislike*),*favor-disfavors*sama adasayang-benci (*love-hate*).

2.1. Kategori *EmosiTidak Suka* ialah tindak balas (response) yang ditujukan kepada pihak lain yang menyatakan rasa tidak suka dan benci. Kata-kata yang mewakilinya ialah;menyindir, tidak setuju, menolak, merendahkan; mengkritik, mengecam, mengejek atau menghina melalui stereotaip atau pemberian julukan-julukan yang berkesan negatif. Kategori ini dibezakan dalam terma dimensi persekitaran luaran dan dalaman.

3. *Conation* menunjukkan kecenderungan seseorang untuk bertindak keatas sesuatu objek (keadaan, peristiwa, dasar atau juga tindakan pihak lain) yang berlaku dalampersekitaran.<sup>51</sup>*Conation*ialah kewujudan daripada kegiatan*willing*(bersedia).<sup>52</sup>Dalam dimensi evaluatif kecenderungan ini memiliki pembahagian positif-negatif<sup>53</sup> yang mengikut perasaan suka-tidak suka (*like-dislike*), *favor-disfavor* atau juga sayang-benci (*love-hate*).

3.1.Kategori *Kecenderungan BertindakTidak Suka* ialah kesediaan mental seseorang untuk bertindak atau berbalas tindak secaraintolerance(tidak bertoleransi) ke atas suatu objek dalampersekitaran atau yang diperlakukan kepada pihak lain,khasnya,kepada musuh. Keinginan bertindak yang mencerminkan rasa tidak suka dan benci ialah;menolak, menentang dan digunakan dengan cara-cara *coersive*(paksaan); memaksa, menekan,

---

<sup>51</sup>Komponen *conative* ialah *intentions to act* yang belum wujud tindakan nyata. Untuk sebahagian yang lain komponen ini ialah tindakan terbuka atau tingkah laku itu sendiri.Eagly and Sheley Chaiken. *The Psychology of Attitudes*. hlm. 10-12.

<sup>52</sup>Hilgard. "TheTrilogy of the Mind". hlm.107-117.

<sup>53</sup> Eagly and Sheley Chaiken.*The Psychology of Attitudes*. hlm. 10.

menggagalkan, mengganyang (menggulingkan), menghancurkan dan lain-lain. Kategori ini dibezakan dalam terma dimensi persekitaran luaran-dalaman.

4. *Policy Evaluation* menggambarkan penilaian keatas kemampuan daripada suatu tindakan bagi menghasilkan perkara yang diinginkan berlandaskan dasar yang sudah wujud.<sup>54</sup> Keberkesanan daripada tindakan dibezakan dalam terma berjaya dan gagal.

4.1. Kategori *kejayaan* daripada polisi ialah sesuatu polisi mahupun tindakan yang menghasilkan sesuatu yang diinginkan. Kejayaan tindakan dibezakan di dalam dimensi persekitaran luaran-dalaman.

4.2. Kategori *Kegagalan* daripada Polisi ialah polisi mahupun tindakan yang tidak menghasilkan perkara yang diinginkan. Kegagalan tindakan dibezakan di dalam dimensi persekitaran luaran-dalaman.

Untuk lebih mengenali kualiti daripada kewujudan hubungan yang lebih jauh antara kepercayaan sebelum, aspek *cognitive*, *affective*, *conative* dan *policy evaluation* dan konfrontasi, maka hubungan konsistensi terbina melalui kandungan daripada aspek-aspek tersebut. Prosedur ini tidak menentukan sebab dan akibat.<sup>55</sup> Hubungan konsistensi berkenaan akan dikenali mengikut prosedur

---

<sup>54</sup> Melvin M. Mark. (2000). *Evaluation: an Integrated Framework for Understanding, Guiding, and Improving Policies and Programs*. San Fransisco: Jossey-Bass. hlm. 3. juga David J. Torgerson and Celia A. Taylor. "Randomized Controlled Trials and Nonrandomized Design" di dalam *Handbook of Practical Program Evaluation*. Joseph S. Wholey, Harry P. Hatry and Kathryn E. Newcomer. eds. (2010). San Fransisco: Jossey-Bass. hlm. 144-181., dan Business Dictionary.com

<sup>55</sup> Psikologi daripada sikap mengkaji kepercayaan dalam konteks mengenali konsistensi antara kepercayaan asas, *cognition*, *affection*, *conation* dan *behavior* --*beliefs consistency cognition, affection, conation* (and or behavior). Eagly and Sheley Chaiken. *The Psychology of Attitudes*. hlm. 114-118.

kongruen.<sup>56</sup>

### 1.8.2 Sumber Data

Analisis teks secara kualitatif digunakan untuk mengkaji pelbagai jenis data yang sudah ditransformasikan ke dalam teks bertulis. Sumber teks bertulis dalam bentuk pidato biasanya digunakan untuk mendapatkan sistem kepercayaan seseorang pemimpin yang bertanggungjawab ke atas perilaku negaranya.<sup>57</sup> Dengan demikian, untuk memahami dasar dan tindakan Sukarno melalui fikiran-fikirannya, maka yang menjadi sumber data ialah himpunan pidato Sukarno pada peringatan Hari Ulang Tahun (HUT) Kemerdekaan Republik Indonesia (RI) daripada tahun 1959 hingga 1965.

Pidato-pidato Sukarno dipilih sebagai bahan penyelidikan, kerana aspek kerumitan dan liputannya, merupakan satu sumber data yang mencukupi untuk keperluan memahami tindakan Sukarno melalui fikiran-fikirannya. Melalui penerokaan awal yang dibuat, teks-teks pidato Sukarno tidak sahaja mengandungi *nurture* (perkara mendidik); pelbagai aspek dan dimensi daripada keadaan psikologi daripada Sukarno, tetapi juga menggambarkan *nature* (sifat) daripada kegiatan politik di dalaman dan luaran pada ketika itu.

Sukarno ialah seorang pejuang revolusi kemerdekaan Indonesia yang utama, dan produktif dalam menghasilkan banyak penulisan mengenai idea kemerdekaan

---

<sup>56</sup> Alexander L. George. The Causal Nexus between Cognitive Beliefs and Decision Making Behavior: The Operational Code Beliefs System, di dalam *Foreign Policy Analysis*. Vol. I. W. Carlnaes and Stefano Guzzini. (2011). London: Sage Publications.

<sup>57</sup> Rujuk kaedah yang digunakan oleh Holsti dalam mengkaji kanun operasional Dulles dan MacLelland dalam mengkaji kanun operasional Dean Acheson. Juga Cottam. et. al. (2010). *Introduction to Political Psychology*. 2<sup>nd</sup> Ed. New York: Lawrence Erlbaum. hlm. 33.

Indonesia pada usia muda. Namun semenjak menjadi presiden Indonesia sejak tahun 1945, Sukarno menyampaikan pemikiran dan ideanya sendiri melalui pidato pada setiap tarikh 17 Ogos. Pidato-pidato tersebut merupakan hasil pemikiran Sukarno secara persendirian, bukan hasil kerja *ghost writer*.<sup>58</sup> Proses pembuatannya menghabiskan masa antara tiga hingga empat bulan dan pendedahannya ke dalam bentuk tulisan melepasi masa lima hingga tujuh hari. Ketika menulis penulisan, Sukarno sengaja menjauhkan diri beliau daripada kesibukan kerja harian dan menarik diri daripada majlis-majlis keramaian untuk memberi tumpuan ke atas penulisan sepenuhnya.<sup>59</sup>

Oleh sebab itu, pidato HUT yang telah diucapkan (1959-65) boleh dinyatakan menunjukkan *mental representation* (persembahan mental) daripada Sukarno yang boleh menjadi kunci ke arah pemahaman dan penjelasan di atas tindakan Sukarno. Dalam pidato tersebut, wujud idea yang dinamik yang tersusun dan berkesinambungan dalam menyampaikan pemikiran yang mendalam. Gambaran dan kandungan yang dihasilkan tidak dapat disaingi oleh pelbagai penulisan yang dilakukan oleh orang lain. Malahan kerana subjektifnya, orang lain boleh melakukan penyelewengan (*distortion*) dalam tulisannya.

Mengikut kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini, terdapat dua himpunan data yang menjadi sumber daripada penyelidikan, iaitu;

1. Pidato Hari Ulang Tahun (HUT) Kemerdekaan Republik Indonesia (RI) tahun 1959-1965.

---

<sup>58</sup>Bambang Widjanarko. (1988). *Sewindu Dekat Bung Karno*. Jakarta: PT. Gramedia. hlm. 27.

<sup>59</sup>*Ibid.* hlm. 27.

2. Pidato lain, biografi, kajian, artikel, buku-buku dan lainnya, khususnya, untuk menghuraikan konfrontasi dan perkembangan pemikiran Sukarno.

### **1.9 Susunan Bab**

Bab 1 menjelaskan tentang pengenalan ke atas kajian tentang konfrontasi Indonesia dari tahun 1959 hingga 1965 yang dirungkai melalui aspek-aspek *psyche* daripada pemikiran Sukarno yang menjadi presiden Indonesia dengan kuasa yang amat besar yang berlaku dalam sistem demokrasi terpimpin. Untuk mencapai pemahaman tersebut, pelbagai pertimbangan metodologi, teori, fakta dan teknik kajian dibahas lebih lanjut dan disusun mengikut pengenalan, latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, persoalan penyelidikan, objektif penyelidikan, kepentingan penyelidikan, sorotan karya, kaedah penyelidikan dan dijelaskan tentang susunan bab pada akhir Bab 1.

Bab 2 menjelaskan tentang konsep dan teori yang menghubungkan dasar luar dengan psikologi daripada individu pembuat keputusan. Huraianannya berkenaan dengan penerokaan ke atas literatur daripada perspektif psikologi politik (khususnya, psikologi politik antarabangsa), teori pembuatan keputusan individu dan pengoperasian konsep-konsep daripada pendekatan kognitif dalam kajian dasar luar. Juga menjelaskan pandangan kritikal ke atas kajian psikologi politik antarabangsa. Berlandaskan pandangan kritikal berkenaan, dibina suatu skim analisis yang menghubungkan kepercayaan, persepsi, emosi, kecenderungan bertindak, penilaian ke atas polisi dan dasar.

Bab 3 menghuraikan dasar dan tindakan konfrontasi Indonesia di bawah

kuasa Sukarno pada tahun 1959 hingga 1965 yang memiliki ciri fokal (tumpuan), frontal (hadapan) dan bergelora dalam mengkritik, mengecam dan mencabar kekuatan yang disebutnya sebagai kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme. Penjelasan tentang konfrontasi ke persekitaran luar, meliputi konfrontasi Indonesia terhadap kolonialis Belanda dalam isu Irian Barat, konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia dalam isu penubuhan Persekutuan Malaysia, permusuhan terhadap Amerika Syarikat dan permusuhan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Manakala konfrontasi kepada musuh-musuh di persekitaran dalaman dilakukan melalui penyusunan dan penyusunan semula kehidupan politik, ekonomi dan sosial-kemasyarakatan.

Bab 4 memberi penjelasan mengenai huraian tentang perkembangan dan pemikiran asas daripada Sukarno yang menjadi benih-benih kepercayaan politik bagi pemikiran Sukarno pada tahun 1959 hingga 1965. Penjelasan tentang perkembangan pemikiran Sukarno meliputi latar belakang intelektualiti dan aktiviti sosial-politik daripada masa belia hingga dewasa, dimana fokus pemikirannya dan aktiviti sosial-politiknya ditujukan untuk mendirikan suatu negara merdeka. Manakala huraian mengenai pemikiran asas daripada Sukarno meliputi pandangan Sukarno tentang hakikat kolonialisme dan imperialisme, nilai-nilai yang hendak diperjuangkan dan jalan keluar daripada belenggu kolonialisme.

Bab 5 mendedahkan kepercayaan dan persepsi daripada Sukarno. Kajian ke atas kepercayaan Sukarno meliputi kepercayaan falsafah dan kepercayaan instrumental. Kepercayaan falsafah mengandungi pemikiran Sukarno tentang

hakikat dunia antarabangsa terutama yang berkaitan dengan aktiviti kolonialisme, imperialisme dan neokolonialisme dan kesan buruknya. Kepercayaan instrumental mendedahkan pemikiran tentang strategi dan taktik untuk mengatasi masalah tersebut. Manakala kajian ke atas persepsi Sukarno, mendedahkan penafsiran Sukarno terhadap dunia luar di dalaman yang dipandang tidak mesra, mencabar dan mengancam. Objek dan sasaran daripada persepsi ini ialah aktiviti-aktiviti semasa dan faktual (nyata) daripada negara-negara kolonialis, imperialis dan neokolonialis dan sekutunya di luaran dan musuh-musuh Sukarno di dalaman.

Bab 6 memberi huraian tentang emosi, kecenderungan bertindak dan aspek *psyche* Sukarno yang lain iaitu penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri. Kajian tentang emosi mendedahkan emosi negatif daripada Sukarno yang diungkapkan kepada musuh-musuh luar dan di dalaman berkenaan dengan rasa tidak suka yang wujud di sebalik permusuhan Sukarno terhadap mereka. Manakala kajian ke atas kecenderungan bertindak daripada Sukarno menggambarkan tindakan-tindakan tidak mesra-tidak bersahabat hingga tindakan paksaan (*coersive*) yang ingin dilakukan oleh Sukarno ke atas musuh-musuh luaran dan di dalaman. Penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri merupakan aspek *psychelain* dalam pemikiran Sukarno yang diperolehi secara induktif. Penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri menggambarkan tentang keberkesanan- ketidakberkesanan polisi konfrontasi melalui tindakan-tindakan yang dijalankan. Sukarno menggunakan penilaian ini untuk menjadi pertimbangan bagi dasar dan tindakan konfrontasinya di masa hadapan.



Bab 7 memberi kesimpulan hasil penyelidikan dengan menjelaskan perbincangan mengenai dapatan kajian yang berkaitan dengan persoalan penyelidikan dan implikasinya ke atas teori pembuatan keputusan individu.

## **BAB 2**

### **PEMBUATAN KEPUTUSAN DAN PSIKOLOGI POLITIK ANTARABANGSA**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini meneroka pelbagai kajian psikologi kognitif dan konsep-konsep yang dikemukakan dalam konteks pembuatan keputusan dasar luar. Pembahasan secara kritis ke atas kajian-kajian daripada psikologi kognitif dalam pembuatan keputusan individu diperlukan untuk menjadi hujah dalam membina sebuah skim konseptual yang menghubungkan konsep-konsep utama dalam penyelidikan ini.

#### **2.1 Psikologi Politik Hubungan Antarabangsa**

Perspektif psikologi politik ditujukan untuk mendedahkan penjelasan ke atas suatu tindakan politik melalui aspek-aspek psikologi atau mental daripada pelaku-pelakunya.<sup>60</sup>Sumber teori daripada psikologi politik ialah teori psikologi kognitif dan psikologi sosial.<sup>61</sup>Hasil kewujudan daripada tindakan politik berkenaan dengan pelbagai isu merangkumi isu di dalaman hingga ke antarabangsa. Amalan kajiannya bermula pada tahun 1920 tetapi penerapan ke atas tingkah laku dalam perkara antarabangsa dikenali menjelang 1960.

Konflik antarabangsa dan tindakan permusuhan merupakan objek kajian yang menarik bagi banyak pengkaji semenjak kewujudan perang dingin (*cold war*) ke peringkat antarabangsa. Dalam literatur hubungan antarabangsa, tindakan

---

<sup>60</sup>Martha L. Cottam. et. al. (2010). *Introduction to Political Psychology*. 2<sup>nd</sup> Ed. New York: Lawrence Erlbaum. hlm. 3-5.

<sup>61</sup>RoseMcDermott. (2007). *Political Psychology in International Relations*. Michigan: University of Michigan. hlm. 50.

dan tindak balas permusuhan berpangkal pada aspek-aspek psikologi daripada pemimpinnya. Berkenaan dengan ini, pelbagai konsep dan kajian telah dilakukan yang menggambarkan tentang persembahan mental (*mental representation*) daripada pelaku utama tentang dunia politik di persekitaran yang dipandang relevan dengan tingkah laku.

Di dalam disiplin hubungan antarabangsa, kajian tentang tingkah-laku pemimpin sesuatu bangsa dalam melakukan bantahan ke hadapan dominasi asing dan sistem antarabangsa, merupakan sebahagian daripada pengajian dasar luar (*foreign policy*). Dasar luar daripada suatu negara merupakan satu rangkaian (*a set*) keputusan yang diambil oleh sesebuah kerajaan berkenaan dengan tindak balas sama ada inisiatif ke hadapan pihak-pihak yang bukan sebahagian daripada negara bangsanya atau mengenai perkara-perkara antarabangsa. Sebuah dasar pula berkaitan dengan keputusan-keputusan yang diambil tetapi juga boleh wujud asas-asas, cadangan-cadangan bagi tindakan dan tindakan-tindakan.<sup>62</sup>

Dasar luar merupakan perkara penting bagi sesebuah negara kerana menunjukkan kewujudan sesebuah negara dan fungsinya menjadi kritikal apabila pembuat keputusan merasakan adanya sebarang masalah yang mengancam negaranya. Jawapan atau juga jalan keluar daripada masalah yang dihadapi oleh pemerintah boleh wujud pada pilihan-pilihan menentang (*confrontation, expansion*),<sup>63</sup> meninjau semula (*revision*),<sup>64</sup> menarik diri atau tidak melibatkan

---

<sup>62</sup> J.N. Rosenau et.al. (ed). (1976). *World Politics: An Introduction*. New York: Free Press. Membezakan dasar luar sebagai; *orientation, strategy and action*. hlm.2-8.

<sup>63</sup> John P. Lovell. (1970). *Foreign Policy in Perspective: Strategy, Adaptation and Decision Making*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc. hlm. 61-130, Howard Lentner. (1974). *Foreign Policy Analysis: A Comparative and Conceptual Approach*. Columbus, Ohio: Charles E. Merrill, Pub, Co. hlm. 6.

diridari padasesuatu masalah (*insulation, isolation, neutral, non-align, self reliance, diversification*).<sup>65</sup>

Pengkaji dasar luar biasanya tidak melihat bahawa sasaran dasar luar boleh berlaku ke atas persekitaran di dalamnya. Kerana secara umum, mereka memegang pendapat bahawa dasar luar digerakkan oleh dan ditujukan kepada pelbagai keadaan, kewujudan dan kegiatan fizikal mahupun idea-idea pada persekitaran luaran. Sesungguhnya dalam kes tertentu, dasar luar boleh memiliki sasaran di dalaman apabila berlaku perkaitan dan silanganantara elemen luar dengan elemen di dalaman. Dalam isu-isu transnasional, pihak di dalaman seringkali menjadi sebahagian daripada pihak asing atau malahan menjadi ejen bagi pihak asing.

## 2.2 Psikologi Pembuatan Keputusan

Berkembangnya kajian psikologi ke atas pembuatan keputusan dalam hubungan antarabangsa wujud sejak 1950an, kali pertama diperkenalkan oleh Snyder dan rakan-rakan serta Sprout-Sprout. Snyder, Bruck, dan Sapin yang pertama kali memperkenalkan pendekatan pembuatan keputusan dalam lingkungan kajian ini. Dalam pendekatan yang diambil, mereka mengaitkan aspek psikologi iaitu, motivasi dan persepsi dalam suatu kerangka analisis *input-output*. Ini bererti bahawa pengambilan keputusan dasar luar sangat perlu menganggap bahawa sejumlah pembolehubah mempengaruhi tindakan-tindakan negara dan di

---

<sup>64</sup>Lovell. *Foreign Policy in Perspective. Radical-revisionist, Dependent-revisionist, Conservative-revisionist*. hlm. 133-203.

<sup>65</sup>Howard H. Lentner. (1974). *Foreign Policy Analysis: A Comparative and Conceptual Approach*. hlm. 6, 247-264. K. J. Holsti, (1983). *International Politics: a Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice Hall, Inc. hlm. 97-116. K. J. Holsti. (1982). *Why Nations Realign: Foreign Policy Restructuring in the Postwar World*. London: Allen and Unwin. hlm. 1-20.

antara yang paling penting adalah matlamat daripada pembuat keputusan dan bagaimana suatu keadaan yang dilihat oleh pembuat keputusan berhubungan dengan sasaran. Dalam kerangka ini, interaksi antara negara dilihat sebagai suatu fungsi daripada keputusan-keputusan yang dibuat berasaskan kepada persepsi pemimpin daripada negara-negara. Dari segi proses yang terlibat, aspek persepsi dianggap amat penting kerana kedudukannya sebagai penakrif ke atas sesuatu keadaan<sup>66</sup>. Perkara ini menjadi semakin jelas, melalui istilah *psychomillieu*, oleh Sprout dan Sprout yang juga mengetengahkan aspek persepsi daripada pengambil keputusan ke atas persekitaran.<sup>67</sup>

Dalam pengajian antarabangsa, secara monumental, pengoperasian kajian psikologi politik bermula daripada penyelidikan Ole Holsti pada tahun 1957. Melalui tajuk "*Beliefs System and National Images*", Holsti mampu mendedahkan sistem kepercayaan daripada setiausaha negara Amerika Syarikat, John F. Dulles dan imejnya ke atas Kesatuan Soviet untuk menjelaskan dasar luar permusuhan daripada Amerika Syarikat ke atas Kesatuan Soviet.<sup>68</sup>

Pilihan ke atas tindakan merupakan sebahagian daripada proses wujudnya sesebuah keputusan. Proses menyeluruh daripada sesebuah keputusan dikenal pasti dalam istilah pembuatan keputusan. Konsep pembuatan keputusan merupakan suatu pendekatan dalam analisis dasar luar dan model kognitif ialah

---

<sup>66</sup>R. C. Snyder, W. Bruck, and B. Sapin. (1954). *Decision-Making as An Approach to the Study of International Politics*. Princeton: Princeton University Press. hlm. 64-66, 102.

<sup>67</sup>Harould Sprout and Margareth Sprout. "Environmental Factors in the Study of International Relations" dalam *International Politics and Foreign Policy*. James N. Rosenau, ed. (1969). New York: Free Press. hlm. 41-56. Kewujudan daripada hubungan persekitaran dengan tingkah laku negara berlaku melalui persepsi.

<sup>68</sup>Jerel A. Rosati. *Cognitive Approaches dalam Foreign Policy Analysis: continuity and change in its second generation*. Laura Neack, Jeanne A. K. Hey, Patrick J. Haney. (1995). New Jersey: Prentice Hall, Inc. hlm.

salah satu model analisis pembuatan keputusan dasar luar yang merangkumi teori psikologi.<sup>69</sup>

### 2.3 Pembuatan Keputusan Model Kognitif

Perspektif pelaku rasional melandaskan anggapan yang dibuat pada objektif yang hendak dicapai (objektiviti), keterbukaan dan kesediaan (dan kemampuan) menyesuaikan diri daripada individu terhadap perubahan dalam persekitaran. Namun, Steinbruner menyatakan bahawa model pelaku rasional mempunyai kesukaran besar dalam menjelaskan pembuatan keputusan pemerintahan, terutama di bawah keadaan-keadaan dunia nyata yang mempunyai ciri-ciri yang rumit dan tidak pasti.<sup>70</sup> Justeru, teori kognitif menjelaskan bahawa individu dalam membuat keputusan adalah berlandaskan kepada subjektiviti (subjek), kepercayaan dan memproses maklumat secara berbeza. Akibatnya mereka cenderung menjadi jauh lebih tertutup dan menolak untuk menyesuaikan diri ke atas tuntutan perubahan-perubahan dalam persekitaran.<sup>71</sup> Lebih daripada itu, harapan dan kepercayaan boleh menghasilkan penafsiran dan penyelewengan, yang akhirnya memberi kesan ke atas tindakan-tindakan negara.<sup>72</sup>

Penyatuan daripada psikologi kognitif dan psikologi sosial ialah kognisi sosial.<sup>73</sup> Berasaskan pada teori kognisi sosial, isu yang berkembang dalam kajian psikologi terhadap dasar luar ialah perkara berkaitan konsisten dan stabiliti

---

<sup>69</sup> Alex Mintz and Karl DeRouen Jr. (2010). *Understanding Foreign Policy Decision Making*. Cambridge: Cambridge University Press. hlm. 8, 57-120.

<sup>70</sup> John D. Steinbruner. (1974). *The Cybernetic Theory of Decision*. New Jersey: Princeton University Press. hlm. 25-46.

<sup>71</sup> Shanon Lindsey Blanton. (1996). "Images in Conflict: The Case of Ronald Reagan and El Salvador". *International Studies Quarterly*. 40. hlm. 23-44

<sup>72</sup> Robert Jervis. "Hypotheses on Misperception" di dalam *International Politics and Foreign Policy*. J. N. Rosenau. ed. (1969). New York: Free Press. hlm. 239-254.

<sup>73</sup> McDermott. *Political Psychology and International Relations*. hlm. 57.

daripada kepercayaan pembuat keputusan yang utama. Dalam konsisten kognitif, individu-individu menyelenggarakan sistem kepercayaan yang berkaitan secara logik dan berupaya menghindarkan maklumat yang tidak sesuai atau sebarangan dengan kepercayaan mereka, terutama kepercayaan mereka yang paling mustahak. Kelaziman daripada konsisten kognitif dan kecenderungan daripada kebanyakan komunikasi dilakukan untuk mengukuhkan sistem kepercayaan yang sedia ada. Dengan kata lain, individu tidak hanya menolak koleksi-koleksi rawak tentang kepercayaan tetapi mereka lebih menyelenggarakan sistem padu daripada kepercayaan-kepercayaan yang konsisten di dalaman (*internal*).

Stabiliti kognitif menekankan peranan kuat daripada kepercayaan sebelum (*prior beliefs*) dalam memaknai maklumat, pada landasan pemikiran bahawa kepercayaan asas adalah paling berkesan dalam memahami proses persepsi dan kognisi. Kepercayaan boleh bertukar dalam dimensi *center periphery*, semakin asas suatu kepercayaan akan semakin menentang perubahan dan semakin tersebar luas gemanya (*echo*) dalam sistem kepercayaan.<sup>74</sup>

Individu ialah *cognitive misers* yang cenderung bergantung pada skim kepercayaan yang sudah ada bagi menafsirkan maklumat.<sup>75</sup> Semakin rumit dan tidak menentu keadaan dalam satu persekitaran, semakin mungkin individu berpegang pada skim mudah (*simple*) sama ada bantuan-heuristik kognitif (jalan pintas dalam pemrosesan maklumat) untuk boleh memahami dunia dan keadaan yang sedia ada.<sup>76</sup> Kenyataan ini mempunyai pengaruh penting dalam arena

---

<sup>74</sup> Milton Rokeach. (1968). *Beliefs, Attitudes and Values*. San Fransisco: Jossey-Bass. hlm. 3.

<sup>75</sup> Neack, Laura. et. al. *Foreign Policy Analysis*. hlm. 53.

<sup>76</sup> Susan Fiske and Shelley E. Taylor. (1991). *Social Cognition*. 2<sup>nd</sup>ed. New York: McGraw-Hill. hlm. 9-14.

antarabangsa.

## **2.4 Aspek-aspek Psikologi yang Utama dalam Kajian Dasar Luar**

Berfikir merujuk kepada proses mental yang membolehkan sistem kecerdasan memproses maklumat yang diberikan oleh persepsi atau memori sehingga mewujudkan pemikiran baru.<sup>77</sup> Berfikir meliputi aktiviti *categorizing* (mengkategorikan), *reasoning* (pertimbangan), *solving problems* (penyelesaian masalah), dan *making decision* (membuat keputusan).<sup>78</sup> Kajian tentang pemikiran seseorang dalam hubungan antarabangsa biasanya digunakan untuk menjelaskan dan memahami tingkah laku negara melalui dasar luar. Kajian ini, secara khas mengoperasikan teori dan konsep psikologi kognitif untuk mengenali pemikiran melalui kepercayaan dan proses berfikir dikaji melalui proses persepsi dalam suatu konteks pembuatan keputusan.

### **2.4.1 Kepercayaan**

Kewujudan hubungan kepercayaan dengan konflik antarabangsa banyak diterima oleh pakar analisis kognitif. Jervis menyatakan bahawa adalah mustahil untuk menjelaskan keputusan atau dasar yang penting tanpa merujuk kepada kepercayaan pembuat keputusan tentang dunia.<sup>79</sup> Kepercayaan adalah suatu istilah bahawa seseorang menyimpan maklumat kewujudan dan sifat-sifat tentang orang lain, objek dan isu-isu. Maklumat boleh berdasarkan kepada fakta atau mungkin hanya pendapat seseorang atau pengetahuan yang umum dan

---

<sup>77</sup> K.J. Gilhooly, M. T. G. Keane, R. H. Logie, G. Erdos. (1990). *Lines of thinking: Reflections on the Psychology of Thought*. New York: John Wiley. hlm. xi.

<sup>78</sup> Garry R. Kirby and Jeffery R. Goodpaster. (1999). *Thinking*. 2<sup>nd</sup> edition. New Jersey: Prentice Hall. hlm. 322.

<sup>79</sup> Robert Jervis. (1976). *Perception and Misperception in International Politics*. Princeton: Princeton University Press. hlm. 28.



dalam lingkungan yang luas.<sup>80</sup> Kepercayaan merupakan kenyataan yang dianggap betul oleh pembuat keputusan.<sup>81</sup> Sebagai suatu sistem, dan pelbagai bahagian daripada sistem kepercayaan, kepercayaan merupakan model yang membantu seseorang dalam menyusun maklumat.<sup>82</sup>

Hubungan kepercayaan dengan pembuatan keputusan diperolehi dalam aspek daripada sistem kepercayaan yang menyatakan tentang "apa yang semestinya berlaku" yang bertindak sebagai suatu petunjuk langsung dalam penetapan sasaran, dan "bagaimana mencapainya" sebagai suatu petunjuk langsung dalam memilih jalan mahupun alat dalam menggunakan suatu keputusan. Dengan demikian, sistem kepercayaan dan bahagiannya (struktur mahupun kandungannya) sering memainkan satu peranan padu dalam proses kognitif. Ini bererti individu membangunkan *mental representation* tentang dunia dan berisi kelikatan dan stabiliti kepada penafsiran mereka tentang kerumitan daripada persekitaran.<sup>83</sup>

Sebuah kajian tentang kepercayaan daripada pembuat keputusan yang amat popular dan menjelaskan secara langsung serta teliti tentang kepercayaan daripada pembuat keputusan tanpa mesti menyimpulkan melalui konsep lain (seperti imej, persepsi dan meta konsep lainnya) ialah *operational code* (kod

---

<sup>80</sup>Stephen Benedict Dyson and Thomas Preston. (2006). "Individual Characteristics of Political Leader and the Use of Analogy in Foreign Policy Decision Making". *Political Psychology*. 27. hlm. 265-288.

<sup>81</sup>Holsti, K. J. *International Politics: A Framework for Analysis*. hlm. 322-329.

<sup>82</sup>Bauer. (1961). "Problem of Perception and the Relations between the United States and Uni Soviet". *Journal of Conflict Resolution*. 5. hlm. 223-229.

<sup>83</sup> Persembahan mental telah dilukiskan melalui pemakaian konsep-konsep seperti gambaran (*images*), rajah (*schema*), naskah (*script*) dan model mental (*mental models*).

operasi).<sup>84</sup>Kajian ini menerangkan secara teliti tentang sistem kepercayaan seorang pemimpin politik melalui konsep kanun operasional. Istilah kanun operasional ialah hasil kerja Nathan Leites (1953) tentang komunisme di Kesatuan Soviet. Istilah tersebut menunjukkan bahawa kepercayaan daripada seorang pembuat keputusan digunakan untuk menafsirkan pelbagai peristiwa dan mempengaruhi keputusan dasar luar. Konsep kanun operasional menjadi popular sebagai suatu program penyelidikan dalam bidang dasar luar melalui kerja Alexander George. Secara asas, George menghubungkan kepercayaan yang disimpulkan kepada pembinaan penakrifan ke atas keadaan dan perumusan tentang pilihan dasar yang bersesuaian.

Menurut George lagi, konsep kanun operasional merupakan garis panduan bagi pembuatan keputusan politik. Kepercayaan falsafah daripada individu membantu melakukan diagnosis penakrifan ke atas keadaan. Dimensi falsafah berhubung dengan sasaran politik yang asas dan potensi untuk kewujudan mereka, manakala kepercayaan instrumental mempengaruhi kemungkinan pilihan untuk bertindak dan dimensi instrumental melibatkan strategi untuk mewujudkan sasaran politik. Konsep ini telah digunakan dalam pelbagai konteks. Konsep ini didasarkan pada konsep daripada konsisten kognitif, kerana menganggap satu himpunan kepercayaan yang padu dan saling berkaitan mengenai sifat semulajadi daripada kehidupan politik.

Selain daripada kepercayaan, sumber konflik antarabangsa juga biasanya

---

<sup>84</sup>Alexander L. George (1969). "The Operational Code: A Neglected Approach to the Study of Political Leaders and Decision-Making". *International Studies Quarterly*. Vol. 13, No. 2 (Jun., 1969). hlm. 190-222.

dikaji melalui konsep *image* (imej atau gambaran).<sup>85</sup> Gambaran ialah sebahagian daripada sistem kepercayaan.<sup>86</sup> Gambaran merupakan ingatan yang diperolehi daripada perkara yang sudah lepas<sup>87</sup>. Oleh kerana kandungan kepercayaan bersifat umum, maka pengkaji perlu menyertakan konsep gambaran atau imej, iaitu kepercayaan ke atas sesuatu objek khas semasa diamati oleh pembuat keputusan. Agar kepercayaan boleh beroperasi, pembuat keputusan membuat gambaran dan mereka membuat keputusan berasaskan pada gambaran tersebut bukan di atas realiti objektif.<sup>88</sup>

#### 2.4.2 Persepsi

Persepsi digambarkan sebagai suatu proses bagaimana satu organisma memahami persekitarannya melalui alat deria,<sup>89</sup> penyesuaian daripada deria kepada pengetahuan atau sebagai suatu pengiktirafan terhadap sesuatu sifat daripada objek melalui pemaduan ingatan.<sup>90</sup> Persepsi ialah *higher-order-cognition* (kognisi aras tinggi) dalam penafsiran daripada maklumat. Manakala sensasi merujuk kepada pengesanan awal ke atas stimuli; persepsi ialah penafsiran daripada apa yang diterima deria.<sup>91</sup> Persepsi meliputi pemilihan, penyusunan, penafsiran dan penilaian ke atas maklumat yang datang daripada objek, fakta dan

---

<sup>85</sup>Jervis. *Perception and Misperception in International Politics*. hlm.28.

<sup>86</sup> lihat Shanon Lindsey Blanton. "Images in Conflict: The Case of Ronald Reagan and El Salvador". *International Studies Quarterly*. 40. hlm. 23-44.

<sup>87</sup>J. V. McConnell. (1977). *Understanding Human Behavior*. New York: Holt, Rinehart and Winston. hlm. 194.

<sup>88</sup>Ole. R. Holsti. "Beliefs System and National Images: A Case Study". di dalam *Foreign Policy and International Politics*. J. N. Rosenau. (ed). (1969). New York: Free Press. hlm. 543-550.

<sup>89</sup>P. G. Zimbardo and F.L. Ruch. (1980). *Essential of Psychology and Life*. Glenview, Illinois: Scott, Foresman and Company. hlm. 245.

<sup>90</sup>David J. Finlay and Thomas Hovet Jr. (1975) 7304: *International Relations on the Planet Earth*, New York: Harper and Row. hlm. 75.

<sup>91</sup> Robert L. Solso., M. Kimberly MacLin and Otto H. MacLin. (2005). *Cognitive Psychology*. 7<sup>th</sup>. Ed. Boston: Pearson. hlm. 72.

keadaan dalam persekitaran.<sup>92</sup>

Persepsi sebagai satu proses di mana rangsangan (*stimulus*) ditafsirkan oleh individu, proses berlangsung melalui gabungan daripada peristiwa pendorong dengan pengetahuan dan kepercayaan sebelum daripada individu. Berkenaan dengan ini, penafsiran berperanan sebagai proses yang menguatkan dan tidak boleh dipisahkan daripada persepsi. Persepsi adalah perkara penting dalam pembuatan keputusan kerana penafsiran menjadikan sesebuah dorongan memiliki makna. Makna ke atas suatu dorongan merupakan perkara yang penting bagi pengambilan keputusan. Dengan demikian, dalam konteks pembuatan keputusan, makna asas daripada persepsi ialah takrif ke atas persekitaran, satu gambaran daripada kegiatan mental tentang bagaimana individu memaknai keadaan di persekitaran. Individu tersebut bertindak untuk menyediakan makna tentang hubungannya dengan persekitaran.<sup>93</sup>

Kepercayaan (kepercayaan sebelum) merupakan tapisan<sup>94</sup> bagi maklumat yang wujud daripada persekitaran, dan sebagai unit parametrik yang stabil,<sup>95</sup> mewujudkan persepsi sepanjang penakrifan awal ke atas sesuatu keadaan<sup>96</sup> sehingga ke pemahaman tentang sesuatu masalah, analisis dan penilaian ke atas pelbagai alternatif dan pilihan. Khususnya, kepercayaan sebelum sering

---

<sup>92</sup> J. Kagan and E. Havemann. (1980). *Psychology: An Introduction*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc. hlm. 282.

<sup>93</sup> Ini pendapat Allport di dalam *Political Psychology and Foreign Policy*. Singer, Eric and Valerie Hudson. eds. hlm. 8.

<sup>94</sup> Boulding. (1959). "National Images and International Systems". hlm. 120-131.

<sup>95</sup> A. L. George. (2011). "The Causal Nexus between Cognitive Beliefs and Decision Making Behavior: The Operational Code Beliefs System". *Foreign Policy Analysis* Vol. 1. W. Carlsnaes and Stefano Guzzini. London: Sage Publications. hlm. 273-298.

<sup>96</sup> Snyder, R. C. W. Bruck, and B. Sapin. (1954). *Decision-Making as An Approach to the Study of International Politics*. hlm. 64-66.

dipandang sebagai hanya satu-satunya daripada beberapa jenis pembolehubah yang mempengaruhi proses dan pembuatan keputusan dasar luar.<sup>97</sup>

Proses kognitif merupakan aspek yang mesti ada dalam proses pembuatan keputusan kerana dengan itu pembuat keputusan memilih, menyusun dan menilai maklumat yang diterima daripada dunia di persekitaran.<sup>98</sup> Dalam proses kognitif, persepsi daripada individu pembuat keputusan merupakan perkara yang amat penting. Persekitaran boleh mempengaruhi tindakan sesebuah negara melalui persepsi, pembuat keputusan menetapkan takrif ke atas suatu peristiwa (*definition of situation*) yang berlaku di persekitarannya dan kemudian memutuskan satu bentuk polisi tertentu. Oleh sebab itu, hubungan persekitaran-dasar tidak berjalan secara *straightforward* (lurus). Ianya mempunyai proses tertentu dan mengikut fasa-fasa tertentu.

Persepsi merupakan satu konsep yang menyatukan persekitaran, ingatan masa lalu, penakrifan ke atas keadaan dan pertimbangan ke atas dasar yang diperlukan. Kerana itu, konsep persepsi menjadi penting dalam menghuraikan proses kognitif daripada pembuat keputusan individu. Dengan demikian, takrif ke atas persekitaran merupakan penghubung dalam mendedahkan dan memahami proses hubungan kepercayaan seseorang dengan tindakannya.

Kepercayaan mempengaruhi persepsi melalui hubungan mereka dengan harapan dan penafsiran. Kepercayaan menyusun harapan dan ketika suatu peristiwa berlaku, seseorang mungkin menafsirkan peristiwa dalam hubungan

---

<sup>97</sup>Jervis. *Perception and Misperception*. hlm. 28.

<sup>98</sup>Karen A. Mingst. (2004). *Essentials in International Relations*. New York: Norton. hlm. 143-148.

dengan harapan yang diharapkan. Harapan membenarkan pengenalan secara pantas tentang objek atau peristiwa yang diharapkan; mereka membantu pembuat keputusan bagi mengenali sesuatu secara meluas daripada objek atau peristiwa seperti pelaksanaan harapan. Dalam menyusun persepsi ke dalam petunjuk yang bermakna bagi tindakan, sistem kepercayaan memiliki fungsi sebagai penetapan sasaran dan penyusunan keinginan.

Skim konseptual-analisis dalam kajian hubungan antara kepercayaan dengan persepsi dan pembuatan keputusan individu dapat diuraikan seperti berikut: Sistem kepercayaan ialah suatu sistem lensa yang menerima maklumat berkenaan dengan persekitaran fizikal dan sosial. Bauer menyatakan "bertindak sebagai suatu prisma atau tapisan yang mempengaruhi persepsi"<sup>99</sup> atau diagnosis pelaku ke atas pelbagai keadaan".<sup>100</sup> Mengarahkan seseorang kepada persekitarannya, menakrifkan dan mengenali karakternya yang menonjol dan menyediakan norma-norma dan piawai-piawai untuk memandu dan menyalurkan pelbagai pilihan tindakan.<sup>101</sup>

## **2.5 Aspek Cognitive, Affective dan Conative dalam *Trilogy of Mind***

Kajian dan konsep yang memberi fokus pada aspek kognitif sahaja telah menyederhanakan kerumitan daripada aspek-aspek yang terkandung dalam perspektif tersebut. Selain itu, terdapat juga kenyataan bahawa konsep dan kajian yang ada masih meninggalkan masalah berkenaan dengan usaha untuk

---

<sup>99</sup>Bauer, R.A. (1961). "Problem of Perception and the Relations between the United States and Uni Soviet". *Journal of Conflict Resolution*. 5. hlm. 223-229.

<sup>100</sup>George. "The Causal Nexus between Cognitive Beliefs and Decision Making Behavior". hlm. 273-298.

<sup>101</sup>*Ibid.* hlm. 273-298.

mendedahkan proses minda individu ke atas lahirnya sesebuah keputusan. Aspek kognitif yang dijadikan sebagai penjelas (*explanan*) masih belum dapat sepenuhnya menjelaskan, apalagi ketika suatu keputusan memiliki sifat yang khas dan, lebih lagi apabila sudah menjadi sebuah tindakan yang nyata. Psikologi kognitif dikembangkan dalam usaha memahami proses pembuatan keputusan yang berlaku dalam minda seseorang. Proses pembuatan keputusan ialah suatu kegiatan yang melibatkan kognisi dan proses kognitif namun penglibatan kedua-dua perkara ini dalam mengkaji proses pembuatan keputusan biasanya diabaikan. Pada umumnya, kajian dan konsep hanya bersifat sebahagian yang memberi fokus pada satu daripada aspek kognitif sahaja, iaitu persepsi, terutama pemaknaanya ke atas persekitaran yang kemudian makna ini dilihat sebagai kepercayaan, khususnya kepercayaan semasa.

Terdapat kesedaran bahawa perbincangan tentang proses kognitif boleh melibatkan banyak komponen, yang telah wujud sejak awal kajian kognitif dalam kajian politik antarabangsa. Berkenaan dengan ini, Boulding menyatakan pendapatnya tentang imej, "*then must be thought of as the total cognitive, affective, and evaluative structure of the behavior unit* (maka hendaklah dianggap sebagai jumlah kognitif, afektif, dan penilaian struktur unit tingkah laku)".<sup>102</sup> Namun, bukannya mengoperasikan ketiga-tiga struktur daripada imej berkenaan. Justeru itu, Boulding memberi fokus kepada struktur kognitif sahaja, iaitu mengkaji imej untuk menggambarkan kepercayaan atau mengkaji kepercayaan melalui konsep

---

<sup>102</sup>Boulding. "National Images and International Systems". hlm. 120-131. juga Robert C. North. et. al. (1963). *Content Analysis: A Handbook with Application for the Study of International Crisis*. Northwestern University Press. hlm. 42.

gambaran (*image*). Oleh sebab itu, kenyataan Boulding tersebut berfungsi sebagai satu tanggapan sahaja, bukan dalam konteks pengoperasian konsep dalam suatu penyelidikan yang boleh membezakan kandungan daripada *cognition*, *evaluation* dan *affection*.

Kecenderungan ini juga dilakukan dalam kajian Ole Holsti yang memberi fokus tentang gambaran nasional sahaja, dengan tajuk *Beliefs System and National Images system* (kepercayaan dan imej nasional), namun perkara *beliefs system* tidak dikerjakan.<sup>103</sup> Para pengkaji imej dilihat tidak mengoperasikan aspek kognitif dengan menggunakan konsep kepercayaan, kerana mereka menganggap konsep kepercayaan tidak berfungsi untuk memahami tindakan, termasuk rancangan bertindak negara sehingga mereka mengemukakan konsep imej. Dapat dilihat bahawa mereka menganggap imej sebagai sub-kepercayaan atau sebagai kepercayaan yang khas yang dapat menjelaskan sesebuah keputusan. Justeru itu, daripada kajian yang dilakukan tentang imej, kepercayaan disimpulkan.

Namun, pada tahun 1962 terdapat satu kajian yang melibatkan lebih daripada satu komponen kognitif dalam satu penyelidikan. Kajian ini dilakukan oleh satu pasukan daripada Yale University yang mengkaji tentang persepsi pemimpin ke atas krisis Eropah pada tahun 1914.<sup>104</sup> Meskipun mereka membina asas konseptual melibatkan komponen *cognition*, *evaluation* dan *affection* tetapi mereka tidak mengoperasikan ketiga-tiga komponen kognitif tersebut.

---

<sup>103</sup>Holsti. "Beliefs System and National Images". hlm. 543-550.

<sup>104</sup>North, Robert C. et. al. *Content Analysis*. hlm. 1-53.



Penyelidikan mereka hanya mengoperasikan aspek *cognition* dan *affection* sahaja. Justeru itu, dapat dilihat bahawa pasukan daripada Yale University turut cenderung pada ketika itu yang beranggapan bahawa komponen *evaluation* merupakan sebahagian daripada *affection*. Aspek *evaluation* digabung dalam *affection* atau dilihat sudah tergolong dalam aspek *affection*.<sup>105</sup> Pakar psikologi sosial biasanya menganggap *affect* sebagai *isomorphic* dengan *evaluation* dan menggunakan terma ini secara silih berganti.<sup>106</sup>

Selain itu, mereka menggunakan konsep persepsi untuk menyusun kedua-dua komponen penyelidikan mereka dalam terma *cognitive perception* dan *affective perception*. Kedua-duanya dihadapkan ke atas objek yang sedang berjalan. Oleh sebab itu, melalui terma *cognitive perception* dapat dilihat bahawa pasukan ini tidak mengkaji tentang kepercayaan sebelum (*prior beliefs*). Kepercayaan sebelum menentukan perkara penilaian dan makna yang wujud daripada sebuah proses persepsi ketika itu. Namun ketika mereka menganggap bahawa hasil daripada proses persepsi dianggap sebagai kepercayaan, sesungguhnya mereka telah mengkaji tentang kepercayaan semasa, bukannya kepercayaan sebelum.<sup>107</sup> Oleh itu, kajian melalui persepsi telah mengabaikan peranan kepercayaan dalam menentukan kandungan dan sifat daripada persepsi. Oleh sebab itu, tidak diketahui, bagaimana kepercayaan berhubungan dengan pengalaman sebelum atau aspek lain daripada minda seseorang.

Kajian yang memusatkan peranan kepercayaan dalam pembuatan

---

<sup>105</sup> William L. Allison. (1981). *A Critical History of Beliefs Systems Research in Political Science*. (a thesis). hlm. 20., lihat juga North. Robert C. et.al. *Content Analysis*. hlm. 42.

<sup>106</sup> Eagly and Sheley Chaiken. *The Psychology of Attitudes*. hlm. 12.

<sup>107</sup> Sheley E. Taylor, et. al. (2000). *Social Psychology*. New Jersey: Prentice Hall. hlm. 7.

keputusan berkaitan dengan perkara antarabangsa memiliki sifat mudah, dan tidak secara automatik kepercayaan boleh menjelaskan dasar suatu negara dalam perkara luaran. Manakala kajian dan konsep persepsi yang merupakan penafsiran dan penakrifan ke atas persekitaran, walaupun mula mampu satu langkah mendedahkan proses kognitif tetapi masih belum dapat menjelaskan kepada polisi itu sendiri, khasnya berkenaan dengan sifat daripada polisi, terlebih kepada pengamalan atau tindakannya.

Tingkah laku negara bukan sahaja berkenaan dengan keputusan yang dibuat tetapi juga dalam pelaksanaannya yang akan memberikan kesan nyata dalam hubungan antarabangsa. Oleh itu, usaha penjelasannya juga mesti jelas hingga kepada tindakan-tindakan yang diambil. Umum mengetahui bahawa suatu keputusan yang mengandungi cadangan tindakan akan ada sebahagian yang dapat dilaksanakan dan akan ada yang tidak dapat dilaksanakan. Bagi keputusan yang tidak dilaksanakan, analisis hanya dibuat pada analisis pembuatan keputusan sahaja tetapi ketika sebuah keputusan dilaksanakan adalah diperlukan untuk melakukan analisis kepada tindakan.

Tindakan negara bukan hanya melibatkan pembuatan keputusan sahaja tetapi juga melibatkan tindakan, maka perkara ini merupakan *entry point* (satu permulaan) untuk menyertakan konsep dan kajian tentang sikap (*attitude*). Konsep dan kajian kognitif adalah konteks pembuatan keputusan persendirian manakala konsep dan kajian sikap adalah konteks pada aksi-reaksi dan interaksi daripada pembuat keputusan negara dengan negara yang lain. Malah kajian mengenai konfrontasi Sukarno bukan sahaja sebagai sebuah polisi tetapi juga

berkaitan dengan tindakan-tindakan atau pelaksanaannya. Dengan demikian, dianggap satu perkara yang munasabah apabila perkara ini memerlukan penglibatan konsep sikap sebagai sebahagian daripada teori psikologi sosial. Hampir menyerupai teori kognitif yang memiliki aspek *cognitive* dan *evaluative-affective*, teori sikap memiliki aspek-aspek *cognitive*, *affective* dan *conative*.<sup>108</sup> Aspek *conative* ini yang menjadi perkara utama dalam konsep sikap, kerana makna daripada *conative* ialah kecenderungan seseorang untuk bertindak terhadap objek yang ada di persekitarannya. Dengan takrif seperti ini maka konsep sikap, khususnya *conative* akan lebih dekat dalam menjelaskan suatu tindakan seseorang.

Psikologi kognitif mengkaji aspek kognisi dalam hubungannya dengan tindakan, kerana memerlukan penglibatan aspek-aspek individu yang lain. Pelbagai aspek dalam kajian psikologi yang dikenali sejak masa *renaissance* hingga sekarang berakar pada masa Kristiani dan tradisi Hebraik. Daripada sejarah, komponen psikologi dikenali secara *tripartite* atau sebagai *trilogy of mind* (trilogi fikiran) iaitu *cognition*, *affection* dan *conation*.<sup>109</sup> Ketiga-tiga aspek ini walaupun dibezakan dan memiliki sifat yang unik yang tidak dimiliki oleh yang lain, tetapi memiliki perhubungan positif antara satu dengan yang lain.<sup>110</sup> Hubungannya bersifat berturutan dan biasanya wujud dalam diri manusia, setidaknya secara tersirat dan teoritikal.<sup>111</sup>

---

<sup>108</sup> John T. Newcomb. (1950). *Social Psychology*. New York: Holt. hlm. 118-119.

<sup>109</sup> Ernest R. Hilgard. (1980). "The Trilogy of the Mind: Cognition, affection, and conation". *Journal of the History of Behavioral Sciences*. 16. hlm. 107-117.

<sup>110</sup> Eagly, Alice H. and Sheley Chaiken. *The Psychology of Attitude*. hlm. 114-117.

<sup>111</sup> Eagly, Alice H. and Sheley Chaiken. *The Psychology of Attitude*. hlm. 114-117.


## 2.6 Skim Analisis

Skim analisis merupakan perkara yang amat penting dalam suatu kajian kerana berfungsi mengawal perkara-perkara yang menjadi fokus dalam suatu penyelidikan. Skim ini menghubungkan kepercayaan sebelum, iaitu kepercayaan falsafah dan instrumental, ketiga-tiga aspek minda dan tingkah laku. Daripada aspek *cognition* dikaji persepsi, daripada aspek *affection* dikaji emosi dan daripada aspek *conation* dikaji kecenderungan untuk bertindak. Ketiga-tiga aspek ini memiliki dimensi tanggapan (*response*) dan bersifat evaluatif.

Di dalam proses kognisi, persepsi menunjukkan bahawa apabila individu mendapatkan dorongan daripada persekitaran, kepercayaan, khasnya kepercayaan falsafah, menjadi tapisan dan pemberi makna ke atas maklumat daripada persekitaran. Secara umum, dalam pembuatan keputusan model kognitif, kepercayaan dan persepsi dilihat cukup menjelaskan lahirnya sebuah keputusan namun konsep *operational code* melangkah lebih jauh kerana mengangkat kategori kepercayaan instrumental yang amat berguna dalam menjelaskan dimensi tindakan daripada suatu keputusan. Seterusnya, persepsi bersama-sama dengan kepercayaan mewujudkan emosi dan emosi mewujudkan keinginan untuk bertindak. Daripada kepercayaan, persepsi dan emosi, sebuah keputusan dibuat, dan berasaskan kepada kepercayaan instrumental dan kecenderungan untuk bertindak boleh dikenal pasti tindakan yang akan dilakukan daripada sesebuah keputusan.

## RajahI.

## Hubungan antara Kepercayaan- Tingkah Laku



Sumber: Disusun sendiri

*Affection* atau pengungkapan emosi seseorang merupakan fasa seterusnya daripada persepsi. Ketika seseorang sudah memberikan makna ke atas suatu objek atau juga peristiwa seterusnya boleh membentuk cetusan emosi. Kewujudannya boleh bersifat positif; suka, kasih, bersahabat dan lainnya atau juga sebaliknya; tidak suka, benci, memusuhi dan lainnya. Persepsi boleh menjadi rangsangan atau juga menjadi sebab ke atas sesebuah *affection*. Namun persepsi bukan satu-satunya aspek kognitif yang berhubungan dengan *affection*. Ketika *affection* menyemai perasaan kecenderungan untuk bertindak, maka secara amnya perhubungan juga dilakukan dengan kepercayaan, khasnya

kepercayaan alatan yang menjadi asas bagi tindakan yang boleh dilakukan.

Dalam konteks konflik, ke atas pihak-pihak yang dipandang sebagai musuh, *affection* menggambarkan ungkapan perasaan atau emosi negatif seseorang ke atas pihak lain.<sup>112</sup> *Affection* permusuhan dengan membuatkan gambaran tentang mereka, khasnya membuatkan stereotaip buruk kepada musuh pada kajian sebelum merupakan salah satu dimensi daripada konsep imej di dalam kajian antarabangsa. Namun sebagai sebuah gambaran, pada kajian sebelum, imej bersifat persepsi dan dapat digolongkan sebagai sub- kepercayaan. Manakala *affection* memiliki sifat reaktif sehingga dapat digolongkan sebagai embrio daripada sikap dan tindakan.

## **2.7 Di antara Corak Rasional dan Kognitif**

Model rasional, kenyataannya, mendapatkan kritikan bukan sahaja daripada pakar teori psikologi kognitif tetapi juga daripada pemikir rasionaliti itu sendiri. Manakala model kognitif yang dibina dan dikembangkan oleh pengamal psikologi kognitif, secara internal, mendapatkan kritikan daripada pengkajinya.

Rasionaliti daripada pembuatan keputusan dalam dunia nyata boleh jarang berlaku dalam satu bentuk teori yang komprehensif. Sebenarnya, model pelaku rasional merupakan pemikiran ilmuwan yang ideal, yang sempurna. Namun dalam amalannya, pembuatan keputusan dirintangi oleh sejumlah faktor, fenomena ini dikenali sebagai rasionaliti terhad (*bounded*

---

<sup>112</sup> McDermott.). *Political Psychology In International Relations*. Michigan: Michigan University Press. hlm. 160.

*rationality*).<sup>113</sup>Rasionaliti terhad beranggapan bahawa manusia memiliki kecenderungan untuk mengambil keputusan yang berasaskan pada sifat optimis dan maksimalis namun keadaan yang dihadapi dan kekurangan maklumat yang dimiliki membuat seseorang pengambil keputusan bersifat pesimis dan minimalis. Sesebuah keputusan dalam kaitannya dengan pencapaian sasaran ialah boleh hanya sehingga pada suatu kedudukan yang mencukupi sahaja. Dengan demikian, meskipun pembuat keputusan semenjak awal berasaskan pada keputusan rasional boleh berakhir pada suatu kedudukan yang sukar selepas daripada dimensi emosi.

Kemampuan daripada individu untuk memproses maklumat dan mengoperasikan secara berkesan dipengaruhi oleh pelbagai tekanan. Realisme bersifat struktural, yang mengekang pemimpin melalui anggapan bahawa rintangan global membatasi setiap perkara yang boleh dilakukan oleh pemimpin. Disebabkan corak sistemik antarabangsa yang anarki sama ada saling bergantung dengan begitu jelas, pemimpin hanya boleh memilih daripada satu jarak terhad daripada alternatif. Jika menjalankan kepemimpinan rasional dan memaksimumkan tindakan negara ke arah matlamatnya, hanya tindakan-tindakan tertentu yang dianggap munasabah.

Keputusan boleh juga dibuat mengikut prinsip *satisficing*<sup>114</sup> yang berlaku apabila pembuat keputusan menguji pelbagai alternatif yang ada sehingga mereka menemukan satu pilihan yang mencapai penerimaan dalam kadar minimum. Mereka kemudian memilih alternatif tersebut tanpa

---

<sup>113</sup>Herbert A. Simon. (1982). *Models of Bounded Rationality*. Cambridge, MA: MIT Press. hlm. 291-294.

<sup>114</sup>Simon. *Models of Bounded Rationality*. hlm. 295-298.

berbincang untuk lebih jauh menguji pilihan-pilihan lain walaupun pilihan yang lebih baik masih tersedia. Pembuat keputusan lain boleh memilih untuk membuat sesuatu yang kecil, keputusan tambahan (*incremental*). Pembuat keputusan jarang memilih pilihan yang membawa kepada satu risiko paras tinggi, tetapi memutuskan ke atas pilihan yang lebih sedikit prospek perolehannya dan risiko-risiko yang lebih kecil.<sup>115</sup>

Pendekatan kognitif yang berkembang selama ini lebih dilihat ke arah penyimpangan, penyelewengan, kesalahan dan tidak normal dalam suatu pembuatan keputusan dan telah mengabaikan bahawa berkemungkinan seseorang pembuat keputusan boleh jadi melakukan proses dan keputusan yang betul. De Rivera menyatakan “*there is a tendency to invoke the psychology only when the abnormal occurs-if there is a distorted perceptions*”.<sup>116</sup> Oleh sebab itu, mereka lebih tertarik kepada perkara kegagalan daripada suatu polisi dan silap persepsi yang mudah. Ini mengakibatkan mereka memulakan kajian dengan kenyataan umum tentang persepsi dan segera berbalik memfokuskan secara sempit kepada silap persepsi dan menyoal kenapa pemimpin memegang dan menyelenggarakan pandangan ke atas realiti yang diputarbelitkan (*distorted*).

Secara tersirat, De Rivera menyatakan bahawa adalah lebih berfaedah untuk memahami fenomena kali pertama sebelum memusatkan perhatian kepada perkara-perkara yang dianggap tidak normal dan penyelewengan dalam fenomena itu sendiri. Terdapat tanggapan bahawa terdapat realiti yang

---

<sup>115</sup>Jack S. Levy. (1992). “An Introduction to Prospect Theory”. *Political Psychology*. 13. hlm. 171-186.

<sup>116</sup>Joseph de Rivera. (1968). *The Psychological Dimension of Foreign Policy*. Columbus, Ohio: Charles Merrill. hlm. 2.



diputarbelitkan sebenarnya belum tentu bererti telah berlaku persepsi yang salah, kerana pemimpin politik mungkin dengan sengaja melakukannya. “*We construct the reality in which we operate.*” kata de Rivera.<sup>117</sup>Sebenarnya, “*...correct perception is just as psychological and reflects individual values as much as a distorted view of reality*“.<sup>118</sup>Blanton menyatakan, “gambaran adalah perkara tidak nyata tetapi cerminan daripada realiti yang digambarkan maka tidak boleh dinilai sebagai kebenaran objektif sama ada sebagai kebenaran yang diselewengkan”.<sup>119</sup>

Di antara perbezaan yang terdapat daripada kedua-dua model pembuatan keputusan di atas, kedudukan kajian ini berkedudukan neutral dan lebih lagi tidak akan memilih satu model di permulaan tetapi secara terbuka akan menggunakannya untuk menganalisis fenomena kajian ini dengan berasaskan kepada data yang diperolehi selepasnya. Ini kerana manusia secara umumnya, khususnya pemimpin atau pembuat keputusan tidak ada yang sepenuhnya rasional-objektif dan tidak ada yang sepenuhnya tidak rasional-subjektif. Perkara ini selari dengan isu rasionaliti instrumental (*instrumental rationality*) yang memiliki dimensi makna yang berbeza. Rasionaliti instrumental menggambarkan bahawa tindakan pemimpin sebenarnya menunjukkan jalan. Mereka dengan rasional memilih nilai-nilai utama dan boleh menghasilkan perkara yang mereka suka. Mereka juga mengetengahkan bahawa tindakan-tindakan individu mungkin rasional walaupun proses pembuatan keputusan dan hasil-hasilnya boleh dilihat sebagai tidak rasional. Tidak perlu untuk menganggap seseorang pemimpin

---

<sup>117</sup>de Rivera.*The Psychological Dimension of Foreign Policy*. hlm.21.

<sup>118</sup>*Ibid.* hlm. 2.

<sup>119</sup>Shanon Lindsey Blanton. (1996). “Images in Conflict: The Case of Ronald Reagan and El Salvador”. *International Studies Quarterly*. 40. hlm. 23-44.

sebagai “*irrational*” ketika pemimpin tersebut mencabar negara yang amat berkuasa (*superpower*) secara global meskipun negaranya lebih lemah dalam aspek ketenteraan. Rasionaliti instrumental mengajar bahawa tidak penting lagi untuk membandingkan rasionaliti dengan tidak rasional. Apabila seorang pemimpin bertindak konsisten mengikut nilai yang diutamakan, maka sebenarnya beliau merupakan pelaku yang rasional.

## **2.8 Rumusan**

Psikologi kognitif mengungkapkan sifat yang dialami daripada minda yang penting hingga sesuatu proses tidak dapat dipisahkan daripada proses yang lain. Oleh sebab itu, kajian ini menunjukkan bagaimana proses kognitif memainkan suatu peranan yang utama dalam pelbagai pendedahan minda, setiap satunya berhubungan dengan tindakan dasar luar. Gambaran mental pula ialah kepercayaan daripada pembuat keputusan. Meskipun model-model mental tersebut dilihat sebagai usaha mengoperasikan hubungan kepercayaan dengan dasar luar negara tetapi pada asasnya tidaklah begitu berkesan kerana umumnya kajian mereka menekankan pada kepercayaan itu sendiri; pada aspek stabiliti daripada kepercayaan, yang dipertahankan pada sifat manipulatif dan motivasi pengekal diri daripada pembuat keputusannya. Bukan pada usaha untuk mengenali bagaimana suatu objek yang wujud di persekitaran diberikan makna tertentu.

Merujuk kepada ulasan-ulasan di atas, kajian aspek kognitif mengangkat perkara persepsi untuk mengisi kekosongan daripada kajian imej, kanun operasional dan peta kognitif. Pengaruh yang tidak dapat dielakkan daripada

tanggapan asas pendekatan ini yang berasaskan pada sifat subjektif dan tidak rasionalnya suatu keputusan, mendorong kajian persepsi memberi fokus dari sudut pengubahan (putar belit) makna terhadap persekitaran dan pada silap persepsi. Perkara ini berkenaan dengan had kognitif, ingatan, pengetahuan dan maklumat daripada objek yang ada di hadapan. Meskipun takrifan tentang konsep persepsi menyatakan bahawa persepsi ditentukan oleh kepercayaan tetapi kajian persepsi tidak mendedahkan kepercayaan individu yang sudah ada sebelum menghadapi isu yang dipersepsikan dan tidak fokus untuk mengenali konsisten makna terhadap kepercayaannya.

Oleh kerana kajian ini berkongsi tanggapan asas yang sama dengan kajian model mental sebelumnya sehingga kajian ini mengukuhkan perkara yang tidak rasional dalam suatu keputusan kerana subjektif dan manipulatifnya pembuat keputusan. Selain itu, kenyataannya kajian persepsi bukanlah kajian yang menjadikan hubungan kepercayaan dengan tindakan boleh berlaku, ia tidak lain ialah kajian yang menghubungkan persepsi itu sendiri kepada tindakan.

Kajian dan konsep yang menerapkan pendekatan kognitif dalam literatur hubungan antarabangsa dengan mudah menyederhanakan kerumitan daripada aspek-aspek kognitif, bersifat *partial* dan belum berbuat lebih banyak untuk mendedahkan proses kognisi dalam pembuatan keputusan. Khususnya kajian dan konsep imej memiliki kesamaran makna kerana imej juga boleh bererti sebagai kepercayaan, persepsi dengan emosi. Manakala konsep dan kajian kanun operasional mengabaikan persepsi semasa dan kajian dan konsep persepsi mengabaikan kepercayaan yang menjadi asas bagi terbentuknya sebuah persepsi.

Mengabaikan kerumitan kognitif, proses kognitif dan susunan pergerakan prosesnya merupakan masalah yang wujud daripada kajian-kajian kognitif dalam hubungan antarabangsa.

Disebabkan perkara tersebut, membabitkan ketiga-tiga aspek psikologi iaitu; *cognition* (persepsi), *affection* (emosi) dan *conation* (kecenderungan untuk bertindak) dalam hubungan kepercayaan-tingkah laku merupakan suatu usaha untuk mewujudkan penjelasan yang komprehensif, menekankan pada proses dan fasa yang tersusun ke atas tindakan negara melalui pemimpinnya. Dalam hubungan kepercayaan dengan tindakan persepsi boleh mewujudkan suatu proses kognitif, di mana kepercayaan falsafah atau juga instrumental menjadi tapisan dan sekaligus penterjemah bagi maklumat yang wujud daripada persekitaran. Seterusnya, persepsi dan kepercayaan mewujudkan emosi, kecenderungan untuk bertindak dan berakhir pada kewujudan tindakan.

Walaupun terdapat kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, namun masih belum dapat mendedahkan semua fenomena hubungan minda dengan perkara antarabangsa dan telah meninggalkan soalan-soalan dalam kerangka kajiannya. Justeru itu, kajian-kajian yang ada dan soalan-soalannya boleh memberi inspirasi kepada seseorang untuk mencari ruang yang boleh dikaji. Berkenaan dengan soalan di antara kajian kepercayaan dan persepsi, kajian ini akan melibatkan kedua-duanya kerana konfrontasi Sukarno juga berkenaan dengan tindakan-tindakannya,

Selepas ini, dalam bab 3 akan dihuraikan tentang konteks sejarah; perkembangan dan inti pemikiran daripada Sukarno.

## **BAB 3**

### **PERKEMBANGAN PEMIKIRAN DAN PEMIKIRAN ASAS DARIPADASUKARNO**

#### **3.0 Pengenalan**

Mengungkap perjalanan hidup Sukarno adalah salah satu perkara penting kerana berkaitan dengan proses memahami bagaimana Sukarno memahami dan berinteraksi dengan dunia persekitaran; alam fizikal mahupun dunia sosial. Pengalaman berbalas tindakan dengan persekitaran bersama-sama dengan bagaimana beliau mengenali persekitaran secara langsung mahupun melalui pengetahuan merupakan perkara penting dalam memahami struktur dan karakter pengetahuan dan minda Sukarno. Ketika pengetahuan menjadi pedoman dalam menafsirkan kewujudan tentang perkara yang ada di hadapan dan Sukarno bertindak berdasarkan pengetahuannya, maka sebenarnya pengetahuan itu telah menjadi satu kepercayaan.

Bab ini menghuraikan perjalanan intelektualiti Sukarno untuk melengkapkan asas bagi pemahaman ke atas kepercayaan, emosi-emosi dan kecenderungan-kecenderungannya. Huraian merangkumi tentang pertumbuhan dan buah pemikiran Sukarno, terutama pada masa pergerakan nasional sehingga sebelum kemerdekaan Indonesia.

#### **3.1. Latar Belakang Pemikiran**

Pemikiran dan intelektualiti Sukarno mula dilihat ketika beliau di Surabaya, sebuah bandar besar di wilayah Jawa Timur. Di Surabaya, daripada

tahun 1916 sehingga tahun 1921, Sukarno melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah di *Hooge Burgere School* (HBS) dan tinggal di rumah Haji Oemar Said (HOS) Tjokroaminoto, seorang tokoh politik terbesar dan pengetua sebuah organisasi massa terbesar pada ketika itu, iaitu Sarekat Islam (SI). HOS Tjokroaminoto ialah seorang nasionalis dan cekap dalam berpidato. Beliau memiliki pengaruh yang banyak sehingga dikenali sebagai Raja Jawa Sebenar.<sup>120</sup>

Pendidikan politik Sukarno berjalan secara tidak rasmi di rumah Tjokroaminoto. Peranan rumah ini bagi Sukarno lebih merupakan "sekolah politik" atau "dapurnya api nasionalisme"<sup>121</sup>. Selain belajar daripada Tjokroaminoto, Sukarno banyak berjumpa dan belajar daripada tokoh-tokoh politik yang dikenali yang sering bertandang ke rumah Tjokroaminoto. Semasa tinggal di rumah ini, Sukarno mengenali Haji Agus Salim seorang pejuang islam yang bersemangat, Sneevliet, Hartough dan Baars dari kelompok Marxis serta Alimin, Muso dan Dharsono dari kelompok kiri yang menjadi tokoh penting dalam Sarekat Islam mahupun *Indische School Democratische Vereeniging* (ISDV).<sup>122</sup> Namun pengenalan Sukarno terhadap Marxisme diperolehi dari Hartough, iaitu seorang guru bahasa Jerman di *HBS* dan tergolong sebagai seorang anggota *ISDV*. Selain itu, Sukarno juga mendapat kesan daripada pemikiran Barat yang moden ketika tinggal di rumah tersebut. Perpindahan dengan orang tua dan lingkungan desanya ternyata

---

<sup>120</sup> HOS Tjokroaminoto disebut juga sebagai "Raja Jawa Yang Sebenar" kerana pengaruhnya yang luas dan memiliki 2.5 juta pengikut.

<sup>121</sup> M. S. Kapitsa, Maliten N.P. (2009). *Sukarno: Biografi Politik*. Bandung: Ultimus. hlm. 27.

<sup>122</sup> Pada tahun 1923 ISDV menjadi Parai Komunis Indonesia (PKI) dengan pengetuanya Semaun.

memberi kesan positif terhadap dirinya.<sup>123</sup>

Melalui tokoh-tokoh seperti yang disenaraikan di atas, proses sosialisasi politik Sukarno bermula. Perbincangan yang dilakukan memberi pengajaran kepada Sukarno untuk memahami sedikit demi sedikit tentang penjajahan Belanda dan beliau mula sedar akan perbuatan jahat yang dilakukan oleh Belanda. Sukarno melihat bangsanya dihadapkan dalam diskriminasi sawa matang yang dilihat dilakukan secara terbuka.<sup>124</sup> Sehingga wujud kesedaran untuk membebaskan bangsanya daripada tindakan Belanda yang bersifat diskriminatif. Sejak usia belia, Sukarno bercita-cita untuk membebaskan bangsanya daripada cengkaman penjajahan.<sup>125</sup>

Sukarno dikenali bukan sahaja sebagai seorang pelajar yang pandai tetapi juga bangga dengan budaya dan bahasa tempatannya. Walaupun beliau dapat menguasai bahasa Belanda, Jerman, Perancis dan Inggeris tetapi beliau teguh menjunjung tinggi bahasa Jawa yang dimiliki. Perkara ini ditunjukkan oleh beliau ketika mendapat peluang berpidato dalam kelas perbincangan. Sukarno telah naik ke atas meja dan berpidato dengan menggunakan bahasa Jawa. Peristiwa ini menjadikan Sukarno sangat dikenali di sekolahnya sebagai seorang murid yang berani keluar daripada peraturan penjajah, kerana di sekolah tersebut, penggunaan bahasa selain Belanda adalah diharamkan.<sup>126</sup>

Selain aktif dalam organisasi, Sukarno mengisi waktunya dengan

---

<sup>123</sup> Bernard A. Dahm. (1987). *Soekarno dan Perjuangan Kemerdekaan*, Jakarta: LP3ES. hlm. 51.

<sup>124</sup> Cindy Adams. *Bung Karno Penyambung Lidah Rakyat Indonesia*. hlm. 49.

<sup>125</sup> *Ibid.* hlm. 44-47.

<sup>126</sup> *Ibid.* hlm. 50-51.

banyak membaca buku di perpustakaan milik kumpulan Theosofi. Sukarno amat menghormat tokoh-tokoh besar dunia yang telah berjaya melakukan perubahan sosial seperti Thomas Jefferson, George Washington dan Abraham Lincoln. Jiwanya berkelana menemui Rousseau dan Juarez, menyelami peristiwa Revolusi Perancis dan berperanan sebagai Voltaire mahupun Danton. Dengan cara membaca buku-buku tokoh terkenal, secara langsung beliau dapat menimba buah pemikiran yang dilontarkan oleh tokoh-tokoh besar, seakan-akan beliau berhadapan secara langsung dengan mereka.<sup>127</sup>

Selain melakukan pertentangan dengan dunia intelektual, Sukarno juga aktif menulis dalam Majalah Oetoesan (utusan) Hindia milik Sarekat Islam. Salah seorang pengerusi Sarekat Islam telah menawarkan Sukarno untuk menghasilkan sebuah penulisan. Penulisannya yang pertama ditulis dalam bahasa Melayu dimuat di halaman depan majalah pada tarikh 21 Januari 1921 dengan tajuk Nasibia SI. Setelah merasakan tulisannya mendapat sambutan, Sukarno cuba untuk menulis sendiri dan berjaya menghasilkannya. Beliau tidak ingin namanya yang masih menjadi murid HBS diketahui umum dalam menghasilkan penulisan untuk majalah SI. Beliau menggunakan nama samaran sebagai Bima.<sup>128</sup> Kemudian hampir setiap minggu, majalah Oetoesan Hindia menampilkan hasil penulisan Sukarno. Karangan-karangan yang ditulis dengan bahasa yang menarik secara bergantian diberi tajuk Melayu dan Belanda. Tajuk penulisannya antara lain, *Swapraja*, Kaum intelektual dan Hak

---

<sup>127</sup> *Ibid.* hlm. 50-51.

<sup>128</sup> Bima ialah tokoh wira dalam epik Mahabaratha.



Memilih.<sup>129</sup> Ketika hendak meninggalkan Surabaya, Sukarno sudah berjaya menghasilkan sekitar 500 artikel.<sup>130</sup>

Selepas itu, Sukarno bersama rakan-rakannya berhajat melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di negara Belanda. Namun disebabkan masalah kewangan dan pertimbangan nasionalismenya,<sup>131</sup> pada tahun 1921 akhirnya Sukarno pergi ke Bandung untuk mendaftarkan diri di *Technische Hoogeschool te Bandoeng* yang kemudian namanya ditukar menjadi Institut Teknologi Bandung (ITB), satu-satunya institusi pengajian tinggi penjajah di Indonesia pada ketika itu.<sup>132</sup> Bandung adalah bandar yang mempunyai corak ideologi yang khas iaitu Nasionalisme radikal. Di Bandung, melalui pemimpin-pemimpin *Indische Partij* (parti Indonesia), berkembang pemikiran bahawa tujuan pergerakan adalah kemerdekaan penuh untuk tanah air Indonesia.<sup>133</sup> Utamanya kerana pemikiran nasionalis sekular yang terkenal sebagai tokoh Tiga Serangkai, iaitu Douwes Dekker, Dr. Tjipto Mangunkusumo dan Ki Hajar Dewantara, Bandung dikenali sebagai pusat pemikiran nasionalis sekular.<sup>134</sup>

Perkenalan Sukarno dengan tokoh tiga serangkai, khususnya Douwes Dekker telah meyakinkan dirinya atas kebenaran pendapat yang berwawasan bahawa

---

<sup>129</sup> Lambert Giebels. (2001). *Sukarno: Biografi 1901-1950*. Jakarta: Grasindo. hlm. 41.

<sup>130</sup> Dharmawan MM. (2005). *Sukarno Bapak Bangsa Indonesia*. Bandung: CV Hikayat Dunia. 49.

<sup>131</sup> Adams. *Sukarno Penyambung Lidah Rakyat*. hlm. 59-60.

<sup>132</sup> Pada bulan Mei 1926 Sukarno berjaya menamatkan pelajarannya dari ITB dan mendapat gelaran Insinyur (engineer) Pembangunan. Ir. Sukarno ialah orang peribumi pertama yang berjaya di ITB.

<sup>133</sup> D. M. G.Koch. (1951). *Menuju Indonesia Merdeka*. Jakarta: Yayasan Pembangunan. hlm. 37-55.

<sup>134</sup> Koch. hlm. 37-55.

yang penting adalah terlebih dahulu mendirikan suatu bangsa yang utuh dan kemudian barulah masalah-masalah struktur dibincangkan, apabila Indonesia telah mencapai kemerdekaan.<sup>135</sup> Kemudiannya, pengaruh pemikiran seperti ini berkembang menjadi aliran utama dalam pemikiran nasionalisme Indonesia dan tergambar dalam pemikiran dan tindakan politik daripada Sukarno pada akhir 1920an.<sup>136</sup>

### 3.2 Kandungan Pemikiran Asas daripada Sukarno

Ketika di Surabaya, Sukarno untuk pertama kali telah mencurahkan aspirasi dan bakat menulisnya, melalui akhbar *Oetoesan Hindia*. Dengan nama samaran Bima, Sukarno menghasilkan penulisan berintikan penentangannya terhadap penjajah. "...Hancurkan segera kapitalisme yang dibantu oleh budaknya, imperialisme. Dengan kekuatan Islam, Insya Allah itu segera dilaksanakan".<sup>137</sup>

Ketika di Bandung, idea Sukarno mula dikenali masyarakat secara lebih saksama. Di Bandung, tulisan Sukarno mula dikeluarkan melalui majalah Indonesia Moeda milik *Algemeene Studie Club* pada awal dekad tahun 30 dan majalah Partindo (Parti Indonesia), Fikiran Ra'yat. Namun hasil penulisan tentang pemikiran Sukarno yang pelbagai dimensi berkenaan dengan sikapnya terhadap kolonialisme dan imperialisme dapat diperolehi dalam *Indonesia Menggugat*, sebuah tulisan yang dibuat untuk melakukan pembelaan diri daripada dakwaan penjajah Belanda.

---

<sup>135</sup> *Ibid.* hlm. 37-55.

<sup>136</sup> John D. Legge.(1985).*Sukarno: Sebuah Biografi*. Jakarta: Sinar Harapan. hlm. 85-89.

<sup>137</sup> Dahm.*Soekarno dan Perjuangan Kemerdekaan*. hlm. 30.

### 3.2.1 Hakikat Kolonialisme dan Imperialisme

Sifat asas daripada pemikiran Sukarno adalah anti kolonialisme dan imperialisme. Dalam “Indonesia Menggugat”, Sukarno mengupas secara panjang lebar dan secara kritikal ke atas kapitalisme dan imperialisme secara umum mahupun secara khas berkenaan dengan pelaksanaannya di Indonesia.

Sukarno mendedahkan bahawa penjajahan memberi kesan yang sering dirasai ialah bertambah sempitnya keadaan penghidupan di negara sendiri “...asal-asalnya yang *di dalam* dan *asasi* ialah nafsu mencari benda, nafsu mencari rezeki belaka”.<sup>138</sup>Tujuan penjajahan sesungguhnya adalah untuk mendapatkan keuntungan daripada suatu bangsa, yang lebih tingkat kemajuannya; disaat orang rajin beramal ibadat, tujuan ini dibungkus dengan perkataan untuk “agama Kristian” dan di zaman kemajuan dengan perkataan untuk “kesopanan”.<sup>139</sup>Tetapi nafsu yang mendorong mereka untuk pergi “ketempat-tempat yang bermandikan cahaya matahari”, biasanya ialah keinginan untuk memonopoli suatu pasaran bahan-bahan mentah, atau perhitungan yang lebih rendah, bahawa di situ banyak terdapat tenaga buruh yang murah dan tidak tersusun dalam organisasi, sedia untuk dipergunakan<sup>140</sup>...penjajahan dan kekerasan atau sekurang-kurangnya paksaan, adalah bergantung antara satu sama lain iaitu saling memerlukan”.<sup>141</sup>

Imperialisme bukan sahaja sistem atau nafsu menakluki sesebuah negara dan bangsa yang lain, tetapi imperialisme boleh juga dikatakan sebagai

---

<sup>138</sup>Sukarno.*Indonesia Menggugat*. hlm. 25.

<sup>139</sup>*Ibid.* hlm. 27.

<sup>140</sup>*Ibid.* hlm. 27.

<sup>141</sup>*Ibid.* hlm. 77.

nafsu atau sistem mempengaruhi ekonomi negara dan bangsa yang lain. Kaedah yang dilakukan tidak perlu melibatkan penggunaan pedang, senapang, meriam atau kapal perang, juga tidak berupa ”pengembangan negeri-daerah dengan kekerasan senjata” seperti yang dimaksudkan oleh van Kol, tetapi hanya melibatkan ”putar lidah” atau cara halus sahaja, yang juga boleh dilakukan dengan cara *”penetration pacifique”*. Terutama dalam sifatnya *mempengaruhi* bangsa lain, imperialisme zaman sekarang sama seperti ”negeri-negeri mandat” alias ”maandatgebieden,” ”daerah-daerah pengaruh” alias *”invloedssferen”* dan lain-lain sebagainya, sedang dalam sifatnya *menakluki* negara orang lain, imperialisme itu berbuahkan negeri jajahan, *koloniaal-bezit*.<sup>142</sup> ”Imperialisme yang dimusuhi adalah suatu fahaman, suatu pengertian, suatu nafsu, suatu usaha, suatu system atau suatu politik menakluki atau mempengaruhi negara orang lain atau ekonomi bangsa lain”.<sup>143</sup>

Indonesia sudah lebih daripada 300 tahun menderita akibat daripada imperialisme, lebih daripada 300 tahun dipengaruhi, diduduki, dieksploitasi oleh imperialisme, --dulu imperialisme-tua, kini imperialisme-modern. Baik imperialisme-tua mahupun imperialisme modern, --kedua-duanya bagi negara Indonesia dan rakyat Indonesia adalah mengakibatkan kemelesetan dan kucar-kacirnya susunan pergaulan hidup, kedua-duanya dahagakan rezeki, eksploitasi, *penyaliran* yang sangat kuat. Oleh sebab itu, kehidupan rakyat Indonesia kini adalah kehidupan ”penderita minimum”, pergaulan hidup

---

<sup>142</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 16.

<sup>143</sup>*Ibid.* hlm. 16.

Indonesia adalah pergaulan hidup “rakyat kelompok buruh”, rakyat Indonesia menjadi rakyat yang celaka.<sup>144</sup> Tatkala kapitalisme moden beranak imperialisme-modern, maka kita menjadi saksi atas “balapan (perlumbaan) cari jajahan” yang seolah-olah tiada akhirnya.<sup>145</sup>

Seterusnya Sukarno menjelaskan bagaimana imperialisme mengukuhkan kekuasaan melalui empat kaedah:

1. Sistem imperialisme melahirkan politik *divide et impera*, yakni politik perpecahan;
2. Sistem imperialisme menetapkan rakyat Indonesia berada dalam kemunduran;
3. Sistem imperialisme membangunkan kepercayaan dalam hati dan fikiran rakyat, bahawa bangsa kulit berwarna sememang bangsa yang kurang “karat”nya dan bahawa bangsa kulit putih memang “adhi-adhining” (uber alles) bangsa;
4. Sistem imperialisme membangunkan kepercayaan dalam hati dan fikiran rakyat, bahawa kepentingan-kepentingan rakyat adalah sesuai dan sama dengan kepentingan-kepentingan kaum imperialisme itu sendiri, sehingga rakyat dilarang menjalankan politik *selfhelp* dan politik ingin merdeka, tetapi mestilah memeluk politik bersatu dengan kaum pertuanan, yakni politik asosiasi.<sup>146</sup>

Kerana kefahaman seperti ini, maka melalui pidato-pidato sebelum ditangkap, Sukarno sering melontarkan, “rubuhkanlah imperialisme!”, “rubuhkanlah kapitalisme!”. Sukarno menegaskan kepada Belanda tentang dakwaan Belanda sebelum ditangkap, beliau sempat melontarkan permusuhan terhadap kolonialisme. Dikatakannya “imperialisme jahat, kapitalisme angkara murka, imperialisme mencelakakan kita, kapitalisme merusak rakyat!”.<sup>147</sup>

### **3.2.2 Nilai-Nilai: Marhaen, dan Hubungannya dengan Demokrasi dan**

<sup>144</sup>*Ibid.* hlm. 178.

<sup>145</sup>*Ibid.* hlm. 28. Balapan bererti lumba laju.

<sup>146</sup>*Ibid.* hlm. 116-117.

<sup>147</sup>*Ibid.* hlm. 166.

## **Nasionalisme**

Sukarno mengajukan Marhaenisme sebagai dasar ideologi, bukan sebagai ideologi persatuan sementara dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, namun sebagai persatuan yang kukuh dan kekal, yang sangat diperlukan untuk membentuk satu masyarakat baru yang adil dan makmur di Indonesia. Marhaenisme merupakan landasan awal daripada Sukarno untuk mengembangkan rangkaian pemikiran berikutnya.

Istilah marhaen menjadi populer semenjak diucapkan oleh Sukarno ketika melakukan pembelaannya di hadapan pengadilan penjajah dalam tajuk “Indonesia Menggugat”. *Marhaen* merujuk kepada rakyat kecil yang merupakan kebanyakan rakyat Indonesia. Marhaen ialah rakyat yang hidup dalam kemiskinan akibat ugutan oleh penjajah.

Konsep *marhaen* oleh Sukarno telah memecahkan satu masalah yang selama bertahun-tahun merisaukan beliau. Di hadapan Kongres *Jong Java* di Bandung pada tahun 1921, Sukarno mengemukakan bahawa perjuangan kelas dalam masyarakat Indonesia sudah tidak dapat dielakkan lagi. Walaupun beliau sendiri tidak berpuas hati dengan pandangan tersebut. Perjuangan kelas mengikut marxisme bererti perjuangan kaum buruh (proletar) untuk menjatuhkan kaum pemilik modal (borjuasi) dan ini berlaku di negara kapitalis industri. Wilayah Hindia Belanda (Indonesia) bukanlah wilayah industri, tetapi sebagai wilayah sumber bahan mentah bagi keperluan industri di negara penjajah. Kebanyakan sumber adalah hasil pertanian dan perkebunan. Sehingga perjuangan kelas tidaklah tepat untuk dilakukan di

kawasan sebegini. Akhirnya beliau menemukan konsep Marhaen yang memungkinkan untuk lebih menempatkan perjuangan dalam perjuangan kelas secara nasional.<sup>148</sup> Untuk berlakunya *massa actie* Sukarno membangunkan rasa kesamaan nasib dan darjah daripada rakyat Indonesia dengan memperkenalkan istilah *Marhaen*.

Sukarno dengan kepandaiannya telah menggunakan analisis sosial Marx pada keadaan masyarakat Indonesia. Beliau melihat tiada perlunya konsep proletar serta menganggap pentingnya *massa actie*. Ini sesuai dengan pandangannya tentang penentangan terhadap imperialisme. Beliau juga melihat bahawa bentuk penentangan tidak semestinya melibatkan unsur-unsur pertelingkahan kelas seperti yang diyakini oleh PKI, tetapi lebih menitikberatkan pada perjuangan antara pembahagian ekstrim, iaitu masyarakat Indonesia sebagai suatu keseluruhan yang menentang kekuasaan penjajah Belanda.<sup>149</sup>

Daripada perkataan *marhaen*, wujud konsep Marhaenisme yang merupakan satu fahaman yang secara praktikal meliputi setiap orang Indonesia yang berkeinginan untuk mengadakan perubahan hidup kaum marhaen. Dengan adanya konsep ini, tindakan tidak hanya di atas kepentingan satu kumpulan, "...Kami tahu bahawa untuk mencapai kemerdekaan diperlukan syarat-syarat tertentu, kerana itu kami (Parti Nasional Indonesia) berusaha menciptakan syarat-syarat itu".<sup>150</sup> Perkara ini penting kerana apa yang difokuskan ialah marhaen dengan aspek anti penjajah dan persatuan daripada seluruh lapisan

---

<sup>148</sup>Legge. *Sukarno: Sebuah Biografi*. hlm. 90.

<sup>149</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm.127.

<sup>150</sup>*Ibid.* hlm. 128.

masyarakat sebagai syarat utama untuk dapat mencapai kemerdekaan nasional. Pemikiran tentang rakyat kecil merupakan suatu sumbangan yang khas dalam pemikiran politik Sukarno walaupun bukan merupakan perkara yang amat penting. Dapat dikatakan bahawa konsep yang diajukan ini merupakan suatu penilaian yang jujur terhadap sifat masyarakat Indonesia. Marxisme telah memberikan kepada Sukarno alat yang amat penting dalam melakukan analisis sosial dan dalam mengkaji sifat daripada kuasa kolonialisme. Dalam “Indonesia Menggugat”, Sukarno secara jelas memberikan perbezaan konsep marhaen dengan proletar.

Menurut Sukarno, struktur masyarakat Indonesia belum menjadi masyarakat industri seperti di Barat. Bezanya adalah kumpulan marhaen bukan hanyaterdiri daripada satu kumpulan kecil sahaja seperti petani kecil, pengusaha kecil, buruh kecil, yang sama-sama menanggung beban akibat kekejaman imperialisme. Semua rakyat kumpulan kecil ini dinamakan sebagai kaum Marhaen. Konsep ini membenarkan pendapat Sukarno yang menyatakan tidak ada suatu kelas industri dan golongan menengah Bumiputera sebagaimana di Hindustan yang kini menjadi Indonesia. Jadi, ketiadaan golongan borjuasi nasional seperti di India, tidak mungkin untuk mengadakan boikot ekonomi atau *swadeshi* seperti di India dan Belanda yang lebih berkepentingan untuk memperoleh bahan mentah daripada menjual hasil industrinya.

Melalui Marhaenisme, Sukarno telah berusaha untuk menyatukan tiga ideologi, yang menurut keyakinannya mempunyai nilai-nilai yang sangat



berharga dalam perjuangan pembebasan nasional. Ideologi tersebut adalah nasionalisme daripada bangsa yang tertindas, islamisme yang diertikan olehnya tidak hanya sebagai islam semata-mata namun juga sebagai agama dan ajaran politik yang anti-penjajah, marxisme atau lebih tepatnya, hanya beberapa aspeknya. “Marxisme, itulah yang membuat saya punya nasionalisme berlainan dengan nasionalismenya nasionalis Indonesia yang lain”.<sup>151</sup> Dalam Marhaenisme, Sukarno juga telah memasukkan beberapa pandangan daripada sosialisme aliran burjuasi kecil, daripada sosialisme islam, daripada pandangan-pandangan tradisi, walaupun yang diambilnya hanyalah aspek-aspek yang senada dengan ideanya mengenai demokrasi, mengenai perjuangan anti imperialis. Akibatnya, terbentuk ajaran yang eklektik, yang secara keseluruhan mengandung sifat-sifat yang subjektif dan idealis.

Pemikir ideologi Marhaenisme menyatakan bahawa perbezaan yang dilihat dengan Barat adalah di Indonesia tidak ada kesenjangan kelas-sosial yang menonjol, tidak ada juga perjuangan kelas. Mereka mengutamakan persatuan nasional, sambil menegaskan, bahawa semuanya mesti memberi fokus tujuannya ke arah kemerdekaan. Walaupun Sukarno mengakui tentang teori perjuangan kelas, beliau menyatakan bahawa beliau selalu berusaha mengukuhkan jiwa bangsa bukan sebagai kesedaran kelas, seperti yang biasa terdapat dalam gerakan buruh, tetapi sebagai kesedaran bangsa, kesedaran nasional, sebagai nasionalisme. Dalam negara penjajah, pertentangan-

---

<sup>151</sup>Sukarno. *Dibawah Bendera Revolusi*. hlm. 510.

pertentangan kelas menjadi searah dengan pertentangan nasional.<sup>152</sup>

Meskipun konsep Marhaen baru diperkenalkan pada tahun 1930, namun konsep ini menjadi amat penting kerana merupakan ideologi dasar yang menjadi tujuan negara Indonesia Merdeka. Marhaen adalah alasan sekaligus tumpuan daripada rasa simpati yang wujud terhadap rakyat Indonesia yang menderita ekoran kerana penjajahan. Justeru itu, dalam pemikiran Sukarno, hasil akhir daripada kemerdekaan sebenarnya adalah kemakmuran bagi rakyat miskin dan tertindas, Marhaen.

Dalam artikel yang bertajuk “Demokrasi Politik dan Demokrasi Ekonomi” yang ditunjukkan dalam Fikiran Ra’jat tahun 1932, Sukarno menganalisis demokrasi Barat, yang ternyata akhirnya tidak berpihak kepada rakyat. Meskipun penubuhan demokrasi mereka berlandaskan pada slogan Kemerdekaan, Persaudaraan dan Persamaan di antara kaum *burjuasi* dengan rakyat. Jean Jaures menyatakan bahawa bentuk demokrasi berparlimen hanya menguntungkan kaum kapitalis. Sokongan parlimen di negara-negara Barat ketika itu telah menjadikan pemegang kapital menindas kaum buruh dan membuat jutaan masyarakat hidup menganggur.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kenyataan yang dikeluarkan itu, Sukarno bertambah yakin bahawa Demokrasi Barat bukanlah sistem yang sesuai dengan keadaan Indonesia. Kaum Marhaen dalam sistem parlimen tidak akan berubah nasibnya kerana kecenderungan kapitalisme boleh mengawal sistem ini. Bagi Sukarno sistem demokrasi mestilah mampu melayani

---

<sup>152</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 130.

kepentingan kaum miskin dan menaikkan taraf hidup mereka. Demokrasi yang diinginkan oleh Sukarno adalah suatu demokrasi yang disebutnya sebagai sosio-demokrasi. Sokongan Sukarno kepada rakyat kecil ini adalah sasaran asas dalam pemikiran Sukarno, sehingga kemudian dalam memberikan erti pada nasionalisme yang beliau laungkan, beliau juga menyatakan bahawa nasionalisme yang diharapkan adalah sosio-nasionalisme.

### **3.2.3 Jalan Keluar daripada Belenggu Kolonialisme**

Sebelum mengemukakan cadangan beliau tentang bagaimana menghentikan penjajahan, Sukarno membahas tentang pertentangan antara penjajah dengan rakyat yang dijajah. Menurutnya, semua kepentingan kaum penjajah adalah seperti ekonomi, sosial, politik sama ada yang berhubungan dengan kebudayaan, bertentangan dengan kepentingan Bumiputera. Kaum imperialisme seboleh-bolehnya mahu meneruskan adanya penjajahan manakala masyarakat Bumiputera seboleh-bolehnya berusaha untuk menghentikan penjajahan. ...”tidak ada satu rakyat negeri jajahan yang tidak ingin merdeka”<sup>153</sup>..Kemerdekaan pula adalah syarat yang amat penting untuk mengembalikan segala susunan pergaulan hidup sesebuah negara bekas jajahan, suatu syarat yang amat penting bagi penstrukturan semula nasional.

#### **3.2.3.1 Tidak Bekerjasama**

Cadangan pemikiran Sukarno mengenai solusi atau jalan utama dalam memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajahan Belanda, ialah dengan tidak melakukan kerjasama yang diistilahkan oleh Sukarno sebagai non-

---

<sup>153</sup> Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 78.

kooperasi dengan pihak tersebut. Hujah ke atas cadangan ini dikatakan sebagai;

“Tuan-tuan Hakim yang terhormat, marilah kami mengulang lagi: kekuasaan politik, kemerdekaan, hanyalah bisa didatangkan oleh usaha rakyat sendiri! Kaum imperialisme sudah semestinya menghalang-halangi kami; daripada sistem imperialisme, yang hidupnya daripada penjajahan itu, kami tak mesti mengharap sokongan memberhentikan penjajahan itu. Nasib kami adalah di dalam genggaman kami sendiri; keselamatan kami adalah di dalam kemauan kami sendiri, di dalam tekad kami sendiri.. Semboyan kami tidaklah “minta-minta”, tidaklah mengemis, tidaklah “mendicancy” sebagai Tilak. ..Semboyan kami mestilah noncooperation”, lebih benar “selfhelp” (menolong diri sendiri), “zelfverwerkelijking” (kesedaran diri), “selfreliance” (berdikari), sebagai yang kami lambangkan dengan perlambang kepala banteng.<sup>154</sup>

Sukarno telah menentang konsep daripada pemimpin pergerakan pembebasan nasional yang mengharapkan kemerdekaan dengan jalan berkerjasama dengan penjajah dan yang menginginkan diadakannya hanya reformasi sahaja. Sukarno menekankan bahawa di antara kedua-dua pihak terdapat perbezaan seperti api dan air, seperti domba dan serigala seperti kebajikan dan kejahatan.<sup>155</sup> Beliau menulis non-kooperasi adalah sebagai prinsip perjuangan untuk kemerdekaan Indonesia. Itu bererti menolak bekerjasama dengan kaum penjajah dalam segala bidang kehidupan politik, bererti menjalankan perjuangan tanpa berkompromi kepada mereka.<sup>156</sup>

Sukarno turut menyatakan bahawa sarana utama dalam perjuangan menentang kaum penjajah adalah tidak bekerjasama dan memboikot segala jenis majlis perwakilan yang ditubuhkan oleh perkhidmatan penjajah. Beliau

---

<sup>154</sup> Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 90.

<sup>155</sup> *Ibid.* hlm. 90.

<sup>156</sup> *Ibid.* hlm. 90.

juga menerangkan bahawa PNI menolak politik kerjasama kerana sudah benar-benar diyakini bahawa PNI dan pemerintah (penjajah) mempunyai “kepentingan yang berbeza”, “kepentingan yang saling bertentangan”.<sup>157</sup>

Pertentangan daripada Sukarno terhadap kuasa penjajah kelihatan jelas daripada sikapnya yang menolak segala perkara yang berkaitan dengan Belanda. Antara contoh, beliau tidak mahu menjadi ahli dalam *Volksraad* (majlis perwakilan rakyat), meskipun beliau mengetahui bahawa terdapat juga tokoh nasionalis yang lebih memikirkan *Volksraad* sebagai tempat pendidikan politik. Sukarno tidak melihat persatuan yang ditubuhkan oleh kuasa penjajah Belanda itu mampu melakukan pembaikan terhadap penderitaan rakyat. Sukarno yang pernah hadir dalam mesyuarat umum Konsentrasi Radikal kedua pada tahun 1922 di Bandung menyatakan, “...Anda bicara seolah-olah anggota-anggota konsentrasi radikal hanya memohon. Sedang untuk mencapai tujuan, orang lain mesti menanggung...”.<sup>158</sup> Sikap memohon anggota dalam persatuan tentunya tidak disukai oleh Sukarno, kerana beliau percaya bahawa kemerdekaan hanya dapat diragut daripada tangan kekuasaan penjajah.

Sikap non-kooperasi yang ditunjukkan juga disertai dengan usaha beliau untuk menguatkan persatuan front --di mana terdapat dua blok, iaitu blok kulit sawa matang dan blok kulit putih. Sukarno melihat bahawa penjajah Hindia Belanda tidak mahu melepaskan kekuasaannya, “...Problem jajahan adalah untung rugi, bukan kesopanan atau kewajiban tetapi merupakan

---

<sup>157</sup> *Ibid.* PNI adalah singkatan daripada Partai Nasional Indonesia. Sukarno merupakan salah seorang yang turut menubuhkan parti ini.

<sup>158</sup> Adams. *Sukarno: Penyambung Lidah Rakyat*. hlm. 78.

rejekinya...”<sup>159</sup>. Kekuasaan itulah yang merupakan masalah inti kolonialisme. Beliau berpendapat bahawa semestinya rakyat mempunyai hak untuk bergerak, bersuara dan mencari kebebasan, di mana hak itu tentu bercanggah dengan keinginan penjajah. Tetapi kuasa mesti dihadapi dengan kuasa juga, demikian penegasan yang dilakukan oleh Sukarno.<sup>160</sup>

Sukarno mengkategorikan hak dan kekuasaan penjajah sebagai dua perkara yang memiliki hubungan yang kuat. Kerana, baginya dua perkara tersebut tidak dapat dipisahkan. Adalah menjadi satu perkara yang menarik tentang bagaimana cara Sukarno mempertahankan kekuasaan. Menurut Sukarno, hubungan penjajah dengan penduduk wilayah kepulauan nusantara mengikuti prinsip dialektika --setiap tindakan tentu menimbulkan tindak balas-- oleh sebab itu perkara tersebut dianggap bersifat berlawanan. Maka usaha untuk mendekatkan jarak antara dua pembahagian ekstrim tersebut hanya akan melemahkan pergerakan, terutamanya penyatuan rakyat.

Dalam menjatuhkan kekuasaan penjajah, Sukarno berpendapat bahawa sering kali akan wujud pertentangan keperluan antara dua-dua pihak, antara kaum penjajah dan kaum dijajah. Pertentangan keperluan memberi keyakinan kepada rakyat, Indonesia Merdeka tidak boleh tercapai jika rakyat Indonesia tidak menjalankan politik non-kooperasi. Sukarno menegaskan bahawa dalam non-kooperasi, bukan sahaja menunjukkan sikap tidak mahu duduk dalam dewan perwakilan, tetapi, ”...non-kooperasi adalah semua sebahagian daripada

---

<sup>159</sup>Sukarno. *Jerit Kegemparan*, di dalam *Dibawah Bendera Revolusi I*. hlm. 51-55.

<sup>160</sup>*Ibid.* hlm. 51-55.

kita punya perjuangan politik.<sup>161</sup> Biasanya non-kooperasi ditafsirkan dengan kerjasama di parlimen.

Dalam usaha mengukuhkan hakikat pertentangan, Sukarno menjadi sangat marah ketika mendengar tokoh-tokoh sosialis seperti Baars dan Stokvis menyatakan Indonesia belum bersedia untuk mendapatkan kemerdekaanya. Dengan rasa amarah, Sukarno mendakwa ke atas tokoh sosialis tersebut sebagai sejajar atau pro dengan para imperialis yang ingin mengekalkan kuasa Belanda di Indonesia. Mereka yang selama ini menaruh simpati terhadap gerakan nasionalisme Indonesia dan sebahagian besar pendapatnya mempunyai nilai positif, kini dianggap oleh Sukarno sudah mengingkari perjuangan kaum sosialis yang memperjuangkan rakyat agar bebas daripada belenggu penindasan yang kejam. Di sebalik kemarahannya, Sukarno mahu supaya kemerdekaan Indonesia boleh dilakukan dengan segera.<sup>162</sup>

Sikap tegas Sukarno yang non-kooperasi seakan-akan menjadi satu perkara yang dianggap suci, bagi beliau non-kooperasi bukan merupakan *passive disobedience* (kemungkaran pasif) tetapi sebagai kewujudan dan kegiatan yang bersifat radikal, Sukarno yakin dengan menggunakan senjata non-kooperasi akan mampu mendatangkan *massa actie* (gerakan massa) dan *machtsvorming* (penggalangan kekuatan). Sehingga boleh dianggap sesuatu yang munasabah jika beliau berkeras hati memegang atas kepercayaan yang

---

<sup>161</sup>Sukarno. "Sekali lagi tentang Sosio-Nasionalisme" dalam *Dibawah Bendera Revolusi*. hlm. 187-194

<sup>162</sup>Sukarno. *Hatta-Stokvis* di dalam *Dibawah Bendera Revolusi*. hlm. 87-98.

dipegangnya.<sup>163</sup>

### 3.2.3.2 Berdikari

Seterusnya Sukarno mengingatkan bahawa bangsa Indonesia tidak dapat hanya bergantung kepada *solidarity* (perpaduan) bangsa Asia. Ini kerana, menurut Sukarno, nasib rakyat Indonesia ada di tangan mereka sendiri. Adakah Indonesia akan mencapai kejayaan atau kehancuran, semua jawapan terletak dalam genggamannya sendiri. Selama rakyat Indonesia tidak menyusun kekuatan atau tidak percaya pada kekuatan sendiri, selama mereka belum menyatakan dengan perbuatan sendiri kerana kebenaran sabda Tuhan, “...Allah tak mengubah keadaan sesuatu rakyat, jikalau (jika) rakyat itu tidak mengubah keadaannya sendiri”, selama itu juga rakyat terbenam di dalam lumpur kehidupan yang begitu pahit.<sup>164</sup> Melalui kenyataan ini, sebenarnya beliau ingin mengajukan ajaran Islam secara dinamik yang kebanyakan diikuti oleh rakyat Indonesia pada ketika itu dan dianggap statik. Ini kerana pada ketika itu, semua memahami perkara yang berlaku sebagai kehendak Tuhan dan manusia tidak perlu berusaha mengubah nasib peribadi dan bangsa Indonesia.

### 3.2.3.3 *Machtvorming* (penggalangan kekuatan)

Sukarno mengutip kenyataan Gubernur Jeneral de Jonge, bahawa Belanda telah berkuasa di tanah jajahan mereka selama 300 tahun, dan diperlukan waktu seperti itu juga, agar semua negeri matang mengurus diri

---

<sup>163</sup>Sukarno. *Non-Cooperasi Tidak Bisa Mendatangkan Massa Actie dan Machtvorming* dalam *Dibawah Bendera Revolusi*. h.193-202.

<sup>164</sup>*Ibid.* hlm.193-202.



sendiri.<sup>165</sup> Mengingat kembali ucapan ini, Sukarno berpendapat bahawa Belanda, dengan sukarela, tidak akan pernah mahu memberikan kemerdekaan kepada Indonesia. Kerana menegaskan bahawa hanya “nasionalisme yang telah bangkit” yang boleh memaksa mereka.<sup>166</sup> Seterusnya Sukarno mengutip juga pendapat de Kat Angelino,

“Dunia Barat yang penuh industri itu, tidak bisa hidup dengan tiada hasil-hasil daerah-daerah pertanian beriklim panas dan setengah panas, yakni daerah-daerah yang terutama menjadikan dunia jajahan. Masyarakatnya terikat teguh oleh banyak tali-temali ekonomi kepada daerah itu dan masa depannya<sup>167</sup>

Belanda adalah salah sebuah negara penjajah yang memiliki wilayah jajahan yang sangat luas dengan sumber alam yang kaya. Kebesaran Belanda yang setara dengan negara-negara Eropah lainnya adalah kerana negara Belanda mempunyai negara jajahan Indonesia yang luas dan banyak penduduk. Kenyataan ini memberi motivasi kepada Dr. Sandberg menulis buku yang menggegarkan bertajuk, ”Indie verloren, ramspoed geboren”, ertinya “Indonesia merdeka, Belanda pun bangkrup”. Menurut Sukarno juga inilah juga yang menjadi penyebab Suruhanjaya untuk Pertahanan Hindia-Belanda menulis, ”...Juga dipandang daripada sudut ekonomi, lepasnya Hindia akan bererti bencana nasional yang sehebat-hebatnya bagi negeri Belanda.<sup>168</sup>

Seterusnya Sukarno menjelaskan bahawa kemerdekaan tidak mungkin diberikan oleh kekuasaan penjajah, tetapi mesti direbut daripada tangan

---

<sup>165</sup> Kapitsa MS dan Maliten N.P. *Sukarno: Biografi Politik*. hlm. 63.

<sup>166</sup> Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 193-202.

<sup>167</sup> de Kat Angelino. *Staatkundig beleid en bestuurs-zorg in Ned-Indie*. Jilid I: 89 dalam *Indonesia Menggugat*. hlm. 90.

<sup>168</sup> Sneevliet dalam *Indonesia Menggugat*. hlm. 90.

pemerintah Hindia Belanda. Dalam perkara ini, Sukarno mendapat inspirasi dan meyakini kata-kata Marx, "...Tak pernah suatu kelas suka melepaskan hak-haknya dengan kemauan sendiri. Jadi mestilah "menghadapkan kekuasaan dengan kekuasaan".<sup>169</sup> Bagi Sukarno soal jajahan adalah soal kekuasaan, maka diperlukan *machtsvorming*<sup>170</sup>. Ini kerana tidak ada kemerdekaan tanpa kekuatan. Oleh kerana seluruh riwayat hidup dunia menunjukkan bahawa perubahan-perubahan besar hanya boleh diadakan oleh kaum pemenang sahaja, begitu kata Sukarno dalam pidato pembelaannya "Indonesia Menggugat" dihadapan sidang pengadilan Bandung pada tahun 1930.<sup>171</sup>

Keadaan wilayah nusantara secara jelas menunjukkan bahawa terdapat dua kepentingan yang saling bertentangan, iaitu antara penjajah yang ingin menyelenggarakan tanah jajahan dan mengaut segala kekayaan alam, sebaliknya rakyat terjajah pula ingin melepaskan diri daripada cengkaman kolonialisme. Sukarno menjelaskan bahawa pertentangan yang berlaku di tanah jajahan seperti di Indonesia menyatu dengan pertentangan nasionalisme. Pertentangan antara kaum buruh terhadap kapitalis bukanlah seperti yang berlaku di Barat. Jadi, meskipun Sukarno mengutip pendapat Marx mengenai perjuangan kelas tetapi Sukarno lebih mementingkan perjuangan nasional bukannya perjuangan kelas seperti yang dilakukan oleh Hatta.

Sukarno menjelaskan *machtsvorming* sebagai, "...Adalah jalan satu-

---

<sup>169</sup>*Ibid.* hlm. 92-93.

<sup>170</sup>*Machtsvorming* bererti memadukan kekuatan.

<sup>171</sup>Sukarno.*Indonesia Menggugat.* hlm. 92-93.

satunya untuk memaksa kaum sana menuruti kehendak kita. Paksaan ini adalah perlu, paksaan ini adalah syarat yang pertama.<sup>172</sup> Sebagai langkah pertama *machtsvorming* adalah membangkitkan cara nasionalisme yang dianggap Sukarno sebagai *machtsvorming*<sup>173</sup>

### 3.2.3.4 *Massa Actie* (gerakan massa)

Sukarno menekankan akan perlunya *massa actie* (gerakan massa) yang anti penjajah: diibaratkan sebagai massa memandang kearah puncak Indonesia Merdeka, kesana mereka menuju, sedangkanrombakan-rombakan kecil hanyalah merupakan bunga-bunga yang dipetik di pinggiran jalan.<sup>174</sup>Manakala apa yang difokuskan dengan *massa actie* adalah,”...Aksi rakyat jelata, kerana kesengsaraan, telah terluluh menjadi satu jiwa baru yang radikal dan berniatmelincirkan terlahirnya masyarakat baru.<sup>175</sup>

Gerakan massa yang bersifat anti-penjajah boleh dibentuk menjadi sebuah gerakan yang sedar dan radikal hanya dengan bantuan parti yang mesti menanamkan kesedaran dan sifat radikal kepada rakyat. Peranan daripada *avantguardy* yang disiplin dan terorganisasi dalam gerakan nasional mesti dipegang oleh partinya. Penjelasan mengenai *massa actie* dapat dilihat Sukarno menyetujui sepenuhnya seorang pemikir sosialis, Karl Kautsky kerana kebanyakan idea Sukarno tentang perlembagaan massa dan kekuatan dilihat secara langsung daripada pakar teori pemikir sosialis tersebut, terutama

---

<sup>172</sup>Peter Kasenda. (2010).Sukarno Muda: Biografi Politik 1926-1933. Jakarta: Komunitas Bambu. hlm. 59.

<sup>173</sup>Sukarno.*Indonesia Menggugat*. hlm.107.

<sup>174</sup>*Ibid.* hlm. 107.

<sup>175</sup>*Ibid.* hlm.62. Memarajikan bererti membantu persalinan.

daripada bukunya yang bertajuk *Der Weg Zur Macht*.<sup>176</sup>

### 3.2.3.5. Nasionalisme

Sukarno menganalisis perjalanan sikap penjajah terhadap penentangan daripada rakyat yang selalu dapat dikalahkan kerana penjajah menjalankan politik *divide at impera* di satu pihak dan tiada persatuan antara rakyat pribumi di pihak yang lain. Dalam perkaitan dengan perkara ini, Sukarno menyatakan, "...*Devide et impera*", adalah peribahasa asli yang dituruti apabila berhubungan dengan kerajaan-kerajaan anak negeri dan itulah asas yang digunakan oleh sebahagian besar orang Belanda untuk mencapai hasil yang baik.<sup>177</sup> Sukarno menambah pernyataan, "janganlah batinnya menjadi satu, janganlah semangatnya kemasukkan nasionalisme dan menjadi semangat bangsa!". Sebab kaum imperialisme tahu, bahawa rakyat yang tiada nasionalisme dan semangat bangsa adalah seperti Dr. Sun Yat Sen menyatakan hanya "*a sheet of loose sand*".<sup>178</sup> Seterusnya beliau menyatakan, "...Tidak ada kemerdekaan tanpa nasionalisme, kerana itulah kami mengobarkan nasionalisme".<sup>179</sup>

Dalam pertumbuhan dan perkembangannya, nasionalisme Indonesia tidak dapat dipisahkan dengan kekuasaan penjajah, kerana kedua-duanya saling mempengaruhi, kekuasaan penjajah menindas nasionalisme Indonesia dan gerakan nasionalis mengadakan penentangan terhadap penjajah. Dalam merumuskan konsep nasionalisme Sukarno mengutip pendapat Ernest Renan

<sup>176</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 138.

<sup>177</sup>*Ibid.* hlm. 119.

<sup>178</sup>*Ibid.*

<sup>179</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 119.

dan Otto Bauer tentang erti bangsa. Sukarno menegaskan bahawa nasionalisme adalah satu itikad, suatu keinsafan bahawa rakyat adalah satu golongan, suatu bangsa.

Sukarno merumuskan nasionalisme yang luas adalah seperti udara.<sup>180</sup> Pengertian yang amat luas ini difokuskan sebagai usaha agar haluan pemikiran Islam dan marxis dapat didekatkan. Sukarno menegaskan bahawa dengan nasionalisme semangat percaya diri akan dapat dibangkitkan. Sikap tersebut merupakan perkara yang penting untuk mempertahankan diri dan berjuang menentang keadaan yang diwujudkan oleh kuasapenjajah.

Inspirasi untuk menyatukan ketiga-tigakumpulan masyarakat Nasionalis, Agama dan Komunistersebut datangnya daripada negarawan India, Mahatma Ghandi. Sukarno mengutip kenyataan Gandhi untuk mengukuhkan ideanya "...cinta tanah air adalah cinta pada umat manusia dan kemanusiaan. Saya tidak mengecualikan sesiapa".<sup>181</sup> Perkaratersebut dianggap Sukarno sebagai kekuatan Gandhi dalam menyatukan Islam dengan Hindu, Parsi, Jainis dan Sikh. Sukarno melihat bahawa nasionalisme sebagai suatu ideapenyatuan yang berpotensi, yang dapat mempertemukan pihak-pihak yang bertentangan dalam melakukan penentangan terhadap kuasapenjajah. Sukarno merasa yakin bahawa dirinya mampu merapatkan perpecahan ini.

Sukarno sangat menyedari wujudnya banyak pertentangan diantara kumpulan-kumpulan anti penjajahan di Indonesia. Perkara ini merupakan masalah besar dalam menuju Indonesia Merdeka kerana perjuangan untuk

---

<sup>180</sup>Dahm. *Sukarno dan Perjuangan Kemerdekaan*. hlm.69.

<sup>181</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm.119.

kemerdekaan memerlukan semua pihak bersatu. Kenyataan bahawa tiga kekuatan terbesar yang sebenar, mengikut aliran politik ketika itu, iaitu kaum nasionalis, Islamis dan marxis tidaklah memiliki kesamaan visi dan misi di dalam menghadapi penjajah Belanda. Kerana itu, beliau bertindak untuk menyatukan mereka dalam satu semboyan “Nasionalisme, Islamisme dan Marxisme”.

Idea penyatuan ini ditulis oleh Sukarno dalam majalah Indonesia Moeda milik *Algemeene Studie Club* pada Oktober-November 1926. Dalam penulisan ini, Sukarno menyatakan bahawa nasionalisme, islam dan marxisme merupakan tiga aliran yang terpisah dalam arus umum kegiatan politik Indonesia. Kerana itu, Sukarno menyeru agar setiap aliran, menjemput mereka untuk membenamkan perbezaan-perbezaan mereka dan saling berkerjasama. Sukarno menegaskan bahawa ketiga-tiga aliran pemikiran tersebut mempunyai tugas mengusahakan persatuan, tujuan Indonesia merdeka dan menghadapi musuh yang sama iaitu Belanda. Melalui jalan ini, Sukarno berusaha mengarahkan agar kedua-ke dua aliran yang bermusuhan ini bergandengan menentang musuh yang sama, Belanda.

Ketiga-tiga aliran politik tersebut berpengaruh luas dalam kehidupan masyarakat pada ketika itu dan menjadi kekuatan politik yang sangat diambil kira. Walaupun ketiga-tiga aliran ini memiliki perbezaan-perbezaan yang jelas, Sukarno melihatnya sebagai kenyataan yang ada dalam masyarakat. Namun Sukarno berupaya menyatukan mereka. “...Kaum Islam tidak boleh lupa bahawa kapitalisme, musuh marxisme itu, musuh islam pula. Kerana

sepanjang fahaman marxisme, *meerwaarde* (*increase in value*) pada hakikatnya tidak lain daripada dalam fahaman Islam.

Adalah sesuatu yang menarik untuk difahami tentang bagaimana Sukarno berusaha menyatukan ketiga-tiga aliran ini. Beliau mengembangkan satu pandangan yang secara tersirat mengandungi pengertian bahawa nasionalisme adalah arus utama. "... Kerana Islam adalah kaum tertindas, maka pemeluk Islam mestilah nasionalis... Kerana modal di Indonesia adalah modal asing maka kaum marxis yang berjuang menentang kapitalis mestilah pejuang nasionalis. Melalui pidato pembelaannya pada tahun 1930, Sukarno dengan mengutip pendapat Dr. Sun Yat Sen, menjelaskan tiga jalan untuk membangkitkan nasionalisme;

Pertama: kami menunjukkan kepada rakyat, bahawa mereka punya hari dulu, adalah hari dulu yang indah;

Kedua: kami menambah keinsafan rakyat, bahawa mereka punya hari sekarang, adalah hari sekarang yang gelap;

Ketiga: kami memperlihatkan kepada rakyat sinarnya hari kemudian yang berseri-seri dan terang cuaca, beserta cara-caranya mendatangkan hari kemudian yang penuh dengan janji-janji itu.<sup>182</sup>

### 3.3 Rumusan

Kembali kepada tahun 1917 hingga tahun 1933, Sukarno adalah seorang yang sejak zaman remaja telah memiliki kesedaran tentang penjajahan bangsanya dan sifat kekejaman penjajah Belanda. Semenjak itu juga Sukarno mengumpul azam untuk membebaskan bangsanya daripada belenggu penjajahan Belanda. Dengan demikian, Sukarno membina intelektualitinya yang berkenaan dengan pengetahuan mengenai Kolonialisme dan Imperialisme yang dilihat sebagai

---

<sup>182</sup>Sukarno. *Indonesia Menggugat*. hlm. 109.

fahaman yang tamak dan jahat dan pelbagai jalan keluarnya melalui asas-asas nasionalisme, non-kooperasi, gerakan rakyat, dan penggunaan kekuatan. Seiring dengan ini, dalam melengkapi pertumbuhan intelektualitinya, Sukarno juga melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan politik yang menentang penjajahan.

Dalam melakukan penentangannya, Sukarno banyak menulis idea antikolonialismenya sama adadalam pelbagai media yang ada dan media yang ditubuhkannya bersama rakan-rakan, mendirikan kelab belajar kritikal, melakukan pidato propaganda di kalangan rakyat, bergiat dalam pertubuhan sosial dan mendirikan parti politik. Sukarno melakukan penentangan yang tidak kenal erti putus asa kepada pemerintahan penjajah Belanda. Berulang kali beliau ditangkap dan ditahan oleh polis Belanda, namun selepas bebas daripada penjara Sukarno kembali semula melakukan penentangannya. Sehingga umurnya 43 tahun, masa hidup Sukarno berganti-ganti daripada kehidupan bebas dan kehidupan di penjara. Sepanjang tempoh tersebut, Sukarno sudah menjadi seorang nasionalis, revolusioner dan radikal.

Konteks dan titik bermula kajian ini ialah dasar konfrontasi Indonesia di bawah kuasa Presiden Sukarno, maka sebelum mendedahkan aspek-aspek psikologi pemikiran Sukarno, konfrontasi dimulakan untuk didedahkan, iaitu pada bab 4 seterusnya.



## BAB 4

### KONFRONTASI PRESIDEN SUKARNO

#### 4.0 Pengenalan

Dasar luar negara Indonesia pada masa Demokrasi Terpimpin berada dalam kawalan kuasa Sukarno sama ada dalam hal ehwal menyusun strategi mahupun dalam langkah-langkah nyata yang lain. Selepastertubuhnya pemerintahan dan sistem yang baru, Sukarno berupaya menubuhkan kewujudan regimnya dengan memajukan program yang dikenali sebagai *Tripprogram*, iaitu; sandang-pangan, keamanan dan Irian Barat. Daripada ketiga-ketiga program tersebut, program ketiga menjadi tujuan utama kabinet yang dibentuk. Untuk pelaksanaan program tersebut, Sukarno mengubah cara dan sifat dasar politik luar negara Indonesia daripada dogma kepatuhan kepada pertentangan iaitu konfrontasi.

Bab ini akan menjelaskan bagaimana dasar dan tindakan konfrontasi Indonesia di bawah kuasa Sukarno dijalankan ke persekitaran luar dandi dalaman.

#### 4.1 Konfrontasi

Dasar Sukarnodalam Demokrasi Terpimpin memiliki dua karakter yang saling bertentangan dalam idea tetapi saling berkaitandalam pelaksanaannya, iaitu; karakter destruktif dan karakter konstruktif. Dalam dasar luar negara, karakter destruktif menandai satu polisi dan tindakan yang diarahkan untuk pencapaian suatu cita-cita menjatuhkan susunan dunia antarabangsa yang dikuasai oleh kekuatan-kekuatan kolonialis, imperialis dan neokolonialis yang

bersifat mengeksploitasi. Karakter konstruktifnya adalah bertujuan untuk membangun "Dunia Baru" yang adil dan bebas daripada penindasan. Dalam dasar di dalamnya, karakter destruktifnya berkenaan dengan usaha menghancurkan penguatkuasaan ajaran-ajaran politik-sosial Barat dan tradisi feodal yang merintangai pencapaian cita-cita revolusi kemerdekaan Indonesia. Manakala karakter konstruktifnya ialah membangunkan negara merdeka yang aman dan makmur.

#### **4.1.1 Sasaran Luar**

Sukarno memiliki imej negatif ke atas dunia antarabangsa. Persepsinya menyatakan bahawa, sistem antarabangsa yang berlaku mengandungi ketidakadilan dan bersifat eksploitasi. Sumber daripadakeadaan ini ialah berlakunya amalan-amalankolonialisme dan imperialisme sama ada manifestasinya yang baru, iaitu neo-kolonialisme.

Secara khas, dalam terma masa yang singkat (*short time ends*), ciri-ciri destruktif politik luar pada ketika itu menjadi ciri daripadausahamenjatuhkan kekuasaan penjajah-imperialis Belanda ke atas Irian Barat dan konstruktifnya untuk membangunkan kedaulatan Republik Indonesia daripada hujung barat (Sabang) hingga hujung timur (Merauke).

##### **4.1.1.1 Masalah Irian Barat**

Satu bulanselepas penegasannya untuk menggunakan jalan konfrontasi dalam membebaskan Irian Barat, pada bulan September 1960 di Perhimpunan Agung PBB, Sukarno memperkenalkan idea-ideanya yang menjadi asas daripada

sistem politik terpimpin dan cara revolusioner-progresif daripada dasar luar negaranya.

Dalam pidato yang bertema "Membangun Dunia Baru",<sup>183</sup> Sukarno menyuarakan pandangannya bahawa dunia yang sekarang merupakan suatu *Order* yang berat sebelah dan tidak adil kerana sudah dieksploitasi oleh kekuatan-kekuatan imperialisme dan kolonialisme. Ancaman terhadap perdamaian dunia menurutnya lebih berakar kepada "kejahatan" yang diwujudkan oleh imperialisme dan kolonialisme bukannya pada konflik ideologi Komunisme dengan Kapitalisme.

Dengan demikian, untuk membangunkan dunia yang baru, mesti bermula dengan pengusiran imperialisme dan kolonialisme dari muka bumi, di mana Indonesia bersedia untuk memimpin penggalangan antarabangsa anti-imperialisme. Begitu juga ke atas PBB yang telah turut berperand dalam menggagalkan usaha Indonesia untuk membebaskan Irian Barat daripada cengkaman penjajah Belanda, Sukarno mencadangkan agar persatuan tersebut menggabungkan Pancasila dalam Piagamnya. Sukarno juga menyarankan agar PBB pindah ke salah satu negara Asia Afrika atau ke Jenewa untuk melepaskan imej bahawa pertubuhan antarabangsa tersebut ialah produk daripada sistem Barat yang sama yang telah melahirkan Imperialisme. Melalui kenyataan ini, dapat dilihat Sukarno telah berusaha menjadikan masalah Irian Barat sebagai isu antarabangsa dan membentuk pendapat majlis tentang kebenaran daripada jalan yang ditempuh Indonesia dalam menyelesaikan masalah Irian Barat.

---

<sup>183</sup>Pidato Sukarno tahun 1960 di hadapan Perhimpunan Agung PBB dengan tajuk "Membangun Dunia Baru"

Meskipun Sukarno begitu tegas menyatakan perlunya konfrontasi dalam penyelesaian masalah Irian Barat, tetapi tidak segera siap secara fizikal dan ketenteraan untuk menyokong keputusan tersebut. Oleh sebab itu, dalam pidato beliau pada tahun 1959, Sukarno menyatakan tindakan konfrontasi dalam tahap sekarang hanya terhad pada perjuangan di bidang ekonomi. Oleh itu, pasaran Indonesia daripada Belanda dipindahkan ke Bremen Jerman Barat dan tidak mengakui hak *Eigendom* (hartanah) Belanda ke atas sebidang tanah di Indonesia.<sup>184</sup> Perkara yang lebih serius ialah dikemukakan ancaman keras untuk melakukan pemilikan negara ke atas semua kekayaan Belanda di Indonesia jika Belanda tetap membangkang dalam masalah Irian Barat. Kemarahan ini selari dengan polisi Belanda yang pada ketika itu sudah semakin kuat kekuatan ketenteraannya di Irian Barat.

Tindakan Belanda yang mengganggu Indonesia berlaku pada tahun 1960 ketika Belanda menunjukkan kekuatan tenteranya dengan mengirinkan *squadron* kapal perang yang menggunakan kapal induk Karel Doorman ke perairan Irian Barat. Tindakan pengirinan angkatan laut ini mengakibatkan kemarahan pemerintahan Indonesia dan menimbulkan kekecohan massa di mana PKI menjadi tunjangnya. Sasaran ketidaksenangan massa ini ternyata tidak terhad ditujukan kepada Belanda sahaja tetapi juga terhadap Amerika Syarikat dan Australia yang telah memberikan kemudahan persinggahan bagi angkatan laut Belanda dalam perjalanannya menuju ke Irian Barat. Tindak balas ketidaksenangan ini ternyata tidak datang hanya daripada Indonesia kerana

---

<sup>184</sup>*Eigendom* bererti pemilikan ke atas tanah atau hartanah.

beberapa negara Asia --khususnya India-- menyatakan kecaman kerasnya. Bagi negara-negara tersebut, “*gun boat policy*” Belanda telah mengingatkan mereka ke atas proses awal bagaimana kolonialisme menjajah tanah air mereka pada masa silam.<sup>185</sup>

Selain itu, terdapat satu perkara yang dapat menguatkan kedudukan Indonesia dalam kes ini --yang tidak diharapkan Belanda-- ialah bahawa pemerintah Jepun kemudian menolak persinggahanangkatan Belanda di negaranya.<sup>186</sup> Ini berlaku selepas Indonesia mengancam untuk membekukan hubungan diplomatik jika Jepun mengikuti Amerika Syarikat dan Australia yang dinilai telah menyokong perbuatan kekuatan Belanda tersebut.

Rangkaian tindak balas ketidaksenangan Indonesia di atas pengirisan angkatan kapal induk Karel Doorman terjadi hingga kepada fasa yang dianggap serius pada bulan Ogos 1960, Presiden Sukarno menyatakan keputusan untuk memutuskan hubungan diplomatik Indonesia dengan Belanda. Atas sikap Belanda itu juga, pemerintah Indonesia semakin yakin bahawa konfrontasi di bidang ekonomi, politik dan diplomasi tidak mencukupi untuk “memaksa” Belanda bersedia merundingkan penyerahan Irian Barat kepada Indonesia. Hendak atau tidak, pemerintah Indonesia mesti memilih kemungkinan terakhir dalam cara yang digunakannya iaitu konfrontasi ketenteraan.<sup>187</sup>

Keputusan tersebut dengan segera menyedarkan para pegawai tinggi awam dan tentera tentangperalatanketenteraan yang tidak mencukupi yang

---

<sup>185</sup>Ide Anak Agung Gde Agung. (1973).*Twenty Years Indonesia Foreign Policy 1945-1965*.The Hague: Mouton. hlm. 32.

<sup>186</sup>Harian Abadi. 7 September 1960. hlm. I., kol. 2-3

<sup>187</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 35.

dimiliki sehingga mereka sepakat untuk meningkatkan sistem pertahanan yang sedia ada. Melalui desakan Sukarno, pemerintah Indonesia memutuskan untuk mencari bantuan persenjataan dari luar negara. Meskipun terdapat persamaan persepsi ke atas pentingnya persenjataan moden bagi pertahanan dan keamanan tetapi antara Sukarno dan tentera tidak memiliki landasan yang sama dalam menentukan; negara mana yang akan menjadi pembekal persenjataan yang diperlukan.<sup>188</sup>

Daripada kubu Sukarno yang sangat anti-imperialis dengan berat hati mengambil tindakan menyetujui keinginan tentera dibawah Jeneral AH. Nasution untuk pergi mencari bantuan ke Washington. Dalam misi ini, pemerintah Eisenhower menolak kerana Washington menilainya sebagai cara Sukarno untuk Amerika Syarikat (AS) dalam menjatuhkan moral kerajaan Belanda. Sikap pemerintah Eisenhower ini kemudiannya ternyata tidak menguntungkan Amerika Syarikat.

Dalam negara Indonesia, penolakan ini semakin menjauhkan peranankelompokpertengahandalam kehidupan politik di dalaman. AS pula dilihat tidak mahu ambil tahu bahawa Sukarno masih memiliki pilihan lain yang akhirnya mampu memaksa AS mematuhirancanganSukarno. Meskipun kemudiannyaJeneralNasution pulang ke Jakarta dengan perasaan hampa tetapi pihak-pihak yang merasa benci kepada Tentera Darat dapat dikatakan menerima penolakan tersebut tanpa rasa kecewa. Khususnya bagi PKI, penolakan tersebut membuka alternatif pencarian bantuan persenjataan ke Moskow dan ini tidak

---

<sup>188</sup>Tentera Darat memiliki kecenderungan memilih Amerika Syarikat sebagai pembekal senjata Manakala Sukarno dan Parti Komunis memiliki kecenderungan memilih Kesatuan Soviet.

dapat ditegah lagi sehingga peluang pengukuhan PKI di Indonesia semakin besar. Awal kewujudan daripada perkiraan ini berjalan ketika misi Indonesia di bawah Jeneral Nasution tiba di Moskow dan menerima pekej bantuan kredit bernilai 450 juta dolar Amerika Syarikat pada tarikh 28 Disember 1960.<sup>189</sup>

Isu kegagalan dan kejayaandalam pencarian bantuan persenjataan dalam perspektif hubungan luar negara Indonesia menunjukkan hubungan Indonesia dengan Amerika Syarikat semakin buruk dan sebaliknya hubungan Indonesia dengan Kesatuan Soviet semakin baik. Penerimaan Kesatuan Soviet ke atas inisiatif Indonesia untuk mendekatinya mungkin berlaku kerana bertemunya kepentingan Kesatuan Soviet dengan kepentingan Indonesia dalam isu ini, Soviet tentu melihat bahawa Indonesia mampu mewakili kepentingannya.

Komitmen Kesatuan Soviet yang mengejutkan itu telah memberi keyakinan ke atas kecurigaan dan kecemasan yang dihadapi oleh anggota tentera selepas mereka mengetahui pembahagian dan penempatan bantuan yang diperolehi. Meskipun secara keseluruhan tentera Indonesia memperoleh prestij dan kuasa daripada realisasi komitmen tersebut, tetapi Tentera Laut dan Tentera Udara memperoleh kekuatan tempur terbesar daripada persenjataan berat dan moden, terutama kapal laut dan kapal terbang tempur.<sup>190</sup> Perkara lain yang tidak dijangka dan tidak diharapkan oleh Tentera Darat ialah Soviet memilih dan mengembangkan lapangan terbang Maospati di Madiun. Diketahui bahawa

---

<sup>189</sup>Bunnell. (1966). *Guided Democracy Foreign Policy: 1960-1965 Presiden Sukarno Moves from Non-Alignment to Confrontation*. hlm. 47.

<sup>190</sup>Bunnell. *Guided Democracy Foreign Policy*. hlm.48.

Madiun merupakan daerah pangkalan PKI dan pusat pemberontakan Komunis pada tahun 1948.

Selagi kekuatan tentera Indonesia berkembang dengan cepat dan secara besar-besaran, Belanda mulamencari cara untuk mengubah simpati negara-negara Asia-Afrika ke atas masalah kolonialisme yang dihadapi Indonesia. Pemerintahan The Hague yang selama ini tidak menganggap serius ancaman daripada Sukarno, mulai khawatir ketika Indonesia berupaya membawa masalah pembebasan Irian Barat ke Majelis Keselamatan PBB.<sup>191</sup> Tidak ingin masalah Irian Barat berkembang menjadi masalah semacam Kongo, Belanda berusaha membatalkan tuntutan Indonesia secara undang-undang melalui usaha perubahan status Irian Barat menjadi satu negara merdeka. Malah kerajaan Belanda secara sepihak mula menubuhkan Majlis Papua Merdeka di Irian Barat pada bulan April 1961, bersamaan dengan kunjungan Sukarno ke Washington untuk memenuhi jemputan presiden Amerika Syarikat yang baru, John F. Kennedy. Menghadapi cara Belanda ini, di sebalik persiapan ketenteraannya, Indonesia masih sempat mencari solusi melalui jalan diplomasi.

Idea kerajaan Belanda untuk mendudukkan Irian Barat dalam status *trusteeship* mendapatkan sokongan dari Inggeris dalam forum mesyuarat negara-negara *Commonwealth* di London pada April 1961 yang kemudian dikecam oleh Duta Besar Indonesiadi London.<sup>192</sup> Malahan, seorang wartawan wanita Inggeris, Dorothy Woodman menyatakan bahawa “tidak ada suatu macam peramanahan

---

<sup>191</sup> Harian Abadi. 23 Ogos 1960. hlm. I., kol.3-4.

<sup>192</sup> Harian Rakyat. 16 Mac 1961. hlm. I., kol. 4-5.



yang dapat diterima (oleh Indonesia) kecuali kalau ini juga menjamin dilepaskannya Irian Barat (kepada pemerintah Indonesia).<sup>193</sup>

Pada bulan Oktober 1961 di Perhimpunan Agung PBB, Belanda melalui Menteri Luarnya mengajukan rancangan penubuhan negara "Papua Merdeka" melalui proses peramanahan di tangan PBB. Menteri luar Negara Indonesia, Subandrio ditugaskan untuk menegaskan semula tuntutan Indonesia ke atas Irian Barat dan diberikan tugas khusus untuk menegah PBB mengikuti cadangan Belanda. Di hadapan Majlis Keselamatan, beliau mendedahkancara licik yang dirancang di sebalik niat penubuhan Papua Merdeka. Kerana itu proposal Luns ditangguhkan oleh Perhimpunan.<sup>194</sup>

Pengakhirandari pada pertikaian hujah oleh kedua-dua belah pihak, tidak bererti bagi Indonesia kerana ausul Indonesia agar PBB turun tangan secara langsung dalam proses pengembalian Irian Barat ditolak oleh Majlis Perhimpunan Agung. Namun disebalik perkara tersebut, Indonesia mendapat cukup kepuasan daripada penolakan PBB terhadap Belanda. Dalam penilaian pemerintah Indonesia, *Luns Proposal* telah menjadi *boomerang* bagi Belanda dan sebagai petandabermulanya penyisihan Belanda daripada masyarakat antarabangsa.

Kegagalan Belanda di Perhimpunan Agung PBB telah menaikkan semangat moral Indonesia. Kegagalannya semakin meningkatkan emosi permusuhan dan meningkatkan keyakinan bahawa jalan diplomasi tanpa kekuatan dan pemaksaan tidak akan memberikan hasil yang diinginkan. Ketambahan

---

<sup>193</sup> Harian Rakyat. 22 Mac 1961. hlm. II., kol. 4-6.

<sup>194</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 60.

dengan penubuhan tentera sukarela Belanda di Irian Barat,<sup>195</sup> semakin mendorong Sukarno untuk meneruskan kempenya. Pada tarikh 19 Disember 1961 --yang merupakan "the final stage" (fasa terakhir) daripada kempen dalam segala bidang dalam mengembalikan Irian Barat-- Sukarno mengembangkan sarana mobilisasi massa FNIB (Fron Nasional Irian Barat) menjadi *TRIKORA* (Tri Komando Rakyat).<sup>196</sup>

Strategi ini menunjukkan tindakan yang serius yang dilakukan oleh Sukarno dalam usaha pembebasan Irian Barat ditengah-tengah sikap pro-kontra dalam masyarakat. Dalam usaha ini, Sukarno bersungguh-sungguh hendak membuktikan kebenaran tesisnya yang dicita-citakannya sejak lama, bahawa pemecahan masalah Irian Barat mesti melalui cara konfrontasi dan persatuan nasional. Manakala Belanda membagikan senjata kepada sisa pemberontak di Sulawesi dan Maluku<sup>197</sup> Sukarno segera memerintahkan pencerobohan ke Irian Barat sebagai tindakan awal bagi operasi tentera yang lebih besar. Keadaan menjadi dramatik ketika Sukarno mengajukan pilihan bagi had masa pengambilalihan tersebut. Juga sudah diputuskan sebuah strategi yang lain, kegagalan daripada pencapaiannya boleh menjadi pemangkin bagi digunakannya senjata Soviet dalam pertelingkahan bersenjata yang sebenarnya.<sup>198</sup>

Suasana krisis yang memuncak disebabkan strategi yang dibuat oleh Sukarno, ternyata mampu mengarahkan fokus perhatian masyarakat antarabangsa

<sup>195</sup> Harian Rakyat. 16 Mac 1961. hlm. 1., kol. 2.

<sup>196</sup> *TRIKORA* singkatan daripada Tri (tiga) Komando Rakyat iaitu; Gagalkan penubuhan Negara Papua, Kibarkan Bendera Merah Putih di Irian Barat dan Mobilisasi Umum. Deklarasi ini dikeluarkan oleh Sukarno di Yogyakarta dalam memperingati hari penyerbuan Belanda ke Yogyakarta tiga belas tahun dahulu.

<sup>197</sup> Harian Rakyat. 9 Mei 1961. hlm. 1., kol. 1-3.

<sup>198</sup> Bunnell. *Guided Democracy Foreign Policy*. hlm. 50.

ke atas perkembangan perbalahan antara Indonesia-Belanda. Khususnya, bagi Amerika Syarikat (AS) sebagai pemimpin Blok Barat, Sukarno berkeinginan untuk mewujudkan suasana krisis dalam persepsi para pembuat keputusan pemerintahan Washington, supaya mereka merasa cemas ke atas kemungkinan Indonesia menjadi agen Moskow.<sup>199</sup>

Strategi Sukarno untuk memainkan AS dalam menekan Belanda dilihat mula menunjukkan hasil ketika John F. Kennedy dan Setiausaha PBB Uthant dalam masa dan tempat yang berbeza menyarankan agar Indonesia dan Belanda tidak menggunakan jalan kekerasan dalam menyelesaikan sengketa ke atas Irian Barat, “demi perdamaian dunia”, kata mereka. Berdasarkan saranan tersebut, khususnya saranan daripada Kennedy, Sukarno mendesak Washington untuk turut secara aktif dalam menegah penggunaan jalan kekerasan. Sukarno juga mengulang semula amarannya terhadap Amerika Syarikat bahawa PKI boleh mengambil faedah jika penyelesaian itu merugikan Indonesia. Bagi menjawab tuntutan Sukarno ini, presiden Kennedy kemudiannya mengutuskan adik kandungnya, Robert Kennedy pada bulan Februari 1962 pergi ke Jakarta untuk “menenangkan” Sukarno dan diteruskan ke The Hague untuk “memujuk” pemerintah Belanda agar melepaskan Irian Barat.

Perubahan sikap AS ini berlaku selepas pergantian presiden AS yang baru, J. F. Kennedy, seorang yang berkarisma. Presiden Kennedy merupakan seorang pemimpin Amerika yang memiliki wawasan dan pendekatan yang

---

<sup>199</sup>Howard Palfrey Jones. (1971). *Indonesia: The Possible Dream*, Singapore: Mas Aju. hlm. 203. Sukarno berjaya dengan strateginya ini. Jones seorang bekas Duta Besar AS untuk Indonesia menggambarkan sebagai berikut; "Dia adalah seorang smart bagi menggambarkan dirinya sendiri ke dalam suatu sudut dan menunggu seseorang untuk menyelamatkan dirinya. Dalam keadaan ini dengan bantuan Soviet, dia menciptakan ancaman perang yang nyata.

berbeza daripada pendahulunya terhadap negara-negara luar dua kutub pembahagian. Dari segi perhubungan dengan Indonesia, Kennedy berhasrat membina kepercayaan politik dengan memperbaiki hubungannya dengan Sukarno. Lebih lagi dalam suasana krisis menuju perang antara Indonesia-Belanda yang mencemaskan akan meluas dan melibatkan kedua-dua blok yang bermusuhan. Ketakutan ke atas kesan Soviet dan berkembangnya Komunisme di Indonesia kemudian mendorong kesediaan AS untuk menjadi perantara aktif dalam persengketaan yang wujud dan apabila kerajaan Kennedy menawarkan bantuan ekonomi untuk membantu penstabilan ekonomi Indonesia.

Selari dengan pelepasan AS ke atas Belanda dalam masalah sengketa Irian Barat, Australia yang sejak mula menyokong Belanda akhirnya juga menarik diri daripada terlibat. Tanpa sokongan daripada sekutu utamanya, kerajaan Belanda “terpaksa” memilih alternatif yang selama ini ditentanginya; kesediaan memasuki rundingan tanpa syarat. Pada bulan Mac 1962 di luar kota Washington diadakan perundingan antara pemerintah Indonesia dengan Belanda dengan penengahnya Elsworth Bunker, utusan pemerintah AS. Pada kesempatan ini, pemerintah Indonesia yang diwakili Menlu Subandrio telah menyerahkan tanggungjawab kejayaan rundingan ini ke tangan pemerintahan AS. Meskipun utusan Indonesia dengan positif menerima *Bunker Plan* tetapi perundingan tersebut berakhir tanpa sebarang keputusankerana pemerintah Belanda “menunda” sikapnya terhadap Bunker Plan.<sup>200</sup>

---

<sup>200</sup>Leifer. *Indonesia Foreign Policy*. hlm. 97.

Sukarno memberi tindak balas positif apabila tidak menunjukkan rasa terkejut di atas sikap Belanda yang demikian dan dengan sokongan kemarahan massa, beliau memerintahkan pencerobohan tentera ke Irian Barat diteruskan. Pada bulan Julai 1962, ketika pemerintah Indonesia mengumumkan tentera telah sampai pada suatu keadaan dilancarkan pencerobohan dengan jayanya. Ini menyebabkan Belanda akhirnya bersedia kembali ke meja perundingan. Jalan keluar yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak ialah bahawa Indonesia boleh menerima Irian Barat secara tidak langsung melalui tangan PBB selepas 1 Mei 1963. Untuk ini Belanda terlebih dahulu menyerahkan Irian Barat kepada PBB yang berlaku secara berkesan pada 10 Oktober 1962. Syarat tambahan yang diterima Indonesia ialah bahawa paling lambat akhir tahun 1969 akan diadakan *referendum* (pungutan suara) di bawah pengawasan PBB. Pungutan suara ini berkenaan dengan penentuan kehendak rakyat Irian Barat untuk terus berada di bawah kuasa Republik Indonesia atau pun tidak.

Dengan ditandatanganinya *Bunker Plan* oleh kedua-dua belah pihak yang bersengketa maka bererti Indonesia telah berjaya mengeluarkan penjajah Belanda daripada wilayah jajahannya, yang dahulu dikenali sebagai wilayah Hindia-Belanda. Kejayaan ini menunjukkan kecekapan Sukarno dalam seni berpolitik dan menunjukkan bahawa cara baru dan semangat revolusioner dapat menjamin tercapainya tujuan nasional.<sup>201</sup> Hasrat yang begitu mendalam untuk membebaskan

---

<sup>201</sup>Bunnell menyatakan bahawa kejayaan Sukarno itu memperlihatkan “*a craft in confrontation diplomacy-- a mix of bold, cunning and sometimes unpredictable maneuvers*”. *Guided Democracy Foreign Policy*. hlm. 54.

Irian Barat daripada tangan Belanda secara teguh dan bersemangat diperjuangkan.

Sukarno merupakan satu-satunya pemimpin yang paling bersemangat dan paling banyak menyumbang kemenangan dalam merebut Irian Barat dibandingkan dengan pemimpin Indonesia yang lain. Tidak menghairankan jika secara peribadi beliau adalah orang yang paling menghayati dan menikmati kejayaan tersebut. Kepuasan rakyat ke atas strategi yang dipilihnya bukan sahaja telah membuat dirinya dapat bertahan pada kedudukannya malah telah mengukuhkan kesahihannya sebagai Pemimpin Besar Revolusi.

Kepuasan dan prestij yang dicapai Sukarno merupakan imbuhan yang layak diperolehinya. Selama lebih dua belas tahun semenjak penyerahan kedaulatan daripada kerajaan Belanda, bangsa Indonesia merasakan bahawa negaranya belum sepenuhnya bebas daripadakolonialisme Belanda. Pelbagai kabinet dalam sistem demokrasi berparlimen tidak satupun berjaya menyatukan wilayah ke dalam kedaulatan Republik, malah kegagalan Kabinet dalam menangani masalah Irian Barat telah menjadi *buggy* yang mampu menjatuhkan mereka daripada kerusi kekuasaan.

Kejayaan dalam menangani masalah Irian Barat telah memberikan pelajaran yang berharga buat diri Sukarno. Ternyata bahawa isu-isu politik terbukti mampu menarik perhatian massa dan malahan rakyat bersedia berkorban untuk beliau. Selain itu, Sukarno memperoleh bukti bahawa tindakan pencapaiannya telah mampu membuat pelbagai kelompok yang bertikai boleh meredakan sikap perbalahan yang dilakukan.

#### 4.1.1.2 Penubuhan Persekutuan Malaysia

Kesinambungan dan keteguhan daripada asas progresif-revolusioner dalam dasar politik Sukarno bersambung ketika berlaku perubahan di Malaysia, berkenaan dengan cadangan kerajaan Malaya untuk menubuhkan persekutuan tanah Melayu. Untuk perkaratersebut, Sukarno memandang penubuhan Persekutuan Malaysia sebagai wujud “kepenasaran (rasa tidak pernah puas hati) dan cara baru” daripadakolonialisme dan imperialisme untuk menguasai Indonesia”.<sup>202</sup>

Penubuhan Persekutuan Malaysia menjadi isu bagi Indonesia bermula apabila pada 8 Disember 1962 di Brunei telah berlaku pemberontakan yang dipimpin oleh Kolonel Azahari. Azahari berniat menolak inisiatif Inggeris dan Malaya yang merancang memasukkan Brunei ke dalam Persekutuan Malaysia yang hendak ditubuhkan pada bulan Jun 1963. Melalui peristiwa tersebut, kerajaan Indonesia membuat menyatakan simpati ke atas tindakan-tindakan kelompok Azahari dan penubuhan Negara Kesatuan Kalimantan Utara --Brunei, Sabah dan Sarawak-- dengan Perdana Menteri Azahari.<sup>203</sup>

Tingkahtaku dari pemerintah Indonesia itu tidak diharapkan kerajaan Inggeris dan Malaya kerana sebelumnya, iaitu pada 27 Mei 1961,PM Tunku Abdul Rahman sudah mengumumkan cadangannya secara terbuka dan tidak ada reaksi negatif dari pihak Indonesia. Atas cadangan ini, di PBB pada tarikh 20 November 1961, Subandrio menyatakan pendirian bahawa Indonesia tidak keberatan atas cadangan menyatukan Sarawak, Brunei dan Kalimantan Utara di

---

<sup>202</sup>Sukarno.*Pidato tahun 1963*. hlm. 57. *Kepenasaran*(bahasa etnik Jawa) bererti ketamakan.

<sup>203</sup> Kantor Berita Antara. 27 Disember 1962.

dalam Persekutuan dan malah mendoakan agar usaha yang dicadangkan berjaya dan rakyatnya hidup bebas dan damai.<sup>204</sup> Sehari selepas itu, pada tarikh 21 November 1961, Duta Besar Malaysia di Jakarta menghantar maklumat rasmi tentang niat kerajaannya menubuhkan Persekutuan Malaysia yang meliputi Semenanjung Malaya dan negara-negara jajahan Inggeris di Kalimantan sebelah Utara.<sup>205</sup>

Sebelum berlakunya perubahan sikap ini, pemerintah Indonesia ketika itu sedang berada pada puncak kegiatannya dalam kempen pembebasan Irian Barat dan persiapan operasi tentera yang hendak dilakukan. Pada bulan Ogos 1962, PM Malaysia mengucapkan selamat ke atas pemerintah Indonesia setelah mendapat kepastian bahawa kerajaan Belanda menerima *Bunker Plan*,<sup>206</sup> Menteri Luar Negara Subandrio, menyuarakan sikap lain. Pada 27 September 1962, Subandrio menyatakan “Indonesia tidak akan tinggal diam, jika *military base* (pangkalan tentera) didirikan di Brunei, Serawak dan Kalimantan Utara setelah penubuhan Malaysia kerana memiliki perbatasan dengan Indonesia”.<sup>207</sup>

Penolakan tersebut kemudiannya disuarakan lagi oleh pemerintah Indonesia dengan sokongan Republik Rakyat Cina di hadapan Konferensi Rakyat Asia Afrika di Tanganyika pada 5 Februari 1963, di mana kedua-dua pemerintahan menyatakan kecaman mereka ke atas cadangan penubuhan persekutuan dan mendesak konferensi (persidangan) untuk menyokong pemerintahan revolusioner Negara Kesatuan Kalimantan Utara. Akhirnya,

---

<sup>204</sup> Nik Anuar, Nik Mahmud. (2000). *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 69

<sup>205</sup> Kantor Berita Antara. 22 November 1961.

<sup>206</sup> Kantor Berita Antara. 24 Ogos 1962.

<sup>207</sup> Kantor Berita Antara. 27 September 1962.



Sukarno pada tarikh 11 Februari 1963 di hadapan musyawarah rakyat menyatakan, “Sekarang saya menyatakan dengan resmi (rasmi) bahawa Indonesia menentang Malaysia” dan kemudian kenyataan ini disampaikan kepada Duta Besar Inggeris di Jakarta pada tarikh 14 Februari 1963.<sup>208</sup>

Penentangan Indonesia ke atas penubuhan Persekutuan Malaysia yang dikenali sebagai politik *Ganyang Malaysia* itu merupakan penerusan politik konfrontasi sebagai akibat daripada asas yang dipegang oleh Sukarno bahawa revolusi tidak pernah selesai.<sup>209</sup> Kesenambungan ini dijalankan dengan menolak program penstabilan keadaan ekonomi yang semakin teruk.<sup>210</sup> Program penstabilan ini pernah dijanjikan oleh Sukarno di hadapan utusan pemerintah AS sebagai imbuhan di atas sokongan AS ke atas Indonesia dalam masalah Irian Barat.

Dari sudut penerimaan di dalaman, pembatalan ini mendapat sokongan daripada PKI yang berhasrat menjadikan kemunduran ekonomi sebagai alasan yang baik untuk menyemai komunisme. Selain itu, pembangunan ekonomi yang memerlukan masa yang panjang dalam pelaksanaannya dan memerlukan pembiayaan yang besar, boleh mendorong Republik bergantung kepada kekuatan kapital luar untuk suatu tempoh yang panjang dan mungkin tidak dapat berhenti untuk masa yang ditentukan. Dengan alasan yang berbeza, Sukarno mahupun PKI tidak mahu kiraan berkenaan berlaku.

---

<sup>208</sup> Kantor Berita Antara. 15 Februari 1963.

<sup>209</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 90.

<sup>210</sup> Pembebasan Irian Barat telah menyerap kegiatan nasional lebih daripada 75 peratus, mengabaikan kegiatan perbaikan ekonomi dan semakin dibelengguhutang.

Kembali kepada sikap penolakan Sukarno ke atas penubuhan Persekutuan Malaysia, menurut Sukarno cadangan penubuhan Persekutuan Malaysia dipersepsikan sebagai skim penjajah dan imperialis untuk mengepung Indonesia.<sup>211</sup> Kesan seperti itu wujud daripada pengalaman yang pernah dialami ketika pada akhir dekad 50an, Malaya dan jajahan-jajahan Inggeris lainnya memberikan sokongan ke atas gerakan pemisahan regional di Sumatra dan Sulawesi.<sup>212</sup> Dengan demikian, terbentuknya Persekutuan Malaysia tidak menghairankan jika dinilai sebagai penyusunan elemen-elemen penentang untuk mengepung Indonesia. Sebagai alasan, pada ketika itu pemerintah AS telah mengambil keputusan untuk menempatkan satu skuadron Tentera Lautnya di Samudra Hindia.

Penolakan Sukarno ke atas cadangan Persekutuan Malaysia dilihat semakin munasabah kerana selama ini beliau memang memandang Malaysia tanpa rasa hormat sehubungan dengan kemerdekaan Malaya diperoleh tanpa suatu perjuangan sebagaimana yang telah dihadapi Indonesia.<sup>213</sup> Perasaan tidak suka terhadap Malaya menjadi nyata di mata elit politik Indonesia semenjak Malaysia sebagai negara terdekat dengan Indonesia samasekali tidak memberikan sokongan terhadap tuntutan Indonesia ke atas Irian Barat di PBB pada tahun 1957. Sikap kerajaan Malaya pada ketika itu sangat dikesali oleh pemerintah Indonesia pada saat Indonesia memerlukan sokongan yang banyak dan sangat menyakitkan ketika tuntutan itu ditolak oleh PBB.<sup>214</sup>

---

<sup>211</sup> Sukarno. *Pidato Tahun 1964*. hlm. 104.

<sup>212</sup> Sukarno. *Pidato Tahun 1959*. hlm. 111. lihat juga *Pidato Tahun 1961*. hlm. 7.

<sup>213</sup> Sukarno. *Pidato Tahun 1961*. hlm. 8

<sup>214</sup> Sukarno. *Pidato Tahun 1964*. hlm. 106.

Permusuhan Indonesia ke atas penubuhan Persekutuan Malaysia untuk seketika menjadi tenang ketika dicapainya *Manila Agreement* selepas diadakan suatu konferensi antara Sukarno-Tunku Abdul Rahman-Macapagal di Manila pada 1 hingga 5 Ogos 1963. Kandungan *Manila Agreement*(perjanjian Manila) tersebut mengandungi kesediaan Malaya menerima sikap Indonesia dan Filipina mengenai persyaratan yang dikemukakan agar penubuhan Persekutuan Malaysia dapat diterima mereka. Kerajaan Malaya sepakat ke atas keterlibatan autoriti yang tidak memihak dan bebas yang bertugas melakukan pengesahan kehendak rakyat Brunei.

Namun kemudiannya, Indonesia dan Filipina menarik diri daripada perjanjian tersebut selepas Inggeris melakukan hasutan (*provocation*) dan berjaya mendesak Tunku Abdul Rahman pada 29 Ogos 1963 bagi mengumumkan bahawa Persekutuan Malaysia akan dinyatakan pada 16 September 1963. Keputusan itu tampak menyinggung perasaan pemerintah Indonesia dan Filipina, kerana mendahului kesepakatan bersama bahawa keputusan kepastian penubuhan Persekutuan Malaysia hanya dilakukan selepas mendapat laporan daripada hasil kerja pengumpulan pendapat umum rakyat Borneo.<sup>215</sup> Pemerintah Indonesia melancarkan penentangan secara serius selepas PBB melaporkan dapatan pada 13 September 1963, yang menyatakan bahawa pengamatannya ke atas rakyat di Sarawak dan Kalimantan Utara hingga 5 September 1963 menunjukkan sebahagian besar daripada mereka ingin bergabung ke dalam Persekutuan. Persekutuan Malaysia direalisasikan pada 16

---

<sup>215</sup>*Ibid.* hlm.111.

September 1963. Pada hari yang sama, Sukarno memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia.<sup>216</sup> Tindakan permusuhan pemerintah Indonesia ini kemudiannya berkembang selepas 25 September 1963, Sukarno menyatakan keputusannya untuk meningkatkan fasa dan kesungguhan politik konfrontasinya menjadi “*all out confrontation*”.<sup>217</sup> Pada akhir bulan September 1963, kegiatan gerila yang berpangkalan di Indonesia semakin meningkat. Sejak terputusnya hubungan diplomatik Jakarta-Kuala Lumpur, para gerila mula melakukan serangan umum melintasi sempadan bagi menunjukkan kemampuan pemerintah Indonesia di dalam menolak penubuhan Persekutuan Malaysia dan hasil kerja misi PBB.

Indonesia yang merasa tidak berpuas hati dan sangat tidak percaya ke atas kesahihan hasil kerja PBB selepas itu menuntut supaya undian pendapat umum rakyat Borneo dilakukan semula. Tuntutan ini dijadikan prasyarat pengakuan pemerintah Indonesia terhadap pertubuhan Persekutuan Malaysia. Dua bulan kemudian, dengan tidak adanya tanda-tanda tuntutan dapat dipenuhi daripada pemerintah Indonesia, Sukarno menetapkan pemilikan negara kekayaan Inggeris dan Malaysia yang terdapat di Indonesia dan menutup seluruh perdagangannya dengan Malaysia.

#### **4.1.1.3 Permusuhan Sukarno ke atas Amerika Syarikat**

---

<sup>216</sup>*Ibid.* hlm. 112.

<sup>217</sup>*Ibid.*

Politik konfrontasi yang dilakukan Sukarno kembali meluas sejak awal tahun 1963 dan meningkat menjadi konfrontasi fizikal menjelang akhir tahun yang sama telah menimbulkan keperihatinan negara-negara Barat. Pemerintah AS yang merasa “ditipu” oleh Sukarno mengambil sikap yang lebih nyata dengan mengumumkan akan membatalkan atau menunda bantuan kewangan dan ekonomi yang disalurkan dengan alasan hilangnya tarikan untuk menanamkan modalnya di Indonesia. Selain itu, selari dengan hancurnya harapan daripada manfaat yang akan diterima melalui bantuan ekonominya, AS juga menyatakan akan mengabaikan cadangannya untuk mengurus dana daripada Majlis Bantuan Pembangunan Eropah dan Jepun bernilai AS 250 juta dollar. Dana ini sebagai pengganti defisit baki pembayaran yang dikira akibat daripada pelaksanaan pemuliharaan ekonomi Indonesia. Kesan daripada keputusan ini ialah hancurnya Proposal Djuanda<sup>218</sup> pada bulan September 1963, kerana sumber kewangannya sebahagian besar bergantung kepada bantuan luar negara.

Berkembangnya pelaksanaan politik konfrontasi dengan segala daya dan usaha yang dicadangkan Sukarno menyebabkan meningkatnya suhu politik di kawasan Asia Tenggara sebelah Selatan. Pemerintah AS yang menginginkan adanya stabiliti versi Barat di kawasan ini mencemaskan kemungkinan Komunisme Antarabangsa mendapatkan jalan masuk untuk membalikkan keadaan berkenaan. Tetapi berlawanan dengan kecemasannya ke atas suhu politik itu, pemerintah Washington terbabit dalam suatu sikap yang semakin memanas pertelingkahan, kerana keputusannya untuk meningkatkan peronda

---

<sup>218</sup> Proposal Djuanda ialah unjuran pembangunan nasional Indonesia.

Armada Tentera Laut VII di Samudera Hindia pada 19 Disember 1963. AS ketika itu tidak mahu langsung terlibat dalam konflik dengan Indonesia meskipun negara ini terikat dalam pakatan ANZUS<sup>219</sup>. Keengganan AS untuk tidak terlibat dalam konflik menentang Indonesia bukanlah merupakan cerminan sikap neutraliti pro-Malaysia tetapi mungkin kerana AS masih memiliki harapan untuk membina hubungan baik dengan Indonesia. Dengan pertimbangan seperti itu dan mengingat kejayaannya diplomasi peribadi Robert Kennedy sehingga AS dapat menjadi pengantar dalam penyelesaian masalah Irian Barat, presiden AS yang baru, yang menggantikan J. F. Kennedy, Lyndon Johnson kembali mengiriskan Robert Kennedy untuk menjemput pihak-pihak yang bertelingkah agar bersedia maju ke perundingan dan secara khas berusaha menyeru Sukarno untuk bersikap lebih bersederhana.

Apabila Kennedy dengan Sukarno berjumpa di Tokyo pada awal Januari 1964, Kennedy dihadapkan kepada usaha yang sukar sehubungan dengan pandangan Sukarno yang melihat inisiatif AS dinilai sebagai tanda menyerah atau setidaknya AS berpihak kepada Indonesia. Dalam pertemuan tersebut, Sukarno mengemukakan tuntutan agar Inggeris ditarik bukan sahaja daripada Kalimantan Utara tetapi juga mesti dikeluarkan daripada Singapura. Pertanda kebuntuan perundingan sudah mula kelihatan ketika Kennedy yang pergi ke Kuala Lumpur menerima tuntutan Malaysia supaya Indonesia menghentikan pelanggaran ke atas wilayah-wilayah di mana Malaysia memiliki autoriti dan menuntut agar Indonesia mengakui kewujudan autoriti

---

<sup>219</sup> ANZUS ialah singkatan daripada Australia, New Zealand dan United States.

tersebut. Tuntutan tersebut diajukan oleh pihak Malaysia sebagai prasyarat untuk mengadakan perundingan. Ketika Kennedy kembali ke Jakarta, Sukarno menyatakan penolakannya terhadap tuntutan Malaysia itu dan malah mengajukan tuntutan baru agar perundingan didasarkan kepada Persetujuan Manila.

Sukarno berusaha mencari inisiatif lain agar Malaysia bersedia maju ke perundingan dengan dasar Persetujuan Manila, dan untuk perkaratersebutSukarno memberi pelanggaranberlakunya gencatan senjata bagi semua pihak dan demiliterisasi zon sempadan seluas 20 batu. Dalam suasana kesangsianInggeris dan Malaysia terhadap Sukarno, perbincangan di peringkat menteri dilakukan di Bangkok sebanyak dua kali, pada bulan Februari dan Mac 1964 tetapi tidakmemberi hasil, kecuali kebuntuan. Dalam perundingan tersebut,setiap pihak hanya bersikap menolak dan menuntut tanpa ada kesediaan mencari jalan tengah. Bagi Malaysia, perundingan antara pemimpin pemerintahan disyaratkan hanya akan berlangsung jika Indonesia bersedia menarik tenteranya daripada Kalimantan Utara. Manakala Indonesia tetap pada tuntutan bahawa pengesahan semula daripada pengumpulan pendapat umum rakyat-rakyat Kalimantan Utara merupakan syarat untuk ke perundingan. Seterusnya delegasi Indonesia menyatakan bahawa kesediaannya untuk memundurkantenteranya daripada Kalimantan Utara hanya dilakukan selepas dicapai penyelesaian politik secara umum.

Oleh kerana perbincangan di peringkat Menteri yang dilakukan tidak memberi sebarang *output* positif, perkara tersebut mengakibatkan kemarahan

daripada Sukarno. Beliau sangat kecewa kerana tersalah anggap terhadap peranan AS dalam perkara tersebut. Tidak seperti perananyang telah dimainkan oleh AS dalam masalah Irian Barat, dalam perkara ini AS tidak berpihak kepada Indonesia. Kemarahan daripada Sukarnomenyebabkan beliau secara mengejutkan telah meluahkan satu ayat yang sangat terkenal iaitu; “*go to hell with your aid*” terhadap Duta Besar AS, Howard Palfrey Jones dihadapan publik di Jakarta pada 25 Mac 1964.<sup>220</sup>

Malahan ketika Soviet melalui utusannya, Anastas Mikoyan memberikan komitmen bantuan persenjataan yang baru dan sokongannya ke atas politik Ganyang Malaysia, Amerika Syarikat tidak menanggapinya secara serius dan membiarkannya. Berlainanketika Soviet memberikan sokongan politik dan ketenteraan ke atas Indonesia dalam masalah Irian Barat, di mana AS merasa perlu untuk mengurangkanperkembangan pengaruh Soviet dengan melakukan pendekatan baru kepada Indonesia. Dalam masalah Malaysia, AS yang sudah tidak berharap dapat membina hubungan baik dengan pemerintah Sukarno malah menjauhi Indonesia dengan menegaskan sokongannya kepada Malaysia yang disampaikan ketika PM Abdul Rahman berkunjung ke Washington. Dalam kesepakatan yang dihasilkan daripada *Johnson-Rahman Talk* pada 23 Julai 1964, dinyatakan bahawa pemerintah AS menjanjikan bantuan latihan ketenteraan bagi laskar-laskar Malaysia dan pekej kredit senjata yang mencukupi bagi keperluan pertahanan Malaysia.<sup>221</sup>

---

<sup>220</sup> lihat Jones, Howard Palfrey. (1971). *Indonesia: The Possible Dream*. hlm. 272- 279.

<sup>221</sup> Harian Rakyat. 25 Julai 1964. hlm. 1., kol 1-3.



Komitmen AS ini telah mengakibatkan kemarahan massa di Jakarta. Di atas dasar AS itu, Sukarno untuk pertama kalinya, dalam pidato bertarih 17 Ogos 1964 yang diberi tajuk *Tavip*<sup>222</sup> menyatakan kecaman-kecaman secara langsung terhadap AS bukan hanya dalam kaitan polisi AS terhadap Indonesia tetapi juga meluas kepada pelbagai polisi AS ke atas negara-negara lain. Pada masa yang sama ketika pidato itu disuarakan, sejumlah pasukan *paratrooper* (askar payung terjun) Indonesia diterjunkan di Pontian dan Labis, sebelah barat Johor. Apabila tindakan ini diajukan oleh Malaysia dalam mesyuarat Majlis Keselamatan PBB, utusan Indonesia menyatakan, “Malaysia yang merdeka dan berdaulat tidak pernah ada di mata kita sehingga tindakan para sukarelawan itu sukar dikategorikan sebagai suatu agresi”.<sup>223</sup>

#### **4.1.1.4 Permusuhan ke atas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu**

Sejajar dengan tidak adanya kemajuan politik yang diperolehi Indonesia, gencatan senjata yang dilakukan akhirnya tidak memberi sebarang kesan. Tentera Indonesia kembali menyalakan senjatanya untuk meneruskan tindakan bersenjata yang terhenti. Dalam negara, kempen dan mobilisasi massa telah memasuki tahap yang sangat penting bagi pelaksanaan yang serius daripada politik “*all out confrontation*” yang dicadangkan dalam satu program yang bernama *DWIKORA*.<sup>224</sup>

---

<sup>222</sup>*Tavip* merupakan singkatan daripada *Tahun Vivere Coloso*, ertinya Tahun Menyentuh Ambang Bahaya.

<sup>223</sup>Leifer. *Indonesia Foreign Policy*. hlm. 142.

<sup>224</sup>*DWIKORA* singkatan daripada Dwi (dua) Komando Rakyat iaitu Pertinggikan Ketahanan Revolusi Indonesia dan Membantu perjuangan revolusioner rakyat Malaysia, Singapura, Sarawak dan Sabah untuk menghancurkan Malaysia.

*DWIKORA* diumumkan pada tarikh 13 Mei 1964 di hadapan mesyuarah raksasa yang dihadiri oleh lebih kurang 1 juta orang. Memiliki peranan yang sama dalam senario *TRIKORA* ketika diwujudkan, iaitu sebagai usaha menggabungkan semua potensi untuk menunjang perpaduan mengenai siasah diplomasi dan paksaan. Dalam keadaan yang semakin jauh daripada harapan tercapainya kesepakatan antara Indonesia-Malaysia, pemerintah Filipina mengambil inisiatif untuk menjadi perantaradalam perundingan. Sebelumnya, Filipina sudah menarik diri daripadamenyertai melakukan konfrontasi ke atas Malaysia dan sudah menjalin hubungan konsuler dengan Kuala Lumpur pada 14 Februari 1964.

Setelah memahami tentang pelaksanaan inisiatif baru tersebut, Sukarno menyatakan kesediaannya memberi konsesi untuk menarik "sebahagian" kekuatan gerila daripada Kalimantan Utara sebelum diadakan perundingan kemuncak di Tokyo. Namun kemudiannya, Malaysia yang menuntut kesahihan penarikan kemunduran pasukan Indonesia, melalui laporan pengawas gencatan senjata --Muang Thai-- justeru lebih jelas melihat pencerobohan yang tidak henti dilakukan daripada suatu penarikan pasukan yang sedikit sahaja.

Memahami atas masalah yang wujud daripada Malaysia ini, Subandrio membuat penjelasan dalam perbincangan pendahuluan di peringkat Menteri Luar Negara di Tokyo pada 18 Jun 1964. Subandrio menyatakan bahawa apa yang berlaku bukan menjadi tanggungjawab pemerintah Indonesia kerana pemerintahnya tidak dapat mengendalikan para gerila yang berjuang menentang kolonialisme dan imperialisme bagi kemerdekaan rakyat disana. Oleh kerana tidak

adanya kesungguhan untuk mencapai kesepakatan diantara mereka dan *political distrust*(kesangsianpolitik) yang menjadi landasan mereka, *Tripartit Summit Meeting* berakhir dengan kegagalan pada 21 Jun 1964. Ini juga kerana hanya terdapat masa dua hari sahaja untuk ke peringkat pembicaraan serius dan terakhir, Sukarno telah memutuskan kembali ke Jakarta untuk menyambut kedatangan utusan daripada Kesatuan Soviet.

Kedatangan utusan Kesatuan Soviet ke Indonesia memperlihatkan inisiatif kerajaan Moskow untuk menghentikan permusuhannya ke atas pentadbiran Sukarno dengan tujuan bagi menghapuskan kesan RRC yang semakin kuat ke atas Indonesia. Di Jakarta, pada bulan 23 Jun 1964 melalui Anastas Mikoyan, pemerintah Soviet untuk pertama kalinya menyatakan sokongan yang serius ke atas perjuangan bangsa Indonesia dalam menentang Malaysiadan menawarkan pekej kredit persenjataan terutama bantuan pesawat tempur paling moden yang dimiliki Soviet. Atas sikap persahabatan ini, Mikoyan meminta sokongan pemerintah Indonesia agar negaranya dapat memainkan peranandalam konferensi Asia-Afrika yang dicadangkan berlangsung di Aljier pada bulan Julai tahun 1965.

Dalam keadaan konflik antara *Nefos* dengan *Oldefos* yang wujuddalam masalah Malaysia, pemerintah Indonesia menganggap piawaiian hukum antarabangsa tidak dapat dijadikan pegangan lagi. Oleh kerana beranggapan demikian, berlawanan dengan harapannya untuk meraih simpati bagi tindakan tersebut, pemerintah Indonesia gagal dalam meraih sokongan PBB. Kebanyakan anggota Majlis Keselamatan PBB, termasuk Pantai Gading dan Maroko sebagai dua negara anggota PBB yang berasal daripada Afrika, tidak dapat menerima

alasan yang dikemukakan dan mengajukan resolusi penarikan mundur pasukan Indonesia daripada wilayah Malaysia.

Dengan demikian, meskipun kesan kegagalan dirasai seperti satu pukulansepenuhnya ke muka Indonesia tetapi dapat dihindarkan keranakuasa *veto* Soviet, Indonesia dihadapkan kepada kenyataan baru bahawa negara-negara Asia-Afrika dan anggota Negara Berkecuali menjadi antipati kepada dirinya meskipun sebahagian besar bersifat pasif.<sup>225</sup> Begitu juga dengan Filipina, yang sejak awal memihak kepada Indonesia dalam menggagalkan penubuhan Persekutuan Malaysia, memperlihatkan rasa kurang senang ke atas tindakan dan hujah yang dibuat oleh Indonesia.

Gagal mendapatkan sokongan di Majlis Keselamatan PBB, Sukarno tidak patah semangat, sebaliknya terus berusaha untuk menjatuhkan Malaysia dan mencari sokongan bagi politik konfrontasi yang dilakukan. KTT II Negara-negara Berkecuali diselenggarakan di Kairo pada bulan Oktober 1964, di mana Malaysia tidak dijemput atas inisiatif Indonesia. Pada kesempatan ini, Presiden Sukarno melalui pidatonya "Era Konfrontasi" berniat mendapatkan sokongan daripada peserta persidangan. Beliau berupaya menyedarkan peserta majlis bahawa imperialisme dan kolonialisme masih tetap merupakan ancaman yang nyata kepada pendamaian dunia. Walau adanya politik ko-eksistensi (ko-kewujudan) damai yang dilancarkan oleh Soviet bawah pimpinan Khrushchev, negara-negara yang sedang bangkit menjadi semakin terancam.

---

<sup>225</sup> Khasnya kumpulan negara moderat iaitu; India dan Yugoslavia.

Sikap permusuhan pemerintahan Sukarno ke atas Malaysia di PBB dapat juga dilihat ketika Malaysia dimajukan menjadi salah satu anggota Majlis Keselamatan. Keesokan harinya Sukarno mengumumkan bahawa pemerintahnya akan menarik diri daripada keanggotaannya di PBB apabila Malaysia menduduki kerusinya di Majlis Keselamatan. Ketika PBB tidak memperdulikan ancaman tersebut, seminggu selepas itu Sukarno memaklumkan penarikan keanggotaan Indonesia daripada PBB. Sukarno mendakwa PBB sebagai “nyata-nyata menguntungkan imperialisme dan merugikan kemerdekaan bangsa- bangsa”.<sup>226</sup>

Semakin terpinggirnya Indonesia daripada dunia luar telah meningkatkan kemesraan hubungan Indonesia dengan Cina. Perbaikan hubungan dengan Soviet tidak cukup memberikan dorongan bagi Sukarno untuk mengambil keuntungan daripadapengaruh antarabangsa yang dimiliki Soviet. Dalam kes terakhir, Sukarno kecewa kerana keanggotaan Malaysia di Majlis Keselamatan PBB tidak ditolak (*veto*) oleh Kesatuan Soviet. Pada bulan Januari itu juga, Menteri Luar Negara Subandrio berkunjung ke Beijing untuk berbincangbagi saling memenuhi wawasan dan memandang semula ke atas keadaan antarabangsa. Pada kesempatan itu, Perdana Menteri Chou En Lai menyatakan sokongan kepada idea Presiden Sukarno untuk merealisasikan suatu *Conference of Emerging Forces* (*Conefo*). Sukarnomengharapkan*Conefo* menjadi badan yang mampu menyaingi PBB.

Usaha yang sama iaitu “berbincang dengan kawan” kemudian diteruskan ketika perwakilan Indonesia bawah pimpinan Subandrio berkunjung ke empat

---

<sup>226</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 179.

negara di Timur Tengah dan lapan negara di Afrika. Selagi usaha menubuhkan *Conefo* terus dikembangkan, usaha mencari sokongan ke atas politik konfrontasi tetap dilakukan. Pada bulan Mac 1965, di Jakarta diselenggarakan Konferensi Islam Asia-Afrika dengan tidak mengundang penyertaan Malaysia, pada konferensi ini, Sukarno menegaskan semula polisinya ke atas Malaysia dan menjemput peserta untuk bersama-sama menentang Malaysia.

Perkara serupa dilakukan ketika di Bandung di mana telah diselenggarakan peringatan Hari Jadi ke 10 Konferensi Asia Afrika (KAA) yang dihadiri oleh utusan-utusan pelbagai negara Asia-Afrika. Sukarno tidak berjaya mendapatkan kesepakatan daripada kebanyakan peserta untuk menyatakan bahawa konfrontasi ke atas Malaysia memiliki kaitan dengan semangat *Dasasila Bandung*. Walaupun demikian, Sukarno menyatakan dalam pidato HUT Proklamasi tahun 1965 bahawa Peringatan Hari Jadi ke 10 KAA sebagai;

”Perayaan Dasawarsa (sepuluh tahun) Konfrensi Asia-Afrika I atau Konfrensi Bandung telah menjadi manifestasi perkasa daripada tekad anti-imperialis bangsa-bangsa Asia-Afrika Segala fitnahan terhadap konsepsi Bandung, seakan-akan forum Asia-Afrika itu suatu forum ”rasialis”, forum ”separatis”, forum ”sektaris” serta tuduhan-tuduhan (dakwaan) lainnya bisa kita gempur-hancur. Melalui upacara khidmad Dasawarsa KAA I dan acara-acara lainnya antara lain pertemuan-pertemuan dan tukar fikiran antara para utusan daripada kedua benua kita, maka saling pengertian diantara semua negara-negara A-A yang anti-Nekolim bertambah mendi dalam...bagi rakyat Indonesia sendiri Dasawarsa KAA I merupakan pendidikan politik yang teramat penting, sehingga perhatian rakyat Indonesia terhadap masalah-masalah antarabangsa bertambah besar, setia-kawan mereka terhadap saudara-saudaranya yang berjuang untuk kemerdekaan nasional bertambah besar pula”.<sup>227</sup>

---

<sup>227</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 180.

KAA II yang dirancangan di Aljier pada bulan Jun mendatang, suatu forum besar di mana Sukarno berharap mendapat simpati ke atas konfrontasi terhadap Malaysia, gagal diselenggarakan ketika ketua pemerintahan Ben Bella digulingkan oleh Houari Boumedienne. Selepas itu, KAA II samasekali tidak lagi diadakan. Sukarno tidak memiliki kesempatan terbaik untuk menarik simpati daripada negara-negara Asia-Afrika.

Dalam negara Indonesia berlaku perubahan kekuasaan dan politik secara asas selepas gagal kudeta oleh PKI pada bulan September 1965. Sejak itu, Sukarno secara *de facto* tidak memiliki kekuasaan lagi meskipun secara *de jure* masih menjadi presiden. Kekuasaan telah berpindah ke tangan Jeneral Suharto, yang kemudian menjadi Presiden Republik Indonesia pada tahun 1967.

#### **4.1.2 Sasaran Dalaman**

Sukarno membina demokrasi lain sebagai pengganti demokrasi liberal dengan suatu sistem yang dinamakan dengan sebutan “Demokrasi Terpimpin”. Sistem ini ditubuhkan selepas pembubaran parlimen dan dikuatkuasakan kembali UUD 45 melalui Dekri 5 Julai 1959.

Dekri Presiden bertarikh 5 Julai 1959 adalah suatu keputusan Presiden Sukarno dan Tentera Darat untuk membubarkan Konstituante (Parlimen) dan menguatkuasakan kembali UUD 45. Tindakan yang menyebabkan beralihnya kekuasaan Parlimen ke tangan Presiden ini berlaku selepas Sukarno dan Tentera gagal menjemput para wakil rakyat untuk melepaskan sistem politik liberal yang

dianut dan dilaksanakan pada masa tersebut.<sup>228</sup> Akibatnya sistem Demokrasi Liberal tumbang dan suatu sistem yang baru, yaitu Demokrasi Terpimpin segera ditubuhkan.

Namun pada ketika itu, sistem yang disebut oleh Sukarno sebagai sistem Demokrasi Terpimpin masih sukar dikenali arah, kandungan atau kewujudannya. Anggapan tentang kewujudan sistem tersebut hanya dapat dilakukan terhadap pada konsep yang pernah dikemukakan oleh Sukarno. Konsep ini mengandungi alternatif pengganti sistem Demokrasi Liberal dan pemikiran yang wujud semasa idea ini dibincangkan dalam parlimen.

Sistem Demokrasi Terpimpin merupakan sistem politik yang memiliki ciri authoritarian-paternalistik, dengan polisi yang radikal-revolusioner, khasnya dalam mengambil jalan bagi menggantikan sistem lama dan membinakan sistem baru yang disebut oleh Sukarno dengan istilah "*herordering*". Untuk mencapai "*herordering*", pemerintah Sukarno menjalankan suatu usaha yang disebut sebagai "*retooling*". Ianya bererti mempersiapkan alat-alat peralatan spirit dan bahan untuk menjalankan roda pemerintahan, dengan cara menghancurkan setiap sesuatu yang tidak disukai dan sebaliknya membina sesuatu yang disukai. Berdasarkan kepada perkara asas ini, pemerintahan Demokrasi Terpimpin secara dialektik telah menggabungkan unsur-unsur destruktif dengan konstruktif dalam setiap polisinya. Manakala pengamalannya bersifat radikal dan revolusioner.

---

<sup>228</sup>Sukarno dan tentera yang tidak berpuas hati ke atas penerapan sistem Demokrasi Liberal di Indonesia gagal mendapatkan majoriti sokongan suara di Parlimen ketika diadakan referendum untuk mengubah sistem demokrasi liberal dan UUD 45. Tidak tercapai sokongan 2/3 suara undian disebabkan oleh penolakan Parti Masyumi dan Parti Sosialis Indonesia.



Kedua-dua karakteristik yang melandasi dasar di dalam pemerintahan Sukarno terdapat dalam setiap Pidato Presiden bertarih 17 Ogos, dalam jangka masa berdirinya Demokrasi Terpimpin. Ungkapan-ungkapan dalam pidato tersebut juga menggambarkan pandangan dan jawapan Sukarno ke atas keadaan dan isu di persekitaran di dalam.

#### **4.1.2.1 Penyusunan semula Struktur Politik**

Selepas Manifesto Politik (Manipol) dinyatakan pada tahun 1959, bentuk politik daripada Demokrasi Terpimpin mula dapat digambarkan secara jelas. Bentuk ekonominya juga mula dapat dikenali dengan lebih baik selepas “USDEK” --seperti Manifesto dalam bidang ekonomi-- dilaungkan oleh Sukarno pada tahun yang sama.<sup>229</sup> Seterusnya, ketika pada tahun 1961 Sukarno menyuarakan pidato HUT RI ke 16 yang diberi tajuk *Resopim*, pemahaman mengenai kata “Terpimpin” semakin bertambah, khususnya, kerana Sukarno menempatkan dirinya sebagai Pemimpin Nasional atau secara jelasnya sebagai Pemimpin Besar Revolusi, yang dijadikan “syarat” dan “landasan” bagi revolusi Indonesia.<sup>230</sup>

Sebelum sempat mengembangkan idea mengenai Demokrasi Terpimpin secara lebih jauh, polisi pemerintahan Sukarno masih dikaitkan secara langsung dengan penyusunan semula institusi-institusi kenegaraan. Untuk itu, tindakan pertama yang diambil oleh Sukarno ialah membina alat-alat pemerintahan. Hanya dalam masa kurang daripada satu minggu selepas Dekri dikeluarkan, Presiden

---

<sup>229</sup> USDEK ialah akronim daripada Undang-undang dasar 45, Sosialisme Indonesia, Demokrasi terpimpin, Ekonomi terpimpin dan Keperibadian nasional

<sup>230</sup> Resopim ialah akronim daripada Revolusi, Sosialisme Indonesia dan Pimpinan Nasional.

Berjaya membentuk Kabinet Kerja I --dikenali sebagai Kabinet Triprogram kerana Kabinet ini "hanya" menetapkan tiga jenis program<sup>231</sup>--yang diketuai oleh dirinya sendiri dan "Menteri Pertama", Djuanda. Kedua-dua pemimpin ini mengetuai Menteri Inti, 3 Menteri *Ex Officio* dan 23 Menteri Muda.<sup>232</sup>

Sebulan selepas itu, pada tarikh 26 Ogos 1959, Presiden membentuk Dewan Pertimbangan Agung (DPA) yang diketuai oleh Sukarno sendiri dan wakilnya, Ruslan Abdulgani. Kedua-dua merekamengetuai 43 anggota yang angkatannya berasal daripada tiga golongan, iaitu; (1) 12 kerusi untuk para pemimpin 10 parti politik yang masih diakui dan tidak disertakan dalam Kabinet, (2) 8 kerusi untuk wakil-wakil daerah dan (3) 23 kerusi untuk wakil-wakil daripada kelompok fungsional.

Manakala, tugas utama untuk membubarkan Parlimen seperti yang dinyatakan dalam Dekrit 5 Julai 1959 ternyata tidak terlaksana kerana anggota-anggota Parlimen --wakil rakyat hasil pemilu tahun 1955-- bersedia bertugas menurut UUD 45. Di atas kesediaan ini, Sukarno hanya bertindak sebatas; mengeluarkan Penetapan Presiden No. 1 Tahun 1959 pada 22 Julai 1959, yang menyatakan bahawa Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) menurut UUD 45 belum terbentuk, maka DPR yang disusun menurut Undang- undang No.7 Tahun 1953 menjalankan tugas menurut UUD 45.<sup>233</sup>

Pada tahun berikutnya, pada 5 Mac 1960 lembaga perwakilan rakyat tersebut dibubarkan melalui Penetapan Presiden No. 3 Tahun 1960 dan DPR yang baru yang

---

<sup>231</sup> Triprogram terdiri daripada; Sandang-pangan, Keamanan dan Pembebasan Irian Barat

<sup>232</sup> Feith. *The Decline of Constitutional Democracy*. hlm.361.

<sup>233</sup> Sekretariat Negara. (1986). *30 Tahun Indonesia Merdeka Jilid II*. hlm. 147.

disebut DPR, menurut Sukarno, berasaskan UUD 45 untuk pertama kalinya berdiri pada 24 Jun 1960 melalui Penetapan Presiden No. 4 Tahun 1960.<sup>234</sup> Para anggota yang dilantik oleh Presiden keseluruhannya berjumlah 261 orang dengan kedudukan: 130 orang daripada parti politik 35 orang daripada ABRI, 95 orang daripada golongan fungsional dan 1 orang wakil daripada Irian Barat.

Selain membentuk DPR, tugas penting yang lain dalam membangunkan kerangka dasar pelaksanaan Konstitusi 45 adalah membentuk institusi tertinggi negara --Majlis Permusyawaratan Rakyat. Seperti juga dalam menjalankan tugas membubarkan Parlimen dan mendirikan DPR, tugas membentuk DPR ternyata tidak terlaksana dengan segera, hanya Penetapan Presiden No. 2 Tahun 1959, yang di keluarkan pada 22 Julai 1959, yang dilaksanakan oleh Sukarno.<sup>235</sup> Institusi ini baru ditubuhkan pada 10 November 1960 dengan nama Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara --MPRS-- dengan jumlah anggota sebanyak 616 orang.

Perkara yang dilakukan oleh Sukarno dalam bidang penyusunan semula institusi sepanjang bulan Julai 1959 tidak terhad hanya kepada penubuhan Kabinet dan hanya mengeluarkan PENETAPAN PRESIDEN (PENPRES) No.1 dan 2, beliau juga pada akhir bulan Julai membentuk Dewan Perancang Nasional (Depernas) yang diketuai oleh Muhammad Yamin, seorang pemimpin Parti Murba (Musyawarah Rakyat Banyak) yang dihormati oleh Sukarno.

Depernas melibatkan ahli termasuk ketuanya sebanyak 78 orang yang berasal daripada utusan-utusan daerah dan golongan fungsional yang

---

<sup>234</sup>*Ibid.* hlm. 165.

<sup>235</sup>*Ibid.* hlm. 174.

dikembangkan menurut perwakilan politik mereka, manakala ahli yang berasal dari Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) lebih banyak ditempatkan sebagai utusan daerah. Selain orang-orang dari *parpol* (parti politik)<sup>236</sup> dan ABRI, institusi ini diisi juga oleh orang-orang yang memiliki keahlian teknik dari berbagai universitas.

Depernas ditubuhkan oleh Sukarno untuk segera membuat suatu perancangan pembangunan nasional --Pola Pembangunan Tahap Pertama atau secara rasmi dikenali sebagai Rancangan Pembangunan Nasional Semesta Berencana Lapan Tahun-- dalam target masa satu tahun, selesai pada 13 Ogos 1960. Dalam Pidato HUT Proklamasi ke 14, Sukarno membincangkan tugas Depernas iaitu;

”Pokok (inti) daripada segala pokok daripada tugas Dewan Perancang Nasional ialah bahawa ia mesti membuat *blueprint* daripada suatu masyarakat Indonesia yang berkeadilan sosial, suatu masyarakat Indonesia sebagai yang diniatkan oleh mukadimah Undang-Undang Dasar, dan pasal 33 Undang-Undang Dasar, --suatu masyarakat Indonesia yang betul-betul adil dan makmur, betul-betul makmur dan adil pula. Tidak Dewan Perancang Nasional disuruh membuat pola masyarakat Indonesia yang makmur tetapi tidak adil; tidak Dewan Perancang Nasional mesti membuat *blueprint* yang adil tetapi tidak makmur.”<sup>237</sup>

#### **4.1.2.1.1 Penyusunan semula Struktur Atas (*supra structure*)**

Penyusunan semula institusi yang dilakukan oleh Sukarno merupakan sebahagian tindakan dalam semboyan ”*retooling for the future-nya*”, yang memperlihatkan *retooling* dari segi fizikal-material. Dari segi lain, yang -- mungkin-- lebih menarik daripada terbentuknya institusi-institusi tersebut ialah usaha Sukarno untuk melakukan *retooling* antara lain: mengisi *tool-tool*

<sup>236</sup> *Parpol* ialah akronim daripada parti politik.

<sup>237</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm.129.

tersebut agar sesuai dengan alam fikiran yang baru<sup>238</sup> atau lebih khusus lagi, mengisi *tool-tool* tersebut dengan orang-orang yang bersedia menyesuaikan diri dengan polisi Sukarno.

#### 4.1.2.1.1.1. Penyusunan semula Kabinet

Selepas Dekri dikeluarkan, sasaran pertama daripada *retooling* mental-ideologi ialah para calon anggota Kabinet. Presiden Sukarno yang memiliki kuasa eksklusif dalam membentuk Kabinet dan melantik anggota-anggotanya, tidak sahaja memilih orang-orang yang disukainya yang bersedia menyokongnya tetapi juga “mensyaratkan” anggota-anggota Kabinet tersebut mesti bersedia melepaskan diri daripada ikatan dengan parti politiknya.<sup>239</sup> Tindakan seperti ini pernah dilakukan sebelumnya dalam bulan-bulan menjelang pengumuman Dekri Presiden. Pada ketika itu, Sukarno memerintah para pegawai tinggi awam dan pegawai kanan di pelbagai syarikat pemerintah untuk melepaskan keanggotaan daripada parti politiknya.<sup>240</sup>

#### 4.1.2.1.1.2. Penyusunan semula Dewan Perwakilan Rakyat

Selepas *retooling* dilakukan di Kabinet, Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) hasil pemilihan raya umum pada tahun 1955 merupakan sasaran berikutnya. Meskipun Sukarno tidak dapat membuat perkara yang sama seperti tindakannya kepada pegawai-pegawai pemerintahan, tetapi beliau mewajibkan anggota-anggota Dewan supaya mengambil sumpah setia kepada UUD 45, malahan

---

<sup>238</sup> *Tool* yang dimaksudkan ialah sistem demokrasi Terpimpin dan strukturnya, manakala alam fikiran baharu dimaksudkan ialah alam revolusioner dengan Jiwa; Pancasila, UUD 45 dan Manipol.

<sup>239</sup> Feith. *The Decline of Constitutional Democracy*. hlm. 362.

<sup>240</sup> *Ibid.*

institusi rakyat ini mesti melepaskan haknya untuk melakukan penyelidikan dan hak mengajukan soalnya.

Kawalan Sukarno ke atas Majelis Permusyawaratan Rakyat (MPR) kemudian bertambah besar sejak dibubarkan institusi ini pada tarikh 5 Mac 1960. Pembubaran ini berlaku selepas DPR mengancam menolak penetapan bajet yang dimajukan oleh pemerintah. Selain membubarkan DPR pada ketika itu, Sukarno menyatakan bahawa bajet negara, yang dikenali sebagai Anggaran Pemerintah dan Belanja Negara (APBN), yang tidak dipersetujui oleh DPR akan diputuskan sendiri oleh pemerintah melalui sebuah Dekri dan menyatakan bahawa DPR yang Baru akan dibentuk dengan nama Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong (DPRGR). DPRGR akhirnya berdiri tiga bulan kemudian dan keseluruhan anggotanya dilantik sendiri oleh Sukarno. Usaha untuk menguasai institusi legislatif ternyata tidak berhenti sampai disitu.

Selepas melengkapkan tugas UUD 45 untuk membangunkan dua institusi perwakilan dengan membentuk MPRS di mana kedudukan anggota-anggotanya (diluar anggota DPR) adalah utusan-utusan daerah dan daripada golongan-golongan masyarakat termasuk juga perwakilan daripada parti politik.<sup>241</sup> Seterusnya, Sukarno menjadikan ketua DPR dan MPR sebagai pembantu-pembantu presiden. Manakala institusi yudikatif tertinggi, Mahkamah Agung (MA) sudah terlebih dahulu dikendalikan di bawah pemerintah ketika bulan Februari 1960 ketua Mahkamah Agung dilantik menjadi anggota Kabinet.<sup>242</sup>

#### **4.1.2.1.2 Penyusunan semula Struktur Bawah (infra structure)**

---

<sup>241</sup> John D. Legge. (1985). *Sukarno: Sebuah Biografi Politik*. Jakarta: Sinar Harapan. hlm. 358.

<sup>242</sup> Feith. *The Decline of Constitutional Democracy*. hlm. 362.

*Retooling* bidang politik dilakukan pula di sektor struktur bawah --infra struktur-- dengan sasaran utamanya adalah dunia kepartian. Apa yang dilakukan oleh Sukarno dalam *retooling* dunia kepartian diarahkan untuk melaksanakan penyederhanaan parti. Penyederhanaan parti yang sesungguhnya memiliki perkaitan erti dengan usaha mengurangi jumlah parti menjadi hasrat yang besar dalam fikiran dan jiwa Sukarno. Perkara ini wujud kerana Sukarno memiliki imej negatif ke atas tindakan parti-parti dan interaksi yang dilakukannya, tambahan pula Sukarno memiliki catatan tersendiri terhadap parti-parti yang ada, khasnya Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi) dan Parti Sosialis Indonesia (PSI), yang sudah berulang kali menolak idea Orde Terpimpinnya sejak awal. Dengan demikian, maka tidak menghairankan apabila Sukarno merombak *supra structure* kemudian menguatkuasakan perkara yang sama ke atas *infra structure*.

Perkara yang dapat dilakukan untuk memuaskan keinginan dalam merombak struktur bawah ternyata Sukarno tidak memiliki alasan moral yang mencukupi, selepas semua parti --kecuali Masyumi dan PSI-- bersedia bersetuju dengan rejim Sukarno yang baru. Ini kerana, beliau membuat secara terhad dengan hanya mengeluarkan Penetapan Presiden No.9 tahun 1959. Selain itu, Masyumi dan PSI, kedua-dua parti ini pula menolak PEN PRES No. 9 tersebut, maka Sukarno pada bulan Ogos 1960 mengeluarkan Penetapan Presiden No. 13 tahun 1960 yang mengandungi keputusan membubarkan Masyumi dan PSI. Dalam kesempatan ini, Sukarno mengancam memberikan *status* parti terlarang jika kedua-dua parti tersebut tidak berjaya membubarkan diri dalam jangka masa satu bulan. Tindakan permusuhan Sukarno kepada kedua-dua parti ini bukanlah

tindakan yang spontan dan tidak berangkai dengan sikap Sukarno sebelumnya. Tindakan ini lebih mencerminkan puncak ketidaksenangan Sukarno, kerana sejak awal, Sukarno telah mengumumkan bahawa dalam orde barunya, parti Masyumi dan PSI, termasuk Ikatan Perintis Kemerdekaan Indonesia (IPKI) tidak akan dilibatkandalam mengisi mesin atau alat-alat yang baru dan tidak akan dilibatkan dalam melaksanakan polisinya. Khususnya terhadap parti Masyumi dan PSI, kedua-dua parti ini telah menjadi sasaran daripada belbagai pihak yang tidak suka kepadanya. Apabila didapatkan program pemerintah yang tidak lancar dilaksanakan maka kedua-dua parti ini sudah biasa menjadi “*scape goat*”.<sup>243</sup>

Tindakan konfrontasi Sukarno kemudiannya mengharamkan terbitan media massa BPS (Badan Pendukung Sukarno). BPS yang dilihat “atas nama Sukarnoisme membunuh ajaran-ajaran Sukarno dan membunuh Sukarno sendiri”,<sup>244</sup> akhirnya menjadi sasaran asas “destruksi” Sukarno. Lebih lanjut dikatakannya bahawa;

”BPS menyangkut satu rancangan jahat...Maka daripada itu aku tidak ragu-ragu mengambil tindakan *menutup* semua akhbar-akhbar BPS. Aku juga mengingatkan, *janganlah* BPS-isme itu yang sudah dilarang di akhbar ini dan akhbar itu, diseludupkan masuk ke akhbar-akhbar lain, yang lama mahupun yang baru”.<sup>245</sup>

#### 4.1.2.2 Penyusunan struktur Akar Umbi

Peranti pemerintahan lain yang mahu dibentuk oleh Sukarno adalah Front Nasional. Keinginan Sukarno untuk membangunkan alat baru ini sebagai pengganti FNIB (Front Nasional Irian Barat) sebelumnya sudah disuarakan di

<sup>243</sup> Harian Abadi. 17 September 1960. hlm III., kol. 8-9.

<sup>244</sup> Sukarno. *Pidato Tahun 1965*. hlm.180.

<sup>245</sup> *Ibid.*



hadapan Parlimen pada 22 April 1959, dalam kesempatan tersebut Sukarno menyatakan bahawa "penubuhan Front Nasional baru terutama diniatkan untuk mengadakan alat penggerak masyarakat secara demokratis, yang diperlukan pertamanya dalam bidang pembangunan".<sup>246</sup> Pada pidato HUT Proklamasi tahun 1959, Sukarno menjelaskan dengan lebih lanjut tentang idea Front Nasional. Beliau menyatakan bahawa idea ini wujud daripada asas gotong royong "Holopis kuntul baris".<sup>247</sup> Dengan asas tersebut, seluruh tenaga rakyat dikumpulkan dan dijadikan satu gelombang tenaga yang tidak terkira besarnya menuju penyelesaian revolusi, menuju pembangunan suatu masyarakat yang adil dan makmur.

Front Nasional akhirnya dibentuk pada hari terakhir tahun 1959 iaitu pada tarikh 31 Disember 1959, melalui suatu Penetapan Presiden (PEN PRES) No.13 Tahun 1959. Menurut PEN PRES tersebut, tujuan dibentuknya Front Nasional adalah: (1) Menyelesaikan revolusi nasional Indonesia, (2) Melaksanakan pembangunan semesta nasional, dan (3) Mengembalikan Irian Barat ke dalam wilayah Republik Indonesia.<sup>248</sup>

#### **4.1.2.3 Penyusunan semula Struktur Ekonomi**

*Retooling* bidang ekonomi yang diarahkan untuk menjalankan idea Ekonomi Terpimpin menjadi sasaran besar yang lain bagi Sukarno. Dasar konstitusi daripada *retooling* ekonomi ini menurutnya adalah pasal 33 UUD 45 iaitu; perekonomian yang disusun sebagai usaha bersama berdasarkan landasan

---

<sup>246</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1959*. h. 129.

<sup>247</sup>*Holopis kuntul baris* (pepatah etnik Jawa) bersama beraturan mengikut pemimpin.

<sup>248</sup>Sekretariat Negara. *30 Tahun Indonesia Merdeka Jilid II*. hlm. 153.

kekeluargaan. Dengan demikian, tidak menghairankan apabila Sukarno memutuskan untuk tidak memberi jalan bagi ekonomi liberal. Amal daripada liberalisme menurut beliau telah menjadikan setiap orang diberi kesempatan untuk merampas kekayaan rakyat. Dalam *herordering* ekonomi tersebut, maka kehidupan ekonomi bangsa akan dipimpin, ekonomi bangsa akan dijadikan ekonomi terpimpin,<sup>249</sup> atau menurut istilah yang dikemukakan DPA, di bidang perekonomian, "negara memegang kedudukan Komando".<sup>250</sup>

Idea ekonomi terpimpin meskipun baru diperkenalkan pada penghujung masa peralihan ke era Demokrasi Terpimpin tetapi ternyata amalan ke arah itu telah dilakukan pada awal masa tersebut, iaitu dengan menasionalisasikan syarikat-syarikat Belanda pada tahun 1957. Peranan Sukarno dalam polisi tersebut, secara rasmi tidak kelihatan kerana yang bertanggungjawab adalah pihak eksekutif dibawah pemerintahan Kabinet Ali II. Sebaliknya, secara tidak rasmi, Sukarno menjadi jiwa dan tunjang dalam mengambil dan melaksanakan polisi ini. Dalam pra-konsepsi mengenai ekonomi terpimpin, ternyata ekonomi Belanda merupakan sasaran daripada strategi asas untuk mengendalikan eksploitasi daripada kekuatan-kekuatan bukan asli ke atas kekuatan perekonomian Indonesia. Tentu sahaja, dalam batasan seperti itu, Sukarno kemudian melakukan tindakan serupa ketika mengeluarkan keputusan untuk melarang orang-orang Cina berdagang di luar wilayah perbandaran. Selepas Dekri, tindakan di bidang ekonomi ini dipertegas dan diperluas dalam cadangan melakukan *retooling* ke atas alat-alat produksi dan distribusi.

---

<sup>249</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 116.

<sup>250</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 160.

Seperti yang diutamakan dalam melaksanakan penstrukturan semula dan penstrukturan politik, maka dalam bidang ekonomi, sasaran pertamanya adalah badan-badan usaha milik negara. *Retooling* di pelbagai syarikat negara ini ditandai oleh rombakan struktur dengan melakukan pemindahan dan pemecatan pegawai-pegawai yang dinilai bekerja tidak cekap, rutinisme, bersikap feodal dan juga yang dinilai telah melakukan rasuah. Usaha lebih lanjut yang dilakukan oleh Sukarno kepada syarikat-syarikat tersebut ialah perintah untuk membentuk Majlis-Majlis Syarikat, Produksi, Distribusi atau juga Komite Pembelian Padi. Institusi-institusi ini diberi tugas mengawal pencapaian sasaran-sasaran daripada pelaksanaan *retooling*. Berkenaan dengan perintah ini, Sukarno menyatakan;

”Untuk ini, saya kira baik jika di semua perusahaan-perusahaan negara, di semua PT-PT negara, dibentuk dewan-dewan, yang berkewajiban membantu pimpinan perusahaan untuk mempertinggi kuantitet (jumlah) dan kwalitet (mutu) produksi, dan untuk mengawasi kelompok pencoleng-pencoleng (pencuri), kelompok koruptor-koruptor, kelompok penipu-penipu, kelompok pencuri-pencuri kekayaan negara”.<sup>251</sup>

Sukarno secara tegas merealisasikan peraturan itu dengan melaksanakan tindakan-tindakan hukum ke atas para pengerusi syarikat negara yang dipandang telah mengacaukan ekonomi dan melakukan korapsyen.<sup>252</sup> Dengan prinsip negara memegang kedudukan komando, Sukarno menegaskan bahawa semua alat-alat penting daripada produksi dan distribusi mesti dikuasai negara, atau setidaknya diawasi oleh negara. Dengan demikian, pemerintah masuk dan mengawal dunia perdagangan dengan mengatur pemberian dan pemakaian lesen,

---

<sup>251</sup> *Ibid.*

<sup>252</sup> Harian Abadi. 20 Ogos 1960. hlm. I., kol. 3-4.

menetapkan harga bagi barang-barang keperluan utama, mengawal harga jual beli getah, gula dan beras, menetapkan kos tarif bus umum, hotel, restoran dan sebagainya.<sup>253</sup> Dalam kaitannya dengan polisi yang tidak diduga ini, Sukarno melakukan ancaman bagi sesiapa yang akan menjatuhkan perekonomian negara, untuk ini beliau menegaskan bahawa;

”Tidak boleh lagi berlaku, bahawa oleh kerana alat-alat vital itu tidak dikuasai dan diawasi oleh pemerintah, beberapa spekulasi atau beberapa profiteer (pencari faedah semata) dapat menggoncangkan seluruh ekonomi nasional kita, mengocor-kacirkan (mengacaukan) seluruh kebutuhan (keperluan) rakyat”.<sup>254</sup>

*Retooling* ekonomi pada sektor perdagangan merupakan tamparan hebat bagi para pedagang Cina yang menguasai rangkaian produksi dan distribusi barang dagangan, syarikat-syarikat dan pedagang-pedagang Barat yang kebanyakannya menguasai lesen dan bergerak dalam bidang eksport-import, dan tentu juga memberi kesan berat kepada para pengusaha pribumi.<sup>255</sup>

Dalam persiapan menghadapi masalah yang wujud daripada masa peralihan rombakan ekonomi ini, struktur bawah yang berhubungan secara langsung dengan rakyat dibentuk seperti kesatuan-kesatuan perkhidmatan pengagihan barang-barang keperluan utama. Pengagihan di kampung-kampung melibatkan para pengerusi *Rukun Kampung* dan *Rukun Tetangga* setempat. Cerminan daripada usaha pemerintah untuk menyediakan keperluan utama rakyat dalam jangkauan nasional, diperlihatkan dengan memasukkan program sandang-pangan sebagai program terkemuka dalam

---

<sup>253</sup> Feith. *The Decline of Constitutional Democracy*. hlm. 374.

<sup>254</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 113.

<sup>255</sup> Feith. *The Decline of Constitutional Democracy*. hlm. 374.

Kabinet Kerja Pertama yang dibentuk. Manakala bagi suatu program pembangunan ekonomi menyeluruh. Sukarno memberi tugas kepada Dewan Perancang Nasional (Depernas) untuk membuat perancangan pembangunan nasional, yang kemudian dikenali sebagai Rancang Pembangunan Nasional Semesta Berancang Lapan Tahun.

Dalam membangunkan Demokrasi Terpimpin dan Ekonomi Terpimpin, *retooling* dilihat sebagai satu cara yang kukuh untuk mengambil jalan pintas untuk mencipta suatu persekitaran yang menyokong bagi berdirinya sistem seperti itu dan bersih daripada adanya penentangan-penentangan.

#### **4.1.2.4 Penyusunan semula Aspek Sosial-Budaya**

Pelaksanaan *retooling* semakin meluas dan ketat dalam pelbagai bidang dan aspek. Bidang media cetak atau akhbar, kebudayaan dan pendidikan akhirnya menjadi sasaran. Untuk menjadikan bidang media cetak atau akhbar yang revolusioner dan menyokong, Sukarno mengadakan had dan sensor (pengesan) yang ketat terhadap kandungan berita yang dimuat dan mengambil tindakan pengharaman<sup>256</sup> ke atas semua surat-surat Badan Pendukung Sukarno (BPS) dan melarang *BPS-isme* dimuat dalam mana-mana akhbar. BPS yang dipandang "atas nama Sukarnoisme membunuh ajaran-ajaran Sukarno dan membunuh Sukarno sendiri",<sup>257</sup> akhirnya menjadi sasaran asas "destruksi" Sukarno. Terhadap tindakannya ini Sukarno menyatakan;

---

<sup>256</sup> *Breidel* (bahasa Belanda) bererti pengendalian atau pelarangan penerbitan ke atas media cetak.

<sup>257</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm.180.

”Jika diingat bahawa ”BPS” itu menyangkut rancangan jahat jelaslah bahawaselain soal kriminalitas politik seperti memecah belah-belah persatuan nasional, mengacau-balaukan pengertian Nasakom, dan lain-lain, ”BPS” juga tersangkut perkara kriminalitas biasa. Maka daripada itu aku tidak ragu-ragu mengambil tindakan menutup semua suratkabar-suratkabar ”BPS”. Aku juga mau peringatkan, janganlah ”BPS”-isme itu yang sudah dilarang di koran ini dan koran itu, diselundupkan masuk ke koran-koran lain, yang lama mahupun yang baru!”<sup>258</sup>

*Retooling* mental-ideologi merupakan sasaran lain yang sangat penting.

Dengan tujuan untuk menghilangkan aliran pemikiran liberal dan feudal, Sukarno memusatkan pelaksanaannya di pelbagai institusi pendidikan daripada yang terendah hingga yang tertinggi. Dengan demikian, institusi-institusi pendidikan menjadi sarana sebagai tempat pengubatan fahaman atau sebagai tempat ”cuci otak” bagi mereka yang berfikiran tidak revolusioner. Berdasarkan tujuan ini, telah dilakukan aktiviti membanteras buku-buku yang mengandungi ajaran-ajaran barat dan menggantikannya dengan buku-buku Marxisme atau juga buku-buku lain yang berkaitan tentang ajaran sosialisme. Sejajar dengan tindakan ini, Sukarno melakukan *retooling* dalam bidang kebudayaan dengan membanteras muzik *Beatle*, novel pulpa dan melarang memainkan filem-filem Barat. Kerana melalui media-media ini *penetration pacifique* kebudayaan Barat berjalan dan boleh melemahkan revolusi dan keperibadian nasional.<sup>259</sup>

### 4.3 Rumusan

Dasar dan tindakan Indonesia pada masa 1959 hingga 1965 di bawah kuasa Sukarno memiliki karakteristik konfrontatif terhadap kuasa penjajah dan neopenjajah dan kesannya di dalaman. Konfrontasi yang dilakukan adalah secara

---

<sup>258</sup> *Ibid.*

<sup>259</sup> Majalah Minggu Pagi. 2 Mei 1965. No.5 Tahun ke XVIII. Hlm. 24.

sengit, terbuka dan frontal dengan semangat yang bergelora dan tiada kenal erti putus asa. Sukarno menuntut pandangan semula ke atas sistem antarabangsa yang tidak adil dan bersifat memeras menjadi satu sistem yang adil dan saling membantu antara satu sama lain, yang menyokong nilai-nilai kemanusiaan yang *universal*. Pada asasnya konfrontasi Sukarno ditujukan ke atas pihak-pihak luar yang mengukuhkan dan turut sertadalammenentang keburukan daripada sistem antarabangsa. Di dalaman, Sukarno berupaya menubuhkan sistem politik dan pemerintahan yang anti-kolonialisme dan neokolonialisme dan melakukan konfrontasi kepada sesiapa yang menentangnya.

Selepas menghuraikan dasar dan tindakan Sukarno yang konfrontatif ini, maka dalam bab seterusnya iaitu bab 5 akan membincangkan tentang kategori dan tema kepercayaan sebelum (*prior beliefs*) dan persepsi sebagai kepercayaan semasa (*present beliefs*).

## BAB 5

### KEPERCAYAAN DAN PERSEPSI SUKARNO

#### 5.0 Pendahuluan

Dalam pidato-pidato yang telah dihasilkan oleh Sukarno, beliau banyak mendedahkan wawasan-wawasannya tentang keadaan antarabangsa yang menjadi sebab daripada permasalahan di luar dan di dalam negara. Pandangan-pandangan Sukarno ini berkaitan dengan dunia untuk tempoh masa sebelumnya yang telah membangunkan kepercayaannya dan dunia semasa yang dipersepsikan.

Bab ini mendedahkan aspek kognisi daripada Sukarno yang meliputi kepercayaan dan persepsi. Kepercayaan daripada Sukarno berkaitan dengan kepercayaan sebelum *prior beliefs* atau *pre-existing beliefs* yang berkaitan dengan hakikat daripada dunia secara abstrak, bersifat sejarah dan asas. Manakala persepsi daripada Sukarno ialah kepercayaan semasa *current beliefs* atau *present beliefs* yang berkaitan dengan pemaknaan evaluatif ke atas sesuatu objek semasa.

#### 5.1. Kepercayaan

Kepercayaan Sukarno merujuk kepada erti bahawa dalam sistem kepercayaannya terdapat anggapan hakiki dan atribut daripada keadaan dunia dan perilaku pelaku-pelakunya. Terdapat anggapan-anggapan dasar dan cadangan-cadangan tentang hakikat kehidupan, keadaan dan pelbagai peristiwa politik. Selain itu, dalam kepercayaan Sukarno juga terdapat pandangan-pandangan tentang jalan atau cara yang sesuai dengan pandangan hakiki beliau.



Jika dipelajari secara seksama, pada tempoh 1959-1965, sesiapa musuh- musuh ideologi Sukarno di dalaman yang disebutnya sebagai pengamal ajaran liberalism dan pendukung demokrasi berparlimen maka utamanya akan merujuk kepada Hatta. Sukarno mahupun Hatta sama-sama memiliki kepercayaan falsafah yang antikolonialisme dan imperialisme dan sama-sama berjuang untuk terbentuknya Indonesia Merdeka tetapi mereka berbeza dalam menafsirkan keberlakuan suatu revolusi, Sukarno berpendapat bahawa revolusi tidak pernah selesai manakala Hatta masa revolusi ada hadnya.<sup>260</sup>

Dalam kepercayaan falsafah Sukarno, sifat antikolonialisme dan imperialismenya merentang hingga ke anti-neokolonialisme manakala Hatta tidak sampai kepada anti-neokolonialisme. Jika di dalam kepercayaan falsafah antara Sukarno memiliki banyak kesamaan dan sedikit perbezaan tetapi dalam kepercayaan instrumentalnya, iaitu cara mencapai kemerdekaan dan pasca kemerdekaan, kedua-dua pemimpin ini memiliki pandangan yang berbeza jauh.

Perbezaan pemikiran kedua-dua orang ini sudah terbentuk pada masa jauh sebelum proklamasi kemerdekaan, dimana mereka berbeza pandangan mengenai jalan yang akan digunakan dalam menghadapi penjajah Belanda (dan negara-negara Barat lainnya di kemudian hari), kompromi (Hatta) atau tidak kompromi (Sukarno). Namun, permusuhan tersembunyi diantara keduanya berkaitan dengan perbezaan pilihan pelaksanaan sistem pemerintahan, sistem presiden dalam sistem demokrasi yang terpusat dimana adanya peran kepemimpinan yang kuat

---

<sup>260</sup> Wawan Tunggal Alam. 2003. Pertentangan Sukarno VS Hatta. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. hlm. 461-464.

(*fuhrerstaat*) yang dipegang oleh Sukarno dan sistem parlimen dalam sistem demokrasi yang berasas pada kedaulatan rakyat yang dipegang oleh Hatta).<sup>261</sup> Meskipun secara UUD 45 Hatta setuju dengan sistem presiden tetapi dalam masa tiga bulan setelah proklamasi kemerdekaan RI, Hatta yang berkedudukan sebagai wakil presiden bersama Syahrir berhasil memberlakukan sistem parlemen di Indonesia pada 18 November 1945.

### 5.1.1 Kepercayaan Falsafah

Sukarno sejak awal dikenali sebagai penganut Kejawen.<sup>262</sup> Tidak menghairankan dari sudut falsafah, kepercayaan Sukarno tertumpu di atas anggapan bahawa hakikat keadaan dan peristiwa-peristiwa dalam kehidupan manusia tertumpu pada pertikaian antara kekuatan baik dengan buruk. Pertikaian dicetuskan oleh sifat tamak yang wujud. Tamak adalah salah satu sifat jahat yang melekat dalam diri manusia.

Gambaran dan kepercayaan ini menjadi kukuh dalam keadaan dan suasana seharian penjajahan Belanda terhadap tanah Jawa dan tanah-tanah di dalam wilayah Hindia-Belanda lainnya, yang kemudian dikenali sebagai Indonesia. Dalam pandangan Sukarno, kekuatan jahat berasal daripada luar, khususnya bermula dan bersumber daripada kolonialisme Belanda.

Melalui pidato-pidatonya dari tahun 1959 hingga 1965, gambaran tentang hakikat peristiwa dalam kehidupan politik bermula dengan ungkapan

<sup>261</sup> Alam. Pertentangan Sukarno VS Hatta. hlm. 163-174.

<sup>262</sup> Kepercayaan orang Jawa (Kejawen) berasal dari Hinduisme. Melalui cerita boneka (Mahabrata, Bharatayudha dan Ramayana) terdapat pandangan bahawa kehidupan, khususnya konflik, adalah perjuangan bagi kekuatan-kekuatan yang baik dengan jahat. Daripada Islam, yang turut mempengaruhi budaya orang Jawa, imej dan kepercayaan seperti itu menjadi semakin kuat, kerana ajaran Islam berkaitan dengan hal ehwal kebenaran (hak) yang bersumber pada Allah dengan kemungkaran (batil) yang dipelopori iblis.

Sukarno yang menyatakan bahawa sejarah umat manusia dalam kurun ke 20 adalah sejarah bangkitnya budi nurani (mata hati) manusia.<sup>263</sup> Pada era ini negara-negara terjajah telah semakin sedar terhadap keadaan dirinya yang dieksploitasi oleh bangsa lain sehingga berupaya bangkit untuk mengubah masa lalunya, mencapai hak-hak dan kemerdekaan negaranya. Selama ini, negara-negara yang sedang bangkit telah dijajah dan diasingkan dalam suatu keseimbangan dunia yang berasaskan kepada hegemoni, penjajahan, penindasan, dan penghisapan terhadap lebih daripada 2 juta manusia oleh lebih kurang daripada 500 juta manusia.<sup>264</sup>

Tindakan balasan terhadap ketidakadilan ini telah menyebabkan majoriti daripada keseluruhan umat manusia di muka bumi ini berada dalam suatu revolusi besar yang disebut Sukarno sebagai "the revolution of mankind". Revolusi umat manusia ini pada hakikatnya merupakan *a revolution of rising demands* (revolusi tuntutan yang semakin meningkat).<sup>265</sup> Malahan dikatakan sebagai "*a revolution of exploding demands* (revolusi meletop permintaan)".<sup>266</sup>

Namun, Sukarno sememangnya menyedari bahawa perjuangan kemerdekaan tidak selalu berjalan dengan lancar kerana para penjajah tidak akan secara sukarela melepaskan tanah jajahannya. Malah seperti yang dilakukan oleh *Oldefos* yang disebut oleh Sukarno sebagai kekuatan yang

---

<sup>263</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 111.

<sup>264</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 38.

<sup>265</sup>*Ibid.* hlm. 16.

<sup>266</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 112.

”tamak” dan “jahat”,<sup>267</sup> kumpulan negara ini tidak sahaja menindas dengan kejam setiap gerakan kemerdekaan tetapi juga usaha merebut dan menghancurkan semula kemerdekaan yang telah dicapai.<sup>268</sup> Dengan menjalankan sistem penjajahan moden, sesebuah negara yang melakukan penjajahan tidak akan dapat dilihat secara lansung akan aktiviti yang dilakukan terhadap negara jajahan, tetapi mampu membuatkansesebuah negara sasaran bergantung dan dikendalikan secara politik-ideologi, ekonomi dan budaya.<sup>269</sup> Dengan adanya bentuk penjajahan baru ini maka Sukarnomenyifatkan pertengahan kurun ke 20 sebagai kurun imperialisme modendan *Kapitalisme monopool*.<sup>270</sup>

Pada tahun 1960an, bentuk barudaripada penguasaan itu dinamakan sebagai Neo-kolonialisme oleh Sukarno dan dianggap lebih berbahaya daripadakolonialisme lama;

”Ada dua faktor yang menyebabkan neo-kolonialisme itu lebih berbahaya daripadakolonialisme model lama. Pertama, karena cara-cara maupun praktek-prakteknya belum cukup dikenal oleh rakyat, artinya, rakyat belum cukup mempunyai pengalaman dengan sistem baru itu. Kedua, karena penjajah yang sesungguhnya, seringkali tidak jelas kelihatan, sebab, neo-kolonialisme itu adalah penjajahan, yang orang katakan penjajahan *by proxy*, penjajahan *by remote control*, penjajahan dari jauh.”<sup>271</sup>

Dengan wawasan seperti kenyataan di atas, Sukarno secara tekal percaya dan beranggapanbahawasesungguhnya ancaman terhadappendamaian di dunia bersumberkandaripada negara-negara kapitalis Barat yang

---

<sup>267</sup>*Ibid.* hlm. 107.

<sup>268</sup>*Ibid.* hlm. 98.

<sup>269</sup> Ini yang kemudian diniat Soekarno sebagai Neokolonialisme.

<sup>270</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 124.

<sup>271</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 186.

seringberusaha menguasai sumber-sumber ekonomi di dunia, bukannya terletak pada perang dingin.<sup>272</sup> Ini terbukti bahawadetente (pengenduran)Timur-Barat dirasakan agak melonggarkan permusuhan Soviet dengan AS. Di atas kepercayaan tersebut, Sukarnomewujudkan wawasan antarabangsa yang mengejutkan banyak pihak, di mana beliau menyatakan, "...sesungguhnya dunia terbagi ke dalam dua kubu yang saling bertentangan; *Nefos* dengan *Oldefos*."<sup>273</sup>

Melalui pembahagiantersebut, Sukarno hendak menunjukkan bahawa Teori Tiga Kubusudah ketinggalan zamandan bersifat sementaramanakala Teori Dua Kubu tetap sesuai dengan keadaan zaman semasa kerana "Kolonialisme dan Imperialisme belum mati!"<sup>274</sup>

### 5.1.2 Kepercayaan Instrumental

Perkataan yang sering diucapkan oleh Sukarno dalam membuat gambaran umum tentang pergolakan dan konflik dunia (luaranataudi dalaman) dan jalan untuk menghadapinya adalah perkataan "revolusi". Perkataan ini, boleh dijumpai digunakan secara berulang kali hampir pada setiap halaman daripada helaian pidatonya. Penafsirannya terhadap perkataan revolusi bukan sahaja mengandungi huraian mengenai pemahaman tentang hakikat revolusi tetapi juga mengandungi huraian mengenai perjalanan suatu

<sup>272</sup>Sukarno. Pidato di hadapan Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1960.

<sup>273</sup>Yang dimaksudkan oleh Sukarno sebagai Teori Dua Kubu adalah*Nefos* merupakan singkatan dari *New Emerging Forces* yang terdiri dari negara-negara atau bangsa-bangsa yang tertindas dan progresif. Meliputi bangsa-bangsa Asia, Afrika. *Oldefos*yang dimaksudkan ialah *Old Established Forces* iaitu Bangsa Bangsa Penindas.Teori Tiga Kubu iaitu Barat, Timur dan Berkecuali.

<sup>274</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 98. Teori Tiga Kubu/Kekuatan membagi dunia secara politik ke dalam Blok Timur, Blok Barat dan Non-blok Relevansinya menurut Sukarno sudah hilang sejak dicanangkannya politik *peaceful coexistency* oleh Krushev.

revolusi dan aktiviti dalam melakukannya. Dengan menggunakan perkataan ini, Sukarno kelihatan berupaya membangunkan satu landasan yang dapat dijadikan pedoman dalam menakrifkan kepercayaan asas ke dalam kepercayaan instrumental, yang menjadi pedoman dalam bertindak.

Hakikat suatu revolusi menurut Sukarno ialah “*reject yesterday, build tomorrow*” (gagal semalam, membangun esok).<sup>275</sup> Untuk lebih menerangkan penafsirannya mengenai revolusi, Sukarno menyatakan bahawa revolusi adalah peperangan menentang “keadaan yang tua” untuk menzahirkan “keadaan yang baru”.<sup>276</sup> Revolusi dijalankan melalui beberapa siri kegiatan yang bersifat *destructive* dan *constructive*, iaitu; mengubah, memecahkan, menghancurkan atau membinasakan daripada semua yang tidak disukai dan membangunkan segala perkara yang disukai.<sup>277</sup> Sedangkan watak konstruktifnya diibaratkan sebagai tindakan seorang bidandalam suatu kelahiran.

Sebagai suatu rangkaian kegiatan destruktif dan konstruktif, revolusi dalam pemahaman Sukarno terdiri daripada kegiatan konstruktif yang disebut beliau dalam bahasa Belanda sebagai *herordening*. *Herordening* ialah membangunkan suatu susunan (*order*) baru yang mampu menjadi sarana pencapaian bagi tujuan revolusi. Tanpa *herordening* yang berperanan sebagai “tiang utama revolusi” maka revolusi akan *ambles* (tenggelam) ditengah jalan.<sup>278</sup> Sukarno sangat meyakini bahawa revolusi kurun ke 20 yang

---

<sup>275</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 139.

<sup>276</sup>*Ibid.* hlm. 151.

<sup>277</sup>*Ibid.*

<sup>278</sup>*Ibid.* hlm. 117.

dikatakan sebagai “...kurun revolusi multi-kompleks yang ”memborong” beberapa soalan sekaligus,<sup>279</sup> atau kurun*exploding demands*<sup>280</sup> yang tidak boleh dijalankan dengan cara-cara dan alat-alat yang lama.<sup>281</sup> Berkenaan dengan ini, maka Sukarno memperkenalkan istilah *retooling* yang diartikan sebagai “menggantikan sarana-sarana, alat-alat dan pegawai-pegawai yang tidak sesuai lagi dengan fikiran Demokrasi Terpimpin dengan sarana-sarana (medium), alat-alat dan pegawai-pegawai baru yang lebih sesuai dengan pandangan baru”.<sup>282</sup>

Tugas daripada Revolusi Indonesia menurut Sukarno adalah menanggung Amanat Penderitaan Rakyat untuk mencapai “Sosialisme Indonesia” seperti yang terkandung dalam mukadimah UUD 45. Banyak perkara, bahan dan semangat yang diperlukan dalam usaha ke arah mewujudkan tujuan tersebut. Salah satu langkah awal daripada pemerintahan Sukarno yang sesuai dengan ayat-ayat pertama mukadimah daripada UUD 45 adalah penentangan terhadap penjajahan seperti yang dikatakannya, ”Revolusi kita antara lain adalah menentang imperialisme dalam segala bentuk dan manifestasinya”. Dalam pemahaman seperti ini, maka tepat sekali Sukarno mengangkat masalah penyelesaian penjajahan Belanda atas Irian Barat dalam salah satu program Kabinet pertamanya. Bagi Sukarno, masalah penyelesaian Irian Barat dinilai amat mendesak sebelum usaha-usaha lain dalam menuju Sosialisme Indonesia. Berdasarkan perkara ini, beliau menyatakan;

---

<sup>279</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 132.

<sup>280</sup>*Ibid.* hlm.107-108.

<sup>281</sup>*Ibid.* hlm.107-108.

<sup>282</sup>*Outlook* baharu yang dimaksudkan adalah visi yang dibingkai oleh Revolusi, UUD 45, Pancasila, Manipol-USDEK

”Tak dapat kita mengambil manfaat seratus persen daripada kekayaan bumi dan air kita sendiri, kalau imperialisme ekonomi dan imperialisme politik masih bercokol di tubuh kita, laksana lintah yang menghisap darah, atau kempladean (benalu) yang membinasakan *pohon*”.<sup>283</sup>

Dengan pertimbangan seperti itu, maka pembebasan Irian Barat dianggap sebagai tuntutan nasional secara mutlak, bukan semata-mata tuntutan kebendaan sahaja tetapi juga cerminan daripada tuntutan rasa kebangsaan Indonesia, rasa *dignity of man*.<sup>284</sup>Dimana satu tahun sebelumnya beliau berkata bahawa pembebasan Irian Barat dapat menjadi asas bagi *nation building*(pembangunan nasional),malahan dapat juga menjadi asas bagi *character building*(pembangunan karakter) bangsa Indonesia.<sup>285</sup>

Sebagai tuntutan nasional, pembebasan Irian Barat tidak lagi dapat dicapai melalui jalan kerjasama atau diplomasi persuasif --diistilahkan oleh Sukarno sebagai “politik ajakan manis”--, tetapi mesti melalui perjuangan nasional.<sup>286</sup>...secara revolusioner menurut bahasa tersendiri, iaitu Revolusi Nasional Indonesia”.<sup>287</sup>Dalam wawasan Sukarno, perjuangan nasional hakikatnya berkaitan dengan persoalan kekuatan, berkaitan juga dengan persoalan *machtvorming en machtsaanwending* (membina kekuatan dan menggunakan kekuatan).<sup>288</sup>Ini merupakan persoalan perjuangan dan bukannyapersoalan mengemis. *Man betelt nicht um ein Recht um ein Recht*

<sup>283</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 122.

<sup>284</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 86.

<sup>285</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 59.

<sup>286</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 168. Malahan Sukarno sudah menyarankan supaya pemerintahan parlimen mengubah cara dalam menghadapi Belanda dengan terma Teras Baru (New Terrace)

<sup>287</sup> *Ibid.* hlm.170.

<sup>288</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 35.



*kampft Man* --hak tidak dapat diperoleh dengan mengemis, hak hanya dapat diperoleh dengan perjuangan.<sup>289</sup>

Pembincangan untuk mencapai kejayaandalam menyelesaikan masalah Irian diungkapkan lebih lanjut bahawa;

”Revolusi justru mengingkari aksara, persetujuan antarabangsa tidak bererti satu barang yang langsung dan abadi, ia mesti memberi kemungkinan untuk setiap waktu menghadapi revisi. Apalagi jika persetujuan itu mengandung unsur-unsur ketidakadilan --di bidang politikkah, di lapangan ekonomikah, di lapangan tenterakah--, maka wajib persetujuan tersebut direvisi pada waktu perimbangan kekuatan berubah. Misalnya penjajahan terhadap bangsa lain, meski tadinya disetujui di dalam suatu perjanjian antarabangsa sekalipun, tak dapat diterima sebagai suatu hukum yang mutlak abadi, yang dibenarkan terus menerus sampai ke akhir zaman. Tidak!, ia mesti dicela setajam-tajamnya, ditentang mati-matian, ditiadakan selekas mungkin. Tidak boleh kita membiarkan langgeng dan abadi suatu hukum yang berdasarkan penguasaan si lemah oleh si kuat”.<sup>290</sup>

Apabila Irian Barat sudah berada tangan Republik Indonesia, Sukarno mula menempatkan semboyan konfrontasi secara berterusandalam pidato Proklamasi pada tahun 1963. Pemikiran ini wujud pada tahun pertama penolakannya terhadap rancanganPenubuhan Persekutuan Malaysia, dalam konteks ini Sukarno menghuraikan keyakinannya tentang konfrontasi secara berterusan dan keperibadian nasional sebagai landasan revolusi. Konfrontasi merupakan karakteristik yang sangat dititik beratkandalam pemerintahan Sukarno, dan menjadi jalan yang dipilih sejak awal untuk menghadapi pelbagai penentangan terhadap rejimnya, sekaligus untuk memperlihatkan kebenaran terhadap dirinya. Pada masa tersebut, meskipun istilah konfrontasi belum dikenali tetapi

---

<sup>289</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 169.

<sup>290</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 99.

falsafah bahawa revolusi adalah suatu kesinambungan sudah dikemukakan sejak awal zaman pemerintahannya.<sup>291</sup>

Dengan demikian, mestinyaboleh dijangka ketika Sukarno menetapkan bahawa konfrontasi diteruskankerana mencerminkan konsistensi Sukarno terhadap falsafah revolusionernya. Antaranya mengenai penerusan konfrontasi, diturunkan oleh Sukarno daripada falsafah *history is a continuity* melalui transformasi yang menjadi *revolution is a continuity*(revolusi adalah berkesinambungan).<sup>292</sup>

Revolusi Indonesia selepas masalah Irian Barat, dikatakan telah memasuki suatu fasa baru iaitu suatu fasa yang tidak lagi hanya *fight to survive*(berjuanguntuk terus hidup) tetapi sudah berkaitan dengan kemajuan-kemajuan, yang dinamakan sebagai fasa ”*selfpropelling growth*(pertumbuhandorongandiri)”.<sup>293</sup> Dalam fasa ini, konfrontasi tetap menjadi fakta harian kerana revolusi adalah satu rangkaian panjang daripada satu konfrontasi ke konfrontasi yang lain. Selesai satu konfrontasi, konfrontasi yang lain akan wujud.<sup>294</sup> Oleh sebab itu, seseorang tidak boleh berhenti di tengah jalan ”*you cannot leave history; you also cannot leave a revolution*”,<sup>295</sup> ”siapa mandeg (berhenti), hancur!”.<sup>296</sup>

Tumpuan kekuatan utama yang dipercayai oleh Sukarno dalam menjalankan revolusi adalah berpadunya segala potensi dan kekuatan yang

---

<sup>291</sup>Prinsip bahawa revolusi adalah suatu kesinambungan mahupun konfrontasi sebagai kesinambungan telah dinyatakan dalam Pidato tahun 1959 dan tahun 1960.

<sup>292</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 91.

<sup>293</sup>*Ibid.*.

<sup>294</sup>*Ibid.* hlm. 92.

<sup>295</sup>*Ibid.* hlm. 91.

<sup>296</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 139.

ada. Pemusatan kekuatan nasional dianggapnya sebagai modal utama daripada setiap revolusi nasional, tanpa gotong royong, perjuangan menggempur imperialisme dan kapitalisme tidak akan menang.<sup>297</sup> Sebagai modal asas revolusi, pemusatan kekuatan tidak hanya terbatas pada potensi yang terdapat dalam lingkungan nasional tetapi juga ditujukan terhadap potensi yang mungkin diperoleh dari dunia antarabangsa. Dalam konteks falsafah revolusi ini, Sukarno berfikir bahawa seluruh dunia merupakan suatu sumber tenaga revolusi yang besar, suatu gudang letupan revolusioner yang amat luas.<sup>298</sup>

Dalam kaitannya dengan prinsip ini, dalam pidato tahun 1965 Sukarno menyatakan salah satu usahanya dalam mencari sokongan antarabangsa terhadap konfrontasinya dengan Malaysia;

“Disinilah letak pentingnya Conefo karena melalui Conefo itu kita akan menggalang (mengimpal) ”*samenbundelling van alle internationale revolutionaire krachten*” (menyatukan seluruh kekuatan revolusioner antarabangsa) yang kusebut juga ”Nasakom Antarabangsa”, --gabungan daripada negara-negara nasionalis, negara-negara agama dan negara-negara komunis di dalam skala dunia, untuk melabrak babak-belur (mendera) hancur-lebur Nekolim, untuk membangun dunia kembali, membangun dunia baru --dunia tanpa imperialisme dan tanpa eksploitasi”.<sup>299</sup>

Semasa politik konfrontasi terhadap Malaysia yang ditingkatkan hingga ke penubuhan Dwikora, Sukarno menambah dasar-dasar kepercayaannya ke atas jalan konfrontasi dalam memperjuangkan suatu revolusi. Jalan yang ditempuhnya itu disandarkan pada ajaran Islam sebagaimana yang disabdakan

---

<sup>297</sup>*Ibid.* hlm. 156.

<sup>298</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 145.

<sup>299</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 185.

Nabi Muhamad saw, yang berbunyi; “*Inailaha la yu ghayiru ma bikaumin, hatta yu ghayiru ma biamfusihim*”, artinya; ”Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu bangsa, sebelum bangsa itu mengubah nasibnya sendiri”. Terhadap hadis ini dikatakannya, ”Firman Tuhan inilah *gitaku*(lagu), firman Tuhan inilah mesti menjadi pula *gita* (lagu)-mu”.<sup>300</sup>

### 5.1.3 Rumusan

Mengikuti kepercayaan falsafah, Sukarno memandang hakikat kehidupan ialah konflik yang bersumber kepada perebutan sumber-sumber ekonomi di mana kekuatan ekonomi kapitalis berusaha menguasai sumber-sumber ekonomi yang jarang terdapat di negara-negara lain. Kejayaan kekuatan kapitalis untuk menguasai sumber-sumber ekonomi telah menyebabkan dunia dibina dalam hubungan yang berasaskan pada hegemoni, penjajahan, penindasan dan eksploitasi.

Perjuangan bangsa-bangsa yang dibelenggu oleh kekuasaan penjajah dan imperialis ini telah mengakibatkan dunia pada kurun ke 20 menjadi kurun bangkitnya kesedaran manusia untuk melakukan revolusi kemerdekaan. Revolusi rakyat yang dilakukan oleh banyak bangsa-bangsa dijajah tersebut, menurut Sukarno telah menjadikan revolusi ini sebagai revolusi daripada tuntutan yang meletup.

Namun, Sukarno sedar bahawa keluar daripada belenggu kolonialisme dan imperialisme selalu akan dihalangi oleh negara-negara penjajah dan imperialis. Kejayaan bangsa-bangsa untuk keluar daripada penjajah tidak bererti imperialisme

---

<sup>300</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 155. *Gita* bererti lagu.

telah hilang daripada wilayahnya. Dengan jalan baru yang wujud iaitu imperialisme moden dan monopoli kapitalis, kapitalisme masih dapat bergerak dengan bebas untuk kekal melakukan pemerasan di negara-negara lain.

Ketika kapitalisme dapat berjalan secara efektif melalui proksi sama ada melalui kawalan jauh, maka Sukarno menyebutnya sebagai neo-kolonialisme dan dipandang lebih berbahaya daripadakolonialisme tua. Kerana ini, kemudian Sukarno menyatakan bahawa kolonialisme dan imperialisme belum mati dan melancarkan wawasan dunia yang membahagikan dunia ke dalam dua himpunan, iaitu *Oldefos* dan *Nefos*.

Menurut kepercayaan instrumental Sukarno, revolusi bangsa Indonesia antara lain adalah menentang imperialisme dalam segala bentuk dan manifestasinya. Berdasarkan kesedaran bahawa kekuatan penjajah dan imperialis tidak akan pernah melepaskan belenggu penguasaannya dan kepercayaan bahawa hak tidak dapat diperoleh dengan mengemis, tetapi hak (kemerdekaan) hanya dapat diperoleh dengan perjuangan, maka Sukarno berkeyakinan jalan keluar daripada masalah ini ialah melakukan perjuangan revolusioner yang melibatkan penggalangan dan penggunaan kekuatan yang bersifat progresif-revolusioner.

Untuk berjaya dalam perjuangan terhadap imperialisme dan kapitalisme, maka prinsip gotong royong mesti ditegakkan. Sebagai modal asas daripada revolusi, tumpuan kekuatan tidak hanya terhad kepada potensi yang ada dalam linkungan nasional tetapi juga ditujukan terhadap potensi yang mungkin dapat diperoleh daripada dunia antarabangsa. Dalam konteks falsafah

revolusinya, Sukarno berfikir bahawa seluruh dunia merupakan suatu sumber tenaga revolusi yang besar, suatu gudang letupan revolusioner yang amat luas.

Sukarno yang berpendapat bahawa revolusi kurun ke 20 yang dikatakan sebagai “kurun revolusi multi-kompleks yang ”memborong” beberapa soalan sekaligus, atau kurun *exploding demands* yang tidak dapat dijalankan dengan cara-cara dan alat-alat yang lama. Revolusi tidak boleh ditangani secara sebahagian sahaja “liter per liter” tetapi mesti dengan jalan revolusioner secara besar-besaran, supaya berjaya merombak keadaan lama, sama ada berupa semangat mahupun bahan-bahan. Oleh sebab itu, mesti melibatkan rakyat kerana ”Tidak ada satu perubahan besar dalam masyarakat dunia akhir-akhir ini, yang lahir tidak kerana ”*massa actie*”. *Massa actie* menurut Sukarno, sentiasa menjadi penghantar pada masyarakat tua melangkah ke dalam masyarakat baru”. Bagi dirinya, rakyat adalah kunci daripada suatu revolusi, ”tanpa penyertaan atau berevolusinya seluruh rakyat maka revolusi tidak akan berjalan ke arah tujuan”.

Bersuaian dengan kepercayaan falsafahnya bahawa revolusi ialah *reject yesterday, build tommorrow*, Sukarno mengemukakan bahawa revolusi mengandungan siri kegiatan yang bersifat *destructive* dan *constructive*, iaitu; merombak, memecahkan, menghancurkan atau membinasakan daripada semua yang tidak disukai dan membangunkan segala perkara yang disukai. Selain itu, berdasar kepada falsafah ”*history is a continuity*” yang ditransformasikan menjadi ”*revolution is a continuity*”, Sukarno menjalankan konfrontasi berterusan selepas kejayaannya menyatukan Irian Barat ke dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia.

## 5.2 Persepsi

Persepsi daripada Sukarno boleh dikenali melalui penafsiran atau juga penakrifan terhadap persekitaran semasa. Berkenaan dengan dasar dan tindakan konfrontasinya, persepsi daripada Sukarno ini pada asasnya ialah persepsi ancaman tentang persekitaran semasa yang dipandangnya tidak mesra hingga mengancam (*threat perception*).

Untuk mengenal persepsi Sukarno maka dibawah ini akan distrukturkan ke dalam persepsi bahawa persekitaran luar sebagai tidak mesra dan persekitaran di dalam sebagai tidak mesra.

### 5.2.1 Persepsi bahawa Persekitaran Luar Tidak Mesra

Sukarno memandang sebahagian besar daripada bangsa-bangsa di dunia ini (di mana Indonesia termasuk dalamnya) dihadapkan pada bahagian lain daripada dunia yang sama, yang memusuhinya. Sumber permusuhan ini berasal daripada polisi imperialis dan penjajah yang tidak mesra terhadap sebahagian besar umat manusia daripada kelompok-kelompok non-barat. Penjajah dan imperialis merupakan *trouble maker* (pembuat masalah) bagi negara-negara terjajah, semi terjajah dan bekas terjajah di benua-benua Asia, Afrika dan Amerika (Latin).

Dasar daripada imperialis dan penjajah melahirkan tindakan-tindakan yang dinilai sebagai tindakan penindasan dan pemerasan (*exploitation*). Dalam pandangan Sukarno, sifat dunia yang tidak mesra ini sentiasa dipertahankan oleh pihak imperialis. Untuk menyokong pandangan ini, Sukarno mengenali peristiwa-

peristiwa perjuangan pasca kemerdekaan yang berlaku di pelbagai bahagian dunia yang berjalanbersamaan dengan perjalanan hidupnya. Sukarno menyatakan; “...di Brazilia pemerintah Goulart mereka gulingkan, terhadap cubaan terus menerus mereka melancarkan pelbagai serangan, di Konggo mereka dudukkan Tsombe, ke Asia Tenggara mereka *tumplekkan* (tumpahkan) satu perempat juta tentera asing”.<sup>301</sup>

Selepas keluarnya penjajah Perancis daripada benteng terakhirnya “Dien Bien Phu” pada tahun 1954, kawasan Asia Tenggara, khususnya Indo Cina tidak langsung menikmati masa-masa damai. Perkara ini kerana, ironinya, pemerintahan AS bawah kuasa Johnsons dengan alasan moral dan strategi penyekatannya (*containment policy*), melanjutkan peranan Perancis di Indo Cina. Amerika Syarikat mengambil risiko berperang menentang gelombang nasionalisme setempat, sehingga timbul ketegangan baru yang lebih besar.

Amerika Syarikat sebagai salah sebuah negara adil kuasa yang terlibat secara langsung dalam pergolakan di kawasan ini, melakukan operasi tenteranya secara besar-besaran. Akibatnya, menurut Sukarno, kewujudan secara nyata pertentangan yang paling tajam, yang lebih besar di kawasan Eropah, antara sosialisme dan kapitalisme.<sup>302</sup> Pertentangan ini, menurut Sukarno mencerminkan pertentangan antara bangsa-bangsa yang baru merdeka, bangsa-bangsa terjajah dan setengah terjajah dengan imperialisme.

Untuk kali pertama Sukarno secara keras dan berterus terang mengecam

---

<sup>301</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 149. *Tumplekkan* (bahasa etnik Jawa) bererti tumpahkan.

<sup>302</sup> *Ibid.* hlm. 139.



penglibatan Amerika Syarikat di Indo Cina. Dalam pidato tahun 1964 dinyatakan beliau bahawa;

“...di Kamboja aku menyaksikan sendiri bagaimana suatu negara imperialis besar (Amerika Syarikat) mencubamenggertak-gertak(menakuti) pemerintah Kamboja yang kecil, dan melakukan segala usaha untuk menundukkan Kamboja itu ...di Laos kaum imperialis menginjak-nginjak(memijak) Persetujuan Jenewa dengan seenak perutnya (sewenang-wenang) sendiri”.<sup>303</sup>

Menghadapi keadaan dunia seperti ini, Indonesia diibaratkan oleh Sukarno sebagai “bahtera di lautan badai yang mengamuk”.<sup>304</sup> Ini bukan hanya kerana semata-mata faktor penyokong daripada sistem antarabangsa, tetapi juga kerana memang “terdapat yang tidakmenyukai Republik ini berdiri laksana (seperti) batu karang di tengah-tengah hamuknya (amuk) pergolakan dunia”.<sup>305</sup>

Gambaran bahawa dunia merupakan sumber ancaman seperti ini semakin kuat ketika Amerika Syarikat meningkatkan kesungguhan operasi tenteranya di kawasan Indo Cina. Dalam strategi penyekatan (*containment strategy*) ke atas pergerakan komunisme di Asia Tenggara, Amerika Syarikat mengambil sikap tidak mesra dan tidak suka ke atas negara-negara yang mengamalkan sosialisme dan negara-negara yang mengambil sikap tidak memihak kepada pihak Baratdalam pertikaian *Timur-Barat*dan negara-negara yang mengambil semangat nasionalis-revolusioner.

Sukarno sedar bahawa, negara-negara ini, Amerika Syarikat mendakwa beliau sebagai negara yang berpolitik luar negara “*a moral*” dan munafik serta

<sup>303</sup>Sukarno.*Pidato tahun 1964*. hlm. 141.

<sup>304</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 22.

<sup>305</sup>Sukarno.*Pidato tahun 1963*. hlm.104.

cenderung menuduh sebagai "sahabat-sahabat" komunis. Kerana sikap Amerika Syarikat yang tidak mesra ini, negara-negara yang tidak menyokong dasar Amerika Syarikat, merasakan bahawa dasar penyekatan ini tidak hanya ditujukan kepada gerakan komunisme tetapi juga kepada kegiatan mereka yang anti imperialis-penjajah.

Indonesia merupakan salah satu negara yang secara langsung merasa akibat buruk daripada penjajahan. Oleh itu, tidak menghairankan ketika menempatkan sikap anti-imperialis dan penjajah sebagai sebahagian daripada "jiwa" undang-undang asasnya dan juga mengasasi dasar luar negaranya. Oleh sebab ini juga, politik Barat yang anti komunis secara langsung menjadi politik "permusuhan" terhadap Indonesia. Kesannya semakin kuat dan dikemukakan pada masa konfrontasi terhadap Malaysia, "mereka itu yang tidak suka, mengadakan bermacam-macam usaha untuk melemahkan kita bermuladaripada *penetration pacifique* hingga kepada usaha pengepungan tentera".<sup>306</sup>

Seterusnya, dikatakan, selama dunia masih ada imperialism, maka selama itu juga kita mestibersedia menghadapi subversi, intervensi dan agresi kaum imperialis. Dengan itu, penubuhan Persekutuan Malaysia, pemihakan Amerika Syarikat terhadap Malaysia, terutama Komunike Johnson-Tengku untuk memberikan "*active aid*" (bantuan aktif) -istilah ini diketengahkan oleh Sukarno- menurut Sukarno dikatakan sebagai "ancaman yang nyata", kerana mereka tidak

---

<sup>306</sup> *Ibid.*

akan pernah bersetuju kemerdekaan jenis Sukarno.<sup>307</sup> Malahan bantuan luar Amerika Syarikat yang ditawarkan kepada Indonesia dianggap oleh Sukarno sebagai usaha untuk mengawal kehidupan dan tindakan bangsa Indonesia.

Akhirnya, PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) dipandang sebagai institusi antarabangsa yang tidak bersahabat terhadap Indonesia. Dalam fikiran Sukarno, PBB merupakan alatan imperialis untuk menekan negara-negara bukan-Barat. Khususnya, tekanan yang dilancarkan kepada negara-negara “yang sedang bangkit”. Melalui PBB, Amerika Syarikat dan sekutunya menggunakan Dewan Keselamatan (*security council*) untuk melancarkan *veto-veto* untuk tidak mengakui rejim Mao, membenarkan campur tangan Amerika Syarikat di Korea, di Congo serta dalam masalah Malaysia, dan malahan usaha “*fact findings*” (pencarian fakta) PBB di Kalimantan Utara dikatakan sebagai “pemalsuan kenyataan”.

Oleh itu, Dewan Keselamatan PBB yang tidak menerima berlakunya penyusupan tentera Indonesia ke Pontian dan Labis juga menjadi sasaran daripada dasar permusuhan Indonesia. Dalam perkara ini, Sukarno menyatakan;

”PBB di dalam susunannya yang sekarang...menguntungkan Taiwan dan merugikan RRC, menguntungkan Israel dan merugikan negara-negara Arab, menguntungkan Afrika Selatan dan merugikan Afrika, menguntungkan Malaysia dan merugikan Republik Indonesia, PBB nyata-nyata menguntungkan imperialisme dan merugikan kemerdekaan bangsa-bangsa.<sup>308</sup>

Media massa juga dinilai Sukarno telah dijadikan alat malahanterlibat dalam memusuhi dirinya. Seperti semasa kempen pembebasan Irian Barat,

---

<sup>307</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 173.

<sup>308</sup> *Ibid.* hlm. 179.

serangan pers imperialis memuat kenyataan yang mendakwa landasan daripada pemerintahan Sukarno untuk merebut Irian Barat sebagai "ekspansionis, *irredentis* (penjajah) dan imperialis-penjajah".<sup>309</sup>Selain itu, Sukarno turut merasakan wartawan asing sebagai musuh peribadinya kerana sebutan-sebutan yang menggambarkan Sukarno sebagai "seorang demagogi, seorang phraseologi, seorang akhli (pakar) singkatan-singkatan dan semboyan-semboyan, seorang yang mengutamakan prestij semata-mata dan malahan dikatakan sebagai "*a little confused*".<sup>310</sup>Psywar lain daripada pihak imperialis yang dirasakan oleh Sukarno ialah kenyataan-kenyataan yang menyatakan bahawa Indonesia di bawah Sukarno akan *ambruk* (runtuh), akan *collapse*. Malahan salah satu akhbar Belanda menamakan masa pentadbiran Sukarno pada tahun 1965 sebagai "*pre post Sukarno period*".<sup>311</sup>

### 5.2.2 Persepsi bahawa Persekitaran Dalaman Tidak Mesra

Pada 17 Ogos 1959, dalam pidato HUT Proklamasi yang pertama pada masa berdirinya Demokrasi Terpimpin, Sukarno mengungkapkan perasaannya mengenai dunia di dalaman yang tidak mesra kerana keburukan-keburukan Liberalisme yang diamalkan sejak Konferensi Meja Bulat (KMB). Amalan keburukan Liberalisme ini disebabkan oleh sikap kompromi dan *min-derwaardigheid*, sehingga menghakis jiwa proklamasi dan goyahnya kepercayaan

<sup>309</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 59. *Irredentis* (pengucapan dalam bahasa Indonesia ke atas *irredentis* (penjajah) bererti *the doctrine that irredenta should be controlled by the country to which they are ethnically or historically related*.

<sup>310</sup>Yang disebut Sukarno sebagai pers imperialis. *Akhli* bererti pakar.

<sup>311</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 194. *Ambruk* (bahasa etnik Jawa) bererti runtuh.

terhadap kemampuan bangsa sendiri.<sup>312</sup>

Meskipun Sukarno menyatakan sikap kompromi dan perasaan diri lebih rendah mengakibatkan bencana terhadap Republik, tetapi lebih menekankan sikap kompromi sebagai penyebab utama. Bencana yang dialami Republik di atas sikap kompromi yang ditunjukkan dengan menerima prinsip Federalisme. Bagi Sukarno, Federalisme dipandang sebagai alat pemecah potensi bangsa yang berkeperibadian *Tunggal Ika* (satu) dan alat imperialis untuk politik *divide et impera*.<sup>313</sup> Sukarno menggambarkan bencana tersebut sebagai berikut;

”Baji liberalisme dan individualisme telah menggerogoti (melemahkan) di dalam kesadaran sosial. Liberalisme meracuni kesadaran sosial Indonesia dan individualismenya meretakan dan menekan semua kohesinya persatuan, kegotongroyongan kita, *keholopiskuntul-barisan* (kebersamaan) kita, sehingga menjadi bangsa yang penuh dengan kansernya daerahisme, kansernya sukuisme, kansernya multipartisme, kansernya golonganisme dan lain-lain”.<sup>314</sup>

Selain menggambarkan keburukan-keburukan Liberalisme yang dipandang sebagai ancaman terhadap UUD 45, Sukarno juga dilihat mahu menegaskan ”satu kesadaran” bahawa liberalisme merupakan musuh ideologi yang utama terhadap ideologi Demokrasi Terpimpin.

Penentangan terhadap Liberalisme pada dasarnya sudah dinyatakan secara terbuka oleh Sukarno pada tahun 1957. Melalui kenyataan *year of decision* (setahun keputusan) Sukarno mengusulkan supaya sistem berparlimen dihentikan dan diperkenalkan benih-benih Konsepsi sebagai alternatif pengganti sistem

---

<sup>312</sup> *Minderwaardigheid* (bahasa Belanda) bererti merasa rendah diri atau hina.

<sup>313</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm.109.

<sup>314</sup> *Ibid.* hlm. 117. *Holopis kuntul baris* ialah bahasa etnik Jawa.

berparlimen. Cadangan tersebut ditentang malah sehingga menimbulkan pemberontakan PRRI/Permesta.

Penentangan-penentangan di dalaman juga dialami Sukarno dalam menjalankan *Landreform* (reformasi pemilikan hartanah). Dalam pidato tahun 1961, dikatakan bahawa *landreform* terjejas pelaksanaannya kerana terdapat sabotaj daripada kaum reaksioner, atau kerana kesan perilaku orang-orang yang menderita penyakit "tiga si" iaitu; cari promosi, birokrasi dan korupsi"<sup>315</sup>...*land reform* dan bagi hasil juga dirintangi oleh "*komunisto phobi* (fobia komunis) dan *rakyato phobi* (fobia rakyat)".<sup>316</sup>

Dengan menyatakan bahawa perasaan fobia merupakan kekangan bagi perjanjian bagi hasil dan *landreform*, maka Sukarno telah memperluas peranan negatif daripada *phobi* (fobia) terhadap dasar beliau. Dalam pidato tahun sebelumnya, perasaan fobia hanya dibicarakan dalam kaitannya dengan pelaksanaan politik Nasakom, Ketika itu Sukarno menilai penyakit *Komunisto phobi* sebagai sumber daripada gerakan anti-Nasakom yang tidak hanya menular di kalangan orang-orang yang sejak semula menentang pemerintahannya tetapi juga menular dalam kelompok-kelompok yang pro *Manipol*, pro *USDEK* atau pro *Jarek*.

Sikap permusuhan daripada lawan-lawan politik dalam negara juga dirasakan oleh Sukarno datang dalam bentuk ungkapan-ungkapan sinis terhadap istilah-istilah dan semboyan-semboyan yang digunakan Sukarno dalam menyampaikan idea-ideanya. Dalam pidato tahun 1961, Sukarno menceritakan

---

<sup>315</sup> Sukarno. *Pidato Tahun 1961*. hlm. 22.

<sup>316</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 47

bagaimana penafsirannya mengenai revolusi Indonesia, yang dikatakannya sebagai; suatu revolusi yang “unik”, suatu revolusi “yang lain daripada yang lain”, suatu revolusi “multikompleks”, suatu revolusi “pancamuka” (lima muka) atau suatu revolusi yang ”*a summing up of many revolutions in one generation* (menjumlahkan daripada pelbagai revolusi dalam satu generasi)”, telah dihina, terutama oleh kaum intelek.<sup>317</sup>

Reaksi sinis yang lain daripada penentang-penentang Sukarno adalah berkaitan dengan pelaksanaan program tiga poin (jenis), *Triprogram*.<sup>318</sup> Dalam pidato tahun 1960, Sukarno menceritakan bahawa kandungan program yang hanya terdiri daripada tiga poin dan jangka masa pencapaiannya yang hanya tiga tahun mendapat ejekan daripada pelbagai pihak. Ejekan ini juga berlaku ke atas pernyataan hukum “kesatuan tiga” atau ”Resopim” (Revolusi, Sosialisme dan Pimpinan). Berkaitan dengan perkara ini Sukarno menyatakan;

”Dari kanan dan kiri saya mendapat tentangan-tentangan terutama sekali daripada kalangan-kalangan ”vested material interest” dan ”vested political interest” baik daripada dalam mahupun luar negeri. Daripada kanan dan daripada kiri saya dicemuhkan dan ditertawakan dan disebut yang bukan-bukan. Sampai sekarang pun cemuhan itu masih ada yang berjalan terus. Juga di dalam kalangan hiperintelektuil Indonesia masih sahaja ada terselip di sana sini orang-orang yang begitu *berkarat* otaknya dengan ajaran-ajaran ”*staatsrecht* Barat”, liberalisme dan *liberale parlimentaire democratie*, sehingga mereka tak mampu lagi menganggap ertinya landasan Resopim itu dan lantas basak-bisik *menggerundel* (bergumam), mencemuh, mengejek”.<sup>319</sup>

Sikap bermusuhan yang sama dirasakan oleh Sukarno berkaitan dengan ideanya

---

<sup>317</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm.7.

<sup>318</sup> Program tiga poin ini ialah Sandang-Pangan, Keselamatan dan Pembebasan Irian Barat.

<sup>319</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 55.

dalam membangunkan Angkatan (*force*) ke-5.<sup>320</sup> Dalam pidato tahun 1965, Sukarno yang mengakui bahawa idea ini merupakan ideanya, menyatakan, “...tiap-tiap kali aku mengetengahkan idea (idea) baru, selalu sahaja ada pelbagai reaksi. Malahan kerana ideaku itu aku didakwa “main jiplak” (ciplak).<sup>321</sup>

Selain reaksi permusuhan yang dilancarkan kepada Sukarno, Sukarno juga dapat mengjangkakan bentuk-bentuk pemikiran yang tidak menyokong yang dapat membahayakan pemerintahannya. Dalam pidato tahun 1961, Sukarno menyatakan bahawa tanggapan terhadap segala yang asli Indonesia sebagai “sudah lapuk” (usang) atau juga “tidak baik” merupakan suatu sikap yang merbahaya.<sup>322</sup> Begitu juga dengan pelbagai sikap lain yang menjadi masalah bagi pemerintahannya iaitu; semangat *routine*, *amtenarisme* (rasmi, *protocoler*), pegawaiisme, *ndoroisme* (datukisme) dan sumuhun *dawuhisme* (ikut tuan besar, yes sir!).<sup>323</sup>

Dalam pidato tahun 1965, Sukarno lebih menekankan perbincangan tentang sikap munafik yang dirasakan semakin meningkat pada ketika itu. Dijelaskan bahawa sikap munafik merupakan ancaman yang menimbulkan kelemahan, perpecahan, reformisme, kompromis, revisionisme, rontoknya (rosaknya) romantik, dinamik dan dialektik, menimbulkan pengkhianatan dan “kerling kerlingan” (jerling-jerlingan) main mata dengan musuh”.<sup>324</sup> Ancaman daripada sikap ini, sebenarnya secara tersirat telah diungkapkan Sukarno dalam

---

<sup>320</sup> Angkatan ke 1 ialah tentera darat, ke 2 ialah tentera laut, ke 3 ialah tentera udara dan ke 4 ialah polis. Angkatan ke 5 ialah petani bersenjata.

<sup>321</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 189.

<sup>322</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 16

<sup>323</sup> *Ibid.*

<sup>324</sup> *Ibid.* hlm.155.



pidato tahun sebelumnya. Dalam perkara ini beliau menceritakan bagaimana pidato-pidatonya ditafsirkan semahu-mahunya oleh orang-orang yang disebut “mengaku menyebarkan ajaran Sukarno” dengan mengutip pidatonya secara tidak lengkap. Jemputan Sukarno untuk *samenbundeling van alle revolutionnaire krachten* (memadukan seluruh kekuatan revolusioner) diubah menjadi *samenbundeling van alle krachten* (memadukan seluruh kekuatan) tanpa mencantumkan kata *revolutionnaire* yang merupakan jiwa daripada revolusi. Kumpulan penyokong Sukarnoisme sebagai tempat orang-orang yang melakukan perkara tersebut akhirnya disebut Sukarno sebagai “atas nama Sukarnoisme membunuh ajaran-ajaran Sukarno dan membunuh Sukarno sendiri”.<sup>325</sup> Pandangan serupa juga berlaku terhadap Front Nasional yang dirasakan kurang cergas dalam menyokong kempen “Ganyang Malaysia” dan sebagaimana yang beliau katakan “Front Nasional malahan hilang semangat berkempen”. Dengan demikian di mata Sukarno, “Front Nasional telah menyeleweng daripada tugas utamanya untuk memobilisasi massa”.<sup>326</sup>

Sukarno merasakan bahawa dunia di dalaman yang mengancam secara ekstrim berkenaan dengan usaha-usaha pembunuhan ke atas dirinya, “saya pernah digranat (dibom tangan), dimitrailiyir (mitrailleuse), ditembak pistol, pendek kata hendak dibunuh orang”.<sup>327</sup> Bentuk penentangan yang keras ini jika dilihat secara psikologi boleh membebani minda Sukarno. Perkara ini dilihat diungkapkan kerana tidak berhentinya kegiatan permusuhan fizikal yang menonjol, sehingga

---

<sup>325</sup> *Ibid.* hlm.180.

<sup>326</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 129.

<sup>327</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 72.

dalam pidato tahun 1963 beliau merasa perlu untuk mengungkapkannya (begitu juga dalam pidato pada tahun berikutnya). Bagi perkara tersebut, beliau menyatakan bahawa;

”Di bidang keamanan, kaum reaksi dan kaum kontrarevolusioner tidak jera-jera...ada sahaja cara mereka mengganggu keamanan daripadasubversi-subversi besar kecil yang berupa pemberontakan-pemberontakan atau bajinganisme-bajinganisme (fikiran untuk melaksanakan jenayah) di lapangan ekonomi sampai menghasut bakar-bakar mobil, bakar-bakar toko, pecahkan jendela-jendela kaca sampai percubaan-percubaan pembunuhan”.<sup>328</sup>

### 5.2.3 Rumusan

Sukarno menilai persekitaran luar sebagai persekitaran yang tidak mesra hingga persekitaran yang mengancam. Penilaian seperti ini wujud ekoran tindakan negara-negara kapitalis yang mempraktikkan kolonialisme dan imperialisme ke atas negara-negara lain --Asia, Afrika dan Amerika Latin. Semasa bangkitnya revolusi bangsa-bangsa untuk melepaskan diri daripada kolonialisme dan imperialisme, negara-negara penjajah dan imperialis tidak pernah mengambil sikap dan pandangan baru terhadap tindakan mereka yang telah menjadikan beratus-ratus juta umat manusia hidup dalam kesengsaraan di pelbagai negara. Perjuangan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan, telah ditindas dengan kejam. Malahan terdapat sebahagian negara yang telah berjaya mendapatkan kemerdekaan, negara-negara penjajah dan imperialis tetap berusaha untuk mengambil semula kemerdekaan yang diperolehi.

Kegagalan dalam menghancurkan kembali kemerdekaan negara-negara bekas koloni bukannya bererti usaha pengawalan dan eksploitasi oleh negara-

---

<sup>328</sup>Sukarno.*Pidato tahun 1963*. hlm. 99.

negara kapitalis tidak akan berlaku. Dengan cara baru yang lebih halus dan tidak jelas kelihatan, yang disebut Sukarno sebagai neo-kolonialisme, mereka melaksanakan penjajahan melalui pekej bantuan pembangunan ekonomi, persenjataan dan lain-lain. Suatu usaha secara besar-besaran dan dilembagakan dalam memberikan bantuan sebagaimana yang telah dilakukan oleh Amerika Syarikat (AS), negara utama dalam blok Barat. Meskipun AS melakukan propaganda bahawa polisinya adalah berlandaskan kepada moral kebebasan dan demokrasi, tetapi Sukarno melihat bahawa polisi AS tersebut semata-mata merupakan sebahagian daripada strategi neo-kolonialisme dengan mewakili (*on behalf of*) sekatan ke atas pergerakan Komunisme.

Tercetusnya revolusi perjuangan kemerdekaan di pelbagai penjuru dunia merupakan momentum bagi perjuangan Indonesia untuk pembebasan Irian Barat daripada cengkaman Belanda. Daripada negara-negara yang sedang bangkit, Sukarno berharap mendapatkan sokongan dan simpati dalam perjuangannya. Selain itu, Sukarno juga melihat di pelbagai negara pasca kolonialisme telah wujud semangat nasionalisme yang anti barat. Dengan adanya semangat seperti itu, mereka berusaha menolak kehadiran Barat di negaranya dan di wilayah di sekitar mereka. Mereka juga menolak setiap bantuan Barat yang disyaki akan menjadikan mereka terjebak dalam perangkap kolonialisme dan imperialisme baru. Khususnya dalam visi kebudayaan, mereka melihat pekej bantuan pembangunan yang dilabel "*modernization* (pemodenan)" sesungguhnya merupakan "*westernization* (kebaratan)".

Manakala penilaian Sukarno bahawa dunia di dalaman sebagai faktor

cabaran dan halangan, wujud daripada kenyataan bahawa keadaan negara dan bangsa Indonesia amat mundur akibat daripada kolonialisme, malahan penjajah Belanda masih menduduki Irian Barat yang dirasakan sebagai duri dalam daging. Dengan demikian, maka tugas memimpin bangsa dan negara untuk melangkah mencapai kemajuan bukanlah tugas yang ringan, lebih lagi selepas Indonesia menerapkan demokrasi liberal. Penerapan liberalisme dan federalisme di Indonesia akibat paksaan Belanda mengakibatkan perpecahan antara etnik dan antara himpunan sosial yang wujud semula. Kebiasaan negatif yang wujud kembali ini, dilihat sebagai luka yang kunjung sembuh dan kanser dalam negara Indonesia, menjadi ancaman terhadap berdirinya Negara Kesatuan Indonesia terutama yang dilakukan para pemberontak separatis PRRI/Permesta, NII, DI/TII dan RMS.

Persepsi tentang adanya ancaman wujud dalam diri Sukarno berkenaan dengan penentangan daripada kekuatan-kekuatan penyokong sistem liberal yang telah digulingkan oleh Sukarno. Ancaman daripada kelompok ini dirasakan bukan datang dalam bentuk fizikal tetapi datang dalam bentuk penentangan ideologi. Kewujudan ancaman ini, menjadikan Sukarno lebih serius memikirkannya, kerana ancaman ideologi ini dengan sangat kerap dilancarkan. Begitu juga ke atas perkara yang dilakukan secara tersembunyi; subversi (sogokan) atau juga sabotaj yang dilakukan dalam kumpulan-kumpulan kecil atau pun secara perseorangan dengan mudah dapat wujud pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Tanggapan ancaman seperti ini semakin kuat dirasakan ketika beliau hanya memiliki satu “kawan” iaitu PKI

## BAB 6

### EMOSI, KECENDERUNGAN BERTINDAK DAN ASPEK PSIKOLOGI LAIN

#### 6.0 Pendahuluan

*Affection* dan *Conation* merupakan dua aspek yang terdapat dalam *Trilogy of Minds*. Daripada pidato-pidato Sukarno boleh diperolehi *affection* beliau yang melibatkan tindak balas emosi dan *conation* beliau yang melibatkan azam untuk melakukan suatu tindakan. Selain itu, juga boleh diperolehi aspek psikologi lain tentang aktiviti kognitif Sukarno yang berwujud penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya. Sebelum Sukarno memutuskan sesebuah polisi, beliau juga melakukan penilaian ke atas polisi beliau sendiri.

#### 6.1 Emosi Tidak Suka daripada Sukarno

Emosi daripada Sukarno yang berkaitan dengan konfrontasi ialah sentimen atau perasaan tidak suka atau benci dalam menanggapi atau memberikan tanggapan ke atas sesuatu objek di persekitaran. Huraian tentang emosi tidak suka Sukarno ke atas persekitaran dibezakan mengikut dimensi persekitaran luar dan di dalaman.

##### 6.1.1 Emosi Tidak Suka ke atas Persekitaran Luar

Kenyataan-kenyataan yang mencerminkan rasa tidak suka Sukarno terhadap dunia luar berpunca daripada keburukan Liberalisme. Untuk menegaskan permusuhannya terhadap Liberalisme, Sukarno menilai bahawa pengamalan Federalisme di negara lain telah membuat perpecahan dalam negara

dan di kalangan masyarakat. Bagi Sukarno, federalisme boleh membuat suatu bangsa berpecah dalam aspek fizikal juga dalam aspek psikologi dengan menyatakan bahawa “wilayah mereka terbagi-bagi (terbahagi-bahagi)...bangsa mereka terbagi-bagi ...jiwa mereka terbagi-bagi”.<sup>329</sup>

Berkaitan dengan kecaman Sukarno terhadap Liberalisme, dalam pidato tahun 1961 Sukarno meneruskan kritiknya terhadap negara-negara federalis (tanpa disebutkan negara mana) yang menyusun perlembagaannya jauh selepas mencapai kemerdekaan dan meragukan keasliannya. Sambil mengungkapkan kebanggaan beliau terhadap Undang-Undang Dasar (Konsitusi) Indonesia tahun 1945, Sukarno menyatakan “...banyak negara-negara lain yang baru selepas proklamasi kemerdekaan atau mencapai kemerdekaannya, baru memperhatikan penyusunan UUD-nya, yang kadang-kadang memakan waktu beberapa tahun”. Kenyataan yang merendahkan negara lain kemudian meningkat menjadi seperti ejekan seperti kenyataan yang dikeluarkan “Dan sering pula dalam penyusunan UUD mereka itu, mereka menciplak banyak perkara-perkara daripada UUD negara asing”.<sup>330</sup> Negara atau bangsa yang disebutnya sebagai bangsa yang tidak berpegang pada warisan-warisan sosial nenek moyangnya-- dikatakan sebagai bangsa yang tidak mempunyai rasa cinta (roman muka) terhadap diri sendiri. Roman muka yang bukan cerminan daripada diri sendiri, tetapi pemilikan daripada asing”.<sup>331</sup>

---

<sup>329</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 109.

<sup>330</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 8.

<sup>331</sup> *Ibid.* hlm. 9. *Peringisan* (bahasa etnik Jawa) bererti mimik atau ajuk.

Ekoran berlandaskan kepada ajaran Barat, bangsa seperti ini sering kali memandang persoalan-persoalan pemerintahan negaranya dapat diselesaikan secara teknik administratif dan sumber kewangan, namun menurut Sukarno, perkara yang lebih penting daripada kedua-duanya adalah perkara “sistem sosialnya” kerana tanpa perkara ini maka pelbagai krisis akan selalu menghalang, seperti dikatakannya “Tidakkah engkau melihat, bahawa negara-negara yang sudah maju dari segi teknik dan ekonomi selalu mengalami krisis, oleh kerana susunan sistem masyarakatnya yang salah”.<sup>332</sup>

Sambil menolak anggapan bahawa syarat mutlak ukuran kemajuan sesebuah negara ialah kemajuan teknik dan modal kewangan sahaja, Sukarno menyatakan “...bahawa dalam kurun ke 20, salah satu asas bagi kemajuan nasional ialah konsepsi ideologi yang progresif revolusioner, berlandaskan kepada keperibadian nasional”.<sup>333</sup>

Sukarno yang sejak belia mengagumi Deklarasi Kemerdekaan Amerika Syarikat dan Manifesto Komunis, telah mengubah penilaiannya. Melalui pidato pada tahun 1960, beliau memandang bahawa kedua-dua dokumen tersebut sebagai penyebab kepada perpecahan dunia menjadi dua blok yang saling mengintai antara satu sama lain. Malahan kedua-dua dokumen tersebut dikritik sebagai “tidak sebaik seperti Pancasila” yang mengandungi prinsip Ketuhanan dan Keadilan Sosial. Sukarno menyatakan; “Kita bangsa Indonesia melihat bahawa *Declaration of Independence* (daripada Amerika Syarikat) tidak mengandungi keadilan sosial atau sosialisme dan kita melihat bahawa Manifesto

---

<sup>332</sup> *Ibid.* hlm. 21.

<sup>333</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 55.

Komunis masih mesti disublimir (kualiti daripada jiwa dibuat lebih tinggi) dengan Tuhan yang Maha Esa”.<sup>334</sup>

Tahun 1960 merupakan tahun dinyatakan politik “jalan lain” dalam menghadapi Belanda. Dalam politik ini, Belanda mengambil reaksi menentang, sehingga ketegangan permusuhan antara kedua-dua belah pihak semakin meningkat. Kecenderungan permusuhan Indonesia terhadap Belanda dicetuskan sehubungan dengan pengiriman Kapal Induk Karel Doorman milik pemerintah Belanda ke perairan Irian Barat. Gambaran kekuatan tentera Belanda ini telah menyuluh api kemarahan pemerintah Indonesia, sehingga kenyataan-kenyataan permusuhan dari Sukarno sering dikemukakan. Dalam pidato tahun 1960, mula wujud sebutan-sebutan negatif ke atas Belanda sebagai “kepala batu” atau Belanda sebagai “suatu negara rentenir (yang meminjamkan wang untuk mendapatkan riba) kecil yang sudah jatuh; yang masih bernafsu kolonialisme”.<sup>335</sup> Sukarno tidak merasa hairan terhadap pelbagai cara yang dilakukan oleh Belanda untuk menyelenggarakan kuasanya ke atas Irian Barat. Salah satu cara Belanda yang dilihat oleh Sukarno untuk mempertahankan kedudukannya di Irian Barat adalah melalui kempen anti Republik. Ke atas tindakan Belanda ini, Sukarno menyatakan bahawa tindakan Belanda itu sebagai “aktiviti memaksa rakyat agar menelan fitnah”.<sup>336</sup>

Setelah selesai masalah Irian Barat, ungkapan emosi tidak suka daripada Sukarno menemui objek baru selepas diperkenalkan musuh baru Indonesia yang

---

<sup>334</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 176.

<sup>335</sup> *Ibid.* hlm. 170.

<sup>336</sup> *Ibid.* hlm. 66.



dikenali sebagai Neokolonialisme dan imperialisme. Sukarno menakrifkan bahawa Neokolonialisme tidak lain adalah nafsu atau sistem mempengaruhi ekonomi negara dan bangsa lain yang boleh berjalan hanya dengan “putar lidah” atau dengan cara ”halus-halusan”.<sup>337</sup>

Sukarno dilihat turut merasa curiga bahawa Neokolonialisme disembunyikan dalam bantuan yang diberikan oleh sesebuah negara, kerana perkara ini Sukarno menyatakan sindiran, “maka tuan-tuan jangan mengharapkan, bahawa setiap bantuan yang tuan berikan akan menghasilkan cerminan daripada diri tuan-tuan sendiri”,<sup>338</sup> seterusnya dikatakan “kita tidak mahu dan tidak akan mengemis bantuan daripada sesiapa apalagi bantuan itu ”diembel-embeli” (disertai) dengan syarat ini syarat itu!”.<sup>339</sup> Kenyataan ini sebenarnya merupakan jawapan Indonesia terhadap pemerintah Amerika Syarikat yang membekukan bantuannya terhadap Indonesia. Amerika tidak ingin Indonesia terus menentang ke atas penubuhan Persekutuan Malaysia.

Tahun 1963 ditandai oleh keadaan yang agak getir di persekitaran Indonesia selepas pemerintah Indonesia menolak penubuhan Persekutuan Malaysia. Dalam suasana yang getir akibat kempen anti penubuhan Persekutuan Malaysia, sikap permusuhan terhadap dunia luar semakin giat dijalankan. Sukarno menyebut Malaysia sebagai “anjingnya imperialisme yang diletakkan di depan pintu Republik Indonesia” malahan sasaran daripada sikap bermusuhan ditujukan pula terhadap orang perseorangan (keperibadian) seperti; Tengku Abdur Rahman dan

---

<sup>337</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 104. *Astaga* bererti Astagfirullah

<sup>338</sup>*Ibid.* hlm. 102.

<sup>339</sup>*Ibid.* hlm. 106. *Embel-embeli* (bahasa etnik Jawa) bererti diikuti atau ditambahkan.

Abdul Razak yang disebutnya sebagai *abdidalem-abdidalem* (hamba)penjajah Inggeris. Sukarno menambah cemuhan dengan menyatakan “sebaik-baiknya nasib *antek* (kaki tangan), nasibnya tidaklah lebih daripada nasib antek...lupakah kita pada Syngman Rae yang dikorbankan oleh tuan-tuannya?”<sup>340</sup>

Sasaran daripada ungkapan emosi permusuhan pemerintah Sukarno semakin bertambah akibat daripada kemarahan yang ditimbulkan oleh keberpihakan Amerika Syarikat kepada Malaysia. Komitmen pemerintahan Johnson kepada PM Abdul Rahman (*Johnson-Rahman Talks*) yang disebut sebagai “tidak berpatutan dan bercakap terlalu banyak”. Kerana ini, akhirnya Sukarno tidak lagi menahan diri untuk memusuhi Amerika Syarikat sebagai kuasa utama dalam *Oldefos* yang sememangnya hendak ditentang oleh Indonesia.

Dalam pidato tahun 1959, Sukarno sempat membuat kenyataan rasa kagum beliau terhadap Amerika Syarikat kerana Deklarasi Kemerdekaan tetapi pada pidato tahun 1964 ungkapan sebaliknya (tidak suka) dikemukakan. Sukarno menyatakan, “...dulu Amerika saya namakan sebagai “*the centre of an idea*” (pusat idea). Sekarang saya tidak boleh lagi menyebut Amerika “*the centre of an idea*”<sup>341</sup> Malahan, Sukarno secara terbuka melancarkan kritikan ke atas polisi luar Amerika Syarikat di Indo Cina dengan menyatakan; “kaum imperialis menginjak-injak Persetujuan Jenewa...seolah-olah tidak ada moral...atau memang begitu moralnya imperialisme”<sup>342</sup> Seterusnya Sukarno mencabar AS dengan menyatakan

---

<sup>340</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 143. *Antek* (bahasa etnik Jawa) bererti kaki tangan.

<sup>341</sup>*Ibid.* hlm. 153.

<sup>342</sup>*Ibid.* hlm. 141.

“saya peringatkan kepada kaum imperialis manapun jangan sentuh wilayah Indonesia”.<sup>343</sup>

Ungkapan permusuhan terhadap Amerika Syarikat yang lebih keras dan tidak berkaitan dengan isu Malaysia diteruskan oleh Sukarno pada pidato tahun 1965. Pada kesempatan ini, Inggeris turut disertakan dalam kecaman yang dilakukan, “Hai Amerika, Inggeris, zaman ini bukannya zaman imperialisme lagi. Zaman ini merupakan zaman hancur leburnya imperialism.”<sup>344</sup> Manakala terhadap polisi dan tindakan Amerika Syarikat di pelbagai negara, Sukarno menyatakan;

“...tidak akan pernah kaum imperialis itu membenarkan kemerdekaan tipe Sukarno, atau kemerdekaan tipe Norodom Sihanouk, atau kemerdekaan tipe Mao Tse Tung,... Mereka paling-paling membenarkan, malahan merestui ”kemerdekaan” tipe Chiang Kai Shek, tipe Park Chung Hee,... tipe Tengku Abdulrahman Putra. Tetapi ada baiknya bahawakaum imperialis menaja Chiang Kai Shek dan lain-lain, sebab, *anasir-anasir* (jisim) itu anasir-anasir yang paling korup di dunia, sehingga bantuan dollar yang berapa sahaja banyaknya mereka sikat sendiri...Ya, Saudara-saudara, *boneka-boneka imperialis* pun menguntungkan kepada kita!”<sup>345</sup>

Sukarno yang memiliki gambaran buruk mengenai PBB, meningkat tahap kemarahan yang ada ketika Malaysia dipilih menjadi salah satu anggota Majlis Keselamatan. Sebagai tindak balas penentangan, Indonesia keluar daripada keanggotaan PBB. Sukarno meluahkan rasa tidak suka dan kecaman dengan menyatakan bahawa “PBB yang sekarang tidak mungkin dipertahankan lagi dan menuntut agar PBB mengakui kesalahan dan merombak sistem yang ada bila

---

<sup>343</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 149.

<sup>344</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 173.

<sup>345</sup>*Ibid.*

tidak maka PBB bukan hanya ditertawai sebagai mimbar omong kosong tetapi lebih buruk daripada itu”.<sup>346</sup>

### 6.1.2 Emosi Tidak Suka ke atas Persekitaran Dalam

Dalam pidato tahun 1959 emosi tidak suka Sukarno kepada pihak-pihak di dalaman begitu hebat dinyatakan. Sasarannya ialah orang-orang atau masyarakat yang menerima sistem liberal sebagai suatu “kesenangan”. Masyarakat seperti ini disebut Sukarno sebagai;

“masyarakat orang-orang yang ”arrives” (orang kaya baru), masyarakatnya ”si pemimpin mobil sedan” dan ”si pemimpin penggaruk lisensi”. Di manadi dalam masyarakat ini ”setan liberalisme, setan federalisme, setan individualisme, setan sukuisme, setan golonganisme (fikiran yang mengutamakan kumpulan), setan penyelewengan-penyelewengan, setan kepetualangan, setan dualisme empat macam, setan korupsi, setan garuk kekayaan *hantam kromo*, setan multipartaiisme telah menjadi *borok* (luka infeksi yang besar) dan *koreng* (luka infeksi kecil)”.<sup>347</sup>

Sukarno meneruskan kenyataan bahawa masyarakat seperti yang dinyatakan yang telah membawa bencana akibat berlandaskan kepada Liberalisme dengan membiarkan setiap orang membuat sesuatu semahumahnya.<sup>348</sup> Semua keburukan merupakan hasil daripada sikap dan tindakan berkompromi daripada orang-orang yang disebut Sukarno sebagai ”orang-orang *possibilis* (berfikir segala mungkin), orang-orang yang pada hakikatnya tidak dinamis-revolusioner, malahan mungkin kontra-revolusioner, orang-orang yang beku”.<sup>349</sup> Seterusnya Sukarno menjelaskan, “...dalam menghadapi Belanda, melalui KMB, pihak Republik mesti berkompromi dengan golongan-golongan

<sup>346</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 179.

<sup>347</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 113. *Hantam kromo* bererti sewenang-wenang. *Borok dan koreng* ialah luka infeksi yang tidak kunjung sembuh.

<sup>348</sup>*Ibid.* hlm. 117. *Sakersa-kersanya* (bahasa etnik Jawa) bererti apa yang dimahukan.

<sup>349</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 98.

non-revolusioner iaitu golongan-golongan *Blandis* (meniru orang Belanda), golongan-golongan kontra-revolusioner, golongan-golongan bunglon (*lizard*) dan cucunguk (lipas).<sup>350</sup> Menurut Sukarno, Masyarakat dan kumpulan orang seperti ini di kemudian hari dilihat sebagai pihak-pihak yang menyekat dasar dan tindakannya.

Sukarno membincangkan tentang Konsep Manipol dan Nasakom yang berkaitan dengan kesukaran-kesukaran dalam melaksanakan kedua-dua konsep ini. Bagi Sukarno perkara tersebut disebabkan oleh ramai pemimpin yang menganggap revolusi ini sebagai revolusi pemimpin bukannya revolusi rakyat. “Pemimpin-pemimpin yang disebut sebagai kumpulan “*vested interest*” (berkepentingan) dan “*vested political interest* (berkepentingan politik).<sup>351</sup> Ke atas pihak-pihak yang menentang Konsep Manipol, Sukarno menarik garis yang tegas antara yang pro dan kontra kerana beliau menilai pada ketika itu terdapat gejala penyalahgunaan Manipol yang disebut sebagai gejala “main pertantang pertenteng (angkuh)” dengan Manipol dan usaha mengaburkan Manipol..<sup>352</sup> Tanpa menarik dengan tegas antara yang pro dan yang kontra ialah berbahaya sekali untuk tidak mengetahui *kutu-busuk kutu-busuk* (pijat) dalam selimut”.<sup>353</sup>

Manakala sikap sinis dan pesimis daripada penentang-penentang Sukarno terhadap hasil-hasil revolusi, dijawab oleh Sukarno dengan menyatakan “...mereka adalah orang-orang gadungan (palsu) dan kontra revolusioner yang selalu hanya pandai mengkritik sahaja atas dasar *textbook thinking*. Dengan

---

<sup>350</sup> *Ibid.* *Blandis* ialah orang Indonesia yang berfikir dan bertindak sebagai orang Belanda. *Bunglon* semacam reptile mimikri yang hidup di pokok. *Cucunguk* bererti lipas.

<sup>351</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 55.

<sup>352</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 150.

<sup>353</sup> *Ibid.* hlm. 151.

menyebutnya sebagai kelompok “hiper intelektual” yang begitu *berkarat otaknya* dengan ajaran-ajaran *staatsrecht* (undang-undang negara) Barat, liberalisme dan *liberale parlementaire democratie*.<sup>354</sup> Banyak pemuka-pemuka kita yang *keblinger* (merasa paling bijak) dengan ilmu-ilmu ala Rotterdam atau ala Harvard.<sup>355</sup> Mereka selalu melarikan diri daripada kesukaran-kesukaran yang mesti dihadapi republik “orang-orang yang demikian rupa, belum pernah menunjukkan kebesarannya dalam suatu perkara, kecuali kebesaran dalam mengkritik”.<sup>356</sup>

Sukarno lebih lanjut mengemukakan dalil “*panta rei*” (segala sesuatu akan berubah), yang dikemukakan oleh Hatta sejak tahun 1946<sup>357</sup> dan mengemukakan kembali pada masa demokrasi terpimpin. Berasas pada dalil ini, Hatta dan para penentang Sukarno menganggap masa revolusi sudah selesai dengan dicapainya kedaulatan atas Indonesia pada tahun 1949,<sup>358</sup> masa seterusnya adalah masa mengisi kemerdekaan. Berasas kepada dalil “*panta rei*” itu malahan mereka menganggap bahawa UUD 45 mahupun perjuangan anti kolonialisme bukanlah sesuatu yang abadi. Menjawab anggapan ini, Sukarno, yang menyebut mereka sebagai kumpulan hiper intelektual, menyatakan pandangan ini merupakan penyelewengan yang sangat serius, akibat daripada jiwa kompromis dan orang-

---

<sup>354</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 55. *Staatsrecht* (bahasa Belanda) bererti konstitusi.

<sup>355</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 123.

<sup>356</sup> *Ibid.* hlm. 72.

<sup>357</sup> I Wangsa Widjaja dan Meutia F. Swasono. (1981). *Kumpulan Pidato Mohammad Hatta*. Jakarta: Yayasan Idayu. hlm. 89.

<sup>358</sup> Alam. *Pertentangan Sukarno VS Hatta*. hlm. 464.

orang ini disebut Sukarno sebagai “orang-orang peragu, orang-orang defaitis (*the looser*) yang menyebut dirinya ” ahli (pakar) falsafah”.<sup>359</sup>

Sukarno berpendapat bahawa revolusi sebagai suatu proses yang berterusan. Logik revolusi ialah sekali mencetuskan revolusi, mesti meneruskan revolusi itu sehingga segala cita-cita dapat dilaksanakan. Berdasarkan pengertian ini, Sukarno membuat kenyataan yang tidak mesra dalam menanggapi orang-orang yang menyatakan ”revolusi sudah selesai”. Dikatakan oleh beliau bahawa, “orang-orang tersebut sebagai orang-orang yang tidak mengerti logik revolusioner, orang yang menderita revolusi fobi!”.<sup>360</sup>

Istilah fobia (*phobi*) oleh Sukarno bermula ditujukan untuk memberikan nama buruk bagi penentang-penentangannya. Bagi penentangan terhadap Nasakom dan pemulihan keadaan ekonomi, Sukarno menggolongkan mereka dengan sebutan orang-orang yang sudah terlalu teruk dengan penyakit *komunisto phobi*, *kiri phobi*, *rakyat phobi*, *buruh phobi* dan *tani phobi*.<sup>361</sup> Malahan Sukarno dengan merendahkan, menyamakan sikap orang-orang yang menderita *phobi* ini sebagai orang gila.<sup>362</sup>

### 6.1.3 Rumusan

Di atas sikap dan tindakan tidak mesra daripada pihak-pihak di persekitarannya, Sukarno tidak teragak-agak untuk menanggapi secara bersahaja dan kesat. Perasaan tidak suka yang ada dalam dirinya terbiasa diungkapkan secara terbuka sesuai dengan suasana hati semasa. Lebih lagi, ungkapan perasaan

<sup>359</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 105. Defaitis bererti tidak percaya ke atas diri. *Ahli* bererti pakar atau orang pandai.

<sup>360</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 143.

<sup>361</sup> *Ibid.* hlm. 74.

<sup>362</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 103.

tidak suka Sukarno ke atas sikap permusuhan daripada lawan-lawannya dilakukan dengan menggunakan bahasa etnik daripada bangsa Indonesia dan bahasa bangsa-bangsa lain.

Ungkapan rasa permusuhan ke atas persekitaran luar bermula dalam isu penjajahan Belanda ke atas Irian Barat. Usaha Sukarno untuk mengutamakan jalan damai dalam menyelesaikan pendudukan Irian Barat yang selalu ditolak oleh Belanda telah menimbulkan emosi kemarahan Sukarno. Di atas tindakan Belanda tersebut, Sukarno mengungkapkan kebenciannya dengan menyatakan bahawa Belanda sebagai "kepala batu" atau Belanda sebagai "suatu negara rentenir (lintah darat) kecil yang sudah jatuh; yang masih bernafsu kolonialisme".

Dalam isu penubuhan Persekutuan Malaysia, Sukarno menyatakan kedua-dua pemimpin kerajaan Malaysia (Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak) sebagai abdi dalem (pelayan) daripada penjajah Inggeris. Dalam isu ini juga Sukarno melontarkan kecamannya kepada Amerika Syarikat dan Inggeris di atas peranan imperialis mereka yang dipandang sudah usang. Manakala terhadap PBB di atas ketidakadilannya dan dipandang menjadi alatan Neokolonialisme, Sukarno mencerca PBB sebagai mimbar cakap kosong, malahan lebih buruk daripada itu.

Cemuhan Sukarno ke persekitaran di dalaman disasarkan kepada masyarakat liberal yang dianggapnya membawa bencana kepada kehidupan bangsa Indonesia. Masyarakat yang disasarkan oleh Sukarno disebutkan sebagai masyarakat pemakan nangka tanpa terkena getahnya, masyarakat orang-orang yang *arrives* (kaya baru), masyarakat si-pemimpin mobil (kereta) sedan dan si-pemimpin penggaruk (pencakar) lesen. Dalam masyarakat ini, terdapat orang-



orang yang disebutnya sebagai setan-setan; setan liberalisme, setan individualisme, setan sukuisme, setan golonganisme, multipartisme dan lain-lain.

Dalam menjalankan keinginan untuk membangunkan sistem terpimpin dan menjalankan program-program yang terlibat, Sukarno menghadapi cabaran-cabaran daripada orang-orang yang menderita revolusi fobia (ketakutan revolusi). Terhadap mereka ini, Sukarno menyatakan bahawa mereka yang berperilaku seperti itu ialah orang-orang yang sudah *binnen* (mapan), atau kelompok *vested interest* (berkepentingan). Manakala cabaran yang berasas kepada anggapan bahawa revolusi sudah selesai, Sukarno menyebut mereka sebagai orang-orang yang tidak mengerti maksud logik revolusioner, yang jiwanya mandek (berhenti). Selanjutnya dikatakannya, "...orang-orang yang *zoogenaamd* intelektual, yang setengahnya konyol (bodoh) kerana banyak minum cekokannya buku-buku tentang "ilmu ketatanegaraan" borjuasi dan liberal dan Belanda atau kelompok "hiper intelektual" yang begitu berkarat otaknya dengan ajaran-ajaran *staatsrecht* Barat, liberalisme dan *liberale parlementaire democratie*.

## **6.2 Kecenderungan Bertindak daripada Sukarno**

Kecenderungan bertindak daripada Sukarno ke atas musuh-musuh beliau menampakkan hasrat untuk melancarkan penentangan dan perjuangan. Bagi mengenali bentuk kecenderungan bertindak daripada Sukarno, huraian selanjutnya dijelaskan berdasarkan kecenderungan bertindak ke atas persekitaran luaran dan dalaman.

### **6.2.1 Kecenderungan Bertindak Tidak Mesra ke atas Persekitaran Luar**

Kenyataan permusuhan Sukarno terhadap dunia luar dalam pidato HUT Kemerdekaan RI tahun 1959 diarahkan kepada Belanda dan imperialisme-kolonialisme. Kenyataan-kenyataan tersebut mengungkap tentang azam Sukarno bagi mengubah siasah penyelesaian Irian Barat daripada cara berunding kepada cara berjuang. Dengan dasar luar negara yang diasaskan pada usaha melenyapkan imperialisme dan kolonialisme, maka perkara ini juga bererti bahawa kolonialisme Belanda di Irian Barat mesti dilenyapkan dan dikeluarkan bendera Belanda daripada negara Indonesia”.<sup>363</sup>

Dalam menegaskan sikapnya untuk meyakinkan semua pihak, Sukarno membuat kenyataan mengenai jalan paksaan dalam menghadapi Belanda seperti yang dilakukan semasa mempertahankan kemerdekaan. Dari sudut pandangan Sukarno, cara seperti itu telah terbukti mampu menjamin tercapainya suatu kejayaan. Hasil yang diperolehi dengan cara ini menjadi landasan Sukarno untuk dilakukan dalam masalah Irian Barat, yang diistilahkan sebagai jalan “melingkari aksara”.<sup>364</sup>

Kenyataan-kenyataan mengenai dasar permusuhan Indonesia terhadap Belanda dan imperialisme-kolonialisme serta kenyataan-kenyataan mengenai dasar persahabatan Indonesia terhadap dunia luar, khasnya terhadap negara-negara yang sedang berevolusi menjadi tema ungkapan Sukarno terhadap dunia luar daripada tahun ke tahun. Berubahnya karakter pelaksanaan dasar luar Indonesia, menjadi jelas, ketika Sukarno mengemukakan bahawa perjuangannya

---

<sup>363</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 97.

<sup>364</sup> *Aksara* bererti huruf atau tulisan. Melingkari Aksara disini bererti melingkari perjanjian yang telah dibuat antara Indonesia dan Belanda, kerana perjanjian itu merugikan Indonesia

dalam menyelesaikan masalah Irian Barat akan menggunakan cara-cara konfrontasi yang melibatkan penggunaan kekuatan.<sup>365</sup> Cara yang ditempuh oleh Sukarno ini, yang meletakkan pada keputusan sendiri tampak tidak bersandingan dengan prinsip lama Hatta yang beranggapan dalam masalah kemerdekaan semuanya bergantung kepada polisi Belanda.<sup>366</sup>

Kemenangan Indonesia ke atas pembebasan Irian Barat, tidak mempengaruhi tema daripada kenyataan tentang dasar Indonesia terhadap dunia luar. Kenyataan-kenyataan permusuhan terhadap Belanda masih tetap dikemukakan dalam pidato tahun 1962 meskipun dalam bentuk menjejaki kembali pelaksanaan konfrontasi terhadap Belanda. Dengan demikian, dalam pidato tahun 1962 sikap permusuhan kepada Belanda mempunyai kelonggaran tetapi dilihat mencerminkan keraguan yang wujud dalam diri Sukarno tentang kesungguhan Belanda menerima persetujuan penyerahan Irian Barat ke tangan Indonesia, seperti yang diungkapkan sebagai berikut, “Maka manakala kami daripada pihak Indonesia terpaksa tetap waspada, tetap dalam kedudukan perjuangan, tetap dalam *stelling* (bersedia), tetap dalam Trikora, tetap sehingga ada kenyataan-kenyataan yang nyata, bahawa kali ini persetujuan Indonesia-Belanda itu benar-benar dilaksanakan secara jujur dan tidak mengikut Renville dan Ling-gajati”.<sup>367</sup>

Ketika Sukarno pada akhirnya melihat proses penyerahan Irian Barat berjalan lancar dan baik serta sesuai dengan cadangan, maka dalam Pidato HUT

---

<sup>365</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 168.

<sup>366</sup> *Majalah Minggu Pagi*. 4 April 1965. No. 1 Tahun ke XVIII. hlm. 5.

<sup>367</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 70.

Proklamasi tahun 1963, Sukarno tidak menyatakan ungkapan-ungkapan yang menunjukkan bahwa pemerintah Indonesia masih mempertahankan dasar konfrontasi terhadap Belanda. Tetapi dasar konfrontasi terhadap imperialisme kekal dipertahankan. Konfrontasi ke atas kolonialisme berganti menjadi konfrontasi terhadap neo-kolonialisme.

Pada masaselepas pembebasan Irian Barat, Sukarno juga mendapatkan istilah baru untuk menamakan himpunan negara-negara kapitalis yang mengamalkan imperialisme dan neo-kolonialisme sebagai *Oldefo*. Dengan demikian, sasaran umum dasar konfrontasi Indonesia di dunia antarabangsa adalah imperialisme, neo-kolonialisme dan *Oldefo*. Manakala kenyataan-kenyataan persahabatan daripada dasar luar negara Indonesia mula mendapatkan nuansa baru sehubungan bermulanya konsep "Dunia Baru" dan "Nefos" dalam pidato Sukarno pada tahun 1963. Berdasarkan perkara tersebut Sukarno menyatakan;

"Hubungan Indonesia dengan dunia antarabangsa tidak semata-mata didasarkan atas keuntungan materiil belaka, tidak, melainkan juga menyangkut hubungan Revolusi Indonesia dengan Revolusi Umat Manusia. Di dalam hubungan ini kita bergabung di dalam apa yang saya namakan "New Emerging Forces", --kita adalah satu anggota yang dinamis dan militan di dalam gabungan *New Emerging Forces* itu? *New Emerging Forces* adalah satu kekuatan raksasa (gergasi) yang terdiri daripada bangsa-bangsa dan golongan-golongan progresif yang hendak membangun satu Dunia Baru yang penuh dengan keadilan dan persahabatan antar-bangsa, satu Dunia Baru yang penuh dengan perdamaian dan kemakmuran,-- satu Dunia Baru tanpa imperialisme dan kolonialisme dan *exploitation de l'homme par l'homme et de nation par nation*."<sup>368</sup>

Dalam pidato tahun 1964 seperti juga dalam pidato tahun 1963, kenyataan-

---

<sup>368</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 106.

kenyataan mengenai dasar konfrontasi Indonesia ke luaran adalah berkaitan dengan permusuhan terhadap Malaysia dan Neokolonialisme-imperialisme. Meskipun kritikan dan kecaman dikemukakan terhadap Inggris dan Amerika Syarikat, tetapi Sukarno tidak membuat kenyataan-kenyataan yang menunjukkan adanya suatu polisi konfrontasi yang diarahkan kepada kedua-dua negara tersebut. Kenyataan-kenyataan mengenai dasar konfrontasi dalam pidato 1965 memiliki tema utama yang sama seperti tahun sebelumnya, iaitu masih berpangkal pada permusuhan terhadap Malaysia dan *Nekolim*. Perbezaannya dalam kesempatan pada tahun tersebut, Sukarno membuat kenyataan yang menggambarkan dilakukannya konfrontasi terhadap Amerika Syarikat (AS) dan Inggris.

Dengan melihat kepada masa sebelumnya, Sukarno mengungkapkan tindakan memiliknegarakan modal AS --tahun 1963-- yang belum lama berselang dan memiliknegarakan modal Inggris yang sudah lama dilakukan dan memulaukan (*boycott*) filem-filem Inggris-AS. Khususnya terhadap upaya memiliknegarakan aset asing ini, meski Sukarno memiliki kuasa untuk melaksanakannya tetapi pada dasarnya telah kembali menunjukkan percanggahan Sukarno dengan kumpulan pemikiran yang sejalan dengan pemikiran Hatta sejak 1957. Ketika tahun 1957, pemerintah Indonesia melakukan pemilikannegara aset-aset Belanda maka Hatta menyatakan ketidaksetujuannya. Sebab, menurut Hatta kerana Indonesia hidup di tengah dunia imperialis dan kapitalis, Indonesia mesti membayarkan kerugian Belanda akibat upaya paksa Indonesia itu manakala Indonesia tidak memiliki kemampuan keuangan yang cukup.<sup>369</sup>

---

<sup>369</sup> Wawan. Pertentangan Sukarno VS Hatta. hlm. 463.

## 6.2.2 Kecenderungan Bertindak Tidak Mesra ke atas Persekitaran Dalam

Kenyataan-kenyataan tentang kecenderungan tindakan bermusuhan yang dikemukakan Sukarno di dalaman terdapat dalam suatu kerangka polisi untuk membangunkan suatu *order* baru yang menggantikan sistem Demokrasi Liberal yang dipandang penuh dengan keburukan. Kerana itu, demokrasi liberal menjadi sasaran asas yang hendak dihancurkan oleh Sukarno pada masa tersebut.<sup>370</sup> Jalan yang ditempuh untuk membangunkan susunan itu adalah dengan cara “*retooling for the future* (penyusunan semula untuk masa hadapan)”. Meskipun secara falsafah Sukarno memberi erti *retooling* sebagai usaha destruktif dan konstruktif secara seimbang dan berkaitan, tetapi kerana membentuk suatu *ordering* baru yang memerlukan pelupusan nilai-nilai lama maka berlaku pengukuhan pada asas konfrontasinya. Oleh sebab itu, *retooling* lebih memiliki makna sebagai polisi yang destruktif, kerana ianya merupakan jalan yang perlu dilakukan sebelum jalan konstruksi dilaksanakan.

Semboyan *retooling* merupakan inti daripada polisi konfrontasi Sukarno khasnya ke dalaman. Dalam bidang ekonomi, Sukarno memiliki niat untuk membangunkan suatu kelengkapan sistem politik yang berada di bawah kawalan kuasanya. Sasaran utama pelaksanaan *retooling* adalah; badan eksekutif, legislatif, semua alat-alat kekuasaan negara, alat-alat produksi dan alat-alat distribusi, organisasi-organisasi masyarakat.<sup>371</sup> ”...di semua lapangan, baik lapangan ekonomi, politik mahupun kemasyarakatan.<sup>372</sup>

---

<sup>370</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 138.

<sup>371</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 112.

<sup>372</sup>*Ibid.* hlm.113.

Di dalam bidang ekonomi Sukarno menyatakan garis besar *retooling*-nya;

”Herordening ekonomi:...sudah *tidak boleh* diberi jalan kepada ekonomi liberal, di mana tiap-tiap orang diberi kesempatan untuk menggaruk kekayaan *ten koste* (atas bea rakyat) daripada umum. Revolusi Indonesia *tidak mengijinkan* Indonesia menjadi padang penggarukan harta bagi sesiapa --asing atau bukan asing. Siapa menggaruk kekayaan *ten koste* daripada umum, siapa mengacau perekonomian umum, dia *akan kita tangkap*, dia *akan kita seret* (heret) di muka hakim, dia *akan kita hukum berat*, dia kalau perlukita *jatuhi hukuman mati*”.<sup>373</sup>

Sukarno juga menyatakan tindakan konfrontatif akan diterapkan untuk mengatasi kelambatan dalam menjalankan UUPA (Undang Undang Pokok Agraria --*Basic Agrarian Law*) dan UUPBH (Undang Undang Pokok Bagi Hasil --*Basic Sharecorp Law*). Kerana kelambatan ini, maka cita-cita Sukarno untuk mengatasi defisit sebanyak 120 hingga 150 juta dolar setiap tahun daripada import beras masih belum terlaksana. Sukarno menjelaskan bahawa kesulitan usaha menuju *swasembada* (jelapang) beras bukan semata-mata kerana masalah hama tetapi juga kerana faktor manusia yang merosakkan kejayaan program tersebut.<sup>374</sup> Dengan pandangan seperti itu Sukarno berniat ”*membanteras* segala pemborosan, segala pencoleng (pencuri) kekayaan negara dan segala pengacau ekonomi, kalau perlu dengan *menembak mati* mereka itu”.<sup>375</sup>

Huraian mengenai ungkapan tindakan permusuhan terhadap persekitaran di dalaman kemudiannya diperluaskan. Ini menyebabkan suasana permusuhan terasa amat kuat. Jika tahun sebelumnya Sukarno hanya membahas mengenai prasyarat bagi pemulihan ekonomi, pada kesempatan kali ini Sukarno mula

---

<sup>373</sup> *Ibid.* hlm. 116.

<sup>374</sup> *Swasembada* (bahasa Sanskrit) bererti mencukupi sendiri.

<sup>375</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 146.

memperkenalkan polisinya untuk membangunkan prasyarat tersebut. Melalui Dekon (Deklarasi Ekonomi),<sup>376</sup> yang disebut sebagai Manipolnya Ekonomi, Sukarno memperkenalkan dan memperluas dasar konfrontasi. “Jika Manipol ditujukan untuk menyatakan “*stop*” kepada penyelewengan-penyelewengan di bidang politik, maka Dekon menyatakan *stop* kepada penyelewengan-penyelewengan di bidang ekonomi”.<sup>377</sup> Malahan Dekon juga diarahkan untuk menghapuskan konsep-konsep yang ada, keinginan-keinginan menolak anggapan bahawa sosialisme dapat diselenggarakan tanpa menghapuskan dahulu sisa-sisa imperialisme dan feodalisme”.<sup>378</sup>

*Retooling* di bidang kenegaraan, politik dan keamanan merupakan tumpuan perhatian pemerintahan Sukarno. Dalam bidang-bidang ini, kenyataan-kenyataan tentang tindakan permusuhan pemerintah sudah secara tersirat meyakinkan bahawa pemerintahan yang baru akan menguatkuasakan suatu pemusatan kekuasaan di tangan satu institusi dan melibatkan seorang pemimpin. Petunjuk tentang perkara ini disuarakan oleh Sukarno;

”Di bidang Legislatif, saya harap *retooling* juga dijalankan terus: siapa yang tidak bersumpah setia kepada UUD 45 *dikeluarkan* daripada DPR, siapa yang ikut pemberontakan, *dipecat* (dihentikan) daripada DPR dan *akan dihukum*. Siapa yang tidak mengerti apa makna”kembali kepada UUD 45” sebenarnya, *sebaiknya ia keluar* sahaja daripada DPR!”<sup>379</sup>

Kenyataan yang terang memperlihatkan ”betapa berkuasanya” pemimpin tertinggi pada sistem politik yang baru adalah berkenaan dengan rancangan Sukarno untuk membina Lembaga Tertinggi Negara yang sifatnya sementara, di

<sup>376</sup> Dekon ialah akronim daripada Deklarasi Ekonomi.

<sup>377</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 101.

<sup>378</sup> *Ibid.*

<sup>379</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 112.



mana anggota-anggotanya ditentukan oleh Presiden. Selari dengan kuasa seperti ini, Sukarno menyatakan, "...yang kontra-revolusioner, *tidak akan* saya angkat jadi anggota Majelis Permusyawaratan Sementara itu".<sup>380</sup>

Dunia kepartian kembali dijadikan isu dalam pidato pada tahun 1965, pengulangan ungkapan permusuhan menjadi pertanda adanya peningkatan permusuhan pemerintah terhadap mereka. Pada pidato ini, Sukarno membuat kenyataan tindakan permusuhan baru yang berkaitan dengan ancaman terhadap parti-parti yang ada, dikatakannya;

"sudah barang tentu, kalau di kemudian hari diantara 10 parti itu ada yang menyeleweng, ada yang menjadi anti Manipol atau menjadi *Manipolis-munafik* atau sudah parah (teruk) penyakit phobi-phobinya, Presiden/Panglima Tertinggi *tak akan ayal (ragu) untuk juga membubarkan parti yang demikian*".<sup>381</sup>

Kemudian dengan sasaran yang lebih khusus, Sukarno meneruskan ancamannya, "Terhadap oknum-oknum (individu-individu) yang lewat parti-parti menggendutkan (menggemukakan) kantong (beg) sendiri *akan diambil tindakan tegas*".<sup>382</sup> Ancaman ini akhirnya diperluas sasarannya, bukan hanya berkaitan dengan kepartian, tetapi juga kepada pihak-pihak lain, dikatakannya; "Juga yang menggendutkan (menggemukakan) kantong (beg) sendiri lewat jambatan-jambatan lain, apakah PDN (Perusahaan (syarikat) Dalam Negeri), atau PN (Perusahaan Negara) atau BPU (Badan Pelayanan (perkhidmatan) Umum) atau departemen ini atau jawatan itu, juga *mereka ini akan diambil tindakan tegas*".<sup>383</sup>

---

<sup>380</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 128.

<sup>381</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 135.

<sup>382</sup> *Ibid.* hlm. 135.

<sup>383</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 135. PDN ialah Perusahaan (syarikat) dalam Negeri, PN ialah Perusahaan (syarikat) Negara dan BPU ialah Badan Pelayanan (perkhidmatan) Umum.

Ungkapan serupa dikemukakan ketika Sukarno membicarakan tentang kejayaan pemerintah dalam membasmi pemberontak. Dalam kesempatan itu, dengan alasan kejayaan mengatasi kekuatan pemberontak, Sukarno membuat kenyataan ancaman terhadap semua pihak supaya tidak cuba "bermain api kontra revolusi", dikatakannya; "...tiap-tiap pengacau, tiap-tiap pengrusak (perosak) akan berhadapan langsung dengan kekuatan pemerintah, dan pemerintah *tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan yang sepatutnya* (sesuai) terhadap mereka itu".<sup>384</sup>

Manakala *retooling* di bidang kemasyarakatan diertikan sebagai menghimpun dan memobilisasi seluruh modal, tenaga dan sarana dengan syarat; "*funds and forces*" (dana dan kekuatan) yang tidak progresif, tenaga-tenaga reaksioner dan anti revolusioner, akan ditolak malahan akan ditentang. Sukarno juga menambah, "tenaga-tenaga yang tidak memenuhi syarat pokok (utama) kita itu *hendaknya* minggir (berundur) sahaja, dan sekali-kali janganlah menghalang-halangi kita. Sebab setiap penghalang *akan kita terjang*, setiap rintangan *akan kita singkirkan*".<sup>385</sup>

Pada tahun 1959, pemerintahan Sukarno memulakan polisi *retooling* yang menimbulkan kekecohan nasional. Melalui Peraturan Presiden No.13/1960 yang berakar pada Penetapan Presiden No.7/1959; Sukarno bermula dengan "meng-ganyang" parti-parti yang telah wujud dalam sistem kepartian Liberal. Penetapan Presiden pada tahun 1959 telah mendapatkan canggahan hukum oleh M. Ardiwinangun, beliau menyatakan bahawa penetapan presiden itu yang

---

<sup>384</sup>*Ibid.* hlm. 180.

<sup>385</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 114.

memiliki kedudukan lebih tinggi daripada Undang undang ialah bertentangan dengan asas hukum berlandaskan pada UUD 45.<sup>386</sup>

Pada tarikh 17 Ogos 1960, melalui pidato HUT Kemerdekaan Republik Indonesia, Sukarno membubarkan dua parti yang dijadikan sasaran pertama, ialah Majelis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi) dan Parti Sosialis Indonesia (PSI). Utamanya parti Masyumi, melalui Pengetua Parti, Prawoto Mangunkusumo melakukan perlawanan hukum atas keputusan ini, berasas pada anggapan bahawa tindakan Sukarno sebagai tidak syah keranamelanggar UUD 45.<sup>387</sup> Prawoto bersama sama dengan penasihat hukumnya, Mohamad Roem, membawa perkara ini ke Pengadilan Istimewa Jakarta dan kemudian ke Pengadilan Tinggi Jakarta namun tiada hasil.<sup>388</sup>

Namun Sukarno tidak berhenti di situ, terhadap parti-parti yang lain Sukarno mengungkapkan kecenderungan untuk bertindak tidak bersahabat melalui amaran;

Parti-parti yang biasanya saya cap dengan perkataan "parti gurem"(parti yang amat kecil), *tidak akan diakui*...kita mesti berusaha *jangan sampai adaparti yang tidak diakui tetapi juga tidak dilarang, tapi bisa bergerak di dalam segala bidang untuk secara sembunyi-sembunyian menentang Manipol dan USDEK*... Parti hanya bisa bersifat satu diantara dua: atau *dilarang* atau pro Manipol/USDEK.<sup>389</sup>

Pada pidato tahun 1961, dengan menghuraikan keburukan-keburukan demokrasi liberal, Sukarno mengungkapkan kecenderungan tindakan tidak mesranya untuk menghancurkan sistem lama. Meskipun dalam pidato kali ini Sukarno memperkenalkan *Resopim* --yang juga merupakan tajuk pidatonya--iaitu;

<sup>386</sup> Harian Abadi. 5 November 1959. hlm. 1, kol. 2-3.

<sup>387</sup> Majalah Kiblat No. 16. 30 Januari 1967 Tahun XIII. hlm. 31-32.

<sup>388</sup> Harian Rakyat. 11 Oktober 1960. hlm. 1., kol. 5.

<sup>389</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 154.

Revolusi, Sosialisme dan Pimpinan sebagai Tritunggal syarat mental revolusi Indonesia, tetapi Sukarno menyatakan bahawa Tritunggal sahaja tidak cukup untuk menjamin kejayaan suatu perjuangan. Baginya, *Resopim* hanyalah sebagai pelincir perjalanan revolusi manakala kejayaan itu terletak pada usaha-usaha keras di bentuk ”menghantam dan menggempur segala halangan dan rintangan”.<sup>390</sup> Pelaksanaan revolusi tersebut memerlukan bersatunya seluruh tenaga, kelompok-kelompok revolusioner dan bukan hanya monopoli dari satu kumpulan. Kumpulan-kumpulan anti revolusioner dan kontra-revolusioner tidak hanya ditolak dalam persatuan nasional, “malahan mesti *digosok karbol* (dibersihkan dengan cecair disinfektan (pembasmi kuman))”,<sup>391</sup> juga mesti membuang jauh-jauh semangat rutinisme, *amtenarisme* (sikap berkuasa), *pegawaiisme*, *ndoroisme* (dan *sumuhun dawuhisme* (tidak memiliki inisiatif), tidak ada tempat bagi birokratisme dan ”uler kambangisme” (sikap malas).<sup>392</sup>

Gambaran bahawa Sukarno menggunakan setiap pidato HUT Kemerdekaan RI sebagai satu peluang untuk mengungkapkan dasar permusuhannya begitu kuat, tetapi baru pada pidato tahun 1963 menjadi kenyataan. Sukarno menyatakan;

”Pidato tarikh 17 Ogos mesti pula tidak segan-segan *mengoyag-oyag* (mengguncangkan-guncangkan) orang yang alpa, *menjewer* (menarik telinga) orang-orang yang bersalah *menempeleng* orang-orang yang bersalah besaran, *menghantam*, *menendang* orang yang bersalah besar”.<sup>393</sup>

<sup>390</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 15.

<sup>391</sup> *Ibid.* hlm. 30.

<sup>392</sup> *Ibid.* hlm. 7.

<sup>393</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 85. *Mengoyag-oyag* bererti menggoncang-goncangkan. *Menjewer* bererti menarik kuping ke atas. *Menempeleng* bererti memukul muka dengan telapak tangan. Semua istilah ini berasal daripada bahasa etnik Jawa.

Dalam pidato tahun ini juga, dengan mengubah semboyan “*history is a continuity* (sejarah adalah berterusan)” menjadi “*revolution is a continuity* (revolusi adalah berterusan)”, Sukarno menegaskan untuk meneruskan penguatkuasaan politik konfrontasi. Sukarno memperinci sasaran daripada polisi konfrontasinya menjadi;

Konfrontasi terhadap segala rintangan  
 Konfrontasi terhadap kontra revolusi  
 Konfrontasi terhadap subversi  
 Konfrontasi terhadap *vested interest*  
 Konfrontasi dalam mengubah konservatifme mental  
 Konfrontasi memperjuangkan konsepsi-konsepsi baru”.<sup>394</sup>

### 6.2.3 Rumusan

Kenyataan-kenyataan tentang kecenderungan tindakan tidak mesra Sukarno sejak berdirinya Demokrasi Terpimpin dapat dilihat sejak Pidato HUT Kemerdekaan RI tahun 1959. Kecenderungan ini dapat dilihat daripada kenyataan-kenyataan Sukarno yang mengandungi tindakan-tindakan permusuhan tentang perkara yang hendak dilakukan ke atas musuh-musuhnya. Sasaran daripada kecenderungan tindakan permusuhan yang diungkapkan Sukarno ialah pihak-pihak yang selama ini sudah terkena ungkapan rasa permusuhannya, iaitu pihak-pihak yang sebelumnya dipersepsikan sebagai pihak-pihak yang menghalang dan mengancam nilai-nilai yang menjadi alasan pelaksanaan perjuangan kemerdekaan Republik Indonesia.

Dalam menghadapi persekitaran luar yang dinilai dan dirasakan tidak mesra malahan mengancam Indonesia, Sukarno cenderung mengambil tindakan-tindakan permusuhan. Kecenderungan seperti ini memiliki akarnya dalam

---

<sup>394</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 92.

kepercayaan instrumental Sukarno yang menyatakan bahawa dalam menghadapi kolonialisme, imperialisme (dan kapitalisme sebagai motifnya) mesti dilakukan dengan cara paksaan; *machtvorming* (pembinaan kekuatan) dan *machtsaanwending* (paksaan).

Kecenderungan Sukarno untuk melakukan tindakan permusuhan dapat dilihat dalam menghadapi masalah Irian Barat. Ketika tiada jalan damai yang boleh dilakukan, Sukarno menyatakan akan mengambil jalan yang disebutnya sebagai jalan mengingkari aksara bagi mengusir bendera tiga warna daripada bumi Indonesia. Seterusnya, Sukarno menegaskan bahawa dalam perjuangannya membebaskan Irian Barat, cara-cara konfrontasi digunakan yang melibatkan penggunaan kekuatan. Keinginan Sukarno untuk melakukan tindakan permusuhan ditujukan juga kepada Amerika Syarikat atas imperialisme yang dilakukan di wilayah Indo Cina, untuk itu Sukarno menuntut Amerika untuk keluar daripada kawasan tersebut. Malahan ke atas PBB, Sukarno menuntut PBB untuk dirombak semula kerana ketidakadilan yang dilakukan.

Dalam menghadapi persekitaran di dalaman yang dinilai dan dirasakan tidak mesra malahan mengancam Indonesia telah dilakukan kecenderungan tindakan yang sama seperti yang dilakukan kepada persekitaran luaran. Sukarno juga cenderung mengamalkan tindakan-tindakan permusuhan. Sukarno memiliki kepercayaan instrumental yang menyatakan bahawa dalam menghadapi masalah-masalah yang berkaitan dengan kolonialisme, imperialisme dan kapitalisme dan liberalisme ideologi, mesti mengutamakan cara-cara *coercive* (paksaan). Masalah-masalah di dalaman Indonesia menurut Sukarno adalah berkaitan

dengan fahaman Barat sehingga permasalahan yang bersumber daripadanya mesti juga ditangani dengan paksaan.

Oleh sebab itu, apabila Sukarno mengemukakan konsep Dekon (deklarasi ekonomi), kecenderungan tindakan permusuhan diungkapkan dengan mengharamkan konsep-konsep, *keinginan-keinginan* dan tindakan-tindakan yang menuju kapitalisme serta tidak dibenarkan beranggapan bahawa sosialisme diselenggarakan tanpa menghapuskan dahulu sisa-sisa imperialisme dan feodalisme. Manakala dalam menghadapi kesan yang tidak diharapkan daripada liberalisme, Sukarno menyatakan akan menarik garis pemisah antara kawan dan lawan. "Revolusi terpaksa mengenal garis pemisah antara kawan revolusi dengan lawan revolusi...lawan revolusi mesti kita hentam, kita gempur, kalau perlu kita binasakan sama sekali", "kawan mesti dirangkul (dipeluk), tetapi lawan mesti dihentam."

Meskipun Sukarno berperinsip sedemikian tetapi dalam amalannya, jalan damai memiliki peluang untuk dipilih. Kerana Indonesia memiliki asas negara yang dikenali sebagai Pancasila (lima asas) yang menetapkan musyawarah untuk muafakat sebagai jalan untuk mengatasi masalah di dalaman. Namun akhirnya, ketika pilihan untuk melakukan tindakan permusuhan ditetapkan adalah sebenarnya didorong oleh usaha yang tidak berkesan daripada jemputan damai yang sudah diusahakan sebelumnya.

### **6.3 Aspek psikologi lain: Penilaian Sukarno ke atas Polisi Dirinya Sendiri**

Huraian tentang penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri menolong menjelaskan konfrontasi, kesannya, justifikasinya dan implikasinya. Penilaian

Sukarno ke atas polisinya sendiri pada dasarnya ialah *efficacy evaluation* (evaluasi keberhasilan) yang menunjukkan suatu penglibatan tindakan boleh berkesan di bawah keadaan pelaksanaan yang optimum.<sup>395</sup> Matlamat muktamad daripada penilaian Sukarno ini ialah perbaikan melalui pilihan, penyeliaan, penambahbaikan daripada polisi dan menjadikannya logik.<sup>396</sup>

Sukarno menempatkan Pidato Presiden pada setiap tarikh 17 Ogos sebagai suatu perkiraan ke atas dasar dan tindakannya di masa lepas. Perkiraan ini yang diistilahkan juga oleh Sukarno sebagai *afrekening* (penilaian) dan *stock opname* (mencatatkan simpanan) bertujuan untuk melihat dan melangkah ke hadapan. Dalam kaitannya dengan politik konfrontasi yang disebut sebagai "suatu perjalanan yang tidak berhujung" (*as a no journey ends*) Sukarno menyatakan:

"Kita boleh merasa puas dengan apa yang sudah kita capai di masa lampau, akan tetapi waspadalah buat masa yang akan datang: kita masih mesti maju terus maju terus, maju terus, untuk mencapai hasil dan kemenangan baru, kemenangan baru sebagai tambahan modal untuk memberikan pukulan baru, pukulan yang menentukan pada rintangan dan musuh-musuh revolusi".<sup>397</sup>

Penilaian Sukarno ke atas polisinya sendiri adalah sangat bertentangan dengan penilaian lawan-lawan politiknya. Jika Sukarno memandang segala pemikiran dan praktiknya adalah benar semata maka lawan politik justeru menilai landasan pemikiran Sukarno adalah salah yang berakibat kesalahan-kesalahan yang lebih jauh ketika pemikiran itu diamalkan. Lawan-lawan politik utama Sukarno ialah

---

<sup>395</sup> Takrif ini dibuat berlandaskan pendapat David J. Torgerson and Celia A. Taylor. Randomized Controlled Trials and Nonrandomized Design di dalam *Handbook of Practical Program Evaluation*. Joseph S. Wholey, Harry P. Hatry and Kathryn E. Newcomer. (eds). (2010). San Francisco: Jossey-Bass. hlm.144-181.

<sup>396</sup> Takrif ini dibuat berlandaskan pendapat Melvin M. Mark. (2000). *Evaluation: an Integrated Framework for Understanding, Guiding, and Improving Policies and Programs*. San Francisco: Jossey-Bass. hlm. 3.

<sup>397</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 193.



Mohammad Hatta yang dipandang mewakili pemikiran Barat tampil sebagai pengecam utama terhadap Demokrasi Terpimpin<sup>398</sup> dan kelompok Islam moderat yang diwakili oleh Muhammad Natsir.<sup>399</sup>

Hatta menilai secara kritikal ke atas Dekri 5 Juli 1959 yang membubarkan Parlimen sebagai suatu tindakan yang bertentangan dengan konsitusi dan dipandang sebagai *coup d'etat*. Seterusnya Hatta membincangkan tindakan Sukarno yang menunjuk sendiri anggota anggota-anggota Dewan Nasional dan Dewan Perancang Nasional yang menggantikan tugas pemerintahan dan legislatif daripada Parlimen yang telah bubar. Kemudian Sukarno juga menunjuk sendiri anggota-anggota DPRGR yang ditubuhkan untuk menggantikan DPRS.<sup>400</sup> Berkenaan dengan ini, Prawoto, pengetua parti Masyumi menyatakan pengangkatan anggota-anggota DPRGR oleh Sukarno itu mengingatkan dirinya kepada kata-kata bersejarah daripada Loudwyk XIV: “L’etat c’est moi” (negara adalah aku).<sup>401</sup>

Tindakan Sukarno ini telah mengusik pemikiran Hatta, baginya praktik demokrasi oleh Sukarno telah melewati batas batas kelayakannya. Ini menandai lenyapnya sisa-sisa demokrasi yang penghabisan dan menghantar Indonesia masuk ke masa krisis demokrasi. Malahan dikatakannya demokrasi terpimpin Sukarno telah menjadi suatu diktatur yang didukung oleh kumpulan-kumpulan

---

<sup>398</sup> Aswab Mahasin dan Ismed Natsir. (eds). (1984). *Cendekiawan dan Politik*. Jakarta: LP3ES. hlm. xi.

<sup>399</sup> Iin Nur Insaniwati. (2002). *Mohamad Roem: Karier Politik dan Perjuangannya (1928-19680)*. Magelang: IndonesiaTera. hlm. 43.

<sup>400</sup> Mohamad Hatta. Demokrasi Kita. di dalam *Pertentangan Sukarno VS Hatta*. Wawan Tunggul Alam SH. Jakarta: Gramedia. 2003. hlm. 348-367.

<sup>401</sup> S. U. Bajasut dan Lukman Hakiem. (2014). *Alam Pikiran dan Jejak Perjuangan Prawoto Mangkusasmito*. Jakarta: Kompas. hlm. 179.

tertentu sahaja. Krisis demokrasi yang telah menghantar suatu pemerintahan menjadi diktatur adalah kebenaran hukum besi daripada sejarah dunia. Sejarah dunia memberi petunjuk pula bahawa diktatur yang bergantung kepada kewibawaan orang seorang tidak lama umurnya.<sup>402</sup>

Pandangan atau penilaian Hatta terhadap Demokrasi Terpimpin yang dipublikasikan tentu menjadi ancaman bagi Sukarno. Ke atas tulisan ini, Sukarno bahkan melarang peredarannya dan mengancam sesiapa yang memiliki tulisan ini. Semenjak itu, Sukarno melakukan komen-komen tandingan dengan melakukan serangan verbal yang diucapkan di pelbagai kesempatan, khasnya pidato HUT pada tahun 1961 hingga 1965 yang memiliki audiens yang luas kerana disebarkan hingga ke pelbagai penjuru Indonesia. Meskipun Hatta tampaknya hanya sekedar berpendapat tetapi memiliki efek yang luas dan dapat menguatkan kembali spirit para penentang Sukarno, sehingga adalah wajar kalau Sukarno merasa terancam. Kerana itu, Sukarno tidak segan mengungkapkan emosi ketidaksukaannya dan mengungkapkan keinginannya untuk melakukan tindakan-tindakan permusuhan yang lebih keras. Pihak-pihak yang disebut Sukarno sebagai pemikir ala Rotterdam, ahli falsafah, yang berpikir mengikuti *textbook* terlebih yang berpikir revolusi sudah selesai tidak lain adalah Hatta.

Manakala penentangan kaum Islam terhadap Sukarno ialah berkenaan dengan sikap sekuler Sukarno yang melepaskan negara dari aturan Islam. Merekaboleh bersetuju dengan negara demokrasi tetapi tidak setuju Pancasila

---

<sup>402</sup> Hatta. Demokrasi Kita. hlm. 348-367.

dijadikan dasar negara.<sup>403</sup> Akibat lebih jauh sikapnya ini, mereka sangat anti komunis ketambahan ketika Partai Komunis Indonesia berjaya mendekati Sukarno dan memiliki peranan yang besar di dalam pemerintahan Sukarno.

Pada tahun 1940, Natsir terlibat polemik dengan Sukarno mengenai hubungan agama dengan negara dimana Natsir berpegang agama tidak dapat dipisahkan dari negara manakala Sukarno yang berpikir sekuler berpendapat sebaliknya. Awal permusuhan politik antara kedua dua tokoh ini ialah berkenaan kecaman yang keras daripada Sukarno terhadap pelaksanaan demokrasi di Indonesia pada masa itu.

Pada tahun 1956 Sukarno yang menyatakan pelaksanaan demokrasi liberal tidak sesuai dengan jiwa dan kepribadian bangsa dan berniat menguburkan parti-parti dan membangunkan demokrasi yang lain telah ditentang dengan keras oleh Natsir. Sebab jika parti-parti dikuburkan maka yang ada ialah diktator.<sup>404</sup> Hingga pada tarikh 21 Februari 1957 Sukarno mengemukakan suatu idea yang dikenal sebagai “Konsepsi Presiden” untuk menyusun semula sistem kenegaraan dengan menubuhkan Dewan Nasional, Natsir kembali menolak dengan kuat dan mengecam tindakan ini sebagai tindakan tidak konstitusional. Tetapi Sukarno malahan mengemukakan bahwa konstitusi dibuat untuk manusia bukan manusia untuk konstitusi.<sup>405</sup> Natsir tampaknya telah mencium gelagat bahawa demokrasi lain yang hendak dibangunkan oleh Sukarno ialah semacam sistem diktator.

Sementara itu, pertentangan langsung antara Sukarno dengan Prawoto

---

<sup>403</sup> Ahmad Suhelmi. (1999). *Soekarno Versus Natsir*. Darul Falah. hlm. 86-87

<sup>404</sup> Anwar Harjono, dkk. (Penyunting). (1996). *Pemikiran dan Perjuangan Muhammad Natsir*. Jakarta: Pustaka Firdaus. hlm. 2-3.

<sup>405</sup> *Ibid.* hlm. 3.

Mangunkusumo dan Muhamad Roem tumbuh berkenaan dengan niat Sukarno untuk membubarkan Masyumi berdasarkan Penpres no.7/1959. Apabila melalui pidato HUT Kemerdekaan Sukarno menyatakan bahawa Masyumi harus bubar, maka perlawanan Prawoto dan Roem terhadap keputusan Sukarno itu mulai dikemukakan. Mereka menolak pembubaran Parti Masyumi kerana ada beberapa pemimpinnya yang menyokong PRRI, bagi mereka tindakan individu anggota parti tidak bisa dibebankan kepada parti itu sendiri. Mereka juga mengemukakan pertimbangan Sukarno kerana menganggap Masyumi sebagai parti yang anti revolusioner sebab itu ianya mesti dibubarkan. Juga dikecamnya anggapan Sukarno yang menyatakan revolusi belum selesai, menetapkan sudah selesai atau tidaknya sebuah revolusi secara subjektif maka pemerintah akan berkesudahan kepada pemerintahan diktatur atau *oligarchi*.<sup>406</sup> Penpres yang tidak sesuai dengan Undang-undang ialah merupakan pelanggaran terhadap UUD 45 dan UUD tidak dapat diganggu gugat secara revolusioner.<sup>407</sup>

Kekecewaan Masyumi terhadap tindakan Sukarno ini tampak berbekas amat mendalam di dalam hati Roem, sehingga setelah Sukarno jatuh ia sempat menyatakan, “Berlawanan dengan cita-citanya tentang negara merdeka “semua untuk semua”, sekarang sesudah 21 tahun merdeka, kita mengalami satu masa dimana di bawah kepemimpinan Sukarno negara kita mengagungkan satu orang, yaitu ia sendiri”.<sup>408</sup> Bahkan Roem juga tampak kecewa dengan pandangan Sukarno yang memeras Pancasila menjadi 1 sila gotong royong dengan

---

<sup>406</sup> Harian Abadi. 29 dan 30 Ogos 1960. hlm. 1, kol. 8-9.

<sup>407</sup> Harian Abadi. 18 Ogos 1960. hlm. III., kol. 4-9.

<sup>408</sup> Majalah Kiblat No. 20 ke XIII. Maret ke II 1967. hlm. 50.

menghapus sila Ketuhanan Yang Maha Esa yang sakral bagi umat beragama.<sup>409</sup> Senada dengan Roem, Hatta juga menyatakan; “Sukarno juga tidak jujur mengamalkan Pancasila, di bibir mengatakan berpegang pada dasar Ketuhanan Yang Maha Esa di dalam praktik berbuat dan menerima saja pelbagai perkara yang bertentangan dengan itu”.<sup>410</sup> Seterusnya Hatta menyatakan, “...demokrasi yang berarti pemerintahan rakyat dengan tanggung jawab bersama mudah saja diganti dengan “kultus individu”.<sup>411</sup>

Bagi pihak luaran, konfrontasi Sukarno ke atas Malaysia dipandang sebagai pengamalan keinginan bagi meluaskan kekuasaan.<sup>412</sup> Ini bercanggah dengan kenyataan Sukarno yang selalu mengaitkan konfrontasinya sebagai upaya bagi pencapaian tujuan kemerdekaan Indonesia. Perkara bahawa Sukarno memiliki motivasi meluaskan wilayah, kenyataannya bukan sahaja berlaku bagi isu Irian Barat tetapi juga di dalam isu Malaysia. Kerana pada masa kempen merebut Irian Barat, lawan-luaran polisi konfrontasi Sukarno telah terlebih dahulu menuduh Sukarno sebagai “ekspansionis, irredentis dan imperialis-kolonialis”.<sup>413</sup>

Bukan hanya sampai disini, konfrontasi juga tampak sebagai arena daripada interaksi prestij dan faedah politik bagi Sukarno dimana dia mencari sokongan ke atas polisinya. Namun politik “Ganyang Malaysia” telah memperlihatkan bahawa Sukarno telah salah di dalam mengirakan

---

<sup>409</sup> *Ibid.*

<sup>410</sup> Majalah Kiblat No. 22 ke XIII. April ke II 1967. hlm. 20.

<sup>411</sup> *Ibid.* hlm. 21.

<sup>412</sup> Sukarno, *Pidato tahun 1962*. hlm. 59

<sup>413</sup> *Ibid.* hlm. 59. Irredentis (pengucapan dalam bahasa Indonesia keatas irredentist) ialah the doctrine that irredenta should be controlled by the country to which they are ethnically or historically related.

ketepatan cara atas tujuannya, konfrontasi ke atas Malaysia bukanlah cara yang benar bagi pencapaian tujuan kemerdekaan Indonesia.<sup>414</sup>

Di sebalik polisi Sukarno yang berhasil secara gemilang memenangkan permainan kekuasaan dalam isu Irian Barat, justeru lawan-lawan luaran melihat sisi negatif daripada kemenangan Indonesia itu. Kemenangan Indonesia ke atas Belanda dalam isu Irian Barat telah menjerumuskan Indonesia ke dalam kesukaran ekonomi. Manakala hutang luar negeri Indonesia belum dapat dikendalikan, kampanye merebut Irian Barat telah meningkatkan beban ekonomi yang menjadi masalah serius bagi ekonomi Indonesia pada awal 1960an.<sup>415</sup> Rencana Pembangunan Lapan Tahun yang dibuat pada penghujung 1960, pelaksanaan dan pencapaiannya berhenti terkait tidak bertumbuhnya ekonomi dan inflasi yang berlaku pada tahun 1962.<sup>416</sup>

Keberhasilan Indonesia di dalam isu Irian Barat pada tahun 1962 telah memberikan sokongan moral dan emosional kepada Sukarno untuk menciptakan isu nasional lainnya dengan melancarkan konfrontasi ke atas Malaysia pada tahun 1963. Bagi Sukarno konfrontasi ke atas Malaysia merupakan konsekuensi daripada prinsip bahawa “revolusi tiada mengenal henti”. Tetapi secara kritik motif di sebalik konfrontasi ke atas Malaysia ialah

---

<sup>414</sup> Michael Leifer. (1986). *Politik Luar Negeri Indonesia*. Terjemahan. Jakarta : Gramedia. hlm. 159.

<sup>415</sup> Justus M. van der Kroef. (1962). Indonesian Economic Difficulties. *International Journal*. vol. xvii, part 4, 1962, hlm.399.

<sup>416</sup> William A. Redfern. (2010). *Sukarno's Guided Democracy and the Takeovers of Foreign Companies in Indonesia in the 1960s*. (a dissertation) University of Michigan. hlm. 6.

suatu upaya politik untuk mengalihkan rakyat dari kesukaran di dalaman.<sup>417</sup>

Apabila kekuasaan Belanda ke atas Irian Barat dipandang sebagai penghambat bagi dilakukan upaya pencapaian cita-cita revolusi berkait dengan kemakmuran bangsa, lagi lagi Sukarno meletakkan keberhasilan konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia sebagai pijakan awal dilaksanakan pembangunan ekonomi Indonesia.<sup>418</sup> Kedua-dua kes itu menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi pemerintahan Sukarno tidak boleh dilaksanakan. Politik konfrontasi ke atas Malaysia telah membawa Sukarno mengabaikan komitmen pembangunan ekonomi yang dinyatakan pada masa perebutan Irian Barat manakala jatuhnya Sukarno oleh Suharto telah menutup peluang bagi Sukarno untuk merealisasikan janjinya tentang program ekonomi bilamana konfrontasi ke atas Malaysia tamat.<sup>419</sup> Namun sebelum jatuhnya kuasa Sukarno di Indonesia, konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia bahkan telah menjauhkan simpati pemimpin Asia Afrika terhadap Sukarno. Pada bulan Oktober 1964, di konferensi negara-negara berkecuali ke dua di Kairo, daripada peserta konferensi Sukarno gagal memperoleh sokongan bagi konfrontasinya ke atas Malaysia.<sup>420</sup> Pemimpin Asia Afrika tidak setuju Indonesia menerapkan formulasi Irian Barat ke atas Malaysia dan tidak setuju menganggap Malaysia sebagai neokolonialisme. Bahkan konfrontasi ke atas Malaysia dan Barat telah membahayakan kepentingan nasional Indonesia, khususnya ke atas

---

<sup>417</sup> Donald Hindley. Indonesia's Confrontation with Malaysia: A Search for Motives, "Asian Survey", vol. iv, no. 6, June 1964. hlm. 904-913.

<sup>418</sup> Donald E. Weatherbee. Indonesia and Malaysia; Confrontation in Southeast Asia, *Orbis*, Summer 1962. hlm. 336-351.

<sup>419</sup> Leifer. hlm. 121.

<sup>420</sup> Leifer. hlm. 147

pembangunan ekonomi yang bergantung kepada bantuan luar.<sup>421</sup>

Sukarno tidak mahu memahami masalah ekonomi dan bahkan mengabaikannya.<sup>422</sup> Dengan mengutamakan politik konfrontasi, bajet tentera, memiliknegerakan syarikat-syarikat asing, pembatasan-pembatasan ke atas syarikat-syarikat luaran yang beroperasi di Indonesia dan penolakan Sukarno ke atas bantuan ekonomi luaran telah membawa rakyat Indonesia mengalami kesengsaraan serius. Indonesiamengalami *hyperinflation* yang paling teruk di dunia ketika itu, dimana inflasi itu mencapai 650 peratus pada tahun 1966.<sup>423</sup> Sebelum *hyperinflation* ini berlaku, Indonesia mengalami kejatuhan ekspor dan hutang luar negeri akibat daripadabajet tentera Indonesia sejumlah USD 2,400.<sup>424</sup> Bercanggah dengan gaya populisnya, Sukarno yang tidak tertarik kepada perkara ekonomi telah menciptakan jarak antara dirinya dengan rakyatnya, yang menderitasecara ekonomi.

Huraian dan perbincangan mengenai penilaian ke atas polisi dibezakan mengikut; penilaian kejayaan-kegagalan yang dibezakan ke dalam dimensi persekitaran luar dan di dalaman.

### **6.3.1 Kejayaan dan Kegagalan daripada Tindakan di Persekitaran Luar**

Semasa tahun pertama kekuasaannya, Sukarno mengungkapkan rasa puas hati

---

<sup>421</sup> Dewi Fortuna Anwar. (1994). *Indonesia in ASEAN: Foreign Policy and Regionalism*. New York: Palgrave Macmillan. hlm.18.

<sup>422</sup> Legge. hlm. 331

<sup>423</sup> Guy J. Pauker. (1973). *The Indonesian Economic and Political Miracle*. Santa Monica: The Rand Paper Series. hlm.1.

<sup>424</sup> Legge. hlm. 385



ke atas apa sahaja yang dicapai dan kegagalan musuh luar dalam mencabar Indonesia. Sukarno melakukan penilaian ke atas kejayaannya dalam menghadapi pihak luar negara bermula dari konteks percanggahan dengan Belanda. Kejayaan mempertahankan kemerdekaan daripada ancaman Belanda dipandang sebagai "Achievement (pencapaian) terbesar daripada masa revolusi".<sup>425</sup> Malahan Sukarno juga menyatakan bahawa pengisytirahan pada tahun 1949 tentang kedaulatan kerajaan Republik Indonesia ke atas wilayah bekas jajahan Belanda merupakan kejayaan berikutnya yang boleh dibanggakan.<sup>426</sup> Begitu juga ke atas kejayaan Indonesia bagi menghancurkan pemberontakan PRRI/Permesta. Kerana keputusan ini pihak Barat dan sekutunya yang menyokong pemberontakan boleh digagalkan.<sup>427</sup> Bagi Sukarno keputusan tersebut merupakan tanggapan yang tepat dan tegas yang menyelamatkan revolusi daripada bencana pada akhir tahun 1958.<sup>428</sup>

Pada tahun kedua pemerintahan Sukarno, ketika kehidupan politik semakin dapat dikawal, kenyataan-kenyataan mula dipelbagaikan dan menjelajah ke pelbagai perkara berkaitan antarabangsa. Keadaan ini berlaku selari dengan persiapan pemerintah untuk mewujudkan keadaan yang menyokong bagi pelaksanaan "macht politiek" (politik kekuatan).<sup>429</sup> Ungkapan-ungkapan kepuasan ke atas kejayaan tindakan Indonesia di dunia luar berkaitan dengan kedudukan dan peranan penting yang sudah dilakukan dalam hubungan antarabangsa. Sukarno berkata, "Polisi itu telah membuat hati kita "mongkok" (mengembang) dan besar,...Kita telah menduduki tempat terhormat dalam revolusi

<sup>425</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 111.

<sup>426</sup> *Ibid.* hlm. 109.

<sup>427</sup> *Ibid.* hlm. 111.

<sup>428</sup> *Ibid.* hlm. 12.

<sup>429</sup> *Macht politiek* (bahasa Belanda) bererti politik kekuatan.

yang kini bergelora di muka bumi”.<sup>430</sup> Kebanggaan ini berasaskan kepada perkara-perkara yang dipandang besar yang pernah dilakukan Indonesia, di mana pada tahun 1955, pemerintahan Indonesia di bawah Perdana Menteri Ali menyelenggarakan Konferensi Asia Afrika (KAA) di Bandung. Konferensi (persidangan) menghasilkan suatu resolusi sepuluh poin (Dasa Sila Bandung) yang sangat terkenal. Kerana dasa sila tersebut, telah berlaku pergolakan politik di pelbagai wilayah jajahan di dunia. Sukarno menyatakan; “...perjuangan kemerdekaan di pelbagai penjuru dunia; di Tunisia, Konakri, Bukarest dan Budapest serta dunia Afrika yang kini adalah laksana kancan yang berkobar menyala-nyala” *“Africa is a blaze like a burning fire”* telah meledak, kena cetusan “Semangat Bandung”.<sup>431</sup>

Pengembangan dan penekanan ungkapan Sukarno untuk memperkukuhkan kedudukan Indonesia di dunia antarabangsa, juga dikaitkan dengan kebanggaannya ke atas Proklamasi yang dicituskan beberapa saat selepas Perang Pasifik berakhir. Sukarno bangga kerana Proklamasi Kemerdekaan Indonesia merupakan kenyataan pertama daripada negara-negara terjajah di Asia. Untuk perkara tersebut, Sukarno menyatakan; “..kita telah menjadi *initiatiefnemer* (pengasas) daripada kenyataan-kenyataan kemerdekaan di lain negara, di Asia seperti India, di Pakistan, di Burma, di Vietnam, di Pilipina dll, yang semuanya menyatakan kemerdekaannya selepas proklamasi kita”.<sup>432</sup>

Dalam pidato pada tahun 1961, kenyataan kepuasan diungkapkan dengan

---

<sup>430</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm.148.

<sup>431</sup> *Ibid.* hlm.166.

<sup>432</sup> *Ibid.* *Pidato tahun 1960*. hlm. 173.

menegaskan kembali kedudukan dan peranan daripada revolusi Indonesia di peringkat antarabangsa. Sukarno mengaitkannya dengan sifat daripada revolusi yang secara khusus dianggap mencerminkan keperibadian Indonesia dan memerlukan idea-idea asli untuk menjalankan amanah revolusi tersebut. Melalui sifat muhibah ke pelbagai negara, Sukarno menilai bahawa penafsirannya adalah betul mengenai revolusi mesti berasas kepada nilai-nilai tempatan. "Revolusi kita dipelajari dengan seksama oleh dunia luar. Ada yang mempelajarinya sebagai satu fakta fenomena yang amat penting. Ada yang mengambilnya sebagai sumber pengalaman positif bagi perjuangan mereka sendiri. Malahan ada yang mengambil revolusi Indonesia sebagai sumber inspirasi".<sup>433</sup>

Kerana fakta tersebut, maka Sukarno semakin yakin bahawa penegasannya adalah benar terhadap sifat *multi complex* daripada revolusi Indonesia dan revolusi Indonesia selari dengan "*the social conscience of man*" (hati nurani sosial manusia). Sukarno juga merasa puas bahawa semboyan "*freedom to be free*" (kebebasan untuk bebas) dan "*freedom for West Irian to be free*" (kebebasan untuk Irian Barat untuk bebas) telah menarik simpati dunia.

Tahun 1962 merupakan tahun kemuncak propaganda dan persediaan fizikal untuk membebaskan Irian Barat dengan diakhiri kemenangan di pihak Indonesia. Dalam pidato yang diberi tajuk "*A year of Triumph*", tercermin rasa kepuasan yang besar ke atas usaha-usaha yang telah ditempuh dalam membebaskan Irian Barat, khasnya cara yang digunakan; yang disebut sendiri oleh Sukarno sebagai

---

<sup>433</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 7.

*palu godam* (martil besar) disertai dengan jempukan bersahabat”.<sup>434</sup> Daripada perkara ini, Sukarno menggabungkan teknik diplomasi dan paksaan terutama ketika kemungkinan penyelesaian secara damai dirasakan tidak memberi harapan. Hasil akhir daripada politik konfrontasi ini adalah ditandatanganinya kesediaan Belanda untuk secara rasmi melepaskan kekuasaannya ke atas Irian Barat bermula 10 Oktober. Bendera Indonesia mula berkibar secara rasmi di Irian Barat pada 31 Disember 1962.

Bagi Sukarno, kejayaan Indonesia dalam menyelesaikan masalah Irian Barat menjadi cerminan daripada kebenaran jalan yang sesuai dengan idea-idea asli bangsa Indonesia. Untuk itu, beliau menyatakan;

”Jikalau kita umpamanya masih sahaja hidup di dalam alam kompromis mental, jikalau umpamanya kita masih sahaja dihinggapi oleh mentale minderwaardigheid complexes (mental bahawa dirinya hina) seperti period lepas --tidak berani mencipta sendiri, tidak berani mengkonsepsi sendiri, tidak berani melepehkan (membuang sesuatu daripada mulut) kembali segala cekokan-cekokan (sesuatu yang ditelan secara dipaksakan) Belanda dan cekokan Barat...barangkali malahan makin lama masuk lagi ke dalam lumpur muara exploitation de 'lhomme par 'lhomme”.<sup>435</sup>

Bagi Sukarno, pengaruh kemenangan pembebasan Irian Barat menjadi kebanggaan yang tidak dapat digambarkan dan dihitungkan. Kesan daripada kemenangan ini, Sukarno merasa bahawa prestij pemerintahannya (juga dirinya) menjulang tinggi di mata dunia dan telah menyatakan “...*New Emerging Forces* juga mengakui konsolidasi (penyatuan) dan kemajuan kita”.<sup>436</sup> Juga dikatakan; “...*The Indonesian revolution has become a phenomenon of threatening issues*

---

<sup>434</sup>*Ibid.* hlm. 60. *Palu godam* bererti martir.

<sup>435</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 89.

<sup>436</sup>*Ibid.* hlm. 77.

(Revolusi Indonesia telah menjadi satu fenomena isu mengancam)”.<sup>437</sup>Juga, kemenangan dinilai oleh Sukarno sebagai semakin menegaskan ”*universal voice*” (suara sejagat) revolusi Indonesia.<sup>438</sup>

Tahun 1963 merupakan masa daripada populariti Sukarno sampai ke puncaknya. Dengan kedudukan yang kuat, pemerintahan Sukarno mula menolak penubuhan Kesatuan Malaysia. Konsistensi untuk melakukan konfrontasi secara berterusan terhadap pelbagai bentuk daripada manifestasi kolonialisme dan imperialisme ditunjukkan. Dalam masa pelaksanaan dasar konfrontasi terhadap Malaysia, pemerintah Sukarno berhasil mendesak pemerintah Malaysia untuk membabitkan secara aktif peranan Indonesia dalam menjaga proses penubuhan persekutuan tersebut agar berjalan sesuai dengan aspirasi rakyat tempatan. Konferensi Tingkat Tinggi (KTT)<sup>439</sup>Manila merupakan salah satu kejayaan bagi Sukarno, ”KTT Manila itu bolehlah dikatakan satu sukses bagi perjuangan progresif”.<sup>440</sup>KTT Manila memiliki erti bahawa Indonesia tidak lagi diperlakukan sebagai “patung” dan diakui bahawa Indonesia memiliki hak dan kewajipan ke atas perubahan-perubahan di kawasan Asia Tenggara. Oleh sebab itu, Sukarno menilai bahawa Indonesia tidak lagi dipandang remeh oleh dunia.

Melalui pidato pada tahun 1964, untuk kali pertama, Sukarno mengungkapkan permusuhannya terhadap satu kekuatan imperialisme terbesar di dunia, Amerika Syarikat (AS). Sukarno membuat kenyataan yang mencerminkan rasa puas hati terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh AS di Indo Cina.

---

<sup>437</sup>*Ibid.* hlm. 78.

<sup>438</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 111.

<sup>439</sup> Konferensi Tingkat Tinggi ertinya *summit meeting*.

<sup>440</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 111.

Gerila-gerila Mekong melakukan penentangan yang berani dan Norodom Sihanouk melaungkan ”*go to hell with your aid*” (pergi ke neraka dengan bantuan anda), ke atas Amerika Syarikat.<sup>441</sup> Dalam suasana merasa dikepong oleh kaum *Nekolim* dan di atas keberpihakan Amerika Syarikat terhadap Malaysia, Sukarno menyusun kejayaan-kejayaan penting dalam pelaksanaan dasar luar Indonesia, dikatakannya;

”Apa kemenangan-kemenangan kita yang bersangkutan paut dengan luar negeri?  
 Pertama, Asian Games IV, konfrontasi terhadap IOC, dan yang terpenting: Ganefo I;  
 Kedua, MMAA II, dan selainnya juga KWAA, Sidang Eksekutif KPAA, Sidang Persiapan KIAA dan FFAA III;  
 Ketiga, pemupukan kesetiakawanan AA serta penggalangan kekuatan New Emerging Forces;  
 Keempat, terbentuknya front antarabangsa yang luas anti-Malaysia, dan menggeloranya Dwikora”.<sup>442</sup>

Perkembangan baru yang berlaku di Malaysia; berkenaan dengan kerusuhan rasialis dan keluarnya Singapura daripada Persekutuan Malaysia diterima oleh pemerintah Sukarno dengan rasa puas, ”Malaysia rontok (hancur) daripada di dalam”, kata Sukarno.<sup>443</sup> Sukarno turut menilai bahawa kekacauan di Malaysia sebagai, ”Mendemonstrasikan kegagalan total (keseluruhan) daripada politik Inggeris di mana-mana, selepas gagal dengan *West Indian Federation*, gagal dengan *Central Federation of Africa*, gagal dengan *South Arabian Federation*, Inggeris gagal pula dengan ”*Federation of Malaysia*”.<sup>444</sup>

Ungkapan kepuasan dinyatakan pula dalam menilai dasar Indonesia untuk keluar

<sup>441</sup> *Ibid.* hlm. 141.

<sup>442</sup> *Ibid.* hlm. 133.

<sup>443</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 183. *Rontok* (bahasa etnik Jawa) bererti hancur.

<sup>444</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 183.

daripada PBB. Tindakan yang diambil dengan kekecohan dan sokongan massa ini, ditanggapi oleh Sukarno dengan puas hati, ia menyatakan;

”Keadaanantarabangsa dewasa ini adalah-baik dan menguntungkan kita. Keluarnya Republik Indonesia daripada PBB menambah baiknya keadaanantarabangsa itu. Sebab, walaupun ada diantara sahabat-sahabat kita di luar negara-negara yang tidak menyetujui Republik Indonesia keluar daripada PBB, atau yang mengharap Republik Indonesia kembali masuk PBB, namun keluarnya Republik Indonesia daripada PBB itu bisa mereka gunakan untuk memperkuat kedudukan mereka di dalam menghadapi Nekolim. Yang terang PBB sekarang tidak bisa main seenaknya sendiri, kerana PBB mesti memperhitungkan pendirian dan sikap negara-negara dan pemerintah-pemerintah yang berani hidup ”desnoods”(bebas) tanpa PBB”.<sup>445</sup>

Huraian di atas secara keseluruhan mengandungi kenyataan-kenyataan yang mencerminkan rasa kepuasan terhadap kejayaan dasar atau tindakan sendiri dan kegagalan dasar atau tindakan musuh-musuh luar terhadap Republik.

Kegagalan daripada tindakan di luar yang dinyatakan oleh Sukarno bermula daripada peristiwa masa lalu ketika Belanda sebagai satu kuasa kolonialis dan imperialis berjaya memasukkan Liberalisme ke Indonesia. Dalam pandangan Sukarno, tersebarnya ajaran Barat sejak KMB merupakan satu kejayaan yang dilakukan oleh Belanda dalam memperteguhkan sikap kompromi dan rendah diri daripada pemimpin-pemimpin Indonesia untuk tunduk menerapkan satu sistem sosial dan politik yang membolehkan pelaksanaan politik lama Belanda iaitu; *divide et impera*. Seterusnya Sukarno, berpendapat “...melalui KMB kita mesti mencairkan jiwa revolusi kita”, yang memberi kesan kepada perpecahan bangsa.<sup>446</sup>

Kekecewaan Sukarno selain disebabkan oleh kesan buruk penerapan

<sup>445</sup> *Ibid.* hlm. 185. *Desnoods* bererti bebas atau merdeka memutuskan ya atau tidak.

<sup>446</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1959*. hlm. 98.

Liberalisme adalah masalah penyelesaian Irian Barat. Daripada tahun 1950 hingga tahun 1957 dan terakhir pada tahun 1961, Belanda berjaya menggagalkan setiap usaha perundingan penyerahan Irian Barat ke tangan Indonesia melalui PBB walaupun penyelesaian secara dua hala. Pada ketika itu, Belanda berjaya mempertahankan kuasa kolonialismenya pada satu bahagian wilayah Republik Indonesia". Kejayaan Belanda melaksanakan jajahan ke atas Irian Barat secara paradoks memperlihatkan kegagalan Indonesia dalam mendahulukan cara-cara persuasif bagi penyelesaian masalah Irian Barat, sehingga, dalam nada kecewa, Sukarno menyatakan;

"... Bertahun-tahun lamanya kita sesuai dengan Pancasila itu menjalankan politik "ajaran manis" kepada Belanda. Bertahun-tahun lamanya kita mencuba meyakinkan Belanda bahawa tuntutan kita adalah adil. Bertahun-tahun lamanya kita mencuba mempengaruhi *public opinion* di negeri Belanda, dan juga *public opinion di dunia*, untuk memberi desakan kepada Belanda. Sebenarnya semenjak awal kita mesti sudah mengerti bahawa politik "ajaran manis" itu nescaya tidak akan berhasil. Juga di dalam pergerakan nasional kita terdahulu, di dalam mana pemimpin-pemimpin kita dua puluh tahun lamanya menjalankan politik mohon-mohonan, rekes-rekesan (berjabat tangan secara kuat), yakin-yakinan, *cooperatie-cooperatie-an* dengan Belanda, terbukti bahawa "politik ajaran manis" itu *tidak direwes*(diabaikan)".<sup>447</sup>

Semasa pasca penyelesaian Irian Barat, kenyataan-kenyataan mengenai kekecewaan yang dirasai banyak dikaitkan dengan politik Ganyang Malaysia. Kegagalan Indonesia untuk mendorong PBB menerima cadangan yang diajukan Indonesia untuk menolak penubuhan persekutuan Malaysia dan penggalangan sokongan antarabangsa (termasuk di dalam Majlis Keselamatan PBB) dinilai Sukarno sebagai cerminan kejayaan *Oldefos* dalam mengendalikan PBB dan memecah belahkan persatuan negara-negara berkecuali dan menekan Nefos.

---

<sup>447</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 168. *Direwes* (bahasa etnik Jawa)



Khususnya terhadap PBB, dalam kes konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia pada pandangan Sukarno melihat kembali bukti bahawa PBB dikuasai oleh *Oldefos* ketika Komisi PBB selesai mengumpulkan pendapat umum masyarakat Sabah dan Sarawak dan hasilnya tidak menyokong penolakan Indonesia terhadap penubuhan persekutuan Malaysia. Kemudian Sukarno melihat lagi bukti tersebut, ketika PBB melalui majalahnya berusaha memperkecilkan prestij Indonesia dengan membandingkan pendapatan perkapita rakyat Indonesia yang jauh berada di bawah pendapatan perkapita rakyat Malaysia. Ungkapan kekecewaan Sukarno dalam masalah ini, dinyatakan sebagai berikut;

”Masih saja ada pihak yang belum mengerti mengapa Republik Indonesia *as a matter of principle* berkonfrontasi dengan Malaysia dan masih saja ada yang dengan cara ini dan cara itu memberikan sokongannya kepada ”neokolonialisme Malaysia” itu. Saya membacamisalnya baru-baru ini lampiran salah satu badan PBB, dan disana dikatakan ”per capita income” dari penduduk Malaysia itu lebih tinggi daripada di Indonesia”.<sup>448</sup>

Dalam pidato tahun 1965, perkara lain yang dinyatakan oleh Sukarno ialah kekecewaannya terhadap keadaan antarabangsa yang tetap saja jauh dari impiannya tentang ”Dunia Baru”, untuk perkara ini Sukarno menyatakan;

”Dua puluh tahun setelah berakhirnya Perang Dunia II dan duapuluh tahun setelah didirikannya PBB, perdamaian dan keamanan bangsa-bangsa tetaplah tinggal cita-cita, tinggal harapan, Manakala kenyataannya, banyak bangsa-bangsa yang masih merana di dalam penderitaan yang berlarut-larut, akibat ”peradaban imperialisme”.<sup>449</sup>

### **6.3.2 Kejayaan dan Kegagalan daripada Tindakan di Persekitaran Dalam**

Penilaian Sukarno ke atas kejayaan yang dicapai Indonesia dalam dimensi di dalaman tentu sahaja berpusat pada keputusannya untuk mengeluarkan Dekri

<sup>448</sup>Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm.142.

<sup>449</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 184.

5 Julai 1959, di mana tahun 1959 dinamakan sebagai *a year of the rediscovery our revolution* (tahun penemuan semula revolusi kami). Namun penilaian Sukarno ke atas kejayaan daripada dasar dan tindakannya itu tidak terlepas dari keputusannya yang berlaku dua tahun sebelumnya. Keputusan pada tahun 1957, yang dinamakan sebagai *a year of decision* (tahun keputusan) ialah menggagalkan separatisme (PRRI/PERMESTA). Kejayaan pada tahun 1959 dan 1957 juga tidak terlepas daripada taktik diplomasi Indonesia ke atas Belanda pada Disember 1949.<sup>450</sup> Indonesia tetap berdiri (*survive*) yang dicapai pada tahun 1959 berkaitan dengan kejayaan menjatuhkan pemberontakan DI/TII dan PRRI Permesta yang merupakan satu perkara lain yang menjadi pencapaian terbesar yang pernah dicapai oleh bangsa Indonesia. Malahan, bukan hanya untuk terus hidup tetapi juga ke atas luasnya wilayah Republik Indonesia yang tidak terbahagi ke dalam beberapa negara lain.<sup>451</sup>

Setahun selepas menjalankan pemerintahannya, Sukarno mula menilai bahawa kejayaan daripada polisinya, terutama dalam mewujudkan stabiliti dan keamanan, membuktikan kebenaran ideologi politiknya, “Sekarang alhamdulillah, Manifesto Politik itu sudah dikenal oleh rakyat di mana-mana, sudah dibenarkan dan dicintai oleh rakyat”,<sup>452</sup> ....bahawa Manipol-USDEK itu sampai (sehingga) batas-batas (had-had) tertentu sudah dapat menyatukan fikiran rakyat Indonesia mengenai soal-soal pokok (utama) revolusi”.<sup>453</sup>

Bertentangan dengan kenyataan bahawa masyarakat islam yang menjadi majoriti dan tentera yang menentang secara kuat peranan PKI di paras *grassroot* sama ada di supra struktur di pelbagai wilayah di

<sup>450</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 51.

<sup>451</sup> *Ibid.* hlm. 109.

<sup>452</sup> *Ibid.* hlm.137.

<sup>453</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 152.

Indonesia,<sup>454</sup> Sukarno menganggap bahawa rakyat sudah bersatu dan Liberalisme di Indonesia telah hancur. Kerana itu Sukarno secara tekal mengumpulkan orang-orang Islam, Nasionalis dan Komunis di Dewan dan Majelis Perwakilan Rakyat, khususnya terhadap Dewan (Majlis) Nasional dikatakan, “Di Dewan Nasional ada orang-orang Islamnya, ada orang-orang Nasionalnya, ada orang-orang Komunisnya”.<sup>455</sup>

Kemudian Sukarno menyatakan pula bahawa Manipol-USDEK<sup>456</sup> dan Resopim telah membawa Indonesia mencapai hasil yang gemilang, khasnya berkenaan dengan meningkatnya hasil positif daripada tindakan penumpasan DI/TII dan PRRI Permesta serta pembebasan Irian Barat daripada sisa-sisa kolonialisme. Dua kemenangan besar ini menurutnya, menandakan bahawa revolusi Indonesia mula mendatangkan hasil yang diharapkan dan sudah meningkat kepada peringkat *self sustaining growth* (pertumbuhan mengekalkan diri) atau *self propelling growth* (pertumbuhan dorongan diri), wujud sendiri atas dasar hasil revolusi sendiri<sup>457</sup> sudah menuju kepada sasaran”.<sup>458</sup> Revolusi pada ketika itu sudah berjuang untuk mencapai kemajuan secara positif, kemajuan-kemajuan yang boleh menjadi modal dan batu loncatan untuk kemajuan-kemajuan bagi hari mendatang.<sup>459</sup>

Selepas empat tahun pemerintahannya, sambil menyatakan kepuasan

---

<sup>454</sup> Harian Abadi. 26 Ogos 1960. hlm. II., kol. 1-2.

<sup>455</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1960*. hlm. 157-158.

<sup>456</sup> Manipol ialah Manifesto Politik. USDEK ialah semacam Manifestasi Ekonomi, iaitu; Undang-Undang Dasar tahun 1945, Demokrasi Terpimpin, Ekonomi Komando dan Keperibadian Nasional.

<sup>457</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1962*. hlm. 77.

<sup>458</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 87.

<sup>459</sup> *Ibid.* hlm. 91.

terhadap pembangunan ekonomi yang berasaskan pada prinsip *Berdikari* (berdiri di atas kaki sendiri),<sup>460</sup> Sukarno menyatakan pelbagai kejayaan yang telah dicapai pada tahun sebelumnya,

”Kita telah *meretool* badan legislatif dan membentuk DPRGR (Dewan Perwakilan Rakyat Gotong Royong). Kita sedang *meretool* dunia kepartian dan telah memerintahkan pembubaran parti-parti yang anti revolusioner. Kita telah mempersiapkan Landreform, salah satu bahagian mutlak daripada revolusi. Kita telah menyusun Majelis Permusyawaratan Rakyat. Kita telah menyusun pimpinan Front Nasional. Kita telah memecahkan sedikit persoalan sandang pangan. Kita telah membasmi sebahagian yang lumayan daripada gerombolan-gerombolan pengacau. Kita telah membangun Bank Pembangunan, sedang membangun Bank Koperasi, Tani, Nelayan, sedang membangun Bank-bank Pembangunan Daerah. Kita telah mulai membangun beberapa industri dasar, dan lain sebagainya, dan lain sebagainya. Pendek kata kita telah ini, telah itu”.<sup>461</sup>

Pada tahun 1964, Sukarno mula memperkenalkan istilah “Romantisme Perjuangan” yang dikatakan oleh Sukarno sebagai jawapan terhadap persoalan; mengapa Indonesia masih berdiri tegak daripada pelbagai temburan daripada pihak musuh. Oleh sebab itu, "Romantisme Perjuangan" menjadi modal utama dalam melakukan revolusi.<sup>462</sup> Dalam kesempatan pidato ini juga, Sukarno merumuskan rasa puas hatinya dengan mendedahkan senarai kejayaan polisinya di dalaman,

”Hasil-hasil kemenangan-kemenangan kita sekali lagi --yang pokok-pokok sahaja, adalah:  
 Pertama, pembebasan Irian Barat;  
 Kedua, penumpasan kontra revolusi;  
 Ketiga, konsolidasi dan persatuan nasional, antara lain melalui Front Nasional, MPRS, DPR-GR, DPA, dan lain-lain yang disusun atas dasar kegotongroyongan nasional berporoskan NASAKOM;  
 Kelima, Pembangunan Angkatan Bersenjata (tentera) yang bukan main hebatnya. Angkatan Darat kita ”nggerisi” (menggerunkan)kaum

<sup>460</sup> *Ibid.* hlm. 102.

<sup>461</sup> *Ibid.* hlm. 172.

<sup>462</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1964*. hlm. 122.

imperialis. Angkatan Laut kita megah dan kuat. Angkatan Udara kita tak adaandingannya di seluruh Asia Tenggara. Angkatan Kepolisian kita “up to date”. Kita ber-missiles dan ber-rocket. Malahan kita sekarang ini sudah bisa bikin jet sendiri”.<sup>463</sup>

Kenyataan serupa, kemudian dinyatakan pada kurun ke 20 dalam pidato HUT Proklamasi RI ke 20. Menurut Sukarno, sehingga tahun 1965 Indonesia berjaya menegakkan satu Republik Kesatuan yang sentosa. Dengan segala sarana-sarananya --termasuk tentera-- yang kuat, Indonesia juga berhasil menewaskan pencerobohan-pencerobohan imperialis dan pelbagai kontra-revolusi, rakyat bersatu dan mengembangkan perjuangan.<sup>464</sup> Dalam keadaan seperti ini, bangsa Indonesia sebagai bangsa yang berjuang dinilai telah mengalami kristalisasi (penghabluran) dan dikatakan pula bahawa revolusi Indonesia pada ketika itu sudah menemui “vorm-nya”.<sup>465</sup>

Semasa tahun pertama pemerintahan Demokrasi Terpimpin, ungkapan-ungkapan kekecewaan dalam pidato HUT Kemerdekaan RI dilaungkan oleh Sukarno dengan banyak membincangkan tentang keadaan-keadaan yang tidak menguntungkan dan membahayakan dalam perpaduan bangsa dan negara. Menurut Sukarno, keadaan tersebut merupakan kesan negatif daripada sikap kompromi yang berlaku pada tahun 1949, dimana pihak Indonesia bersedia membubarkan UUD 45 dengan menempatkan konstitusi Liberal. Kerana penerapan sistem Barat ini maka jiwa, dasar dan tujuan revolusi yang bermula sejak tahun 1945 terancam kewujudannya.

Dalam menanggapi kegagalan polisinya, Sukarno selalu melihat punca

---

<sup>463</sup> *Ibid.* hlm. 133. *Nggerisi* (bahasa etnik Jawa) bererti menggerunkan.

<sup>464</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 171.

<sup>465</sup> *Ibid.* hlm. 175. *Vorm* (bahasa Belanda) bererti bentuk atau wujud.

daripada kegagalan ialah akibat negatif daripada penerapan ajaran Barat dalam kehidupan bernegara di Indonesia. Dalam pelbagai aktiviti *retooling* yang dilakukannya, beliau juga merasa sulit untuk dilaksanakan, bukan sahaja kerana tentangan-tentangan dari masyarakat yang terkena "politik pembersihan" tetapi juga kerana keadaan yang sememangnya belum bersedia sehingga *retooling* belum dilaksanakan atau apabila dilaksanakan, jalannya adalah dengan cara sedikit demi sedikit, "Perkara yang demikian itu jauh dari memuaskan hati saya", kata Sukarno.<sup>466</sup>

Namun dalam pandangan yang berseberangan,<sup>467</sup> kegagalan yang dialami oleh Sukarno sebagai akibat daripada kesibukan melaksanakan *retooling* yang berterusan tanpa memberikan perhatian sedikitpun terhadap upaya-upaya yang ditujukan untuk meringankan beban hidup seluruh lapisan masyarakat dalam jangka pendek. Program sandang-pangan yang tidak memperhatikan daya beli masyarakat, bahkan perubahan politik pemerintah terhadap perusahaan swasta telah mengakibatkan para buruh menjadi menganggur.

Di dalam pelaksanaan *Triprogram* yang mengalami beberapa kesukaran, Sukarno juga menyatakan rasa tidak puas hatinya, "Mesti diakui dengan terus terang, bahawa pelaksanaan program jangka pendek itu belum selancar sebagaimana yang kita harapkan".<sup>468</sup> Menurut Sukarno, masalah tersebut wujud kerana pelbagai aspek; kurang pemahaman tentang program itu sendiri dan Manipol/USDEK; anasir-anasir yang mahu menggagalkan pelaksanaan program

---

<sup>466</sup>*Ibid.* hlm. 152.

<sup>467</sup> *Harian Abadi*. 3 November 1959. hlm. III., kol. 3-6.

<sup>468</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 171. *Jangka pendek* ialah *short time*

tersebut dan Manipol/USDEK; kecenderungan-kecenderungan *inflater* yang belum dikuasai sepenuhnya dan ketegasan pemerintah dalam penguatkuasaan program tersebut dan sebagainya. Kemudian Sukarno menambah penjelasannya mengenai halangan-halangan dalam pelaksanaan Manipol, dikatakannya bahwa ini berlaku kerana "masih ramai pegawai negara yang tidak mengerti ertinya tenaga massa dan semangat massa."<sup>469</sup>

Dalam pidato 17 Ogos 1961, kenyataan tidak puas hati dari Sukarno mula menyentuh tentang masalah kewangan. Sukarno menyatakan bahawa tindakan musuh revolusi pada masa sebelumnya telah membawa suatu akibat negatif terhadap kewangan negara kerana kegiatan nasional terbahagi antara konstruksi dan destruksi.<sup>470</sup> Salah satu tindakan yang bersifat destruktif terhadap aspek kewangan negara adalah pelaksanaan besar untuk menghancurkan sistem politik lama yang dipandang tidak memberikan manfaat terhadap kebanyakan rakyat.<sup>471</sup> Sistem lama sebelum adanya *Manipol/USDEK* dan *Resopim* telah memberi kelembapan terhadap perjuangan kerana menganggap "tidak berbuat dianggap bijaksana untuk menghindarkan kesalahan dan falsafah "lambat yang penting terlaksana" dianggap satu kebijaksanaan yang paling tinggi".<sup>472</sup>

Di dalam bidang politik pemerintahan Demokrasi Terpimpin terdapat kenyataan yang membuatkan Sukarno kecewa. Kekecewaan ini dikemukakan oleh Sukarno kerana kesukaran bagi mendapatkan penerimaan yang luas dari

---

<sup>469</sup> *Ibid.*

<sup>470</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 17.

<sup>471</sup> *Ibid.* hlm. 11.

<sup>472</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm.42 . *Alon alon asal kelakon* (pepatah daripada etnik Jawa) bererti perlahan tapi berhasil.

masyarakat terhadap Nasionalisme, Agama dan Komunisme (Nasakom) sebagai ideologi persatuan. Perkara ini menunjukkan bahawa meskipun politik Nasakom telah diperkuat menjadi seperti Undang-Undang melalui Ketetapan MPRS yang mengukuhkan Pidato pada tahun 1960 yang bertajuk Jarek,<sup>473</sup> untuk melarang sikap penentangan terhadap Nasakom, dilihat tidak berhasil sebagaimana yang diharapkan. Menurut Sukarno, penentangan tersebut berkembang ke pelbagai politik lain yang merintangikan kegiatan daripada Front Nasional.<sup>474</sup>

Nada-nada tidak berpuas hati dikemukakan juga oleh Sukarno berkaitan dengan program pertama dari "Triprogram, iaitu program sandang pangan yang terpaksa mesti dikorbankan" dengan mendahulukan program ketiga; pembebasan Irian Barat, kata Sukarno.<sup>475</sup> Berlawanan dengan penilaian Sukarno yang menyatakan kegagalan daripada program sandang-pangan tersebut disebabkan terdapat banyak penentangan terhadap Undang-undang bagi hasil (*share corp law*) dan *Landreform* sesungguhnya terletak pada ketidakmampuan pemerintah sehingga dialihkan kepada isu penetrasi asing.<sup>476</sup> dan Selain itu, juga terdapat kesukaran dalam membentuk Majlis Syarikat, kegagalan Sukarno membangun perekonomian sosialisnya dalam konteks persyarikatan kerana gagasan sosialisme ekonominya telah mengabaikan bahawa faktor insentif yang perlu bagi para pengurus di dalam syarikat.<sup>477</sup>

Sukarno yang menilai ketiadaan tindakan (kelambanan) dalam melakukan

---

<sup>473</sup> Jarek ialah akronim daripada Jalannya revolusi kita.

<sup>474</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 32.

<sup>475</sup> *Ibid.* hlm. 73.

<sup>476</sup> *Harian Abadi*. 9 November 1959. hlm. II., kol. 1-2.

<sup>477</sup> *Harian Abadi*. 3 November 1959. hlm. III. kol. 1.



program yang dirancang sebagai akibat daripada ketakutan kepada komunis yang menyebabkan sebahagian besar daripada rakyat iaitu kaum buruh dan kaum tani belum boleh selesa bekerja dengan cergas kerana masih terhalang dalam segala gerak bangkitnya, sehingga tidak boleh bertindak sehebat-hebatnya dalam menghancurkan kaum imperialis dan anggota-anggotanya dalam negara.<sup>478</sup>

Pada bahagian akhir pidatonya, Sukarno merangkum kekecewaannya seraya menyebutkan salah satu pihak yang mengakibatkan kelambanan dan kegagalan daripada polisinya, dikatakannya;

”Masih terlalu banyak instruksi-instruksi dan tindakan-tindakan Presiden yang ditujukan untuk memobilisasi, mempersatukan dan mengikutsertakan kekuatan-kekuatan rakyat yang revolusioner, tidak dilaksanakan dengan sungguh-sungguh, atau malahan diam-diam kadangkalah dijatuhkan atau ”disrimpung” (di-sabotej) oleh alat-alat negara sendiri”.<sup>479</sup>

Dalam Pidato tahun 1963, Sukarno membincangkan semula sikap berkompromi yang telah mengacau perpaduan negara, sehingga Sukarno menilai dalam era 1950 hingga 1962 Indonesia mengalami segala bentuk gangguan.<sup>480</sup> Perkara lain yang diulang dalam kenyataan kekecewaannya adalah perkara melibatkan polisi untuk menyatukan bangsa yang hingga ke saat ini belum berhasil meskipun penentangan terhadap Nasakom telah dilarang melalui keputusan MPRS. Walaupun sikap anti--Nasakom disamakan dengan anti-UUD dan anti-Pancasila namun usaha ini dilihat tidak berkesan, seperti yang dikatakan oleh Sukarno;

---

<sup>478</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1961*. hlm. 76. *Bercancut taliwanda* bererti berpakaian kemas supaya kerja lancar.

<sup>479</sup> *Ibid.* *Dijegal* dan *Disrimpung* ialah kata-kata di dalam bahasa Jawa.

<sup>480</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 88-89.

”Namun masih saja ada orang yang kena penyakit phobi yang pura-pura tidak mengerti akan perlunya kegotongroyongan nasional revolusioner di dalam perjuangan anti-imperialisme. Jelasnya saja, masih ada orang-orang yang menderita komunisto phobi. Melainkan beratus-ratus kali saya telah terangkan, bahawa tanpa kegotongroyongan nasional revolusioner tak mungkin terselenggara tanpa berporos Nasakom”.<sup>481</sup>

Perasaan kecewa juga wujud daripada tindakan pemerintah lain ekoran sukarnya mendapatkan pengakuan terhadap *Manipol*. Sukarno menceritakan bahawa pada masa kelahirannya, *Manipol* sudah mendapat pelbagai cercaan. Dengan suatu pertimbangan tertentu, Sukarno mengambil sikap berdiam dengan harapan pada suatu masa akan berhenti dengan sendiri. Tetapi nyatanya penentangan ke atas *Manipol* semakin meningkat.<sup>482</sup> Nada kekesalan terhadap daya tahan mereka untuk tetap memusuhi pemerintahan Sukarno telah mewujudkan persoalan dalam diri Sukarno, ”apa sebabnya yang membikin (membuat) mereka begitu membandel (tidak patuh) dan berkepala batu”.<sup>483</sup>

Kekecewaan ini dilihat tidak hanya melibatkan tentang masalah penerimaan *Manipol*, tetapi dalam aspek yang lebih khusus kekecewaan Sukarno juga wujud di dalam pelaksanaan *Landreform* yang belum berhasil, “upaya mewujudkan revolusi peningkatan sandang pangan melalui landreform tidak dapat terwujud kerana penentangan terhadap Sukarnoisme.”<sup>484</sup> Begitu juga dalam bidang produksi, kegagalan pelaksanaannya telah menjadi bahan pembicaraan Sukarno. Sukarno kecewa ke atas bidang ini disebabkan beberapa badan yang diserahkan tugas oleh pemerintah untuk mengurus dan mengembangkan

---

<sup>481</sup> *Ibid.* hlm. 103.

<sup>482</sup> *Ibid.* hlm. 127. *Sakersa* bererti semahunya.

<sup>483</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1963*. hlm. 129.

<sup>484</sup> *Ibid.* hlm. 190.

beberapa bidang produksi dan distribusi tidak berjaya menjalankan tugas tersebut. Menurut Sukarno, "Bukan produksi dan distribusi itu menjadi rapi dan berkembang tapi badan-badan itu menjadi sarangnya orang-orang yang memampatkan isi kantong (beg) sendiri".<sup>485</sup> Disebabkan perkara ini, Sukarno menyatakan "saya belum puas! banyak saya terima laporan-laporan tentang keseretan-keseretan (sukar menghasilkan), kemacetan-kemacetan (kesesakan), malahan tentang sabotaj-sabotaj terhadapnya".<sup>486</sup>

Dalam pidato HUT Kemerdekaan yang ke 20, Sukarno memulakan kenyataan kekecewaannya dengan membicarakan kembali tentang akibat-akibat buruk daripada demokrasi liberal yang telah membawa Indonesia pada ambang kehancuran. Pengulangan kenyataan mengenai masa lalu ini dikaitkan untuk menguatkan kekecewaannya terhadap kenyataan bahawa hingga ke saat itu pemerintah masih belum berjaya membuang sikap mental sebahagian rakyat Indonesia yang tetap memandang kagum terhadap ajaran Barat, "rasanya aku masih perlu *menandas-nandaskan* (menegaskan) perkara ini, kerana masih ada saja yang menganggap "text-book imperialis" sebagai piawai fikiran yang dikeramatkan (dianggap suci)".<sup>487</sup>

Berdasarkan kepada pelbagai halangan seperti yang telah dijelaskan, Sukarno merenung masa hadapan yang akan dihadapi pada ketika itu melalui ungkapannya,

"Sekali lagi saya tandaskan (tekanan) disini, bahawa masih banyak sekali perkara-perkara yang masih mesti kita kerjakan ...masih lama lagi

---

<sup>485</sup> *Ibid.* hlm. 113. *Memadatkan* (dialek etnik Jawa) sama dengan memampatkan.

<sup>486</sup> *Ibid.* hlm. 137.

<sup>487</sup> Sukarno. *Pidato tahun 1965*. hlm. 173.

kita mesti membanting tulang, masih lama lagi kita mesti memeras keringat, masih lama lagi kita mesti berjuang habis-habisan, kalau perlu berjuang mati-matian”<sup>488</sup>.

Pengakuan dan kekecewaan Sukarno terhadap pelbagai keadaan dalam negara seperti yang telah dinyatakan di atas telah mendorong beliau mengeluarkan kenyataan yang menggambarkan kekecewaan dan harapan, “Bilakah umat Indonesia dapat hidup dalam tri-pokoknya kerangka, yang selalu terbayang di angan-angan saya, tiap-tiap kali saya memandang kepada bintang di langit, Negara Kesatuan, masyarakat adil dan makmur, persahabatan dengan seluruh bangsa?”<sup>489</sup>.

#### **6.4 Rumusan**

Sukarno menggunakan setiap pidatonya dalam memperingati HUT Proklamasi Kemerdekaan RI sebagai suatu *afrekening* (penilaian) ke atas setiap perkara yang telah dilalui dan dilakukan dalam setiap tahun dan tahun-tahun sebelumnya. Dengan demikian, jelas bahawa Sukarno, sebelum menetapkan sesebuah polisi, beliau melakukan suatu proses penilaian terhadap dasar dan tindakan sebelumnya dan menjadikannya sebagai maklum balas bagi dasar dan tindakan selanjutnya. Sukarno menjadikan kejayaan-kejayaan yang diraih dijadikan modal untuk mencapai kejayaan-kejayaan dan kemenangan-kemenangan baru.

Kejayaan yang memberi kepuasan dalam diri Sukarno adalah ketika beliau berhasil mematlamatkan politik pembebasan Irian Barat. Kejayaan ini amat berprestij bagi Sukarno kerana bukan sahaja telah membuktikan kebenaran

---

<sup>488</sup>*Ibid.* hlm. 172

<sup>489</sup>*Ibid.* hlm. 133.

tesis politiknya, mengenai jalan baru atau *new terrace* dalam menghadapi Belanda kepada rakyat Indonesia tetapi juga kepada masyarakat antarabangsa. Manakala kejayaan Indonesia dalam isu penubuhan Persekutuan Malaysia ialah berkaitan dengan mengubah isu domestik tentang penubuhan Persekutuan Malaysia menjadi isu tiga bangsa; Malaysia, Filipina dan Indonesia. Melalui Konferensi Kemuncak tiga negara, Sukarno merasa Indonesia tidak lagi dipandang sebagai patung atau sebagai negara lemah yang mudah dipandang ringan. Manakala sikap Indonesia yang tidak mahu bergantung kepada Amerika Syarikat, utamanya melalui ucapan *go to hell with your aid* dan kepada PBB melalui keluarnya Indonesia dari keanggotaan PBB merupakan kejayaan Indonesia untuk berani bersikap ke atas ketidakadilan dalam sistem antarabangsa.

Rasa puas hati Sukarno ke atas pelbagai polisi dan tindakan di dalaman diawali oleh Dekri 5 Julai 1959 yang telah berjaya menggulingkan susunan liberal dan mendirikan susunan baru, Demokrasi Terpimpin. Kejayaan ini bererti kegagalan bagi pihak penjajah --khususnya Belanda-- untuk terus mengeksploitasi bangsa dan negara Indonesia, dan jatuhnya kumpulan yang bertolak ansur dengan Belanda supaya ajaran liberal diterapkan di Indonesia. Kepuasan Sukarno di atas kejayaan pelbagai polisinya berkembang selepas beliau melakukan restrukturisasi (penstrukturan semula) dan strukturisasi (*retooling*) di pelbagai bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya.

Dalam melakukan penilaian terhadap pelaksanaan polisinya, ternyata Sukarno bukan sahaja mengupas tentang kejayaan-kejayaan yang telah dicapai tetapi juga menjelaskan tentang kegagalan-kegagalan yang dialaminya. Layaknya

seperti seorang *crusader* di mana Sukarno tidak gentar terhadap kemungkinan kegagalan. Malahan kegagalan dianggap sebagai satu sebatan untuk memperkukuhkan lagi usaha-usaha yang telah dilakukan. Bagi Sukarno, kegagalan adalah perkara biasa dalam hukum dialektik, kerana kegagalan secara serentak terangkai dengan kejayaan.

Setelah membahaskan tentang emosi, kecenderungan bertindak dan penilaian Sukarno ke atas polisi dirinya sendiri, maka perbincangan mengenai elemen-elemen mental Sukarno yang berkaitan dengan konfrontasi sudah lengkap.

## **BAB 7**

### **KESIMPULAN**

Sukarno ialah seorang yang memiliki cita-cita tentang kewujudan daripada sistem dan struktur *Dunia Baru* yang adil, bebas daripada penindasan di persekitaran antarabangsa dan sistem dan struktur negara-bangsa yang mampu memberikan keadilan dan kemakmuran kepada rakyat Indonesia. Bagi dirinya, cabaran-cabaran ke atas kewujudan dan pencapaian cita-cita tersebut mesti dihadapi melalui perjuangan dan paksaan, inilah yang ia maksud sebagai konfrontasi. Melalui konfrontasi, Sukarno berhadapan dengan pelbagai pihak di luar iaitu Neokolonialisme, kolonialisme dan imperialisme (Nekolim) yang bersumber pada kapitalisme dan liberalisme manakala di dalaman Sukarno berhadapan dengan penyokong-penyokong liberalisme dan kapitalisme tempatan.

Konfrontasi dalam erti sebagai dasar memiliki alasan yang berasal daripada kepercayaan falsafah Sukarno, yang berpusat pada anggapan bahawa Nekolim yang bersumber pada Kapitalisme dan Liberalisme ialah fahaman dan amalan yang jahat, tamak dan eksploitatif. Oleh sebab itu, ketika ia mengenali tindakan-tindakan Belanda dalam mempertahankan kuasa kolonialnya di Irian Barat, penubuhan Persekutuan Malaysia dan sokongan Inggeris dan Amerika Syarikat ke atas Malaysia dan PBB yang mengecam konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia dipersepsikan oleh Sukarno sebagai ancaman ke atas pencapaian cita-cita kemerdekaan bangsa Indonesia. Persepsi ancaman ini juga terbentuk

kerana penentangan-penentangan pihak-pihak dalaman ke atas sistem dan struktur demokrasi terpimpin dan ketidaksetujuan ke atas politik konfrontasi.

Konfrontasi dalam erti sebagai cara bertindak memiliki kaitan dengan kepercayaan instrumental Sukarno yang berasas pada anggapan bahawa hak hanya dapat dicapai melalui perjuangan. Oleh sebab itu jalan untuk mengatasi cabaran dan ancaman musuh-musuh Indonesia di luar sama ada di dalam mesti dilakukan dengan muktamad dan paksaan. Berasas kepada kepercayaan instrumental ini maka Sukarno tidak teragak-agak untuk meluahkan emosi negatifnya dalam menjawab permusuhan dan ancaman dari persekitarannya. Sebab itu juga memunculkan kecenderungan untuk melakukan permusuhan dan ancaman yang sepadan terhadap musuh-musuhnya.

Di luar kiraan konseptual, secara induktif, didapatkan bahawa Sukarno melakukan penilaian ke atas polisi dan tindakannya sendiri. Penilaian itu menunjukkan bahawa sikap Belanda yang tidak bersedia menyerahkan jajahannya, Irian Barat dan rakyat Indonesia yang tidak mahu meninggalkan liberalisme, kapitalisme dan sifat-sifat kontrarevolusioner lainnya, ialah merupakan kegagalan-kegagalan yang memunculkan keputusan tentang dasar konfrontasi. Manakala kejayaan-kejayaan daripada pelaksanaan konfrontasi; merebut Irian Barat dan membangunkan demokrasi terpimpin serta alat-alatnya menjadi alasan untuk meneruskan dasar konfrontasi. Penilaian Sukarno yang semacam ini tampak konsisten dengan kepercayaan falsafahnya yang menyatakan bahawa revolusi ialah suatu perjalanan yang tidak pernah selesai.

Kepercayaan Sukarno adalah suatu kepercayaan yang dapat dikategorikan



sebagai anti-Nekolim, suatu kategori yang lebih kontemporer di bandingkan dengan kategori antikolonialisme. Meskipun memiliki tiga dimensi (kolonialisme imperialisme dan neokolonialisme), kepercayaan Sukarno masih memiliki ciri sebagai kepercayaan yang jimat dan mudah (simple) sehingga mampu menjadi alat bantu heuristik yang berfungsi menyederhanakan kerumitan dan ketidakpastian peristiwa-peristiwa di persekitaran.

Kepercayaan Sukarno memiliki sifat konsisten dan stabil. Struktur daripada kepercayaan Sukarno memiliki konsistensi internal antara kepercayaan falsafah dengan kepercayaan instrumental kerana sifatnya yang saling menyokong. Stabiliti di dalam kepercayaan Sukarno juga berlaku berkaitan dengan persepsi Sukarno ke atas Belanda, Malaysia dan Amerika Syarikat dan penyokong liberalisme di dalaman sebagai ancaman yang berkesesuaian dengan kepercayaan falsafahnya. Manakala emosi negatif di dalam melakukan jawapan dan kecenderungan untuk melakukan tindakan-tindakan muktamad dan paksaan ke atas mereka ialah konsisten dengan kepercayaan instrumentalnya.

Konsistensi dan stabiliti daripada kepercayaan Sukarno merupakan suatu keadaan yang diselenggarakan oleh Sukarno sendiri. Sukarno mengelak dan menolak maklumat-maklumat yang tidak konsisten dan bertolak belakang dengan kepercayaannya. Kepercayaan daripada Sukarno bersifat kaku dan angkuh kerana tidak memberi ruang maupun kesempatan bagi kepercayaan yang berbeza untuk duduk di dalam pemikirannya dan menganggap kepercayaannya sendiri sebagai yang terbaik.

Keputusan daripada Sukarno tentang dasar konfrontasi memenuhi unsur

subjektif kerana mengandalkan kepada kepercayaannya. Tetapi di dalam proses kognitifnya, ternyata Sukarno melibatkan rasionaliti untuk keputusannya. Rasionaliti itu terletak pada upaya Sukarno untuk melakukan penilaian-penilaian ke atas polisi dan tindakannya. Hasil daripada penilaian-penilaian itu; gagal sama ada berjaya menjadi penentu bagi pengambilan keputusannya.

Sukarno ialah seorang yang penuh kuasa yang mampu membina harapan-harapan, mencadangkan strategi dan mendesakkan tindakan-tindakan kepada negaranya berkaitan dengan apa-apa yang boleh dilaksanakan. Sukarno sebenarnya menunjukkan jalan. Sukarno mempunyai nilai-nilai utama yang dipilih olehnya kerana dipercayai akan menghasilkan *outcome* yang disukai. Sukarno memiliki hujah yang dikemukakan secara terbuka dan telah merumuskan permasalahan bangsanya secara logik dan ianya konsisten bertindak mengikuti nilai-nilai yang diutamakannya.

Apa-apa yang difikirkan dan dilakukan oleh Sukarno mencerminkan pemikiran pakar teori pembuatan keputusan pada masa sekarang yang beranggapan bahawa tidak ada keputusan yang sepenuhnya rasional dan tidak ada keputusan yang sepenuhnya subjektif.

## BIBLIOGRAFI

### BUKU

Alam, Wawan T. (2003). *Pertentangan Sukarno vs Hatta*. Jakarta: Gramedia.

Adams, Cindy. (2011). *Bung Karno: Penyambung Lidah Rakyat*. Jakarta: Gunung Agung.

Allison, W. L. (1981). *A Critical History of Beliefs System Research in Political Science*. (a thesis). The Ohio State University.

Allport, F. H. (1955). *Theories of Perception and the Concept of Structure*. New York: Wiley.

Axelrod, Robert (ed). (1976). *Structure of Decision: The Cognitive Maps of Political Elites*. Princeton, NJ: Princeton University Press.

Baker, T. L. (1999). *Doing Social Research*. Boston: McGraw-Hill.

Bazeley, Pat. *Handbook of Mixed Methods in Social and Behavioral Research*. dalam Tashakkori, A., Charles Teddie. (eds). (2002). Beverly Hills: Sage Publications, Inc.

Berg, B. L. (2004). *Qualitative Research Methods for The Social Sciences*. Boston: Allyn and Bacon.

Bunnell, F. P. (1966). *Guided Democracy Foreign Policy: 1960-1965 Presiden Sukarno Moves from Non-Alignment to Confrontation*. *Modern Indonesia Project Cornell University*, No. II. Ithaca: Cornell University Press. h. 37-76 .

Carlson, Neil R. (2010). *Psychology. The Science of Behavior*. 7<sup>th</sup> edition. Boston: Allyn & Bacon.

Cottam, Martha L. (2010). *Introduction to Political Psychology*. New York: Lawrence Erlbaum.

Creswell, John W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. L.A: Sage Publications, Inc.

Dahm, Bernhard. (1987). *Soekarno dan Perjuangan Kemerdekaan*. Jakarta: LP3ES. terjemahan oleh Hasan Basari.

de Rivera, Joseph. (1968). *The Psychological Dimension of Foreign Policy*. Columbus, Ohio: Charles Merrill.

Finlay, David J. dan Thomas Hovet Jr. (1975) *7304: International Relations on the Planet Earth*, New York: Harper and Row.

Dermott, Rose. (2007). *Political Psychology in International Relations*. Michigan: University of Michigan.

Dharmawan MM. (2005). *Sukarno Bapak Bangsa Indonesia*. Bandung: CV Hikayat Dunia.

Eagly, Alice H. and Sheley Chaiken. (1993). *The Psychology of Attitudes*. Forth Worth: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.

Feith, Herbert. *Dynamic of Guided Democracy dalam Ruth T. McVey (ed), (1963). Indonesia*. New Haven: Yale University.

George, Alexander L. (2011). "The Causal Nexus between Cognitive Beliefs and Decision Making Behavior: The Operational Code Beliefs System". *Foreign Policy Analysis* Vol. 1. W. Carlsnaes and Stefano Guzzini. London: Sage Publications. hlm. 273-298.

Giebels, Lambert. (2001). *Soekarno: Biografi 1901-1950*. Jakarta: Grasindo.

Gilhooly, K. J., M. T. G Keane, R. H. Logie, G. Erdos. (1990). *Lines of thinking: Reflections on the Psychology of Thought*. New York: John Wiley.

Harjono, Anwar, dkk. (eds). (1996). *Pemikiran dan Perjuangan Muhammad Natsir*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Hauswedell, P.C. (1973). *Sukarno: Radical or Conservative?. Indonesian Politics 1964-5*. Modern Indonesia Project No.15. Ithaca: Cornell University Press.

Hermann, M. G. "Leader Personality and Foreign Policy Behavior" dalam *Comparing Foreign Policies: Theories, Findings and Methods*. J. N. Rosenau (ed). (1974). New York: John Wiley and Sons.

Holsti, K.J. (1982). *Why Nations Realign. Foreign Policy Restructuring in the Postwar World*. London: Allen and Unwin.

-----, (1983). *International Politics: A Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.

Holsti, Ole R. The Beliefs System and National Images, dalam *International Politics and Foreign Policy: A Reader in Research and Theory*. J. N. Rosenau (ed). (1969). New York: Free Press.

Hoopes, Townshend. (1973). *The Devil and John Foster Dulles*. Boston: Little, Brown.

Iin Nur Insaniwati. (2002). *Mohamad Roem: Karier Politik dan Perjuangannya (1928-19680)*. Magelang: IndonesiaTera.

Jervis, R. (1976). *Perception and Misperception in International Politics*. Princeton: Princeton University Press.

Jones, Howard Palfrey. (1971). *Indonesia: the Possible Dream*. Singapore: Mas Aju

Jost, John T. and Jim Sidanius. ed. (2004). *Political Psychology*. New York: Psychology Press

Kagan, J. dan E. Havemann. (1980). *Psychology: An Introduction*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc. hlm. 282. Kahin, Audrey R. and George McT.

Kahin. (1995). *Subversion as Foreign Policy: The Secret of Eisenhower and Dulles Debacle in Indonesia*. New Press.

Kapitsa M.S. & Maletin N.P. (2009). *Sukarno: Biografi Politik*. Bandung: Ultimus.

Kaplan, M.A. (1957). *Structure and Process in International Politics*. New York: Wiley.

Kasenda, Peter. (2010). *Sukarno Muda: Biografi Pemikiran 1926-1930*. Jakarta: Komunitas Bambu.

Kirby, Garry R. and Jeffery R. Goodpaster. (1999). *Thinking*. 2<sup>nd</sup> edition. New Jersey: Prentice Hall.

Krippendorff, K. (1980). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology*. New York: Plenum.

Legge, John D. (1972). *Sukarno: A Political Biography*. Sydney Wellington London Boston: Allen & Unwin.

Leifer, Michael. (1983). *Politik Luar Negeri Indonesia*. Jakarta: Gramedia.

Lentner, Howard H. (1974). *Foreign Policy Analysis*. Columbus, Ohio: Charles E. Merrill Publishing Company.

Mackie, J.A.C. (1975). *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*. London: Oxford University Press.

Mahasin, Aswab dan Ismed Natsir. (eds). (1984). *Cendekiawan dan Politik*. Jakarta: LP3ES. hlm. xi.

Mark, Melvin M. (2000). *Evaluation: an Integrated Framework for Understanding, Guiding, and Improving Policies and Programs*. San Fransco: Jossey-Bass.

Mas'oed, Mohtar (1989). *Ekonomi dan Struktur Orde Baru: 1966-1971*. Jakarta: LP3ES.

McConnell, J.V. (1977). *Understanding Human Behavior*. New York: Holt, Rinehart and Winston.

Mingst, Karen A. (2004). *Essentials in International Relations*. New York: Norton.

Mintz, Alex and Karl DeRouen Jr. (2010). *Understanding Foreign Policy Decision Making*. Cambridge: Cambridge University Press.

Nik Mahmud, Nik Anuar. (2000). *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Neack, Laura, Jeanne A. K. Hey and Patrick J. Haney. (1991). *Foreign Policy Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.

North, R.C., et. al. (1963). *Content Analysis*. Northwestern University Press.

Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research Evaluation Methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

Pauker, Guy J. (1973). *The Indonesian Economic and Political Miracle*. The Rand Paper Series: Santa Monica.

Pluvier, Jan M. (1966). *Confrontation: A Study in Indonesia Politics*. London: Oxford University Press.

Puvenesvary, M., et.al. (2008). *Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis Techniques*. Sintok: Penerbit University Utara Malaysia.

Redfern, William A. (2010). *Sukarno's Guided Democracy and the Takeovers of Foreign Companies in Indonesia in the 1960s*.(a dissertation) University of Michigan.

Rokeach, Milton. (1968). *Beliefs, Attitudes and Values*. San Fransisco: Jossey-Bass.

Rosati, Jerel A. (1987). *The Carter Administration's Quest for Global Community: Beliefs and Their Impact on Behavior*.

Rosati, Jerel A. *Cognitive Approaches dalam Foreign Policy Analysis: continuity and change in its second generation*. Laura Neack, Jeanne A. K. Hey, Patrick J. Haney. (1995). New Jersey: Prentice Hall, Inc. hlm.

Rosenau, J.N., (ed). (1969). *International Politics and Foreign Policy: A Reader in Research and Theory*. New York: Free Press.

-----, (1971). *The Scientific Study of Foreign Policy*. New York: Free Press.

Rosenau, J.N., Gavin Boyd and Kenneth W. Thompson. (1976). *World Politics*. New York: Free Press.

Simon, Herbert A. (1982). *Models of Bounded Rationality*. Cambridge, MA: MIT Press.

Singer, E., and Valerie Hudson., (ed). (1992). *Political Psychology and Foreign Policy*. Boulder: Westview Press.

Singleton, Royce.Jr. (1988). *Approaches to Social Research*. New York: Oxford University Press.

Snyder, R. C., H. W. Bruck, and B. Sapin. (1954). *Decision-making as an Approach to the Study of International Politics*. Princeton: Princeton University Press.

-----,et. al. (2002). *Foreign Policy Decision Making (Revisited)*. New York: Palgrave-MacMillan.

Solso, Robert L., M. Kimberly MacLin and Otto H. MacLin. (2005). *Cognitive Psychology*. 7<sup>th</sup>. Ed. Boston: Pearson.

Sprout, H. and M. Sprout. (1956). *Man-millieu Relationship Hypotheses in the Context of International Politics*. Princeton, NJ: Center of International Studies.

Steinbruner, John D. (1974). *The Cybernetic Theory of Decision*. New Jersey: Princeton University Press.

Suhelmi, Ahmad. (1999). *Soekarno Versus Natsir*. Darul Falah.

Sukarno. (tanpa tahun). *Indonesia Menggugat: Pidato Pembelaan Bung Karno di muka Hakim Penjahat*. Tanpa tempat dan tanpa nama penerbit.

Sukarno. (1964). *Dibawah Bendera Revolusi Jilid I*. Jakarta: Penerbit Dibawah Bendera Revolusi.

-----, (1965). *Dibawah Bendera Revolusi Jilid II*. Jakarta: Penerbit Dibawah Bendera Revolusi.



-----, (1986). *Amanat Proklamasi I, 1945-1950*. Jakarta: Inti Idayu Press-Yayasan Pendidikan Sukarno.

-----, *Amanat Proklamasi II, 1951-1955* Jakarta: Inti Idayu Press-Yayasan Pendidikan Sukarno.

-----, *Amanat Proklamasi III, 1956-1960*. Jakarta: Inti Idayu Press-Yayasan Pendidikan Sukarno.

-----, *Amanat Proklamasi IV, 1961-1966*. Jakarta: Inti Idayu Press-Yayasan Pendidikan Sukarno.

Tashakkori, A., Charles Teddlie. (eds). (2002). *Handbook of Mixed Methods in Social and Behavioral Research*. Beverly Hills: Sage Publications, Inc.

Torgerson, David J. and Celia A. Taylor. "Randomized Controlled Trials and Nonrandomized Design" dalam *Handbook of Practical Program Evaluation*. Joseph S. Wholey, Harry P. Hatry and Kathryn E. Newcomer. (eds). (2010). San Francisco: Jossey-Bass. hlm.144-181.

Weber, R. P. (2004). *Basic Content Analysis*. California: Sage Publications.

Weinstein, Frederick B. (1972). *The Uses of Foreign Policy in Indonesia*. (a dissertation) Cornell University.

----- (1976). *Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Independence*. Ithaca: Cornell University Press.

Widjaja, I Wangsa dan Meutia F. Swasono.(1981). *Kumpulan Pidato Mohammad Hatta*. Jakarta: Yayasan Idayu.

Widjanarko, Bambang. (1988). *Sewindu Dekat Bung Karno*. Jakarta: PT. Gramedia.

Wholey, Joseph S., Harry P. Hatry and Kathryn E. Newcomer. (eds). (2010). *Handbook of Practical Program Evaluation*. San Francisco: Jossey-Bass.

Zimbardo, P.G. and F.L. Ruch. (1980). *Essential of Psychology and Life*. Glenview, Illinois: Scott, Foresman and Company.

## JURNAL

Bauer, R. A. "Problem of Perception and the Relations between the United States and Uni Soviet". *Journal of Conflict Resolution*. 5. (1961). hlm. 223-229.

Bellows, Thomas J. "Sukarno: A Political Biography". *The Journal of Politics*. Vol. 35. No. 4 (Nov., 1973). hlm. 1044-1046.

Blanton,Shanon Lindsey. "Images in Conflict: The Case of Ronald Reagan and El Salvador". *International Studies Quarterly*.40. (1996). hlm. 23-44.

Boulding,Kenneth E. "National Images and International Systems". *Journal of Conflict Resolution*.3. (1959). hlm. 120-131.

Bunnell, Frederick P. "The Twenty Years of Indonesia Foreign Policy, 1945-1965".*The American Political Science Review*. Vol. 71. No. 1 (Mar. 1977). hlm. 401-403.

Dyson, Stephen Benedict and Thomas Preston. "Individual Characteristics of Political Leader and the Use of Analogy in Foreign Policy Decision Making". *Political Psychology*. 27. (2006). hlm. 265-288.

Friend,Theodore."Sukarno: A Political Biography".*The American Historical Review*. Vol. 81. No. 4 (Oct., 1976). hlm. 947-948.

George, A. L. "The Operational Code: A Neglected Approach to the Study of Political Leaders and Decision-Making". *International Studies Quarterly*.134. (1969). hlm. 190-222.

Hilgard, Ernest R. "TheTrilogy of the Mind: Cognition, affection and conation".*Journal of The History of Behavioral Sciences*. 16.(1980).hlm. 107-117.

Hindley, Donald."Indonesia's Confrontation with Malaysia: A search for

Motives". *Asian Survey*. Vol.4, No.6 (Jun., 1964). hlm. 904-913.

Holsti, Ole R. (1970). "The Operational Code of John Foster Dulle's Phylosophical and Instrumental Beliefs". *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1970), h. 123-157.

Hsieh, H.F., & Shannon, S.E. "Three Approaches to Qualitative Content Analysis". *Qualitative Health Research*. 15(9),(2005). hlm. 1277-1288.

Leifer,Michael. "Confrontation: A Study in Indonesia Politics". *International Affairs*. Vol. 42. No. 3 (Jul., 1966). hlm. 543-549.

Leifer,Michel. "The Twenty Years of Indonesia Foreign Policy, 1945-1965".*International Affairs*.Vol. 50. No. 3 (Jul., 1974). hlm. 497.

Leifer,Michael. "Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute". *International Affairs*.Vol. 52, No. 1 (Jan., 1976). hlm. 139-140.

Leifer,Michael. "Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Independence".*International Affairs*.Vol. 53. No. 4. (Oct., 1977). hlm. 718-719.

Legge,John P."Sukarno and Struggle of Independence". *The Journal of Asian Studies*. Vol. 30. No. 1 (Nov., 1970). hlm. 235-237.

Legge,John D."The Twenty Years of Indonesia Foreign Policy, 1945-1965".*Pacific Affairs*. Vol. 47. No. 4 (Winter, 1974-1975). hlm. 576-578.

Lev,Daniel S. Sukarno and Struggle of Independence. *The Western Political Quarterly*. Vol. 23. No. 2 (Jun., 1970). hlm. 423-425.

Levy,Jack S. An Introduction to Prospect Theory. *Political Psychology* 13.(1992). 171-86.

Loan,Stephen. "Sukarno: A Political Biography".*The Journal of Asian Studies*. Vol. 32. No. 4 (Aug., 1973). hlm. 749-750.

McCloud,Donald G."Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Independence".*The American Political Science Review*. Vol. 72. No. 3 (Sep., 1978). hlm. 1188-1189.

McLelland, David. "The Operational Code of Dean Acheson's Phylosophical and Instrumental Beliefs". *Canadian Journal of Political Science*. No.1 (Mar., 1971). hlm. 52-75.

Means, Gordon P. "Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Independence". *Canadian Journal of Political Science*. Vol. 12. No. 1. (Mar., 1979). hlm. 201-202.

Paget, Roger K. "Sukarno and Struggle of Independence". *Pacific Affairs*. Vo. 45. No. 2 (Summer, 1972). hlm. 313-314.

Palmer, Leslie H. "Sukarno: the Nationalist". *Pacific Affairs*. Vol. 30, No.2 (Jun., 1957). h. 101-119.

Ricklefs, M. C. "Sukarno and Struggle of Independence". *Modern Asian Studies*. Vol. 5. No. 1. (1970). hlm. 79-80.

Simon, Sheldon W. "Indonesia's Foreign Policy". *Pacific Affairs*, Vol. 57. No. 1. (Spring, 1984). hlm. 171-17.

Taylor, Robert H. "Indonesia's Foreign Policy". *International Affairs*, Vol. 59. No. 4. (Autumn, 1983). hlm. 721-722.

van der Kroef, Justus M. "Indonesias Economic Difficulties". *International Journal*. vol. xvii, part 4, (1962). hlm.399.

van Der Veur, Paul W. "Indonesian Foreign Policy and the Dilemma of Independence". *The Western Political Quarterly*. Vol. 33. No. 3. (Sep., 1980). hlm. 440-441.

Weatherbee, Donald E. "Indonesia and Malaysia; Confrontation in Southeast Asia". *Orbis*, Summer 1962. hlm. 336-351.

Willner, Ann Ruth. "Sukarno and Struggle of Independence". *The American Political Science Review*. Vol. 65. No. 2 (Jun., 1971). hlm. 540-541.

#### AKHBAR dan MAJALAH

Harian Abadi. 3 November 1959.

Harian Abadi. 5 November 1959.

Harian Abadi. 9 November 1959.

Harian Abadi. 18 Ogos 1960.

Harian Abadi. 20 Ogos 1960.

Harian Abadi. 23 Ogos 1960.  
Harian Abadi. 26 Ogos 1960.  
Harian Abadi. 29 Ogos 1960.  
Harian Abadi. 30 Ogos 1960.  
Harian Abadi. 7 September 1960.  
Harian Abadi. 17 September 1960.  
Harian Rakyat. 16 Mac 1961.  
Harian Rakyat. 22 Mac 1961.  
Harian Rakyat. 9 Mei 1961.  
Harian Rakyat. 11 Oktober 1960.  
Kantor Berita Antara. 22 November 1961.  
Kantor Berita Antara. 24 Ogos 1962.  
Kantor Berita Antara. 27 September 1962.  
Kantor Berita Antara. 27 Disember 1962.  
Majalah Minggu Pagi. 4 April 1965. No. 1 Tahun ke XVIII.  
Majalah Minggu Pagi. 2 Mei 1965. No.5 Tahun ke XVIII.  
Majalah Kiblat No. 16 ke XIII. 30 Januari 1967.  
Majalah Kiblat No. 20 ke XIII. Mac ke II 1967.  
Majalah Kiblat No. 22 ke XIII. April ke II 1967.

#### WEBSITE

Erman Rajagukguk. "Percakapan dengan Daniel S. Lev" [www.ermanhukum.com/Makalah ER pdf/Percakapan Dengan Daniel S.pdf](http://www.ermanhukum.com/Makalah ER pdf/Percakapan Dengan Daniel S.pdf).

Marying, P. (2000). Qualitative Content Analysis. Forum: Qualitative Social Research, 1 (2).[www.qualitative-research.net/fqs-texte/2-00/2-00Marying-e.html](http://www.qualitative-research.net/fqs-texte/2-00/2-00Marying-e.html).

Taylor, Ellen., Powell Marcus Renner. (2003). Analyzing Qualitative Data. [http://learningstore.uwex.edu/pdf/g3658\\_12.pdf](http://learningstore.uwex.edu/pdf/g3658_12.pdf).

Zhang, Yan., and Barbara M. Wildemuth. (2009). Qualitative Analysis of Content. [http://ils.unc.edu/~yanz/Content\\_analysis.pdf](http://ils.unc.edu/~yanz/Content_analysis.pdf).